

Bil. 66

**Selasa
19 September 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

| | |
|---|-------------------|
| JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman 1) |
| USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1): <ul style="list-style-type: none">▪ Kenyataan Pope Benedict Mencetuskan Kemarahan Umat Islam - <i>Y.B. Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian)</i> | (Halaman 23 & 78) |
| RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2007 | (Halaman 24) |
| USUL-USUL: Anggaran Pembangunan 2007 | (Halaman 24) |
| Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat | (Halaman 48) |

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - *Senator*
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. ” Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA

13. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. ” Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - *Senator*
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. ” Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO

20. Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. ” Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman – *Senator*

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO

19. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. ” Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO

29. Yang Berhormat Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato’ Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasar Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. ” Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB

64. Yang Berhormat Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. " Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. " Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. " Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. " Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. " Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. " Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO

99. Yang Berhormat Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ Dato' Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
121. “ Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. “ Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Kamaruddin bin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS**PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)**Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd HassanHajah Supiah binti Dewak
Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Haji Amran
Ab. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed BasirNur Azilah binti Ahmad Ibrahim
Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Zaida Zuriani binti Mohd Zamli
Azmir bin Mohd Salleh
Azanariah binti Mohd Yunan
Norhasani binti Yaacob

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT**

Selasa, 19 September 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA[Tuan di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah ada rundingan baru yang dibuat di antara Kerajaan Malaysia dan Singapura dalam menyelesaikan isu-isu tertunggak.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading ke atas soalan yang telah dikemukakan. Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 April 2006 telah memutuskan untuk menghentikan rundingan dengan Singapura mengenai isu pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor. Dengan ini, permintaan Singapura untuk mendapatkan pasir dan penggunaan ruang udara Malaysia oleh tentera udara Singapura tidak timbul.

Buat masa ini, tiada rundingan baru yang dirancang di antara Kerajaan Malaysia dan Singapura bagi menyelesaikan isu-isu dua hala tertunggak yang lain termasuk isu penyemakan harga bekalan air mentah ke Singapura dan isu tanah KTM di Singapura di bawah *points of agreement*. Kedua-dua negara berpendapat bahawa adalah lebih memanfaatkan bagi masa ini untuk membina keyakinan bagi mengeratkan lagi hubungan dua hala melalui kerjasama di pelbagai bidang. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri. Saya berharap hubungan baik antara kita dan Singapura ini akan dapat terus dipertingkatkan.

Seorang Ahli: Bila masa pula ini... *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dan memang dalam keadaan baik hari ini... *[Ketawa]* Baru-baru ini di Helsinki, Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong ingin berjumpa dengan PM kita yang kebetulan berada di sana. Dalam perjumpaan empat mata, kita mendengar dan membaca berita ini dengan penuh perhatian. Jadi, saya harap mungkin lembaran baru boleh berlaku antara Singapura dan Malaysia dalam hubungan kita berjiran, hubungan dua hala ini.

Mudah-mudahan dengan hubungan yang baik ini, dalam lembaran yang baru ini, kita berharap semangat ini akan dapat menyelesaikan isu-isu yang tertunggak, yang sekian lama ini, seperti yang Yang Berhormat nyatakan tadi.

Kalau boleh isu ini dapat diselesaikan mungkin hubungan ini akan lebih akrab yang akan menguntungkan kedua-dua negara dan rakyat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading. Memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa Perdana Menteri Singapura mengambil kesempatan meminta berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di Helsinki baru-baru ini, semasa ASEM. Memang hasrat kerajaan dan hasrat rakyat Malaysia bahawa Malaysia dan jiran-jirannya termasuk Singapura sentiasa berada dalam hubungan dua hala yang baik, yang diharapkan seperti mana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading bahawa adanya keyakinan kedua-dua buah negara. Kita mengharapkan bahawa akan dapat diselesaikan isu-isu yang tertunggak. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita kata ada isu-isu yang tertunggak antara Malaysia dan Singapura dan nampaknya ada tanda-tanda positif yang berlaku. Ingin saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat juga, mengenai dengan perkembangan Batu Putih selanjutnya. Apakah ini masih menjadi, orang kata, duri dalam daging ataupun apakah keputusan akhirnya yang diharap oleh Malaysia. Terima kasih?

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Tuan Yang di Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Sungai Petani, bahawa, isu tertunggak termasuk isu Batu Puteh, buat masa sekarang tidak ada dalam perbincangan di antara kedua-dua negara dan bahawa isu Batu Puteh adalah di dalam *arbitration*, saya ingat dan biarlah kita tunggukan keputusan nanti. Isu-isu tertunggak yang lain pun buat masa sekarang diletak ataupun apa kita kata, *put in the shelf*, KIV dahulu. Terima kasih.

2. Tuan Jimmy Donald [Sri Aman] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, hingga hari ini, apakah bantuan yang telah sampai ke akar umbi dalam usaha kementerian membantu kaum bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak yang ingin menanam tanah hak bumiputera mereka dengan getah dan kelapa sawit.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di Pertua, untuk menjawab soalan yang dihuraikan oleh Yang Berhormat ini, memang bagi pokoknya ialah kaum bumiputera, minoriti di Sabah dan Sarawak terutamanya di Sarawak ialah cara untuk mengesan sama ada mereka mempunyai hak atau tidak. Oleh sebab itu maka kementerian saya walau pun mempunyai tiga skim yang boleh dilaksanakan di Sarawak dan Sabah, iaitu Skim Pinjaman Mudah, Skim Bantuan Anak Benih Berkualiti dan juga Skim Tanaman Integrasi, ketiga-tiga skim ini mempunyai satu kaedah di mana pekebun kecil itu perlu mengadakan hak atas tanah. Oleh sebab itu, terutamanya di Sarawak, pegawai-pegawai dalam kementerian saya sedang dan akan membincang sedalam-dalamnya untuk mencari satu jalan di mana hak itu boleh disahkan tanpa ada keluaran geran.

Itulah saya rasa, kaedah yang kita perlu mengadakan sebelum skim-skim ini boleh di laksanakan. Walaupun tidak kurang peminat pekebun kecil untuk menyertai skim ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Sarawak pun pada masa sekarang memang ada permohonan yang sudah di lulus. Saya baca statistik sedikit di sini.

Di Sarawak sudah ada 257 permohonan yang diluluskan, yang semua ini jumlah hektar atau keluasan nya ialah 680 hektar. Ini sebab mereka ada geran. Mereka menunjukkan geran supaya skim-skim ini, kita boleh mengesahkan sama ada tanah ini dimiliki oleh si pemohon itu. Sebab itu, maka di Sarawak, apabila kita boleh luluskan, kita akan terus lulus dan memberikan atau melaksanakan skim di Sarawak, atau di mana-mana kawasan termasuk juga kawasan Yang Berhormat tetapi, pada pemohon ataupun permohonan yang tidak menunjukkan geran, mereka hanya katakan, "Saya mempunyai hak." Sekarang, masih ada pegawai saya di Sarawak, di Kuching untuk berunding dengan pihak LCDA, pihak Jabatan Tanah dan Survei, supaya kita cari satu kaedah di mana hak itu, yang dituntut oleh si pemohon itu, boleh dikatakan diterima oleh semua pihak supaya skim ini boleh dilaksanakan walaupun tidak ada geran.

Saya memang prihatin tentang perkara ini, sebab saya tahu selok-belok Tanah Adat atau *Customary Right Land* di Sarawak, saya tahu dan kalau hendak skim ini dijalankan dengan lancar, perkara ini perlu diselesaikan dahulu.

Di Sabah pula Yang Berhormat, tiada masalah ini sebab di Sabah kebanyakan si pemohon dapat tunjukkan geran atau sekurang-kurangnya satu surat yang mengesahkan, hak itu kepada pekebun kecil dan sebab itulah di Sabah seumpamanya, skim sampai sekarang sudah terus jalan dengan lancar dan jumlah permohonan sebanyak 12 ribu orang yang hendak minta. Dan kita cubalah dengan peruntukan yang terhad ini, kita cuba laksanakan skim-skim tersebut. Sekian.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: [Bangun]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Sri Aman ada lagi, ada apa lagi?

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Ada. Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan yang telah diberi oleh Menteri yang di hormati dan disayangi orang di Sarawak ini. Ya, memang Menteri dia baik dan prihatin.... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, daripada dua juta hektar Tanah Hak Adat Bumiputera, hanya 680 hektar sahaja yang telah diberi bantuan. Saya dengan seikhlas-seikhlasnya, saya memberitahu Dewan ini, memang kaum yang diwakili oleh saya, melihat ini adalah satu cara yang *indirect* untuk menentukan mereka tidak mara ke hadapan. Dan saya telah difahamkan, kementerian akan bekerjasama dengan LCDA di Sarawak dalam hal ini. Kalau cara ini yang akan diguna oleh kita, memang beberapa rintangan akan ditemui dan masyarakat bumiputera minoriti di Sarawak akan terus ketinggalan, ketinggalan dan ketinggalan. Bantuan yang sedikit-sedikit ini Yang Berhormat, pernah dilakukan oleh Jabatan Pertanian negeri Sarawak sejak zaman kolonial dahulu dan pengesahan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Buat kesimpulan Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: ...Pengesahan pemilikan tanah adat bumiputera dibuat oleh ketua masyarakat dan diterima. Adakah Kementerian akan menggunakan kaedah ini dan kalau tidak, apa yang sedang dibicarakan pada masa ini, cara-cara lain.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, ini memang kita akan dalam mesyuarat ini atau perbincangan ini, kita akan cubalah mengadakan berbagai-bagai cadangan supaya cadangan itu boleh diterima. Di antara salah satu cadangan ialah tanah ini disahkan oleh penghulu dalam kawasan itu. Kalau itu boleh diterima, saya rasa, kita pun akan laksanakannya, asalnya jawatankuasa yang kita tubuh di Sarawak itu boleh mengguna pakai pengesahan daripada penghulu itu dan kita akan ikut. Kepada pinjaman, Yang Berhormat, kita akan cuba minta pihak LCDA sebagai penjamin. Kalau LCDA boleh menjamin, Bank Pertanian akan ikut sebagai cagarannya itu boleh dijamin oleh LCDA.

Itu satu cara dan saya tidak boleh hari ini menyebut kepada Yang Berhormat sama ada ini *is the final solution*, dengan izin. Kalau itu jadi perbincangan terakhir dan diterima, itulah yang kita guna pakai di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Yang Berhormat Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih. Saya memahami dilema Yang Berhormat Menteri. Saya juga menerima hakikat bahawa Yang Berhormat Menteri cukup memahami adat dan budaya Sarawak khususnya berhubung dengan tanah tetapi ada yang masih saya rasa curiga, pegawai di peringkat bawahan pelaksana, iaitu di Sarawak kita mempunyai status tanah yang pelbagai. Yang pertama status tanah yang disebut banyak dibincang oleh Yang Berhormat Menteri, iaitu tanah yang masih *dispute* kepunyaan tuan tanah itu, masih diragui. Tidak ada orang yang memberi *certification* sama ada kepunyaan sesiapa ataupun ada tuntutan yang bertindih yang mungkin belum dapat diselesaikan.

Akan tetapi apa Yang Berhormat Menteri mungkin tidak lihat di sebalik semua benda yang bermasalah ini, ada benda yang tidak bermasalah sebenarnya iaitu tanah-tanah yang telah di *certified* oleh pihak tanah, *Land and Survey* mengatakan FL sudah dibuat, pengkhususan sudah dibuat tetapi geran sahaja yang belum dibuat, tetapi kenapa kita tidak *approach*kan cara ini, mencari orang yang sudah mempunyai kelulusan daripada pihak *Land and Survey* belum ada geran tanah yang diberikan tumpuan dahulu sebelum kita menjangkau ke tempat yang bermasalah, macam mana Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, Yang Berhormat boleh. Saya terima atau kementerian boleh terima pengiktirafan daripada mana-mana pihak sahaja termasuk penghulu, kalau saya rasa *the last result*, dengan izin. Kalau penghulu boleh mengesahkan kita pun boleh tolong. Maksud saya ialah kita hendak tolong bagaimana ada satu kaedah yang lebih selamat. Jangan kita membuang duit, membazir wang kerajaan sahaja sebagai *free gift*, dengan izin. Tidak boleh tetapi pada masa yang sama kita ada satu kaedah yang baik dan cukup teratur. Apabila ada itu, kita akan beri. Sekian.

3. Tuan Lau Yeng Peng [Puchong] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, statistik kes jenayah siber di negara ini membabitkan transaksi perniagaan dan urusan kerajaan bermula dari awal tahun 2005, justeru apakah persediaan kerajaan untuk melaksanakan Institut Kerjasama Pelbagai Hala Antarabangsa Memerangi Keganasan Siber (IMPACT) dalam masa terdekat ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kes forensik digital yang dikendalikan oleh NISER bagi kes yang melibatkan transaksi perniagaan terdapat 47 kes pada tahun 2005 dan 51 kes bagi tempoh Januari hingga Jun 2006. Kes-kes forensik digital yang dikendalikan adalah melibatkan kes jenayah siber seperti pemalsuan dokumen dan sabotaj operasi IT.

Berdasarkan kes insiden keselamatan komputer yang dilaporkan kepada NISER pada tahun 2005 hingga suku kedua tahun 2006 sebanyak 662 kes melibatkan perniagaan iaitu *.com* dan *.net*, 42 kes melibatkan organisasi bukan kerajaan iaitu *.org*, 79 kes melibatkan institusi pengajian tinggi iaitu *.edu* dan 129 kes melibatkan agensi kerajaan. Kebanyakan kes yang melibatkan perniagaan adalah kes pencerobohan laman *web*, *web defacement* dan penipuan melalui teknik *phishing*.

Kerajaan sedia maklum bahawa aspek keselamatan siber bukan sahaja tertumpu di dalam negara, tetapi memerlukan kerjasama dari semua pihak sama ada dalam dan luar negara. Konsep pengoperasian IMPACT adalah tertumpu pada aspek kerjasama di peringkat global bagi menangani ancaman siber di peringkat global. Walau bagaimanapun semua aspek keselamatan siber di peringkat nasional dipantau oleh pihak NISER dan Bahagian Keselamatan ICT dan MAMPU.

Untuk makluman Yang Berhormat, IMPACT adalah singkatan dari *International Multilateral Partnership Against Cyber-Terrorism* yang merupakan satu bentuk kerjasama pelbagai hala di peringkat antarabangsa dalam usaha menangani keganasan siber. Sebenarnya IMPACT belum ditubuhkan lagi dan ianya masih dalam peringkat perbincangan konsep pelaksanaannya. IMPACT akan mengendalikan tiga aktiviti utama iaitu:

- *Training and Skill Development, Security Certification*
- *Research and Development*
- *Global Emergency Respond*

IMPACT akan dilaksanakan dengan kaedah kerjasama PINTAR di antara sektor awam dan sektor swasta di mana pentadbirannya diterajui oleh kerajaan, di mana dasar dan garis panduan berkenaan dengan pelaksanaan dan pengoperasian IMPACT akan dibuat oleh kerajaan. Pengoperasiannya dijalankan oleh sektor swasta berdasarkan kepada dasar dan garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan dan kepakarannya diperolehi melalui panel penasihat di peringkat antarabangsa. Hanya wakil-wakil negara yang terpilih sahaja dibenarkan terlibat dalam penggubalan polisi. Bagi sektor swasta pula penglibatan akan dipertimbangkan mengikut kepakaran masing-masing sebagai peserta jemputan dan tertakluk kepada persetujuan negara-negara anggota. Sekian, terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Jelas daripada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa kes-kes jenayah siber ini semakin hari semakin meningkat.

Soalan tambahan saya ialah mengenai keyakinan orang ramai mengenai kerajaan ataupun pihak kementerian untuk mempromosikan memberikan keyakinan kepada orang ramai bahawa sebagai contoh e-dagang ataupun perbankan berasaskan kepada *internet* ataupun sebarang transaksi di pihak swasta di Malaysia ini dapat dipertingkatkan, supaya kita memberi satu keyakinan bukan sahaja kepada orang ramai tetapi juga kepada pelabur-pelabur asing yang ingin melabur di sini.

Soalan tambahan saya ialah apakah langkah-langkah persediaan ataupun pencegahan yang lebih berkesan lagi daripada kementerian supaya pengawalseliaan dari segi pencerobohan dan juga jenayah siber ini, khususnya di pihak swasta dapat dikurangkan. Saya hendak dapatkan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya di dalam menangani masalah ancaman siber kita berdasarkan kepada polisi yang dilaksanakan ataupun yang telah digubal. Sebagai contoh, MOSTI telah menggubal dasar keselamatan siber nasional yang telah diluluskan oleh NITC dan juga Kabinet. Jadi dua komponen utama di dalam polisi ini adalah tindakan perlindungan (*protective*) dan juga tindakan pro-aktif.

Tindakan perlindungan (*protective*) misalnya iaitu mewujudkan institusi-institusi yang diperlukan untuk menangani kes-kes siber seperti institusi, jabatan, MAMPU, NISER, PDRM, Bahagian Jenayah Siber dan sebagainya. Bagi tindakan pro-aktif pula, kerajaan telah mengeluarkan dasar-dasar dan polisi yang dapat mengurangkan risiko ancaman dan juga serangan siber seperti dengan mengadakan dasar-dasar yang berkaitan. Berkaitan ini juga sebenarnya kita telah ada akta berkaitan ancaman siber dan akta-akta ini dirasakan mencukupi untuk menangani masalah ancaman siber. Terima kasih.

4. Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, walaupun Akta Kerajaan Tempatan 1976 belum lagi dipinda, adakah kementerian bercadang untuk meminta kerajaan-kerajaan negeri melantik semua Ahli Parlimen (Barisan Nasional) menjadi Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan di kawasan masing-masing iaitu bagi memudahkan pekerjaan mereka sebagai wakil rakyat.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kementerian tidak bercadang untuk menetapkan bahawa Ahli Parlimen dilantik sebagai ahli majlis di kawasan masing-masing. Pelantikan ahli majlis bagi sesebuah pihak berkuasa tempatan adalah sepenuhnya di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam seksyen 10, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Seksyen yang sama juga telah menetapkan syarat-syarat dan kelayakan yang perlu dipenuhi bagi pelantikan ahli majlis. Antara syarat utama adalah pemastautin tetap di kawasan PBT mempunyai pengetahuan luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan serta telah mencapai kejayaan membanggakan dalam sesuatu profesion. Ini bagi memastikan ahli majlis dapat memainkan peranan dengan berkesan selaku badan penasihat kepada PBT supaya jentera pentadbiran dan pengurusan PBT berfungsi dengan baik selaras dengan tanggungjawab PBT untuk menyediakan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti kepada rakyat.

Kementerian yakin kerajaan negeri akan melantik mereka yang berkelayakan menjadi ahli majlis memandangkan ahli majlis merupakan tulang belakang kepada jentera pentadbiran dan pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab sendiri soalan saya. Pada pandangan saya Akta Kerajaan Tempatan 1976, Fasal 10, khususnya 10(2), seperti Yang Berhormat Menteri pernah sebut suatu ketika dulu, perlu dilakukan pindaan tetapi kelayakan yang dibaca oleh Yang Berhormat Menteri berdasarkan peruntukan Fasal 10(2) sudah melayakkan Ahli Parlimen Barisan Nasional untuk duduk bagi bekerja sebagai satu pasukan dengan kerajaan negeri walaupun kita sedar kuasa kerajaan negeri kerana hari ini ADUN automatik dilantik sebagai ahli majlis... *[Dewan riuh]* Dan kita harap perkara ini dapat disempurnakan. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, akta tidak menyatakan bahawa Ahli Parlimen tidak layak, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor memang betul bahawa Ahli Parlimen layak tetapi sama ada sesuai untuk dilantik atau tidak itu memang suatu keputusan kerajaan negeri. Kerajaan negeri masing-masing mempunyai kriteria dan pendirian masing-masing, mungkin dari segi Wakil Rakyat, Ahli Parlimen sebenarnya mempunyai bidang tugas yang amat luas... *[Dewan riuh]* kalau sekiranya diletakkan sebagai ahli majlis, maka Ahli Parlimen terpaksa... *[Dewan riuh]* menjalankan fungsi sebagai ahli majlis yang lebih khusus. Dari segi status Ahli Parlimen, mungkin kerajaan negeri rasa itu tidak sesuai.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Kuala Selangor menunjukkan fikiran sempit... *[Dewan riuh]* bagi dia. Kenapa melantik Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sahaja menjadi Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan, dan bukan semua Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen? Adakah kerajaan berani untuk mengadakan pilihan raya bagi pihak berkuasa tempatan... *[Dewan riuh]*.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Adakah kerajaan berani membuat itu?... *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik, silakan Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, bukan soal berani tak berani... *[Dewan riuh]* Ini soal sesuai ke tidak ataupun di negara kita sistem yang sedia ada ini berkesan atau tidak. Jadi kerajaan rasa pada masa kini, sistem ini berjalan dengan baik jadi dia bukan macam negara lain, Malaysia ada keadaannya tersendiri, jadi kita rasa sistem ini masih sesuai dan memadailah.

5. Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, apakah langkah-langkah khusus yang dilaksanakan oleh kementerian untuk membantu para petani dan penternak di luar bandar bagi mempertingkatkan pendapatan mereka dan bagaimana kementerian dapat menarik luar biasa ramai golongan muda menyertai dalam sektor pertanian.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini boleh pendek ataupun panjang... *[Dewan riuh]* Pendeknya ialah seluruh apa yang kita lakukan di bawah kementerian kita ialah untuk membantu meningkatkan pendapatan petani di negara kita. Yang panjangnya ialah jawapan yang akan saya sediakan sekarang ini... *[Dewan riuh]*

Salah satu daripada teras dasar untuk sektor pertanian negara sebagaimana yang termaktub di bawah dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil, petani dan juga nelayan. Adalah menjadi hasrat kerajaan dalam memajukan dan mentransformasikan sektor pertanian untuk menjadi satu sektor yang lebih progresif, moden dan berdaya saing. Golongan sasaran yang majoritinya berada di luar bandar, turut terlibat secara langsung dalam proses transformasi ini dalam usaha untuk mempertingkatkan pendapatan golongan ini, kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah khusus bagi mendaya upayakan dan memperkasa golongan ini. Langkah-langkah ialah sebagaimana berikut:

- (i) meningkatkan perkhidmatan sokongan teknikal bagi menyokong kerja agen-agen pengembangan di peringkat akar umbi menerusi pengeluaran benih dan bahan tanaman bermutu tinggi di pusat-pusat pertanian untuk dijual kepada petani;
- (ii) meningkatkan produktiviti melalui teknologi baru, mekanisasi dan agri-bioteknologi;
- (iii) meneruskan program latihan kepada petani-petani dan usahawan tani termasuk kursus motivasi dan keusahawanan supaya petani-petani mendapat kemahiran yang diperlukan bagi memudahkan usaha transformasi sektor pertanian tradisional kepada sektor pertanian yang lebih moden dan komersial;
- (iv) memperkukuhkan dan mengembangkan industri hiliran melalui persatuan-persatuan seperti Khidmat Pengembangan Wanita (KPW) dan Kumpulan Wanita Nelayan (KUNITA);
- (v) memperkukuhkan rangkaian pemasaran bagi menembusi pasaran domestik dan antarabangsa termasuk menambah baik dan memantapkan pemasaran tempatan dengan mewujudkan pusat-pusat pengumpulan dan pemasaran hasil pertanian dan perikanan seperti membangunkan Pasar Tani dan memperkenalkan Pasar Nelayan sebagai kaedah pemasaran hasil tanaman dan hasil tangkapan nelayan;
- (vi) menyediakan kemudahan pembiayaan kredit dan pinjaman yang sesuai melalui Bank Pertanian Malaysia dan Pertubuhan Peladang Kawasan serta bank-bank komersial untuk membantu petani dan usahawan muda bagi memajukan perusahaan pertanian masing-masing;
- (vii) menyediakan dana nelayan dan juga bantuan subsidi diesel bagi membantu nelayan yang sebahagian besar berada di bawah paras kemiskinan; dan
- (viii) memulakan Program Pemodenan Nelayan sebagai satu inisiatif baru untuk mengatasi masalah kemiskinan nelayan dengan menggabungkan nelayan yang mencari rezeki dengan bot kecil yang hanya dapat menangkap ikan di kawasan pantai yang dekat tetapi mempunyai sumber ikan yang berkurangan.

Nelayan akan dilengkapi dengan kapasiti enjin dan bot yang lebih besar untuk menangkap ikan di laut dalam.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga sedar akan persepsi golongan muda mengenai bidang pertanian sebagai satu bidang yang 'bermain dengan lumpur' yang tidak glamor, yang tidak bergaya. Malah, sektor pertanian kini telah mengalami kemerosotan dalam guna tenaga daripada 1,423,000 dalam tahun 2000 ke 1,323,800 orang dalam tahun 2005. Bagi mengelakkan penyusutan yang drastik dalam guna tenaga sektor ini, kementerian ini telah pun bertekad untuk menarik minat golongan muda dengan melalui langkah-langkah yang berikut:

- (i) menyebarkan kejayaan usahawan-usahawan tani muda dalam projek-projek pertanian yang berjaya ataupun *success stories* sebagai *role models* melalui seminar, pameran-pameran, taklimat kepada penuntut tahun akhir di Institut Pengajian Tinggi Awam dan media massa secara berterusan;
- (ii) membantu golongan muda yang berminat untuk menceburi bidang pertanian dengan melalui program-program keusahawanan seperti Program Pembangunan Usahawan Belia Tani, Program Pembangunan Usahawan Pemprosesan Makanan, Program Latihan Masyarakat Perdagangan Perindustrian Bumiputera, Seminar Pelaburan Pembangunan Makanan Asas Komoditi, Pembangunan Usahawan Peladang dan Pembangunan Unit Peladang;
- (iii) menyediakan kemudahan infrastruktur asas seperti jalan ladang, sistem saliran dan pengairan utama serta pinjaman peralatan pertanian dan pemprosesan;
- (iv) menyediakan perkhidmatan pengembangan dan khidmat nasihat kepada usahawan agar mereka mendapat bimbingan yang sewajarnya untuk menjayakan projek yang diusahakan; dan
- (v) menyediakan pelbagai insentif di dalam bentuk pinjaman di bawah Skim Usahawan Tani Komersial Siswazah, Bank Pertanian Malaysia bagi aktiviti pertanian seperti pengeluaran dan pemprosesan makanan serta aktiviti huluhan seperti pengeluaran benih dan makanan ternakan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhwan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan yang lengkap, dia boleh gunakan prinsip KISSES - *keep in short, simple and sweet* ataupun lengkap telah pun diberikan jawapan lengkap.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhwan [Sabak Bernam]: Saya, Tuan Yang di-Pertua, sangat yakin bahawa wawasan kementerian ini untuk melahirkan usahawan tani dan ternak ini memang boleh berjaya.

Kalau saya ambil contoh di Sabak Bernam sendiri, kawasan itu kawasan pertanian Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh, saya minta di kawasan seperti ini oleh kerana kawasan pertanian, kelengkapan di Jabatan Pertanian itu harus diperlengkapkan di peringkat daerah.

Kalau saya ambil contoh umpamanya lori, traktor dan sebagainya yang hendak membantu petani ini sebenarnya sangat terhad. Kalau ini diperbanyakkan, saya yakin usaha itu boleh berjaya.

Soalan yang lebih penting ialah Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya diwujudkan satu direktori usahawan tani dan ternak mengikut kawasan. Saya setuju Tuan Yang di-Pertua sebenarnya. Umpamanya di satu-satu kawasan ada *role model*. Umpamanya di Sabak Bernam siapakah *role model* nya. Dari situ kita boleh mengambil contoh, jadi apakah pandangan Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan perkara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, maaf.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sedang diusahakan untuk menyediakan direktori sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat telah menyatakan bahawa banyak langkah terutama tentang langkah yang kelima iaitu insentif pinjaman. Saya melihat kepada untuk membangunkan masyarakat luar bandar, pinjaman adalah suatu perkara yang penting. Soalan saya adakah pinjaman atau tabung untuk makanan RM300 juta yang telah diluluskan di dalam Bajet tahun 2006, pada tahun lepas telah disalurkan kepada Bank Pertanian.

Yang keduanya, kenapakah di dalam membantu masyarakat luar bandar ini cawangan-cawangan Bank Pertanian di luar bandar bagi memperoses pinjaman dan juga mengeluarkan kelulusan pinjaman telah ditutup operasinya.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, RM300 juta ini baru..., telah disampaikan kepada pihak Bank Pertanian dan kita akan uruskan bentuk pinjamannya. Tentang soal cawangan-cawangan yang ada di seluruh negara, pihak Bank Pertanian telah diarah untuk mengkaji tentang *viability* sama ada cawangan itu patut dikekalkan ataupun tidak. Walaupun kita tutup tetapi ada cawangan-cawangan yang berhampiran ataupun kita wujudkan skim bergerak daripada suatu tempat ke suatu tempat di mana pihak petani-petani boleh terus mendapatkan bentuk-bentuk bantuan yang diperlukan oleh mereka.

6. Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah [Gua Musang] minta Perdana Menteri menyatakan, sama ada YAB Perdana Menteri setuju dengan pendapat bahawa OSA atau Akta Rahsia Rasmi sedikit sebanyak ada menyulitkan usaha-usaha untuk menghapuskan rasuah dan segala bentuk penyalahgunaan kuasa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, pendapat yang mengatakan bahawa Akta Rahsia Rasmi (OSA) menyulitkan usaha-usaha untuk menghapuskan rasuah dan segala bentuk penyalahgunaan kuasa adalah sama sekali tidak benar.

Di dalam penyiasatan yang dibuat, pihak BPR mempunyai kuasa melihat semua dokumen-dokumen yang dianggap sebagai bahan OSA. Kemudian bagi mereka yang mengetahui tentang sesuatu penyelewengan yang mungkin berlaku tetapi terikat dengan OSA, laporan aduan boleh dibuat tanpa ditandatangani kerana di bawah Akta Pencegah Rasuah 1997 yang berkuatkuasa pada 8 Januari 1998, pihak ACA boleh menyiasat tuduhan dalam surat layang.

Yang terakhir sekali akta BPR juga memberi perlindungan kepada saksi yang membuat laporan rasuah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini *World Bank* ada mengeluarkan *Worldwide Governance Indicators* (GI). Petunjuk-petunjuk mengenai taraf *governance* dan di antara lain ialah mengenai *voice and accountability* dan ini dengan tujuan dengan izin untuk *measure, extent to which a country citizen were able to participate in selecting the government, freedom of expression and association* dan ini yang teruk sekali yang jatuh daripada 34.3 *point percentile* sekarang apabila sepuluh tahun dahulu 42 *point* yang teruk sekali yang menunjukkan tidak ada kebebasan maklumat supaya kita ada suatu kerajaan yang bersih. Sebab itu *control of corruption* pun lebih teruk apabila dibandingkan dengan sepuluh tahun dahulu. Bukankah ini perlu satu regim yang lebih bebas untuk maklumat supaya kita ada satu kerajaan yang bersih. Kalau tidak selepas dua atau tiga tahun pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun nampaknya hilang kawalan. Bukankah ini patut menjadi keutamaan, prioriti...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Siapa cakap? Itu suatu tuduhanlah. Tuduhan liarlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Freedom of Information Act*. Hapuskan, hapuskan *Officials Secret Act*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita memanglah mengambil perhatian tentang apa yang dilaporkan oleh agensi yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, *World Bank*. Kita akan berusaha di mana yang kita boleh menambahbaikkan. Kita akan berusaha untuk menambahbaikkan tetapi di dalam hal-hal yang dibangkitkan berkenaan dengan *freedom of information* ini, kita merasakan bahawa kita perlu untuk mengekalkan OSA ini ialah kerana untuk membolehkan kita melaksanakan tugas-tugas kita sebagai sebuah kerajaan dengan baik dan tanpa ada apa-apa gangguan.

Namun seperti mana yang telah saya sebutkan sebentar tadi, kalau ada berlaku penyelewengan atau apa, maka Akta BPR 1997 ini telah pun memberi kita ruang di mana walau pun ada OSA, kita boleh membuat penyiasatan yang mendalam. Kemudian terakhir sekali berkenaan dengan hilang kawalan ini tidak betullah Yang Berhormat. Dahulu semasa pentadbiran dahulu, memang ada *dictatorship* sedikit, orang tidak bebas. Sekarang bila orang bebas bercakap, jadi dalam surat khabar semua bercakap, jadi apabila semua bercakap ini dianggap sebagai tidak terkawal tetapi terpulang kepada Yang Berhormat lah kalau hendak kembali balik kepada cara dahulu, boleh cadangkan dalam Dewan, kita boleh setujuhlah.

7. Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, kenapa syor-syor dan cadangan laporan 'Jawatankuasa Bukit Tinggi' tidak diterima pakai oleh kerajaan memandangkan bahawa terlalu banyak hakisan tanah telah berlaku di negara kita. Kenapa laporan itu tidak diedarkan di Parlimen.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada 'Jawatankuasa Bukit Tinggi' di Malaysia. Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Jemaah Menteri pada Oktober tahun 2000 ialah Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penyelarasan Pembangunan di kawasan tanah tinggi dan pulau-pulau. Di antara fungsi jawatankuasa tersebut ialah untuk menggubal dasar hala tuju dan strategi pembangunan bagi kawasan tersebut dan juga menyelaras pemuliharaan dan pemulihan alam sekitar serta membuat perakuan kepada Jemaah Menteri mengenai perundangan, peraturan atau garis panduan yang bersesuaian.

Jawatankuasa Kabinet telah mengeluarkan garis panduan tersebut pada tahun 2002 dan garis panduan tersebut berkuat kuasa sehingga tahun 2005 apabila ia dikemaskinikan. Garis panduan ini adalah untuk melibatkan sebarang aktiviti pembangunan fizikal dan pertanian atau apa-apa pembangunan di kawasan tanah tinggi yang mempunyai ketinggian lebih daripada paras 300 meter dari muka laut dan laporan-laporan pembangunan di kawasan-kawasan tanah tinggi di mana perlu akan dikemukakan kepada Kabinet atau kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk tindakan dan perhatian. Terima kasih.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Setiausaha Parlimen atas jawapan itu tadi. Saya rasa memang ada Jawatankuasa Teknikal Bukit Tinggi kerana sekarang kajian juga sedang dijalankan inilah yang kita mahu. Kerana semenjak tahun 1993, setiap tahun sehingga tahun 2002 memang ada tanah runtuh lebih-lebih lagi di Hulu Klang. Apa yang kita mahu adalah satu garis panduan bagaimanakah kita hendak membangunkan Bukit Tinggi ini dari segi teknikal kerana kita tahu bahawa di sempadan Pahang dan Selangor ini adalah satu tempat *'the weakest point in the country'*

Yang kedua, di Hulu Klang kerana batu di situ adalah *metamorphosis rock* berjenis *cyst* dan inilah yang boleh mengakibatkan tanah runtuh waktu masa hujan kuat. Jawatankuasa Teknikal inilah yang kita mahu tahu sama ada mereka sudah berfungsi ataupun tidak.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Pada pengetahuan pihak kita, kita tidak ada mempunyai 'Jawatankuasa Teknikal Bukit Tinggi' tetapi apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Mambong itu adalah amat baik sekali. Saya akan cuba berbincang di peringkat kementerian tentang apa yang telah dicadangkan tadi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Alhamdulillah* lah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, saya dapat mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kita tadi, banyak jawatankuasa yang ditubuhkan oleh kerajaan. Jawatankuasa itu, jawatankuasa ini, hendak minta pula jawatankuasa bukit. Semua jawatankuasa telah ditubuhkan oleh kerajaan tetapi hari demi hari, rakyat merintih dan marah Tuan Yang di-Pertua, sungai tercemar, bukit runtuh, banjir di sana dan di sini.

Apakah masalah sebenarnya Setiausaha Parlimen, yang menyebabkan dasar itu dan dasar ini ada tetapi hakikatnya, hakikinya masih berlaku bencana alam, kalau yang Tuhan bagi itu kita terima sebagai dugaan tetapi bencana alam disebabkan oleh kerakusan manusia, yang menyebabkan kita lihat hari ini Tuan Yang di-Pertua, hujan sedikit banjir, sungai kekotoran dan macam-macam berlaku. Jadi apakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kelemahan-kelemahan yang boleh kita perbetulkan? Kalau kita hendak betulkan dasar, hendak betul undang-undang, Parlimen kita akan buat demi untuk kesihatan rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat Jerai... *[Ketawa]* Saya tidak tahu mana satu hendak jawab. Ini semua masalah kitalah Yang Berhormat. Kita buat undang-undang ketat macam mana pun, kalau kita tidak mematuhi dan tidak melaksanakan undang-undang tersebut dengan baik, saya rasa kita akan mendapat masalah seperti yang kita ada sekarang inilah.

Jadi saya berpendapat, walau seketat mana undang-undang yang kita buat, walau sehebat mana undang-undang yang kita buat, selagi kita sendiri tidak mengamalkan undang-undang tersebut dan kita tidak mempunyai perasaan sayang kepada alam sekitar kita, selagi itulah saya rasa kerajaan tidak dapat menjaga setiap inci negara kita. Jadi saya berpendapat kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar kita bukan hanya untuk kita, tetapi untuk masa hadapan kita adalah amat penting. Jadi, saya mintalah Yang Berhormat bagi Jerai, kalau balik ke kampung dalam ceramah politik itu, masuklah sedikit-sedikit pasal alam sekitar ini. Jangan asyik kempen sahaja, tetapi masuk alam sekitar Alhamdulillah lah, saya bersyukur. Saya minta semua Ahli Parlimen buat macam itu. Terima kasih.

8. Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik] minta Perdana Menteri menyatakan, selain daripada pertanian seperti tanaman getah dan kelapa sawit, apakah lagi jenis pengeluaran industri yang berpotensi dan sedang dimajukan oleh para peneroka FELDA bagi tujuan mempelbagaikan hasil pendapatan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tugas utama FELDA ialah membangunkan masyarakat peneroka supaya berdaya maju, produktif dan mempunyai taraf hidup yang lebih baik. Pada masa ini FELDA menguruskan seramai 112,775 peneroka di 278 buah rancangan seluruh negara. Punca pendapatan utama peneroka ialah dari sumber tanaman sawit dan getah. Pada masa ini peneroka rancangan sawit memperoleh sebanyak RM1,367 dan bagi rancangan getah ialah RM1,925. Peneroka di rancangan getah memperoleh pendapatan agak tinggi berbanding sawit berikutan harga komoditi getah bertambah baik ketika ini.

Selain daripada memperoleh pendapatan dari sumber tanaman peneroka, juga memperoleh pendapatan tambahan dari aktiviti *non-farm* dan pelaburan. Aktiviti *non-farm* yang dilaksanakan FELDA ketika ini ialah industri asas tani, Program Satu, Wilayah Satu Industri atau SAWARI dan perniagaan dan perusahaan. Industri asas tani adalah meliputi tanaman komersial, ternakan dan akuakultur. Sehingga suku tahun pertama 2006, seramai 15,061 orang terlibat dengan industri asas tani ini. Aktiviti Satu Wilayah Satu Industri atau SAWARI yang dijalankan pula adalah meliputi perusahaan makanan, jahitan dan kraf tangan. Bilangan pengusaha yang terlibat dalam aktiviti SAWARI ini adalah seramai 217 pengusaha.

Sebahagian besar produk yang dihasilkan dari aktiviti SAWARI ini adalah industri makanan, sementara aktiviti perniagaan dan perusahaan pula melibatkan seramai 13,901 orang dan aktiviti ini melibatkan nilai jualan yang tertinggi. Aktiviti perusahaan dan perniagaan yang dijalankan tertumpu kepada perniagaan runcit, kedai makanan, *cyber cafe*, perkhidmatan, perusahaan kecil, bengkel dan lain-lain. Kesemua aktiviti yang dijalankan oleh peneroka, telah berjaya menambah pendapatan sampingan peneroka sekitar RM600 hingga RM3,500 sebulan. Keseluruhan pengusaha yang terlibat dengan aktiviti *non-farm* ini adalah seramai 35,369 orang atau 33.7%. Aktiviti *non-farm* yang dilaksanakan FELDA ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan mempelbagaikan sumber penjana pendapatan warga peneroka.

Langkah ini juga dapat mengurangkan tanggungan warga peneroka kepada pendapatan hasil tanaman sawit dan getah sahaja. Dalam usaha meningkatkan bilangan usahawan di kalangan warga peneroka, FELDA menyediakan dana khas yang dinamakan Skim Insentif Usahawan FELDA atau SIUF.

Tabung SIUF berjumlah RM100 juta ini mengeluarkan bantuan dan pinjaman kepada warga peneroka yang menjalankan aktiviti *non-farm*. Bagi mengukuhkan pelaksanaan program usahawan ini, FELDA turut melaksanakan Skim Latihan Perintis dan membangunkan infrastruktur dan IKS di rancangan. Melalui usaha yang dijalankan oleh FELDA, kerajaan berharap lebih ramai usahawan dapat diwujudkan di FELDA.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang agak terperinci. Kita ketahui bahawa kini FELDA berusia 50 tahun dan telah mencapai suatu kejayaan. Namun begitu, sesudah 50 tahun, kita ingin melihat kejayaan yang lebih baik di mana generasi kedua akan lebih inovatif dan lebih pelbagai dari segi ekonominya. Apakah FELDA mempunyai rancangan meneroka ataupun memperkenalkan produk-produk baru sebagai contohnya pokok jarak ataupun dengan izin, *dragon fruit* dan lain-lainnya untuk terus memajukan rancangan FELDA?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, memang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan FELDA juga turut sama memberi penekanan kepada perkara-perkara yang telah dirancang oleh pihak kerajaan. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa memang FELDA dalam rancangannya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, di antaranya memberi penekanan kepada:

- (i) pembangunan ekonomi peneroka-peneroka; dan
- (ii) dari segi pemberian kemudahan kepada masyarakat FELDA itu sendiri.

Saya hendak maklumkan kepada Dewan, iaitu kita harus melihat di FELDA pertama sekali ialah kita membangunkan masyarakat peneroka-peneroka itu sendiri. Yang kedua, mereka juga digabungkan di dalam umpamanya kumpulan yang lebih besar untuk menyertai Koperasi Peneroka FELDA umpamanya ataupun KPF dan di samping itu mereka juga menyertai sebagai saham di dalam anak-anak syarikat FELDA.

Di samping itu saya maklumkan bahawa seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi, memang di dalam pelaksanaan program ini, FELDA telah pun melaksanakan pelbagai tanaman yang saya hendak sebutkan, di antaranya ialah selain daripada *dragon fruit*, terdapat juga umpamanya ladang pulasan, terdapat juga ladang angka, terdapat juga ladang belimbing, terdapat juga ladang projek tanaman kekal dan terdapat juga ternakan ayam. Begitu juga dalam perkhidmatan, FELDA juga meneruskan umpamanya mengadakan *resort-resort* untuk memberi perkhidmatan kepada pelancong-pelancong dan juga *resort-resort* kecil supaya mereka yang ingin untuk melancong dapat juga tinggal di *resort-resort* FELDA. Jadi banyaklah yang dilaksanakan oleh FELDA, kalau saya nak sebutkan dalam rancangan ini memang panjang kalau Yang Berhormat hendak senarai saya boleh bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagaimana gesaan mengenai pokok jarak tadi? Banyak sangat gesaan pokok jarak ini.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Dalam ini, saya tidak nampak Tuan Yang di-Pertua, pokok jarak, jadi saya tidak berani nak sebut.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri.

Saya nak bertanya kepada Timbalan Menteri ini, kita sering digemparkan dengan masalah sosial di FELDA terutama di kalangan anak muda FELDA yang terlibat dengan masalah dadah tadi, penjenayah. Saya nak tahu dan minta penjelasan dari Timbalan Menteri, tadi dijelaskan kepada kita banyak program-program usahawan dibuat di FELDA-FELDA dan dalam pemerhatian saya, sebahagian besar program-program ini dilibatkan khusus kepada peneroka-peneroka di sini. Jadi saya ingin tahu sejauh manakah penglibatan belia-belia ataupun generasi-generasi kedua dan ketiga FELDA dalam ekonomi di FELDA sendiri. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi sedikit kekeliruan kepada kita kalau kita kata bahawa dalam FELDA itu tidak ada belia. Memang dalam perancangan pembangunan masyarakat FELDA, untuk makluman, kita ada rekod kepada kita iaitu kita ada 97,000 ataupun hampir 98,000 orang belia di FELDA. Jadi sebab itu dalam pembangunan masyarakat rancangan pembangunan dan masyarakat FELDA pihak belia ini juga diberi perhatian umpamanya kita di rancangan-rancangan ini yang kita masukkan sebagai salah satu institusi di FELDA ialah persatuan belia. Kita ada 305 persatuan belia dan disinilah digabungkan dan disalurkan apa sahaja aktiviti yang hendak dirancang kepada pihak belia di FELDA. Jadi kita memang beri perhatian kepada - sekarang ini yang kita tahu belia di FELDA sebanyak hampir 98,000 orang Tuan Yang di-Pertua.

9. Datuk Ismail Sabri Bin Yaakob [Bera] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, berapakah jumlah pelajar bumiputera yang diterima memasuki IPTA bagi tahun 2006 dan perincian mengikut kursus.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat ahli Yang Berhormat, berdasarkan sistem meritokrasi bilangan pemohon bumiputera yang ditawarkan ke empat IPTA bagi sesi akademi 2006/2007 adalah seramai 24,957 orang atau sebanyak 62.36%. Bilangan pemohon bumiputera yang ditawarkan ke berapa program pengajian kompetitif adalah seperti berikut:

| Program Pengajian | Bil. (Orang) | (%) |
|--------------------------|---------------------|------------|
| Perubatan | 514 | 5.57 |
| Pergigian | 116 | 56.59 |
| Farmasi | 140 | 49 |
| Kejuruteraan Elektronik | 961 | 62 |
| Kejuruteraan Kimia | 623 | 66 |
| Kejuruteraan Mekanikal | 754 | 63 |
| Undang-undang | 163 | 58 |
| Perakaunan | 574 | 52 |
| Ekonomi | 549 | 52 |

Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa peka dengan isu penawaran tempat untuk calon-calon yang memohon kemasukan ke IPTA dan sentiasa mencari langkah terbaik dalam memastikan penawaran tempat kepada calon-calon yang berjaya akan dapat dipertingkatkan dari tahun ke tahun.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya difahamkan pada tahun 2000 dari jumlah 431,205 yang mengambil peperiksaan SPM dan STPM hanya 120,000 mendapat tempat di IPTA dan maktab-maktab dan 55,000 di IPTS bermakna 260,000 pelajar tidak dapat tempat dan tidak dapat dikesan ataupun *missing in action* dan dari jumlah itu 200,000 adalah pelajar-pelajar Melayu. Jadi soalan saya untuk tahun 2006 ini berapa pula jumlah pelajar yang dianggap *missing in action*? Tidak dapat dikesan kerana tidak mendapat tempat dan berapa pula dari jumlah tersebut adalah pelajar-pelajar Melayu dan apakah kerajaan mempunyai mekanisme untuk mengesan pelajar-pelajar yang tidak mendapat tempat tadi dan apakah pelan tindakan jangka panjang untuk memastikan perkara ini dapat diselesaikan?

Datuk Dr. Adham bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama itu spesifik, saya akan menjawab secara bertulis, walau bagaimanapun mekanisme untuk kita mengesan pelajar-pelajar yang tidak mendapat tempat ialah dengan kita mengadakan program seperti taklimat, ceramah, pameran pendidikan dan kerjaya ke seluruh negara dan kumpulan sasaran kita ialah kaunselor sekolah yang menjadi nadi kepada pengesan dan juga pemberitahu kepada masyarakat sekolah dan pelajar-pelajar terutama sekali di luar bandar dan juga kepada pelajar-pelajar serta ibu bapa melalui taklimat dan juga sesi kerjaya.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengadakan penyelarasan bersama dengan semua Jabatan Pelajaran Negeri, Kementerian Pelajaran Malaysia semua negeri Bahagian Pengurusan Politeknik dan juga Bahagian Pengurusan Kolej Komuniti dengan tujuan untuk memohon kerjasama dan menyediakan kemudahan-kemudahan peralatan berasaskan ICT bagi membantu pemohon-pemohon yang bermasalah dalam permohonan kemasukan ke IPTA ini. Walau bagaimanapun, melalui data yang kita perolehi ini kebanyakan pelajar sebenarnya lepasan SPM boleh memasuki beberapa institut yang disediakan oleh kerajaan dan tawaran-tawaran meliputi program bahagian matrikulasi, bahagian politeknik dan kolej komuniti, Unit Pusat Institusi MARA, Bahagian Pendidikan Guru, program tajaan JPA, MARA, Petronas dan Telekom, Tingkatan 6, ALDEC dan ILP, IKBN, Kementerian..., Kementerian Pertahanan, sekolah kadet dan lain-lain yang dapat menampung sebenarnya sekiranya mereka layak dan berupaya untuk mencapai kedudukan merit dalam pencapaian keputusan peperiksaan mereka, sekian terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu kejayaan memasuki IPTA merupakan satu kebanggaan kepada keluarga, tapi kalau yang tidak layak ditawarkan ke IPTS. Soalan saya kadang-kadang, pelajar yang tidak berjaya ke IPTA menerima tawaran kadang-kadang tiga ataupun empat tawaran ke IPTS. Jadi soalan saya siapakah yang sebenarnya yang mengawal tawaran untuk ke IPTS ini? Kerana kadang-kadang pelajar menjadi keliru kursus apa yang dia patut ambil, kerana ada yang dia suka tetapi tawaran itu datang akhir daripada tawaran yang dia tidak suka. Jadi soalan, siapakah yang mengawal kemasukan belia ke IPTS sebenarnya?

Datuk Dr. Adham bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai 18 buah IPTA dan 20 buah politeknik dan 34 kolej komuniti yang beroperasi setakat ini. Dengan jumlah 559 IPTS yang bertaraf universiti 28 dan yang lain-lainya bertaraf kolej IPTS. Mereka sebenarnya mempunyai strategi dan juga mempunyai kekuatan untuk menarik pelajar-pelajar memasuki IPTS mereka sendiri. Walau bagaimanapun dengan adanya sesi-sesi taklimat dan juga pengenalan IPTS kepada pelajar-pelajar sekolah sebenarnya yang menyebabkan mereka mengetahui tentang kewujudan IPTS dan program-program yang ditawarkan.

Kementerian Pengajian Tinggi melalui Jabatan Pengajian Swasta bertindak untuk memastikan bahawa kualiti yang ditawarkan dan juga penyelarasan terhadap keupayaan IPTS ini mendapat tempat. Bagi pelajar-pelajar yang memohon tertakluk kepada pemohon-pemohon sendiri sama ada mereka menerima atau tidak menerima dan mereka sentiasa boleh merujuk ke kementerian untuk memastikan kesahihan tawaran-tawaran sebelum mereka memilih untuk masuk ke IPTS di mana-mana dalam negara kita. Terima kasih.

10. Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu] minta Menteri Kesihatan menyatakan, bilangan jururawat tidak bertauliah, khasnya jururawat gigi swasta. Apakah tindakan kementerian untuk meningkatkan tahap profesionalisme jururawat.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak terdapat jururawat pergigian yang tidak bertauliah bertugas di sektor swasta mahupun di sektor awam. Jururawat pergigian yang bertauliah kebanyakan yang bertugas di sektor awam adalah dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Jururawat gigi yang bertauliah dilatih di Kolej Jururawat Pulau Pinang di bawah Kementerian Kesihatan dengan menggunakan kelulusan di peringkat diploma dan sentiasa diberi latihan secara berskala untuk meningkatkan tahap profesionalisme mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Kinabatangan.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya rasa agak terperanjat juga bila dikatakan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Kinabatangan. Duduk. Kinabatangan dahulu ya, Yang Berhormat lambat bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat.

Kita sedar bahawa keperluan jururawat khususnya dalam pergigian ini memang menjadi kepentingan lebih-lebih lagi kepada rakyat luar bandar. Walau bagaimanapun, kita harus menerima hakikat bahawa kita kekurangan dari segi doktor jangan ceritalah kalau Doktor Pergigian ini Tuan Yang di-Pertua memang kurang betul kalau di luar bandar rata-rata, di kawasan saya tidak ada langsung tetapi memadailah dengan jururawat. Jadi apakah kementerian tidak mempunyai perancangan, kalau boleh untuk mengiktiraf kolej-kolej yang sedia ada yang tidak diiktiraf ini dan mungkin bagi mereka pengiktirafan untuk mengeluarkan jururawat yang profesional dari segi pergigian dan sebagainya. Dan ini boleh membantu mengurangkan beban yang dihadapi oleh rakyat sebab kita kekurangan doktor pada hari ini. Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Hari ini tidak keras sedikit, lembut sahaja Yang Berhormat Kinabatangan tadi.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Kinabatangan, kementerian memang mengalu-alukan penglibatan sektor swasta khususnya kolej-kolej daripada IPTS untuk menjalankan program-program pembangunan sumber manusia dalam bidang kesihatan. Setakat ini ada 19 yang saya ingat, 19 kolej-kolej sains kesihatan yang menawarkan pembangunan sumber manusia dalam jururawat tetapi dalam..., khusus untuk Jururawat Pergigian ini, hanya sebuah sahaja, itu pun dia tidak mengeluarkan jururawat terlatih dalam pergigian.

Ia hanya melatih dengan izin, *Dental Surgery Assistant* atau *Dental Technologist*. Sebab itu, ekoran daripada itu, Jururawat Pergigian hanya dilatih di Kementerian Kesihatan iaitu di Pulau Pinang dan kita rasakan, 120 orang satu tahun, mencukupi...

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tentang jururawat terlatih ini, saya rasa agak membimbangkan saya lebih-lebih lagi jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dikatakan ramai dan tidak berlaku kekurangan dari segi jururawat terlatih terutama dalam sektor swasta. Saya rasa berlainan sedikit daripada penemuan saya di klinik-klinik swasta ini. Saya mohon penjelasan lanjut tentang perkara itu. Yang satu lagi ialah tentang peningkatan profesional jururawat. Saya kira latihan praktikal yang diberi kepada jururawat-jururawat sekarang ini amat tidak mencukupi sebab itu dari segi profesionalisme dia, saya kira perlu dipertingkatkan lagi dengan memperbanyakkan lagi waktu *internship* ataupun waktu praktikal dalam kurikulum mereka ini.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu memang betul. Saya ingat Yang Berhormat terkeliru sedikit. Mereka-mereka yang berkhidmat di sektor swasta terutamanya dalam..., yang memberikan rawatan pergigian, mereka sebenarnya bukan jururawat. Mereka ini adalah kita kategorikan sebagai Pembantu Pembedahan Pergigian atau *Dental Surgery Assistant* yang membantu pengamal Doktor Pergigian bertauliah atau *Dentist* melaksanakan tugas-tugas mereka. Biasanya skop-skop tugas mereka ini amat spesifik seperti menyambut pesakit, menyediakan peralatan dan bahan-bahan serta tugas-tugas membasmi kuman dalam rawatan pergigian. Biasanya mereka ini dilatih secara dengan izin, *on-job training* dan sebenarnya tidak ada peraturan. Di banyak negara pun, mewajibkan Pembantu Pembedahan Pergigian ini ditauliahkan atau mempunyai sijil-sijil tertentu sebelum bertugas.

Dia berbeza dengan *Dental Nurse*, *Dental Nurse* adalah mereka profesional dan mereka diwajibkan berdaftar dengan majlis atau dengan izin, *Nursing Board Malaysia*. Kita akui bahawa memang kekurangan jururawat ini memang ada. Setakat ini kita mengeluarkan lebih kurang, dekat 3,000 orang tiap-tiap tahun, namun begitu masih tidak cukup. Kita perlukan lebih kurang 5,000 setahun dengan demikian kita dapat memenuhi kuota satu ke 200 atau 1:200, nisbah antara jururawat dengan pesakit dan usaha-usaha ini akan terus kita jalankan dengan menambah Kolej Sains Kesihatan Bersekutu. Sekian.

11. Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, apakah hak milik bagi Kompleks Perniagaan, *Central Square* Sungai Petani, Kedah masih tidak dikeluarkan kepada pembeli-pembelinya serta mengapakah pihak berkuasa kurang berminat mengambil tindakan ke atas pemaju yang terlibat walaupun aduan begitu kerap disampaikan kepada pihak berkuasa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemaju Kompleks Perniagaan Central iaitu Awana Land Sdn. Bhd. telah mengemukakan permohonan hak milik strata pada tahun 2000. Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia atau JUPEM Negeri Kedah mendapati bahawa pelan cadangan strata yang dikemukakan adalah tidak teratur dan hanya pada bulan Julai tahun 2003 pula, pemaju menjawab pertanyaan JUPEM Negeri Kedah dengan mengemukakan beberapa tambahan yang baru.

Semakan kali kedua oleh JUPEM Negeri Kedah ke atas pelan tersebut juga mendapati ianya tidak teratur apabila mendapati sejumlah 41 petak aksesori dipohon di atas harta bersama. JUPEM Negeri Kedah telah mengesyorkan penolakan Permohonan Hak Milik Strata kepada PTG Kedah pada Julai 2004 atas dasar permohonan tersebut didapati tidak teratur dan telah pun menasihatkan PTG Kedah untuk mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap mereka yang terlibat. Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih. Soalan tambahan. Saya ada surat ini, juga bertarikh 10 Ogos, permohonan juga telah ditolak kerana ia telah dikemukakan melibatkan permohonan petak aksesori di atas hak laluan. Tadi jelas, pemaju ini mempunyai niat untuk melambatkan-lambatkan pemberian Strata Hak Milik agar dia boleh mengawal *management committee*. Sudah 11 tahun perkara ini berlanjutan. Jadi dalam aspek ini, apakah tindakan seterusnya yang akan diambil ke atas pemaju yang dengan sengajanya melambatkan-lambatkan dan membuat kesilapan, agar ia boleh ditolak dan dia berterusan mengawal *management committee* ini. Dan mengapakah tiada tindakan diambil ke atas pemaju ini apabila mereka telah membina aksesori tanpa kelulusan oleh pihak berkuasa.

Tuan Sazmi bin Miah: Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita dalam undang-undang tidak boleh hendak bertindak atas, kalau ada orang hendak buat niat jahat dan sebagainya. Mereka membuat sedemikian, kita tidak boleh mengadakan persepsi bahawasanya untuk menipu dan sebagainya tetapi walau bagaimanapun, bila kes ini sudah berlanjutan selama 11 tahun, saya berjanji di sini, saya sendiri akan menyiasat kes ini dan memberi makluman kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya soalan tambahan tentang selain masalah kelewatan yang berlaku hak milik ini, berlaku tentang sering bertukar daripada milik asal daripada milik baru. Contoh, baru-baru ini, TV3 ada menyiarkan sebuah agensi di bawah Kementerian Yang Berhormat, tapak mereka tetapi telah diberi kepada orang lain, pemaju lain di antara Selangor dan Wilayah. Jadi kalau agensi kerajaan Tuan Yang di-Pertua, boleh terlibat dengan masalah ini, apatah lagi individu yang lain.

Jadi persoalannya ialah, apakah mekanisme dan formula yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah yang berlaku ini. Sekarang ini kita lihat kalau agensi kerajaan sendiri terlibat Tuan Yang di-Pertua, apatah lagi individu yang lain, tentang pertindihan sebagaimana yang disiarkan oleh TV3 yang kita dapat lihat baru-baru ini. Jadi, apakah tindakan yang akan diambil pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga maklum berkenaan dengan masalah yang disiarkan dalam TV3 baru-baru ini, yang melibatkan Jabatan Pengairan dan Saliran atau JPS, di antara Wilayah dan Selangor dan pihak kami masih menunggu laporan terperinci, apa yang dimaksudkan dalam laporan tersebut.

Akan tetapi sekiranya ada apa-apa yang tidak baik dan tidak mengikut lunas undang-undang ita ada, insya-Allah saya akan ambil tindakan. Terima kasih.

12. Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, apakah sebab Akta Pemakanan Haiwan (*Feed Act*) tidak digubal di Malaysia. Sedarkah kerajaan bahawa ketiadaan akta ini menyebabkan penternak ayam secara kontrak (*contract farming*) ditindas oleh syarikat gergasi dalam bidang penternakan dan sentiasa menanggung kerugian akibat daripada kesan penurunan harga ayam di pasaran. Bilakah akta tersebut akan digubal.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya sebenarnya telah pun menggubal Rang Undang-undang Makanan Haiwan bagi memastikan makanan haiwan adalah berkualiti, memenuhi keperluan nutrien, selamat digunakan supaya ia tidak mendatangkan kesan yang memudaratkan kepada haiwan dan makanan hasil haiwan tidak tercemar dan selamat dimakan. Buat masa ini rang undang-undang tersebut sedang dalam penyemakan pihak Jabatan Peguam Negara. Rang undang-undang ini walau bagaimanapun tidak mengawal selia harga ayam di pasaran memandangkan ketidakstabilan harga adalah dipengaruhi oleh kesan permintaan dan pengeluaran ayam.

Terdapat juga beberapa faktor yang mempengaruhi harga seperti harga anak ayam, harga makanan, kos buruh, penyakit, kadar kematian, permintaan dan pengeluaran semasa serta kos elektrik, air dan juga prasarana yang lain. Demikian juga sekiranya ia dibuat di bawah sistem ternakan kontrak ataupun *contract farming*, maka ini adalah bergantung pada ikatan perjanjian di antara pihak penternak dan syarikat *integrator* dan ini saya tahu biasa banyak berlaku termasuklah di negeri Johor dan di kawasan Yang Berhormat.

Apa yang penting di sini Yang Berhormat ialah supaya pihak yang hendak menyertai dalam skim kontrak ini melihat secara terperinci perjanjian ataupun draf perjanjian yang telah pun diserahkan kepada pihak mereka oleh syarikat yang hendak menjadi *integrator* sama ada dia memasukkan dalam itu syarat-syarat yang dikatakan adil, tidak berat sebelah macam contoh kos harga makanan yang kita tahu setiap hari meningkat.

Kalau tidak ada satu fasal yang menentukan supaya kalau ada perubahan daripada segi kos harga makanan, syarikat yang utama tidak hendak menampung perbezaan harga maka tentu dia membawa kerugian kepada pihak penternak ayam itu. Setakat hari ini Tuan Yang di-Pertua tidak ada lagi satu undang-undang akta yang dinamakan akta ternakan atau *contract farming* ataupun pertanian secara kontrak, pihak kementerian sedang memikirkan sama ada wajar kita perkenalkan akta itu untuk memberikan satu layanan yang lebih adil kepada penternak-penternak.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tahniah kepada pihak kementerian kerana telah membuat perubahan dan penggubalan akta ini yang memang penting bagi masyarakat tempatan kerana penternak-penternak ayam ini mereka sengsara disebabkan *contract farming* seperti mana yang dikatakan Yang Berhormat. Saya juga mengalu-alukan kenyataan Yang Berhormat supaya melihat sama ada perlunya ataupun sampai masa kita melihat bagaimana penternak ayam ini tidak ditindas oleh syarikat gergasi, memang baik.

Soalan saya Yang Berhormat, apabila kita lihat keadaan sekarang oleh sebab makanan haiwan itu nutriennya tidak dinyatakan dengan jelas bermakna sebarang kenaikan kos ditanggung oleh penternak.

Adakah Yang Berhormat boleh memberi jaminan setelah Akta Pemakanan Haiwan ini dapat berkuat kuasa, ianya dapat sedikit sebanyak mengawal kualiti makanan haiwan supaya kesan kenaikan kos itu tidak akan ditanggung oleh penternak-penternak ayam yang secara kecil-kecilan. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh beri jaminan tetapi yang penting sampai peringkat ini ialah supaya kita menyiapkan rang undang-undang ini di bawa ke Parlimen dan dengan izin Ahli-ahli Yang Berhormat meluluskan nanti kerana dalam rang undang-undang yang kita sedang gubal ini kita mengambil kira antara lain ialah kandungan nutrien makanan yang hendak diedarkan oleh penternak *principal* kepada penternak-penternak kecil dan juga soal kandungan yang diedarkan oleh pemasar-pemasar makanan-makanan haiwan ini yang saya sedari di waktu ini mereka tidak dikawal oleh apa-apa bentuk undang-undang.

Kalau mereka kata ini adalah satu makanan yang bergred 'A' kemungkinan tidak sebegitu. Kandungan yang tidak disebutkan itu mungkin menyebabkan pihak penternak menghadapi kerugian. Jadi saya kira apabila akta ini kita bentangkan nanti *insya-Allah* lah, ini adalah peraturan-peraturan yang akan kita masukkan untuk menentukan siapa pengeluar makanan ini mesti mematuhi piawaian kualiti makanan ternakan yang saya sebutkan tadi. *Insya-Allah* kalau diluluskan nanti kita akan kuatkuasakan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri bolehkah saya dapat tahu apakah kualiti kontrol yang sedia ada kepada penternak-penternak dan juga penternak ayam di mana makanan yang sedang diberi itu tidak ada apa-apa kontrol yang sedia ada. Jadi dalam kementerian apakah tindakan yang sedia ada yang dibuat oleh kerajaan supaya kita tidak ada satu situasi di mana makanan yang diberi..., saya difahamkan sedikit yang saya tahu kepada penternak-penternak terutamanya penternak lembu, babi dan sebagainya tidak ada kontrol langsung dan kementerian tidak cukup pegawai-pegawai untuk pergi ke *on the ground* untuk menyiasat, adakah makanan-makanan yang diberi itu adalah berkualiti supaya bila daging itu dijual kepada rakyat itu adalah satu situasi yang sihat dan baik.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, lebih kuranglah soalan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua sebagaimana yang saya telah jelaskan tadi setakat ini memang tidak ada kawalan tetapi saya fikir kita boleh bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di bawah Akta Perihal Dagangan sebagai contoh kalau umpama pihak yang membekal itu menyebutkan ada kandungan-kandungan tertentu tetapi sebenarnya tidak begitu. Mereka mungkin dianggap menyalahi daripada undang-undang yang sedia ada tetapi itu mungkin setakat sementara. Langkah-langkah yang mungkin kita boleh buat kalau ada aduan daripada pihak penternak mengatakan mereka tidak dibekalkan dengan makanan yang sepatutnya, kita boleh mengambil langkah-langkah pentadbiran sahaja, berbincang dengan pihak pengeluar supaya tidaklah membekalkan produk yang tidak berkualiti.

Akan tetapi saya kira yang penting ialah kalau ada kuat kuasa undang-undang. Sebab itu saya fikir akta yang kita hendak bentang di Parlimen nanti itulah yang saya fikir lebih perlu lagi.

13. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, setakat mana usaha untuk menjadi kawasan tapak perkuburan Cina di Jalan Lapangan Terbang Lama, Kuala Lumpur sebagai taman warisan hijau untuk tujuan pelancongan telah berjalan, siapakah pihak yang terbabit dan kos yang diperlukan.

Setiausaha Parlimen Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat cadangan untuk menjadikan tapak perkuburan Cina di Jalan Lapangan Terbang Lama Kuala Lumpur sebagai taman warisan hijau bagi tujuan pelancongan merupakan cadangan yang dikemukakan oleh pihak pemegang amanah tapak perkuburan.

Tanah ini merupakan tanah persendirian dan berasaskan rekod *FMS Government Gazette* 24 Mac 1938, dimiliki oleh *Trustee of the Cantonese Cemetery Kuala Lumpur*. Berkaitan dengan kos yang terlibat DBKL tiada mengeluarkan peruntukan untuk mengindahkan kawasan ini memandangkan ianya adalah cadangan yang dikemukakan oleh pemegang amanah tapak perkuburan tersebut. Sungguhpun demikian DBKL akan memberikan bantuan yang sesuai untuk memperindah kawasan tersebut.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Oleh sebab tanah perkuburan Cina Jalan Lapangan Terbang Lama salah satu tapak boleh dikatakan sangat mustahak di pusat bandar Kuala Lumpur yang jika untuk menarik lebih pelancong untuk mengunjungi tempat itu sebab di sana ada satu muzium yang diuruskan oleh badan persendirian iaitu Jawatankuasa Pertubuhan Kwong Tong. Adakah kementerian Yang Berhormat bercadang bahawa untuk memberi satu geran atau bantuan kepada jawatankuasa tersebut untuk menarik lebih ramai pelancong dari luar negara ke situ sebab ada satu muzium di sana iaitu Muzium Kapitan Yap Ah Loi dan pada tahun yang akan datang 2007 ialah Tahun Melawat Malaysia. Jika ini boleh dilakukan saya rasa lebih pelancong dari luar negara boleh mengunjungi tempat itu. Minta penjelasan.

Tuan Yew Teong Look: Tuan Yang di-Pertua, memang saya memahami apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang.

Setakat ini memang pihak DBKL hanya dapat memberi bantuan dari segi perparitan, menanam pokok, lampu-lampu jalan dan juga laluan pejalan kaki. Ini memanglah DBKL sudi membantu. Memandangkan di bawah Pelan Struktur Kuala Lumpur, tanah perkuburan ini telah diklasifikasikan sebagai kawasan hijau di mana akan dikekalkan sebagai tanah untuk tanah perkuburan. Seperti yang dikata oleh Yang Berhormat, pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, saya akan mengambil kira untuk dikemukakan kepada kementerian saya. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ditamatkan sekarang jawapan lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Kenyataan Pope Benedict Mencetus Kemarahan Umat Islam

11.31 pagi

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, Usul Menangguhkan Mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), saya Salahuddin bin Ayub, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mohon mencadangkan, “Bahawa Mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu kenyataan penuh kontroversi oleh Pope Benedict mengenai ajaran Islam dan Nabi Muhammad saw yang telah dan sedang mencetuskan kemarahan umat Islam di seluruh dunia.”

Tuan Yang di-Pertua, Nabi Isa as ataupun Jesus adalah merupakan nabi yang bukan sekadar dihormati tetapi diimani oleh umat Islam. Mengikut ajaran Islam, sesiapa yang menentang, menghina ataupun tidak percaya kepada Nabi Isa a.s boleh dikategorikan sebagai murtad.

Kenyataan terbuka Ketua Gereja Roman Katolik, Pope Benedict berkenaan Islam jihad dan Nabi Muhammad saw semasa lawatan beliau ke Jerman beberapa hari yang lalu telah mencetuskan reaksi yang sangat membimbangkan di kalangan penganut-penganut semua agama di dunia ini. Kenyataan yang tidak berhemat ini yang dengan hanya memetik kata-kata dalam sebuah buku yang tidak sepatutnya boleh dijadikan asas sebagai penghujahan intelektual terbuka tentang ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad saw menyamakan kata-kata yang secara nyata dan terang mengenai ajaran Islam sebagai jahat dan kejam adalah keterlaluan dan boleh menimbulkan satu suasana yang tidak diinginkan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjadi cukup bimbang kenyataan penuh prejudis Pope Benedict ini akan mencetuskan keadaan yang tidak harmoni di kalangan penganut Islam dan Kristian, khususnya di negara kita. Seharusnya kita boleh mengambil contoh yang baik dari pengalaman dan usaha yang telah dibuat oleh Pope John Paul yang telah meninggalkan satu premis yang subur kepada penghormatan antara agama Islam dan Kristian. Lihat sahaja pada hari pengebumian beliau di *Vatican City* yang dihadiri oleh hampir semua pemimpin besar dunia Islam dan para ulama Islam dari seluruh dunia.

Tujuan saya membawa usul ini ialah untuk Dewan yang mulia ini merakamkan rasa kesal kita terhadap apa jua kenyataan yang boleh menyinggung dan menghina mana-mana agama dan penganutnya. Kita tidak mahu sentimen ini terheret hingga kepada penganut Islam dan Kristian di negara kita ini dan menjadi asas untuk berlakunya suasana yang tidak baik, tidak sihat dan mengganggu keharmonian yang sedia ada dalam negara kita. Saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian pada hari Isnin, 18 September 2006. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu, perkara ini adalah perkara yang tertentu. Kepentingan orang ramai, ini adalah bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, perkara ini juga perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan Usul ini dibahaskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b), Usul ini hendaklah dtempohkan hingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit. Sekian.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada empat puluh enam bilion lima ratus sepuluh juta dua ratus sembilan belas ribu ringgit (RM46,510,219,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2007, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Bajet Persekutuan 2007, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2006, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersempena dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan." **[18 September 2006]**

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) mengenai hak dan kebebasan kita sebagai Ahli-ahli Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lalu, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengeluarkan satu surat kepada semua Ahli Parlimen mengenai Majlis Penganugerahan Pangkat Kehormat RELA. Saya pun terima satu surat daripada ini tetapi selepas itu surat ini ditarik balik kerana saya diberitahu itu adalah untuk Ahli BNBC sahaja. Kenapa ada diskriminasi di antara Barisan Nasional dengan pembangkang? Surat ini ada tertulis untuk semua Ahli Parlimen tetapi kenapa semasa surat ini dikeluarkan, ia ditarik balik dan kenapa Ahli-ahli Parlimen Pembangkang tidak menerima apa-apa surat ini?

Saya fikir ini tidaklah adil. Mana Islam Hadhari itu yang sentiasa dilaulungkan oleh kerajaan?... *[Tepuk]* Bila keselamatan awam merosot, menteri panggil kita untuk bekerjasama memberi sumbangan, sekarang dia menolak, tidak mahu kita ambil bahagian dalam RELA itu. Saya fikir menteri atau timbalan menteri atau SUP ada di sini mesti beri satu penjelasan yang memuaskan kenapa ada diskriminasi di antara Barisan Nasional dengan pembangkang, sedangkan ini mengenai keselamatan awam, semua rakyat... *[Disampuk]* Ya, ini membazirkan duit siapa, menggunakan duit siapa? Awak fikir itu bapa lu punya kah?... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mahu kasi siapa, kasi siapa sahaja. Tidak adillah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini tidak adil. Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh buat satu keputusan atas perkara ini. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Menteri atau Timbalan Menteri beri satu penjelasan sekarang. Kita tidak boleh tunjuk diskriminasi. Kita semua Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat... *[Disampuk]* Walaupun awak tidak menghormati kita sebagai Ahli Parlimen Pembangkang tetapi awak mesti menghormati rakyat yang mengundi kita. Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh buat satu keputusan atas perkara ini sekarang, bolehkah?... *[Disampuk]* Bolehlah. Ini mengenai hak dan kebebasan dan kehormatan jawatan kita sebagai seorang Ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua kena jaga kepentingan semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Timbalan menteri ada kah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apakah sebabnya ini berkait dengan hak dan kebebasan Ahli Parlimen?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Hak oleh sebab kita sebagai seorang Ahli Parlimen, surat pelantikan ini dikeluarkan. Saya boleh baca ini, "Jemputan Ke Majlis Penganugerahan Pangkat Kehormat RELA Kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen Malaysia." Bukankah kita Ahli-ahli Parlimen Malaysia, BEBAS pun tidak adakah?

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Tidak ada.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak ada juga. Ini tidak adillah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Surat itu adalah surat jemputan kepada majlis penganugerahan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, penganugerahan untuk semua Ahli-ahli Parlimen tetapi kita ditinggalkan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Dipinggirkan!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dipinggirkan!

Tuan Yang di-Pertua: Surat itu adalah untuk jemputan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kuching mana boleh jadi jeneral.

Tuan Yang di-Pertua: ...Ke majlis penganugerahan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penganugerahan kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat itu hendak dianugerahkan?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Semua, semua. Kalau kita adalah seorang Ahli Parlimen kita harus dilayan dengan *equal*, dengan adil.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Surat ini Tuan Yang di-Pertua mengatakan kepada individu, dia sebut nama macam saya Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, saya juga terima, saya juga terima. Yang Berhormat Tuan Chong Chieng Jen tapi ditarik balik!

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ha! Ha!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tarik balik fasal Yang Berhormat pembangkang.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, adakah itu ajaran Islam Hadhari?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Habis ceritalah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Hei! Bapa *you* punyakah?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Islam mesti menghormati jawatan yang dipegang oleh kita sebagai Ahli Parlimen.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua kalau tengok atur cara di muka surat belakang ada tulis penganugerahan kepada semua Ahli Parlimen. Itu atur cara jelas!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini bukan hantar *personal property of the minister*.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dia ada di Pan Pacific. Di belakang ini atur cara kata, semua Ahli Parlimen...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ia untuk Ahli Parlimen Barisan Nasional!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Rubbish! Rubbish!*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You rubbish! You get lost!*

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *You think you Ahli Parlimen sahajakah, dia bukankah?... [Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat tolong diam. Yang Berhormat bagi Bagan!

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *You ingat ini you punya Dewan kah?*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Apa, you ingat you punya Dewan?... [Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bagan, duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Kenapa mahu jadi pembangkang?*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah lama berucap, duduklah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Tidak lama, tidak lama.*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila duduk, sila duduk dahulu. Yang Berhormat, Yang Berhormat Kinabatangan sila duduk. Kalau hendak keputusan saya sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, nampaknya memang benarlah surat ini dihantar kepada pihak pembangkang semua untuk hadir bagi tujuan pelantikan. Jadi dengan itu surat penarikan balik itu pun sudah dibuat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tertentu. Ini jelas menunjukkan satu proses membuat...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk. Saya tengah buat keputusan. Ini menunjukkan bahawa adanya sedikit kesilapan dalam proses pentadbiran mengenai perkara ini. Itu sahaja yang saya boleh buat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua sekejap.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Apa keputusan, apa keputusan?*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Keputusannya tariklah!*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Buat satu arahan kepada menteri. Itu hak kebebasan!*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya adalah Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak boleh buat keputusan untuk dilantik Yang Berhormat. Saya tidak boleh buat. Saya boleh katakan dalam situasi itu adalah merupakan satu kesilapan dalam proses pentadbiran mengenai perkara ini itu sahaja. Saya tidak boleh jawab... *[Dewan riuh]* Sudah cukup Yang Berhormat. Cukup, cukup!

Itu saya menjelaskan mengenai perkara ini. Saya tidak boleh buat keputusan. Saya Tuan Yang di-Pertua saya tidak boleh campur tangan dalam pentadbiran. Betul tidak? Saya Tuan Yang di-Pertua tidak boleh campur tangan dalam pentadbiran. Ini merupakan proses pentadbiran... *[Dewan riuh]*

Tidak ada, tidak ada. Saya tidak ada hak ya. Itu proses pentadbiran yang dibuat di luar Dewan. Saya minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyambung menjawab.

11.45 pagi

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengambil langkah bagi meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan PBT terutamanya dalam pengendalian aduan-aduan awam melalui pendekatan...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat, *Standing Order 26(1)(b)*. Bolehkah saya ambil balik surat saya itu... *[Ketawa]* Itu adalah bukti. *Evidence yang important...*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu macamlah!

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak minta Yang Berhormat beri kepada saya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya tunjukkan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Sebagai bukti!

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sila Yang Berhormat teruskan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Melalui 64 langkah penambahbaikan ini terdapat perakuan yang memberi panduan kepada PBT agar mewujudkan bilik operasi aduan bagi tujuan menerima...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua penjelasan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: ...Memproses dan menyelesaikan aduan awam dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, Yang Berhormat sila duduk. Teruskan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Justeru itu, melalui pendekatan ini pihak kementerian dapat memantau pelaksanaan berhubung dengan pengendalian dan penyelesaian aduan PBT.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kementerian juga berperanan dalam menyalurkan aduan yang diterima berkaitan PBT kepada PBT untuk tindakan. Statistik aduan yang diterima oleh kementerian menunjukkan daripada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Jerai bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, di penghujung persidangan semalam saya telah mengutarakan satu soalan kepada Yang Berhormat untuk mendapat sedikit penjelasan tentang ahli-ahli PBT. Jadi Yang Berhormat janji hendak jawab hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Minta maaf. Tadi kecoh sedikit saya pun terus masuk dalam teks ini. Yang Berhormat semalam telah minta penjelasan sama ada kerajaan bercadang untuk menambah lagi jumlah bilangan Ahli Majlis PBT. Kerajaan sedang meneliti dan mengkaji bagaimana boleh menambah baik lagi perkhidmatan PBT. Antara lain kita juga tengok struktur PBT sekarang. Ini telah beberapa kali dibincangkan dalam Jemaah Menteri. Walaupun belum ada satu keputusan muktamad tapi untuk menambah ahli majlis dan untuk menstrukturkan semula perkhidmatan ini memang sedang dikaji dan ditimbang apabila ada satu gambaran yang lebih jelas Jemaah Menteri memang hendak ambil kira apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat semalam.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan Yang Berhormat. Berhubung dengan aduan awam dan melalui aduan awam ini memang jelaslah di kawasan saya Yang Berhormat, tidak pernah terlintas di pemikiran saya tidak wujud sebuah stesen pemadam api atau bomba dan perkara ini telah saya kemukakan kepada Yang Berhormat lebih kurang empat tahun yang lalu di kementerian ini dan kepada Yang Berhormat. Jawapannya tetap sama akan dipertimbangkan.

Jadi apakah juga perkara ini akan dipertimbangkan untuk kali ini seperti yang dahulu ataupun akan dilaksanakan sebab banyak kepakaran sudah berlaku tidak melibatkannya tapi semua harta musnah tidak boleh diselamatkan. Bergantung kepada bomba dari Sandakan perjalanan lebih kurang satu jam setengah akhirnya semua ranap baru datang. Kita tinggal jadi penonton. Kalau ini berlaku dalam dunia moden pada hari ini saya harap Yang Berhormat bolehlah kotakan janji tolong tunaikan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Yang Berhormat Kinabatangan, saya memang pernah jawab di sini beberapa tahun dahulu masa itu di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Tempoh Rancangan Malaysia Kelapan siling memang telah ditetapkan dan jumlah bilangan balai bomba yang dapat dibina yang di lulus oleh kerajaan memang adalah sejumlah itu yang tidak dapat kita tambah pada masa itu. Kemudian di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan siling yang baru telah diperolehi dan baru-baru ini saya telah mengarahkan ketua pengarah supaya memberi satu jawapan bertulis yang tetap kepada Yang Berhormat menyatakan bahawa balai bomba di kawasan Yang Berhormat itu tetap akan dibina kerana siling di bawah RMK-9 telah diperolehi. Jadi itu adalah jawapan yang jelas dan ia tidak akan timbang-timbang lagi Yang Berhormat. Surat itu memang sudah dikirim kepada Ahli Yang Berhormat baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, statistik aduan yang diterima oleh kementerian menunjukkan daripada 1,230 kes aduan yang diterima bagi tempoh Januari hingga Ogos 2006 sebanyak 548 kes aduan telah diselesaikan oleh PBT. Selain itu, aduan-aduan awam juga boleh dikemukakan kepada Biro Pengaduan Awam. Di samping itu, diharapkan dengan wujudnya petunjuk-petunjuk prestasi utama (KPI) di PBT-PBT akan dapat meningkatkan lagi tahap penyampaian PBT.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru, cadangan untuk menjadikan anggota perkhidmatan PBT sebagai perkhidmatan awam bagi membolehkan pertukaran pegawai dan kakitangan antara PBT telah di bentang pada Jemaah Menteri. Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya dikaji lebih lanjut pendekatan yang sesuai mengenai perkara tersebut. Perkara ini sedang diteliti semula oleh semua kementerian yang berkaitan bersama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan akan di bentang balik pada Jemaah Menteri dalam masa terdekat. Untuk makluman ahli Yang Berhormat dari Tanjong,

Timbalan Yang Dipertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang Dipertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai aduan awam, di sini saya akan beri satu kes yang lebih spesifik iaitu mengenai Majlis Perbandaran Subang Jaya di kawasan saya. Daripada statistik yang telah diumumkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri adalah lebih kurang sama. Sebagai contoh, daripada aduan atau surat yang saya tulis kepada YDP MPAJ, daripada Januari hingga ke Julai sejumlah 36 surat saya bagi dia, tetapi hanya 19 yang telah jawab.

Saya pun tak tahu dah selesai atau tidak selesai. So, penjelasan yang saya minta daripada Yang Berhormat Menteri ialah mengenai kalau tak silap saya, Yang Berhormat Menteri pernah mencadangkan dan juga menjelaskan bahawa di bawah kementerian, ada 64 langkah akan dijalankan oleh kementerian untuk membuat satu *revamp*, dengan izin, kepada semua PBT di negara ini supaya aduan awam dan juga kompelin-kompelin yang begitu asas sekali dapat dikurangkan dan ini dapat memberi manfaat kepada rakyat ini bahawa tanggungjawab asas PBT ini mesti kita dikembalikan kepada PBT di bawah sistem yang ada sekarang ini.

Saya nak tahu, apakah perancangan dan juga apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Yang Berhormat Menteri di bawah kementerian mengenai *revamp* atau pun satu *brand* yang telah penstrukturan semula PBT yang telah diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri di kalau tak silap saya di sesi yang lalu. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Seperti yang diadukan. Pengaduan awam.

Timbalan Yang Dipertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang Dipertua, saya pernah membangkitkan satu soalan lisan dalam dewan yang mulia ini dua hari yang lepas di mana saya ada mengadu bahawa *town planning* di PBT kawasan saya ada menyalah guna kuasa berkenaan dengan kelulusan pelan. Dan saya cuba mengadakan satu temu janji dengan YDP kawasan saya, tapi sehingga sekarang sudah dua bulan melalui PA beliau, minta satu tarikh untuk temu janji, sampai sekarang tak dapat juga. Berapa kali telefon pun tak ada jawapan. Jadi, adakah sikap seorang YDP apabila Yang Berhormat kawasan tertentu hendak berjumpa beliau, kena mengambil masa dua bulan pun tak dapat satu tarikh untuk temu janji. Sekian.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya saya telah menjawab tadi mengenai 64 langkah. Masa itu semua sibuk-sibuk yang tengah berbahas tentang perkara yang baru-baru tadi, 64 langkah ini memang telah pun dimulakan, ada yang jangka pendek, ada yang jangka sederhana, ada yang jangka panjang. Di bawah cadangan 64 langkah ini, sebenarnya agensi kerajaan pusat termasuk MAMPU, INTAN dan sebagainya telah pun juga turut membantu untuk bersama-sama bagaimana menambah baik lagi perkhidmatan PBT. Antara lain, kita juga bercadang supaya mewujudkan sistem *grading* bagi semua PBT untuk aktiviti utama PBT dan juga pengiktirafan tahunan oleh kerajaan juga perlu diberi kepada PBT dan juga mewujudkan bagi memastikan penguatkuasaan dipertingkatkan.

Mereka kena mempunyai sistem struktur sistem dan prosedur kerja yang lebih jelas dan lebih telus, mereka perlu mengadakan petunjuk prestasi yang baik dan semua YDP, Setiausaha Majlis, Ahli Majlis terutamanya YDP dan Setiausaha Majlis perlu terlebih dahulu menghadiri kursus wajib untuk melayakkan mereka dilantik ke jawatan masing-masing dan sebagainya. Oleh kerana langkah-langkah ini dia merupakan ada sebahagian jangka pendek, ada yang jangka panjang, dia ambil sedikit masa untuk dapat dia punya kesan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan!

Dato' Seri Ong Ka Ting: Dan..

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Mengenai PBT-PBT tempat yang agak spesifik, ahli-ahli Yang Berhormat cuba bangkit nak saya bagi jawapan, saya rasa tidak dapat saya jawab seperti perkara seperti *appointment* lah, ini begitu *detail* dan lagi pun PBT itu memang dia tidak di bawah kawalan kementerian tiap-tiap hari. Jadi, saya rasa kita sepatutnya bincang fasal dasar di sini.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan. Tuan Yang Dipertua terima kasih. Terima kasih Tuan Yang Dipertua, terima kasih menteri. Pada setiap Jumaat pertama setiap bulan, PBT kawasan saya ada satu hari pelanggan, berjumpa pelanggan. Pada masa-masa yang lampau, YDP, Setiausaha Perbandaran, mereka menghadiri dalam hari pelanggan ini tetapi sejak beberapa bulan yang lalu, pegawai tertinggi PBT tidak lagi menghadiri hari pelanggan pada setiap Jumaat pertama setiap bulan. Satu bulan satu hari sahaja dia pun tak menghadiri hari pelanggan. Dan diserahkan kepada pegawai-pegawai rendah.

Apabila saya *complainant-complainant* dan pergi membuat aduan, mereka hanya boleh mencatat sahaja dan tidak ada satu jawapan boleh diberi dengan serta-merta. Walau pun selepas satu bulan kami pergi lagi satu kali berjumpa dengan mereka di hari pelanggan, tak ada jawapan juga diberi. Apa garis panduan dan apa kursus-kursus yang diberi semua sia-sia sahaja. Saya berharap Yang Berhormat boleh ambil perhatian berkenaan dengan kompelin saya.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang Dipertua, seperti mana saya kata tadi. Kalau semua *detail* itu nak menteri pergi campur tangan dengan pentadbiran PBT, saya rasa perkara yang di peringkat kebangsaan dan dasar-dasar yang penting itu tidak akan dapat kita mengendalinya dengan baik. Walau bagaimanapun, secara prinsip dan secara umum, Kerajaan Persekutuan memang hendak semua PBT supaya sentiasa peka dan responsif kepada rakyat. Apabila memberi perkhidmatan, mereka kena bersungguh-sungguh dan tidak mengabaikan tanggungjawab mereka. Kalau Ahli Yang Berhormat ada aduan yang spesifik, mereka boleh juga panjangkan satu salinan surat mereka pada pihak kerajaan negeri yang merupakan pihak berkuasa atasan secara terus kepada semua PBT.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Tuan Yang Dipertua, ini umum tidak *detail*.

Di akhir-akhir ini terdapat pemberian daripada Kerajaan Persekutuan terutama sekali per kapita sekarang ini diberi kepada kerajaan tempatan, majlis daerah di seluruh negeri Kelantan sekarang ini tidak lagi *direct* kepada majlis daerah itu sendiri, tetapi diberi melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan. Apakah sekarang ini pihak kementerian tidak rasa, tidak menaruh kepercayaan lagi kepada majlis-majlis daerah yang berada di seluruh negeri Kelantan sekarang ini?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang Dipertua, *grant* tahunan yang diberi oleh kerajaan secara tahunan, tujuannya ialah untuk tiap-tiap PBT akan benar-benar menerima *grant* itu dan diguna untuk kepentingan rakyat setempat. Jadi sama ada *grant* itu diberi kepada kerajaan negeri dahulu baru diagih, ia tidak penting lagi kerana memang tujuan *grant* itu adalah untuk PBT masing-masing. Dan terdapat daripada tinjauan kementerian dan juga maklum balas daripada PBT, pernah berlaku dahulu bahawa sebahagian daripada *grant* itu tidak sampai kepada PBT dengan sepenuhnya. Kalau dia sudah hantar kepada kerajaan negeri, ada kalanya *grant* itu sudah diguna untuk tujuan lain atau pun untuk bukan untuk PBT yang berkenaan. Jadi, kita kena memastikan prinsip ini adalah betul dilaksanakan dengan baik, maka kali ini kita hendak *grant* ini, kena pergi atas nama PBT...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Sekali lagi.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Kalau perkara sama, dah jelas lah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Yang Berhormat ada menyatakan kebimbangan pihak kerajaan kerana ada beberapa PBT ini tidak digunakan sepenuhnya untuk rakyat setempat atau pembangunan di tempat yang dimaksudkan. Apakah selama ini telah terdapat teguran audit yang mengatakan ada PBT yang tidak menggunakan seluruh kewangan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan itu kepada sasaran yang dikehendaki oleh kerajaan. Kalau ada, boleh Yang Berhormat beritahu saya, supaya saya boleh berbangkit kepada kerajaan negeri melalui saluran-saluran tertentu yang masih ada di tangan saya.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya, maksud saya bukan kerajaan negeri telah salah guna wang ini secara menyeleweng. Maksud saya ialah ia kadang-kadang digunakan untuk maksud lain juga untuk rakyat dan untuk kepentingan umum tetapi dia tidak ditentukan oleh PBT yang layak untuk menerima jumlah itu mengikut formula yang mereka sepatutnya terima. Jadi dengan itu, sekarang kementerian sudah ada satu cara pemantauan. Iaitu, setiap tahun PBT perlu menghantar penyata tahunan dahulu. Iaitu tahun lepas, penyata tahun yang lalu dia kena hantar supaya kementerian sudah puas nampak wang digunakan di tempat yang sesuai dan yang ditetapkan, maka Kementerian Kewangan akan mengeluarkan geran itu. Dengan cara pemantauan ini, ia akan lebih teratur.

Jadi pada masa akan datang, kami yakin wang yang betul-betul adalah khusus untuk PBT akan sampai ke tangan PBT dan dia akan guna di tempat yang betul-betul akan memanfaatkan rakyat. Itu amalan daripada sekarang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong, kerajaan mengambil perhatian yang serius terhadap usaha untuk membanteras amalan rasuah dan meningkatkan kecekapan bagi memastikan Pihak Berkuasa Tempatan dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat.

Sehubungan dengan itu, antara langkah yang telah diambil adalah penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan ataupun JKP di peringkat Persekutuan, negeri serta daerah dan ini termasuklah di peringkat PBT.

Tujuan utama penubuhan JKP ini adalah supaya usaha-usaha pambanteras rasuah dan penyelewengan di kalangan pegawai badan awam dapat diperingkatkan oleh agensi-agensi kerajaan secara dalaman, menyeluruh, sistematik dan berterusan. Kerajaan juga telah melancarkan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang menjadi agenda kerajaan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang bermaruah tinggi khususnya untuk meminimumkan rasuah. PIN menetapkan lima sasaran utama yang dikenali sebagai Tekad 2008 dan salah satunya adalah mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan, meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi. Oleh itu, sebagai agensi yang sentiasa berurusan dengan pelanggan dan terlibat dalam proses kelulusan pembangunan, maka pelaksanaan JKP dan PIN ini dapat membantu PBT membendung masalah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Cameron Highlands, tindakan merobohkan kuil-kuil...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat nak bagi jalan?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Apabila kita pergi ke bandar-bandar seperti Subang Jaya, Petaling Jaya, baik pun Butterworth, baik pun di Pulau Pinang ataupun di lain-lain bandar raya. Sering kali kita nampak, ada penjaja ataupun kedai makan meletak kerusi dan meja di petak-petak letak kereta di depan kedai-kedai ataupun di restoran-restoran mereka ini. Adakah sikap ini kemungkinan besar ada melibatkan rasuah? Sekiranya orang ramai nampak perkara ini, mengapa pasukan penguat kuasa PBT tidak nampak langsung berkenaan dengan hal ini?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya, dari segi penguatkuasaan memang adalah satu aspek yang penting. Apabila ternampak satu gejala ataupun keadaan yang begitu jelas bahawa tidak ada penguatkuasaan, maka orang awam boleh mengadu dan seperti mana saya jawab awal tadi, boleh mengadu ke pelbagai pihak sama ada pihak berkuasa negeri ataupun Biro Pengaduan Awam atau juga membangkitkan kepada ahli-ahli majlis ataupun wakil rakyat. Penguatkuasaan ini memang adalah satu aktiviti yang dapat perhatian daripada semua rakyat di seluruh negara ini dan antara 64 langkah-langkah dari segi penguatkuasaan, Kerajaan Persekutuan telah menetapkan bahawa mereka perlu ada prosedur pemantauan yang jelas dan mesti kena telus.

Yang Berhormat bagi Cameron Highlands telah menyentuh mengenai kuil-kuil hindu yang terdapat di dalam kawasan PBT. Dikatakan tindakan merobohkan kuil-kuil ini telah berlaku. Sebarang pembinaan rumah-rumah ibadat termasuk kuil perlu mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa negeri terlebih dahulu. Tindakan merobohkan kuil yang tidak mempunyai kelulusan atau mengikut syarat adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, oleh sebab ini melibatkan hal keagamaan, ia perlu diurus dengan berhati-hati secara sensitif dan perlu mengadakan rundingan yang baik dengan wakil-wakil penganut dan juga masyarakat setempat untuk mengelakkan daripada sebarang ketegangan ataupun salah faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Cameron Highlands. Ya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, ya. Pada tahun 2001, Kementerian Yang Berhormat telah mengarahkan pemaju-pemaju untuk memperuntukkan minimum 0.5 hektar tanah untuk pembinaan tempat-tempat beribadat untuk orang-orang Islam dan juga orang-orang bukan Islam di kawasan-kawasan perumahan baru. Beberapa garis panduan telah dirangka iaitu Garis Panduan Perancangan dan Piawaian Pembangunan Sejangat, seksyen 5.51, seksyen 5.5.3.3 dan Piawaian Perancangan Garis Panduan Tempat Beribadat Islam, Garis Panduan Perancangan Tempat Perkuburan Islam dan Bukan Islam, Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat dan Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Reka Bentuk Imej Bandar. Saya hendak tanya Yang Berhormat, sejauh manakah garis-garis panduan sebegini telah dimaktubkan dalam Dasar Perancangan Bandar dan Desa yang terkini dan apakah keberkesanan pelaksanaan garis panduan tersebut dan mekanisme pemantauan dan pelaporan yang sedia ada di peringkat Persekutuan untuk tujuan pembangunan sebegini?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, mengenai rancangan tersebut, apa yang disebut tadi Garis Panduan Perancangan, dia dapat dikawal dan dapat juga penyertaan daripada orang awam ialah semasa lagi apabila rancangan struktur dan rancangan tempatan bagi sesuatu kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan dalam masa ia dibuat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa lazimnya akan membuat cadangan mengenai kemudahan-kemudahan sosial termasuk apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu rumah ibadat bagi penduduk Islam dan bukan Islam dan juga kemudahan sosial lain. Semasa rancangan ini disediakan, dia mempunyai satu tempoh masa tertentu diberi kepada penduduk untuk mengemukakan rayuan atau cadangan mereka termasuk juga bantahan kalau ada dan maklum balas mengenai keperluan tapak rumah ibadat kepada Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan.

Dari segi pemantauan, sebenarnya majlis PBT sendiri mempunyai kuasa. Kalau pada masa kini ahli-ahli majlis perbandaran sepatutnya mereka sendiri kena faham bahawa telah terdapat garis panduan ini. Semua Ahli-ahli Majlis PBT, mereka sepatutnya bangkit perkara ini dalam mesyuarat *Pre-Council*, memastikan garis panduan ini dipatuhi kerana semua kerajaan negeri telah menerima garis-garis panduan ini dalam Majlis Negara Kerajaan Tempatan dan setakat hari ini semua kerajaan negeri sepatutnya sudah pun menggazet garis-garis panduan ini. Kementerian hanya memantau dari segi sama ada kerajaan negeri sudah gazet atau belum. Pelaksanaan di peringkat PBT, kami rasa ahli-ahli majlislah yang mewakili masyarakat setempat, mereka sepatutnya memastikan garis panduan ini dipatuhi.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Yang Berhormat Menteri, saya tumpang tanya, sekiranya garis-garis panduan itu tidak dijadikan peruntukkan perundangan, mungkin perkara itu tidak diikuti walaupun ada dalam pelan struktur pembangunan bandar tersebut atau pun desa tersebut. Dan ada tempat-tempat di mana peruntukkan itu tidak dimasukkan dalam pelan tindakan yang sedia ada. Apakah yang boleh dibuat oleh kementerian, supaya memastikan ianya menjadi perundangan yang asas, daripada menjadi garis panduan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya, dari segi kementerian, kalau kami dapat aduan atau maklum balas dengan fakta yang spesifik, maka kementerian saya melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa akan boleh membangkitkan perkara ini dalam sama ada kita menasihatkan atau mengingatkan Pengarah Perancangan Bandar dan Desa peringkat negeri untuk bangkitkan ini di Jawatankuasa Perancangan Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau Ketua Menteri. Kalau sekiranya perkara ini masih tidak selesai, ianya boleh dibangkit kepada Majlis Pembangunan Fizikal Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi melalui dua saluran ini, maka aduan masih, kalau mempunyai fakta yang kukuh, dia masih boleh dibawa untuk pihak atasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan rumusan yang diberi oleh Dato' Menteri. Semenjak dasar untuk melaksanakan Pelan Integrasi daripada peringkat pusat kerajaan negeri ini, apakah masalah yang besar dihadapi oleh kerajaan pusat dan juga kementerian, untuk melaksanakan dasar-dasar pelan ini, ke peringkat negeri. Kita melihat masalahnya ialah Kerajaan Pusat hanya boleh melaksanakan atau pun menggubalkan satu dasar, tetapi kuasa adalah di tangan kerajaan negeri.

Dan sejauh manakah pihak kerajaan negeri mahu bekerjasama dengan kementerian dan Kerajaan Pusat dalam soalan melaksanakan dasar ini supaya dia sampai ke akar umbi untuk pelaksanaan pihak PBT. Minta maaf Dato' Menteri, saya mintalah kalau ada perkataan yang pendek-pendek macam ini, kita panjangkan. Kadang-kadang orang Malaysia ini, buat jalan ringkas sahaja, PBT lah, KTD lah, KFC, KRDC, semua pendek-pendek sahaja. Ada orang faham, ada orang tidak faham. Jadi saya segelintir yang suka mendengar yang panjang sedikit, kerana tidak ada satu perkara yang kita boleh buat dengan jalan ringkas.

Jadi, bagilah '*psychic Malaysian*' itu kita mesti cari jalan panjang untuk menyelesaikan masalah. Jadi sejauh manakah masalah ini boleh diatasi di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri supaya penyelarasan dibuat, kerana kita ingin melihat Malaysia ini menjadi negara yang betul bertamadun, satu Kerajaan Pusat boleh menggubalkan dasar dan pelaksana boleh di terima pakai oleh kerajaan negeri dan di laksana oleh pihak berkuasa tempatan berkenaan supaya tidak bercelaru. Kalau tidak Dato' Menteri akan menerima apa yang disebut oleh Yang Berhormat Cameron Highlands, menerima apa sahaja disebut oleh Ahli Parlimen di sini, tetapi hakikatnya yang tidak melaksanakan ialah pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri adalah dalam keadaan yang acuh tidak acuh, kira tidak kira, mahu tidak mahu sahaja, macam mana?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi sudah jawab, kalau di peringkat pihak berkuasa tempatan atau Pihak Berkuasa Perancang Tempatan, dan Pihak Berkuasa Perancang Negeri, kalau sekiranya ada sesuatu yang tidak kena. Sebagai contoh, garis panduan yang telah diluluskan secara bersepadu di antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri tidak dipatuhi, maka satu saluran aduan yang tertinggi ialah Majlis Perancangan Fizikal Negara.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: [Bangun]

Dato' Seri Ong Ka Ting: Di mana semua Menteri Besar, Ketua Menteri menganggotainya dan Perdana Menteri yang jadi Pengerusi, Timbalan Perdana Menteri menjadi Timbalan Pengerusinya.

Memang satu hakikat yang tidak dapat kita nafikan, tidak dapat saya di sini kata, kerajaan persekutuan mempunyai kuasa sepenuhnya terhadap semua kerajaan negeri dan PBT...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [*Bangun*]

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ini memang adalah prinsip Perlembagaan. Sumbangan Perlembagaan ialah hal-hal tanah, kalau aktiviti perancangan yang berkaitan dengan tanah, maka itu kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun kita sentiasa runding, dapatkan satu persetujuan yang bersama lepas itu kita laksana secara bersama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada tiga yang bangun Yang Berhormat, mana hendak bagi?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Yang Berhormat Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Santubong sudah tanya tadi, bagi orang peluang sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya, Yang Berhormat bagi Santubong sila duduk, Yang Berhormat bagi Kepong dulu.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Cepat sikit, buang masa, cepat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Siapa hendak buang masa? Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, di sini ada satu pelan yang di lulus oleh Majlis Perbandaran Selayang. Di sini dia kata, kawasan lapang dan rekreasi dan surau di lereng bukit di kawasan perindustrian kargo Kepong itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sangat spesifik, Yang Berhormat tidak bahas dasar...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya hendak tanya dasar, kerana Yang Berhormat Menteri Kementerian Sumber Asli dan Alam sekitar juga dia pening kepala juga, mengenai hal ini. Tanah lapang, apa dasarnya? Macam mana kita dapat menyelaraskan kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, dia punya *email* itu sudah ada banyak *spam*, saya berharaplah dengan penyelarasan yang baik, *spam* pun boleh kurang. Dan kita dapat meningkatkan penyelarasan bagaimana dari segi dasarnya, kita dapat melaksanakan kawasan lapang, kawasan hijau. Kerana kita tidak mahulah kawasan hijau, bukan pokok tanam, tanam kilang, tanam stor, tanam berbagai-bagai, kerana jenis tanaman sudah bertambah. Bolehkan Yang Berhormat terangkan macam mana kita dapat menguatkuasakan dasar ini.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Penguatkuasaan dasar ini telah pun dijalankan dengan rapi. Setiap mesyuarat Rancangan Fizikal Negara sekarang, salah satu agenda tetap ialah laporan, lapor balik setiap negeri. Sejauh mana kawasan-kawasan yang telah di *reserved* untuk rekreasi sebagai kilang dan sebagainya sudah gazet dan pastikan tidak akan dijadikan untuk tujuan lain. Setiap mesyuarat kita bentang satu laporan dan kerajaan negeri mana masih lambat, pengerusi selalunya tanya, "Apa sudah berlaku?". Jadi saya rasa in telah pun dapat perhatian yang serius.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada Yang Berhormat bangun lagi, Yang Berhormat bagi Maran dengan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Tiga yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Semua boleh tetapi ringkas secara dasar sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Maran dululah.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya hendak minta pandangan Menteri, dan kalau kita dimaklumkan tadi bahawa terdapat kelemahan-kelemahan di PBT, biasanya dilaporkan oleh negeri atau pun PBT berkenaan tetapi yang biasa pengalaman yang dapat kita lihat, lazimnya laporan-laporan yang di datang daripada kementerian, daripada jabatan dan sebagainya, kadang semua yang baik-baik belaka, yang tidak baiknya kadang disimpan di belakang-belakang.

Akan tetapi saya ingin bertanya dengan Menteri dan saya hendak respons kepada Yang Berhormat Cameron Highlands dan juga Yang Berhormat Santubong tadi, kerana tidak ada penyelarasan antara negeri dengan *Federal*, kita buat dasar, kita buat akta, tetapi pelaksanaannya mungkin banyak tidak berlaku. Saya hendak bertanya menteri, sejauh mana pihak kementerian membuat kajian *on the ground*, turun ke bawah melihat apakah pelaksanaan dasar ini dibuat sebenarnya di peringkat negeri atau pun PBT. Apakah ada badan tertentu atau pun jawatankuasa tertentu yang turun ke bawah membuat kajian tentang pelaksanaan dasar-dasar ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat Rantau Panjang.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya jawab dulu. Yang laporan, kita bukan hanya bergantung kepada laporan, kalau aduan itu, amat spesifik, beri butiran yang spesifik, maka perlu satu siasatan. Maka, kementerian saya kalau nampaknya ada keperluan, Jabatan Kerajaan Tempatan akan menyiasat, tengok sejauh mana laporan yang diterima itu sama dengan kedudukan sebenarnya di bawah. Lagipun selain daripada majlis yang saya sebut tadi, wujud juga satu Majlis Negara, Kerajaan Tempatan dan telah pun ada banyak saluran untuk menyelaraskan dasar-dasar dan garis panduan.

Ingin saya ingatkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pelaksanaan pentadbiran itu memang adalah kuasa kerajaan negeri dan tidak boleh kita cuba hendak ambil alih. Tidak boleh kita campur tangan sewenang-wenangnya, kecuali sesuatu yang amat tidak kena, yang telah melanggar dengan dasar yang telah ditetapkan secara bersama. Saya sentiasa sebut, secara bersama. Kerajaan Persekutuan tidak boleh menghiraukan Perlembagaan. Apa-apa berkaitan dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang memang di dalam Jadual bidang kuasa kerajaan negeri, kita kena runding secara bersama. Ini adalah satu prinsip. Kalau kita sudah faham benar-benar, maka kita tidak akan cuba hendak kata, Kerajaan Persekutuan perlu ambil alih kuasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Santubong bangun.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sikit, sambung, terima kasih. Yang Berhormat Dato', kita kena atasi masalah ini ataupun dengan izin, *resolve* masalah ini. Saya tahu *Federal set-up* ini. Kita ada undang-undang negeri, ada undang-undang Pusat, ada *concurrent authority* dan sebagainya, saya tahu undang-undang, saya tahu Perlembagaan.

Masalahnya, macam mana sebagai pentadbir negara ini, kita boleh mengkhususkan supaya larian dia tidak jadi. Sebab, kalau kita lihat pada peringkat negeri perancangan dia dari bawah ke atas. Jadi kita pula, dari atas ke bawah etapi jalanan dua perancangan ini tidak bertembung, tidak berjumpa. Dia *run parallel*, mengikut kepentingan masing-masing. Di sini kita fikirkan betul-betul.

Jadi kalau kita lihat negeri lain, macam Singapura. Tidak payah jauh kita lihat. Bukan untuk memuji-muji tetapi ada yang elok. Apabila satu kawasan sudah dikenal pasti untuk apa sahaja, dia tidak boleh diubah oleh sesiapa pun. Sama ada oleh Pihak Berkuasa Tempatan ataupun pihak berkuasa daerah ataupun negeri. Ia tidak boleh diubah lagi, bila sudah dikenal pasti untuk diguna pakai untuk satu-satu perkara. Kedai kah, tempat penginapan kah, tempat *green lung* kah atau pun apa sahaja tetapi kita sini belum lagi. Banyak melihat..., itulah masalah kita, tempat bukit di tebang, tebas tempat bukit di cangkul, dirombak, dibom dan sebagainya dan akhirnya mendatangkan kesan negatif kepada alam sekitar.

Jadi sebabnya, perancangan ada, pelan ada, undang-undang ada tetapi undang-undang tidak berkesan oleh kerana Perlembagaan. Jadi pegawai-pegawai di semua peringkat tidak hendak kerjasama kerana tidak ada kepentingan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita kena atasi masalah ini, masalah *Federal set-up* ini, macam mana kerajaan negeri boleh *accommodate* dasar, kalau dia mendatangkan kesan baik kepada negara, bukan kepada individu Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat Rantau Panjang.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kalau begitu tidak ada jawapan lah itu.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya ingat Tuan Yang di-Pertua kerana masa suntuk saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, beralih kepada tajuk lain, kalau tidak saya minta Yang Berhormat kena gulung.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya, saya hendak kena gulung. Saya ingat cukuplah. Masa terlalu tidak cukup...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya masalah kementerian ini, saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya ingat tidak payahlah, sebab ramai sangat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat dia tidak bagi jalan. Sila duduk.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Sebab ramai sangat takut nanti tidak cukup masa. Saya ambil kiralah semua pandangan dan saya hendak tegas sekali lagi Majlis Perancangan Fizikal Negara baru ditubuh, baru beroperasi dalam dua tahun. Ditubuhkan kerana masalah yang disebut oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi. Dahulunya penyelarasan itu tidak cukup. Sekarang sudah ada majlis yang *high power* dengan izin, ini maka kita berilah peluang pada Majlis ini untuk berfungsi. Saya yakin pada tahun-tahun akan datang, penyelarasan ini akan berjalan dengan lebih cepat, lebih berkesan dan teratur. Walau bagaimanapun, Ahli-Ahli Yang Berhormat telah prihatin, saya ucapkan terima kasih. Ini hal-hal perancangan dan juga hal-hal Kerajaan Tempatan bukan satu perkara yang mudah tetapi perlu kita sama-sama menanganinya.

Tuan Yang di-Pertua mengenai pembangunan kampung tradisi. Ahli Yang Berhormat bagi Muar telah mencadangkan supaya melebihi pelajar kursus perancang bandar dan juga menghantar mereka mengikuti kursus berikutan isu pembangunan bandar dan kampung tradisi yang tidak seimbang. Ingin dimaklumkan bahawa, pada masa kini universiti dan institusi pengajian tinggi tempatan khususnya institusi pengajian awam memberi latihan yang bersesuaian di dalam bidang perancangan bandar dan desa dan selain itu, pihak kerajaan juga ada menghantar pelajar ke universiti luar negara khususnya ke United Kingdom di dalam bidang ini.

Selain pengajian Ijazah Pertama, latihan-latihan dalam perkhidmatan ke peringkat ijazah lanjutan juga diberikan kepada penjawat-penjawat awam bagi meluaskan kepakaran di dalam bidang tersebut. Pihak kementerian sedar akan wujudnya kampung-kampung tradisi yang terhimpit dan ketinggalan dari segi pembangunan. Sehubungan dengan itu pihak kementerian dalam proses untuk menyediakan Pelan Induk Pembangunan Kampung Tradisional yang terletak di dalam kawasan PBT, agar kampung-kampung tersebut tidak ketinggalan dalam arus pembangunan bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Serdang, pihak kementerian pernah mengadakan perbincangan dengan wakil kerajaan negeri mengenai isu pengeluaran Hak Milik Kekal dan kadar bayaran premium tanah di kampung-kampung baru. Walau bagaimanapun, perkara ini kita telah bincang dan kita juga perlu dapat kerjasama Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri.

Pihak kementerian bersetuju dengan saranan Ahli Yang Berhormat Lipis agar agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan menubuhkan Pasukan Bomba Sukarela bagi membantu Pasukan Bomba dalam menghadapi ancaman kebakaran. Dalam hal ini Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sentiasa berusaha menggalakkan penubuhan Pasukan Bomba Sukarela di seluruh negara. Sehingga kini, terdapat sebanyak 281 Pasukan Bomba Sukarela di Malaysia yang melibatkan keahlian seramai 12,000 orang. Pasukan Bomba Sukarela akan dibantu oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan menyediakan peralatan dan latihan yang bersesuaian.

Sehingga kini, sejumlah 35 Pasukan Bomba Sukarela telah dibekalkan dengan kereta bomba dan pada dua tahun lepas, sebanyak 100 buah Pasukan Bomba telah dibekalkan dengan pam angkut. Semua Pegawai Bomba di peringkat negeri dan daerah dikehendaki memberi kerjasama dan perhatian terhadap penubuhan Pasukan Bomba Sukarela dari aspek pengurusan dan latihan kemahiran.

Mengenai saranan dari Ahli Yang Berhormat Jerai dan Ahli Yang Berhormat Jasin, agar pemaju-pemaju yang besar membina Pondok Balai Polis di setiap kawasan perumahan, sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah menyediakan satu garis panduan perancangan kemudahan masyarakat untuk digunakan dalam mempertimbangkan permohonan kebenaran merancang dengan izin, atau pun *planning approval* bagi semua projek perumahan di mana setiap kawasan perumahan yang mempunyai di antara 5,000 sehingga 10,000 penduduk hendaklah di sediakan sebuah tapak Pondok Polis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lipis, perumahan berkonsepkan *gated community* adalah merupakan trend baru dalam industri perumahan negara. Konsep ini mendapat permintaan yang tinggi khususnya di bandar-bandar besar disebabkan dua faktor utama. Yang pertamanya masalah kekurangan tanah di lokasi yang baik menyebabkan harganya tinggi. Keduanya isu kemudahan keselamatan yang disediakan dan pengurusan penyelenggaraan yang menjadi keutamaan pembeli pada waktu ini. Faktor-faktor ini telah meningkatkan harga rumah tetapi penjualannya masih terbuka pada semua kaum. Oleh kerana *gated community* adalah dikawal di bawah Akta Hak Milik Strata Title, saya akan serah kepada kementerian yang berkaitan.

Isu mengenai penetapan dan kawalan harga rumah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong, telah dijawab semasa menjawab Pertanyaan Jawab Lisan pada 23 Ogos, yang baru lepas. Walau bagaimanapun, ingin dijelaskan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk mengawal penetapan harga permulaan rumah yang hendak dijual oleh pemaju kecuali rumah dalam kategori kos rendah. Kerajaan hanya perlu mengawal cadangan kenaikan atau penurunan harga selepas ditetapkan, termasuk kadar diskaun yang hendak ditawarkan di mana pemaju perlu menzahirkan dengan jelas dalam semua jenis iklan yang dicadangkan. Kawalan terhadap harga rumah di samping faktor-faktor lain seperti kesukaran mendapat tanah di lokasi yang menarik pada harga yang sesuai dan kelewatan dalam memproses permohonan pemajuan yang melibatkan pelbagai peringkat atau agensi kerajaan, akan menyebabkan industri perumahan terlalu *regulated, rigid*, sukar untuk bergerak dan tidak boleh menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara.

Pihak kementerian berpendapat pemaju sendiri yang lebih arif mengenai jenis reka bentuk keluasan tanah dan membina rumah yang boleh dijual di lokasi yang dicadangkan. Anggaran kos pembinaan yang perlu disediakan dan harga jualan berpatutan yang boleh membantu, menyiapkan dan menyelesaikan projek perumahan mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, kebanyakan pemaju terutamanya pemaju besar merujuk kepada laporan pasaran daripada firma-firma penilai yang dilantik bagi projek perumahan mereka termasuk cadangan penetapan harga rumah yang sewajarnya. Oleh itu, pemaju sendiri perlu menanggung risiko kerugian daripada penetapan harga jualan rumah mereka, manakala pembeli perlu bijak dan pandai membuat analisis dan perbandingan harga rumah yang hendak dibeli berbanding dengan projek-projek lain di sekitarnya berdasarkan kemampuan kewangan masing-masing.

Yang Berhormat Kota Belud telah membangkitkan beberapa isu berkaitan perumahan rakyat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat-syarat yang ditetapkan untuk menyewa dan membeli rumah PPR atau projek perumahan rakyat adalah seperti berikut:

- (i) mereka kena terdiri daripada golongan setinggan bagi rumah PPR untuk disewa;
- (ii) mereka belum memiliki rumah;
- (iii) pendapatan isi rumah tidak melebihi RM2,500 sebulan bagi rumah PPR untuk dimiliki; dan
- (iv) mereka perlu berdaftar melalui sistem pendaftaran terbuka berkomputer untuk proses pemilihan di peringkat negeri.

Kerajaan menyedari terdapat masalah dihadapi oleh calon-calon yang layak untuk mendapatkan kemudahan *n-financing* dari institusi kewangan kerana tidak dapat mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap seperti penyata pendapatan dan sebagainya.

Bagi mengatasi masalah ini, pihak Jabatan Perumahan Negara telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan institusi-institusi kewangan berkenaan bagi mencari kaedah terbaik yang boleh dilaksanakan bagi membantu golongan berkenaan. Antara langkah-langkah yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan adalah seperti melalui Skim Pinjaman Bersama, Skim Pinjaman Dua Generasi, melonggarkan syarat-syarat sekiranya perlu ataupun mempunyai sokongan daripada pihak kerajaan negeri. Bagi mereka yang mampu tetapi tidak dapat mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap seperti penyata pendapatan dan sebagainya.

Bagi golongan yang didapati benar-benar tidak berupaya atau tidak layak untuk mendapatkan kemudahan pinjaman untuk membeli atau tidak mampu membayar sewa, kerajaan telah menyediakan satu dana khusus bagi membiayai bayaran sewa rumah yang akan diselaraskan oleh kementerian.

Kerajaan mempunyai kaedah tersendiri dalam memberikan insentif kepada pembeli-pembeli rumah PPR di negara ini. Secara umumnya kos pembinaan rumah di bawah projek perumahan rakyat termasuk infrastruktur adalah di sekitar RM55 ribu hingga RM70 ribu seunit di Semenanjung Malaysia dan sekitar RM60 ribu hingga RM80 ribu seunit di Sabah dan Sarawak. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk membantu golongan berpendapatan rendah, kerajaan telah bersetuju harga jualan bagi rumah PPR adalah pada kadar RM35 ribu seunit sahaja di Semenanjung Malaysia dan RM42 ribu di Sabah dan Sarawak. Ini bermakna kerajaan perlu *subsidize*, dengan izin, dengan satu jumlah yang agak besar bagi setiap unit.

Kerajaan amat serius dalam melaksanakan projek-projek perumahan terutamanya untuk golongan berpendapatan rendah. Pelbagai langkah dan inisiatif telah diambil bagi memastikan projek PPR dapat dilaksanakan seperti dirancang. Walau bagaimanapun, terdapat masalah-masalah tertentu seperti masalah tapak, masalah kontraktor dan masalah-masalah lain yang tidak dapat dijangka telah mengganggu kelancaran pelaksanaan sesetengah projek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Cheras, kawasan pemajuan di sekitar Bukit Putih, yang didakwa dimajukan oleh Daya Test Development Sdn. Bhd. adalah terletak di bawah kawalan pihak berkuasa perancang tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Bagi pemajuan yang melibatkan kawasan tanah tinggi, permohonan kebenaran merancang hendaklah merujuk kepada Garis Panduan Perancangan Pemeliharaan Topografi Semula Jadi di dalam perancangan dan pembangunan fizikal mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa. Garis Panduan Pembangunan di kawasan bukit yang disediakan pada tahun 1997 oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Malaysia.

Dari segi prosedurnya, permohonan-permohonan yang terletak di kawasan tanah tinggi dan lereng bukit di negeri Selangor hendaklah mendapat perakuan Jawatankuasa Pembangunan Sensitif Alam Sekitar Negeri Selangor sebelum diputuskan oleh pihak berkuasa tempatan. Sehingga kini, Syarikat Daya Test Development Sdn. Bhd. belum mengemukakan permohonan untuk mendapat lesen pemajuan perumahan bagi kawasan Bukit Putih daripada kementerian ini. Kelulusan sesuatu lesen pemaju perumahan hanya akan dipertimbangkan setelah pemaju mendapat kelulusan tanah daripada pihak berkuasa negeri dan kelulusan pembangunan dari pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagi, Yang Berhormat? Habiskan, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Last sekalilah, ya.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Yang Berhormat Menteri, saya ingin tanya, walaupun permohonan untuk mendapatkan lesen pemaju belum dikemukakan kepada kementerian, tetapi memandangkan adanya garis panduan mengenai pembangunan di atas bukit tinggi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, sekiranya pihak Kerajaan Negeri Selangor telah pun meluluskan permohonan oleh pemaju itu dan apabila pemaju itu mengemukakan permohonan untuk lesen pemaju kepada kementerian, adakah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa ini akan membuat satu *recommendation* kepada Menteri, sama ada lesen pemajunya harus diberikan ataupun apa-apa pengubahsuaian yang harus dibuat ataupun perubahan yang perlu dilakukan oleh pemaju yang akan dirangkumi dalam syarat-syarat dan terma-terma lesen pemaju yang akan dikeluarkan nanti, jika diluluskan.

Di samping itu, saya juga ingin bertanya mengenai PPR, apakah perancangan kerajaan sekarang mengenai penjualan unit PPR di Wilayah Persekutuan kepada penyewa-penyewa yang sedia ada sekarang. Sebab baru-baru ini ada pengumuman dibuat oleh kerajaan bahawa perbincangan sedang berjalan untuk menjual unit-unit PPR kepada penyewa-penyewa untuk menepati matlamat *house owning policy*, yang penyewa-penyewa itu telah menunggu lama.

Kedua, memandangkan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, banyak sangat, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Banyak PPR yang dibina di Kuala Lumpur, di ibu kota ini, telah pun dirancang di kawasan-kawasan di mana kurang adanya setinggan tetapi pemindahan setinggan dilakukan setiap bulan, setiap minggu dan mereka dipindahkan ke PPR yang terletak di lokasi yang kurang sesuai dan ini menjejaskan kehidupan, pelajaran dan sebagainya kepada penduduk-penduduk yang terlibat. Ini merupakan satu perancangan yang kurang baik. Adakah perancangan baru untuk membina PPR di Kuala Lumpur yang akan mengatasi masalah-masalah yang saya sebut tadi?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bangkitkan sekiranya pihak berkuasa negeri kalau lulus, sebab itu adalah andaian, susah saya hendak beri jawapan. Walau bagaimanapun, lesen pemajuan perumahan, ia perlu memenuhi syarat-syarat yang betul-betul selaras dengan garis panduan dan semua dasar yang ditetapkan. Sehingga masa mereka memohon lesen ini barulah dapat saya tahu sama ada dia layak untuk diluluskan atau tidak. Mengenai PPR yang dijual, saya telah buat pengumuman semalam, selepas satu majlis perumahan negara telah diadakan, bahawa penjualan PPR ini, kementerian saya akan runding dengan pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri masing-masing.

Di Kuala Lumpur kami akan berunding dengan Kementerian Wilayah Persekutuan. Jadi, *detail* dan sebagainya kita akan menghormati dan mengambil kira apa yang dicadangkan oleh kementerian yang berkenaan. Jadi, saya tidak dapat memberi *detail* mana yang akan dijual dan yang mana tidak. Prinsipnya ialah kita tidak akan jual semua. Yang di tengah-tengah bandar raya yang merupakan tempat strategik pada prinsipnya ialah ia tidak akan dijual begitu sahaja kerana kerajaan masih kena menyelenggarakannya dengan baik supaya ia tidak menjadi dengan izin, *eye sore* ataupun *urban slum* di tengah-tengah bandar besar dan sebagainya. Ia ada prinsip yang kena dijaga.

Pada masa yang sama kita tidak boleh menjual kesemuanya kerana ada daripada mereka yang kurang mampu hendak membelinya. Walaupun RM42,000 mereka tidak mampu, mereka masih hendak teruskan menyewa. Dengan prinsip itu *detail* nya kita bincang. Hal-hal perancangan baik atau tidak baik, kita sentiasa serahkan kepada DBKL untuk merekomen. Kementerian saya hanya mengikut *recommendation* mereka dan mereka sepatutnya mengikut prinsip perancangan yang baik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan, Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya telah cuba menjawab semua yang lain. Jadi saya tidak ada apa hendak tambah lagi. Saya sekali lagi hendak mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam memberi pandangan dan cadangan kepada kementerian, dan kementerian saya mengambil kira semua cadangan yang dibangkitkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik. Sekarang saya jemput Kementerian Kerja Raya. Yang Berhormat Menteri, silakan.

12.41 tgh.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Belanjawan 2007 bagi Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga, Dewan Rakyat Kesebelas. Saya akan menjawab dan memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut.

Pertamanya, Ahli Yang Berhormat Ipoh Timor telah membangkitkan isu mengenai industri pembinaan yang sangat bergantung pada tenaga kerja buruh asing yang telah mengehadkan *spill-over effect*, *pump priming*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan amat menyedari masalah ini dan telah serta sedang mengambil langkah-langkah pragmatik untuk mengatasinya.

Sebagai langkah utama untuk mengatasi masalah pergantungan kepada tenaga kerja asing, kerajaan telah mengambil langkah melaksanakan penggunaan sistem pembinaan perindustrian dengan izin, *industrialized building system* atau IBS. Sistem IBS ini melibatkan pembuatan komponen bangunan secara automasi menggunakan teknologi terkini, pengurusan tapak binaan yang lebih efisien, penggunaan tenaga kerja mahir dan kurang bergantung pada tenaga kerja asing.

IBS Road Map iaitu 2003 hingga 2010 yang telah diluluskan oleh kerajaan pada 29 Oktober 2003 yang lalu dijadikan dokumen *blue print* sektor pembinaan Malaysia. Melalui Bajet 2005, kerajaan telah mengisytiharkan penguatkuasaan penggunaan IBS tidak kurang dari 50% di dalam projek-projek bangunan kerajaan. Menerusi bajet itu juga kerajaan telah memberi pengecualian levi kepada kontraktor-kontraktor yang melaksanakan projek-projek perumahan yang menggunakan lebih daripada 50% kandungan IBS. Melalui Bajet 2006, kerajaan terus berusaha untuk menggalakkan penggunaan IBS dalam sektor pembinaan melalui pemberian elaun modal yang dipercepatkan untuk dituntut dalam tempoh tiga tahun bagi pembelian acuan untuk pengeluaran komponen IBS.

Di samping itu kerajaan juga telah mengeluarkan *Manual IBS Scoring System*, dengan izin, sebagai panduan pengiraan peratus kandungan IBS untuk diguna pakai oleh semua agensi kerajaan. Insentif-insentif ini diberikan bagi menggalakkan penggunaan IBS dalam sektor pembinaan dan sekali gus dapat mengurangkan pergantungan kepada pekerja-pekerja asing berdasarkan daripada analisis maklumat yang diperolehi dari Jabatan Imigresen dan CIDB. Trend peratusan pekerja asing berbanding dengan jumlah pekerja binaan telah menunjukkan penurunan iaitu dari 51% pada tahun 2003 kepada 49% bagi tahun 2004, 48% bagi tahun 2005 dan 46% pada Jun 2006.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu *access road* ke Bandar Mahkota Cheras, di Lebuhraya Cheras - Kajang yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, suka saya menjelaskan perkara ini, mana satu yang lebih awal, Bandar Mahkota atau Lebuhraya Cheras-Kajang? Lebuhraya Cheras-Kajang telah dibina tujuh tahun lebih awal daripada Bandar Mahkota. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum Bandar Mahkota ini...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Cheras.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya belum bagi apa-apa.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tidak dengar.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Adakah Yang Berhormat Menteri masih ingat dalam jawapan yang dikeluarkan di bawah nama Yang Berhormat Menteri sendiri baru-baru ini kepada Yang Berhormat Hulu Langat mengenai masalah *access* itu, Yang Berhormat sendiri yang mengesahkan jalan *access* Bandar Mahkota Cheras itu diluluskan oleh Kementerian Kerja Raya pada tahun 1994 setahun sebelum *concession agreement* Lebuhraya Kajang-Cheras itu diluluskan, ditandatangani. Maka, Bandar Mahkota Cheras adalah diluluskan lebih awal daripada lebuhraya itu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Itu tidak benar. Apa yang saya katakan pada hari itu, mereka telah memohon untuk mendapat *access* kepada Lebuhraya Kajang-Cheras yang sedia ada. Jadi, pada masa itu kelulusan telah diberi oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia dengan beberapa syarat. Syarat-syarat itu tidak dipatuhi oleh Syarikat Bandar Mahkota. Tidak, tidak dipatuhi. Apa yang dia buat? Dia terus buat jalan. Buat jalan...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Dengarlah, Yang Berhormat!... *[Disampuk]*
Eh, *you* cakaplah. Saya tidak mahu cakap. *You* cakap... *[Dewan riuh]*

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Jangan cepat naik anginlah. Saya ingin tanya Yang Berhormat saja, apakah syarat-syarat itu yang datang bersama dengan kelulusan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Syarat pertama ada 12 syarat. Daripada 12 syarat itu, satu daripada syarat itu ialah untuk mendapat sambungan dengan jalan Cheras-Kajang yang sedia ada, mereka mesti mematuhi berapakah ganti rugi yang mereka akan sediakan kepada syarikat konsesi itu. Ada, mahu surat? Saya boleh tunjuk tapi saya tidak boleh bagi.... *[Dewan riuh]* *[Ketawa]* Saya boleh tunjuk tapi saya tidak boleh bagi oleh kerana surat itu daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia. Mereka selepas menerima surat itu teruskan dengan kerja-kerja pembinaan. Bukan itu sahaja, dia buat notis iklan, masuklah ini tidak payah bayar tol. Dia ingat kita bodoh kah? Kita bukan bodoh. Tidak mematuhi syarat-syarat telah dikenakan dan juga iklan, "tak payah bayar tol".

Walaupun surat telah diberi kepada mereka bila dua-dua pihak sudah bersetuju, apabila mereka bersetuju mereka akan menghubungi kementerian, barulah Menteri Kerja Raya akan menandatangani untuk memasuki dalam syarikat konsesi jalan yang sedia ada. Itu tidak berlaku. Hari-hari ada juga mogok, mogoklah, mogoklah! Berapa kali boleh mogok?

Kalau saya membenarkan ini, Kerajaan Malaysia kena bayar RM400 juta kepada syarikat itu untuk lagi 27 tahun. RM400 juta kalau kita ambil kira *present net value*, apakah RM400 juta dalam 27 tahun? Nilai itu pada hari ini ialah RM105 juta kena bayar oleh kerajaan. Mengapa saya ambil rakyat punya duit bayar kepada syarikat itu? Dua-dua orang pun cari duit, ini Bandar Mahkota pun cari duit, syarikat konsesi pun cari duit, dua-dua pun buat perniagaan. Mengapa saya ambil kerajaan punya wang bagi kepada mereka. Kerajaan tidak boleh bayar ganti rugi lagi, kita tidak ada polisi lagi untuk membayar ganti rugi.

Jikalau kita arah kerajaan, kerajaan mengarahkan tiap-tiap syarikat konsesi untuk membuka baru sahaja kita bayar. Ini sudah bincang dengan mereka, mereka hantar orang jumpa saya di pejabat saya, saya menerangkan kepada mereka, saya menunjukkan kepada mereka surat-surat yang telah kita hantar kepada syarikat itu. Bandar Mahkota baru sahaja bagi tahu kepada syarikat konsesi itu, ok, saya akan bayar RM1 juta. Apa RM1 juta? RM1 juta tak boleh jadi kalau mereka tidak menyelesaikan masalah mereka, kerajaan tidak campur tangan atas perkara ini. Ini saya tetap hari ini. Kalau saya buat itu, satu hari nanti Yang Berhormat bangun lagi soal, mengapa *you* bayar RM100 juta lebih kerajaan punya wang kepada syarikat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Cheras.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Dato' Seri Menteri. Saya ingin meneliti perangkaan di sini. Dalam soal ini penduduk-penduduk dan rakyat adalah mangsa, biar pun siapa yang salah, syarikat pemaju ataupun bukan. Sebab utama mengapa penduduk-penduduk Mahkota Cheras membeli rumah di situ, walaupun kalau diselewengkan oleh iklan yang silap tetapi mereka tidak ada peluang untuk mengadakan *access* kepada *concession agreement* di mana kelulusan itu datang dengan syarat-syarat dan terma-terma yang mereka tidak ketahui, ini yang pertama dan yang kedua apakah penyelesaian pihak kerajaan akan membawa untuk menyelesaikan *stalemate* ini. Jalan itu telah pun siap dibina, tetapi dihalang oleh penghadang, ini yang kedua. Yang ketiga, adakah Menteri sendiri telah pun mengambil inisiatif untuk menyelesaikan masalah ini.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Inisiatif perbincangan sahaja, bukan inisiatif pengarah untuk membuka jalan. Itu tak boleh. Mereka jumpa saya, saya jawab sama dia tapi dia Bandar Mahkota, dia punya fikiran pun macam mahkota, dia punya kepala pun macam mahkota... [Ketawa] Dia tak mahu turun, dia ingat dia mahkota tetapi dia tarak mahkota kepada saya, oleh sebab dia seorang pemaju seperti pemaju-pemaju yang lain. Bukan itu sahaja Yang Berhormat, dia tipu menipu orang pembeli, dia kata *toll free*, siapa pun boleh ikut ini jalan *toll free*, itu macam mana dia boleh bagi. Sekarang saya minta pembeli-pembeli rumah memasang kes atas Mahkota, itu sahaja boleh, tak boleh marah sama kita.

Penyelesaian boleh juga diadakan jikalau dia akan bincang dengan syarikat seterusnya dan selepas itu mereka akan mengadakan satu persefahaman, kerajaan pada masa itu boleh juga mengambil tindakan. Tidak, kalau saya benar ini, esok di Kajang ada juga orang mahu masuk dalam *North-South Expressway*, di Bangi satu orang, dan di Taiping satu orang pada akhirnya itu bukan jadi *North-South Expressway* lah. Orang bina jalan, orang lain nak guna, kalau dia tidak mendapat kebenaran untuk memasuki jalan ini, semua pembeli-pembeli rumah kena jalan 6 kilometer lebih, itu pun saya tahu.

Oleh sebab itu, perkara ini mesti mengambil masa, di mana saya minta Lembaga Lebuhraya Malaysia mengadakan perbincangan di antara syarikat konsesi dengan Bandar Mahkota. Bandar Mahkota bukan satu rumah, dua rumah sekarang, sikit hari nanti dia boleh juga mengadakan sekurang-kurangnya dua atau tiga ribu rumah dan empat ribu rumah. Empat ribu rumah, lima ribu rumah, lima ribu rumah sepuluh ribu kereta, sepuluh ribu kereta, dia kata percuma. Saya mesti minta saya punya pegawai undang-undang untuk mengambil tindakan atas beliau oleh sebab dia iklankan *toll free*, mana *toll free*. Main-main sahaja....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Okey Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tak apa Menteri, mengenai penjelasan yang sebelum itu saya mahu ucap tahniah oleh sebab lawatan beliau ke Muar semalam mengenai dua sekolah SRJK(C) mengenai ketirisan RM30,000 peruntukan untuk membaiki sekolah tetapi RM3,000 nilai sahaja, ini langkah yang baik tetapi tak tahulah bagaimana seorang Menteri boleh melawat semua projek, beratus-ratus, beribu-ribu projek masalah sistem yang ada, ketirisan yang besar dan kalau RM30,000 peruntukan barulah ada RM3,000 nilai, bererti 90% ketirisan, ini satu masalah yang sangat besar, RM220 bilion, Rancangan Malaysia Kesembilan, kalau 90% ketirisan, habislah, mampus negara ini.

Tapi mengenai isu *access road* Bandar Mahkota Cheras, tadi Yang Berhormat Menteri kata kita bukan bodoh, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan lain-lain, Kementerian Kerja Raya tahu, tapi kenapa tidak ambil tindakan yang awal supaya 70,000 orang tidak menjadi mangsa dalam perkara ini. Mereka sekarang mangsa, patutlah Yang Berhormat Menteri tunjuk lebih simpati, bukan kata apa guna demonstrasi, siapa mahu demonstrasi, begitu susah payah... [*Beberapa Ahli menyampuk*] Kalau Yang Berhormat Menteri dalam keadaan semacam itu pun akan berdemonstrasi *in desperation*, bukan mereka, tidak seseorang mahu demonstrasi tapi ini menunjukkan *desperation* kedudukan mereka.

Bagaimana kementerian atau Lembaga Lebuhraya Malaysia membenarkan isu ini berlaku oleh sebab Menteri tahu bahawa mereka bukan bodoh, mereka tahu kenapa boleh kata *toll free*, sampai sekarang, dan bukankah sekarang ialah bagaimana untuk menyelesaikan, apa penyelesaian untuk 70,000 orang yang menjadi mangsa, bukan berjam-jam ikut trafik jem tapi pun boleh mengakibatkan peristiwa-peristiwa yang tidak diingini, Yang Berhormat Menteri tahu, dalam keadaan semacam itu kita tidak mahu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ketua Pembangkang, kami ada juga banyak cadangan-cadangan. Ini cadangan semua boleh juga ditimbang, selepas pihak dua-dua parti itu akan membincang, mendapat satu penyelesaian di antara mereka. Jikalau mereka berdua duduk di satu tempat, bincang sepenuhnya, jikalau apa-apa masalah mereka tidak dapat diselesaikan, dia boleh minta saya. Okey, lagi saya boleh juga mempengerusikan itu mesyuarat untuk mencari satu jalan macam mana kah perkara ini boleh dapat diselesaikan tapi saya tidak pernah tengok itu Bandar Mahkota sekali lagi.

Saya tengok orang yang membeli rumah, datang ke pejabat saya, bincang dengan saya. Saya bagi tahu kepada mereka apakah masalah kami punyai dan juga saya tunjuk kepada mereka inilah perjanjian yang sedia ada dulu apa syarat-syarat dikenakan semuanya, mereka sudah baca itu, dia kata "Oh, itu pemaju tidak memberitahu kepada kita ini semua, sebelum dia jual rumah". Saya kata, inilah masalah, walau bagaimanapun, saya minta bagilah sedikit masa, saya cari satu jalan macam manakah kita boleh selesai ini. Saya minta daripada Ahli-ahli Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, *try* penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pemaju yang sangat terkenal, kalau tak silap Tan Sri William Chin. Bukankah ada satu patut lebih senang untuk diselesaikan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Siapa pemaju?... [*Ketawa*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita tahu Tan Sri William Chin lah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya pun tidak tahu siapa pemaju itu. Tuan Yang di-Pertua,....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sambung petang. Ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia, ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, silakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.31 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi esok hari, 20 September 2006.”

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kerja Raya untuk menyambung jawapan, silakan.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan. Terima kasih kepada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi mengenai jalan penghubung bagi Bandar Mahkota, Cheras.

Saya ingin bertanya di sini bahawa memandangkan jalan penghubung adalah jalan penghubung tunggal bagi penduduk-penduduk Bandar Mahkota, Cheras dan kalau jalan itu tidak dapat dibuka, beribu-ribu penduduk setiap hari terpaksa menggunakan Jalan Sungai Long. Ini menyebabkan berlaku masalah kesesakan lalu lintas yang paling serius di situ.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri pun telah memahami situasi itu dan memandangkan dan kerap kali Yang Berhormat Menteri memberi jaminan di sini bahawa di mana-mana lebuhraya kutipan tol, penduduk-penduduk akan diberikan peluang untuk mengelakkan kutipan tol jika mereka memilih untuk berjalan di atas jalan alternatif kemungkinan jalan lama ataupun jalan yang kurang baik tetapi ada peruntukan disediakan jalan alternatif tetapi di Bandar Mahkota, Cheras tidak dapat pun sebatang jalan alternatif langsung. Mereka terpaksa terkepung dalam plaza-plaza tol. Ini adalah aspek-aspek yang tidak adil bagi mereka.

Yang kedua, mereka ini walaupun mereka dikelirukan oleh pemaju tetapi ini adalah merupakan suatu tindakan yang mereka ambil untuk berhimpun setiap minggu selama 11 minggu. Ini bukan hobi mereka. Bukan mereka yang gembira berbuat demikian tetapi ini adalah satu perkara yang mendesak, satu perkara yang mereka ingin menuntut keadilan dari mana-mana pihak yang bertanggungjawab dan hairanlah saya mengapa begitu lama kerajaan belum lagi memandang berat perkara ini, memahami kekecewaan penduduk dan bersimpati dengan mereka dengan mencari satu penyelesaian yang cepat supaya masalah ini dapat diselesaikan.

Saya haraplah, macam mana mungkin sebagai satu penyelesaian sementara sebelum satu penyelesaian kekal tercapai, saya minta Yang Berhormat Menteri mungkin bukakan jalan dan *remove* pengadang dan membenarkan penduduk-penduduk Bandar Mahkota, Cheras untuk menggunakan jalan itu supaya masalah kesesakan lalu lintas yang dialami oleh mereka tidak terjadi.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kami bila-bila adil. Bila-bila bersimpati dengan rakyat. Jikalau kita melihat rakyat menghadapi masalah, kerajaan telah mengambil beberapa keputusan untuk mengatasinya.

Walau bagaimanapun, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, dan juga Yang Berhormat Cheras, pada 21 April 1999, kami telah menghantar surat kepada Narajaya Sendirian Berhad. Anak syarikat Narajaya Sendirian Berhad telah mulanya menjalankan pembangunan di kawasan itu. Kita telah mengenakan bukan 14 syarat seperti apa yang telah saya katakan tadi. Saya tarik balik angka 14 saya tambah lagi menjadi 25. Ada 25 syarat dikenakan, satu syarat yang penting daripada itu ialah pihak Narajaya Sendirian Berhad hendaklah bersetuju untuk menanggung kerugian Lembaga Lebuhraya Malaysia, Grand Saga atas segala tindakan, tuntutan, prosiding, kerugian, kerosakan, pampasan, kos dan perbelanjaan apa juga yang mungkin dialami oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia, Grand Saga berbangkit atau berkaitan dengan kerja-kerja pembinaan, laluan keluar masuk yang dinyatakan di atas.

Inilah syarat yang dikenakan kepada mereka dan mereka bukan kata dia tidak tahu, mereka sudah terima pada 13 Mei ini, "*Kami Narajaya Sendirian Berhad bersetuju dengan syarat-syarat yang dinyatakan di atas dan berjanji untuk mematuhi*"... [Menunjukkan surat berkaitan] Itu satu perkataan mematuhi tidak berlaku. Itulah masalah sekarang.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan mencari jalan macam manakah masalah-masalah penduduk boleh dapat diselesaikan tetapi kalau dia buat lebih mogok, lebih baik saya tidak sentuh fail itu. Dia lebih mogok, dia mogok dia marah kita, dia kena marah dia punya pemaju. Sekarang pemaju sudah keluar daripada subjek ini, kerajaan sahaja kena marah setiap kali. Mengapa ini berlaku?

Orang ini pukul, tetapi orang lain kena denda. Orang yang pukul, dia tidak kena denda, orang yang tidak buat, dia pemerhati sahaja, dia melihat pergaduhan telah berlaku, dia kena *fine*. Macam itulah Narajaya atau Mahkota, namanya "Mahkota", bukan main, Bandar Mahkota.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Penjelasan. Saya harap Yang Berhormat Menteri tidak mempersalahkan penduduk-penduduk. Mereka tidak mogok atau berdemonstrasi untuk matlamat atau tujuan bukan-bukan seperti mana yang telah saya sebutkan. Mereka mengalami kesesakan. Mereka terpaksa membayar yang tidak seharusnya, kalau bukan dikelirukan oleh pemaju seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya minta di sini, apa yang penduduk minta ialah penyelesaian datanglah cepat, awal bukan..., sudah berapa bulan jalan itu ditutup, tetapi tidak ada pengumuman rasmi macam mana perbincangan di pihak kerajaan berjalan dan maklumat tidak diberikan kepada penduduk.

Maka, saya rayulah kepada Yang Berhormat Menteri, mereka pun tidak suka bermogok, mereka tidak suka mengorbankan "*beautiful Sunday*", setiap hari Ahad, sebelas hari Ahad berkumpul di sana untuk menyuarakan 'ekspresi', harapan mereka. Mereka cuma berkehendakkan keadilan itu dikembalikan, jalan rakyat itu dikembalikan kepada rakyat, apa salahnya. Maka, saya minta sebelum penyelesaian, Yang Berhormat Menteri pun janganlah ugut mereka, mereka bukan menentang, mereka ingin mendapatkan keadilan, apakah salahnya? Kalau Yang Berhormat boleh berikan...

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya suka, saya ingat Yang Berhormat tidak pergi ke tempat itu...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Bolehkah Yang Berhormat berikan satu *dateline*?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kita bukan tutup di jalan itu, kita punya jalan sedia ada sana. Dia membina jalan sambung dengan jalan dari dalam, dia berhentikan di tepi lebuh raya, dia kata buka, buka, buka. Ini bukan pintu boleh buka dengan senang. Ini ada juga syarat-syarat. Pasal itulah saya janji kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi, nantilah kita cari macam mana perkara ini boleh dapat diselesaikan, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Labuan telah membangkitkan isu mengenai agihan kerja kepada kontraktor kecil. Untuk makluman Yang Berhormat, memandangkan bilangan kontraktor kecil yang begitu ramai, dan bilangan projek yang amat terhad, maka agihan projek yang saksama kepada semua kontraktor sukar untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, Jabatan Kerja Raya daerah di negeri-negeri kerap mengambil kira nama-nama kontraktor yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan agihan kerja dibuat secara telus, melalui kaedah undi dan tender. Yang Berhormat Hulu Langat membangkitkan isu mengenai cadangan untuk menentukan ketulenan kontraktor bumiputera yang masuk tender.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum sesebuah syarikat diberikan lesen pendaftaran dengan Pusat Khidmat Kontraktor, semakan terhadap penyata caruman Kumpulan Wang Simpanan atau SOCSO serta senarai kakitangan yang digajikan akan dibuat oleh PKK. Oleh itu Kementerian Kerja Raya tidak perlu menjalankan tugas ini semasa menimbang dan menilai tawaran tender dari kontraktor yang telah didaftarkan.

Yang Berhormat Putatan telah membangkitkan kriteria pemilihan penganugerahan kontraktor konsesi penyelenggaraan jalan Negeri Sabah dan Jalan Persekutuan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini hanya bertanggungjawab bagi penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan. Sehubungan dengan itu di antara kriteria yang digunakan untuk memilih syarikat konsesi penyelenggaraan Jalan Persekutuan adalah seperti berikut:

- (i) selaras dengan dasar Pelan Induk Penswastaan Syarikat Konsesi dipilih berdasarkan kepada siapa cepat dia dapat, iaitu dengan izin, *first come, first serve* tertakluk kepada kesesuaian penyelesaian isu atau masalah yang dihadapi;
- (ii) hasil kerjasama dan persefahaman rundingan yang diadakan di antara kerajaan dengan syarikat konsesi untuk mencapai matlamat-matlamat Pelan Induk Penswastaan;
- (iii) keupayaan kewangan dan teknikal syarikat konsesi; dan
- (iv) keupayaan pengurusan syarikat.

Yang Berhormat bagi Putatan juga telah membangkitkan isu mengenai mengapakah hanya segelintir kontraktor sahaja yang diberikan konsesi penyelenggaraan jalan, sedangkan ramai lagi kontraktor yang tidak mendapat apa-apa kontrak. Pihak kerajaan memang prihatin dengan keadaan ini dan sedang berusaha untuk mengagihkannya kontrak-kontrak kerja bagi projek-projek baru di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kepada seramai mungkin kontraktor. Yang Berhormat Maran telah membangkitkan mengenai isu penubuhan sebuah Jawatankuasa Penilaian Semula Penganugerahan Konsesi Kontrak Penyelenggaraan Jalan untuk mana-mana Ahli Yang Berhormat.

Kementerian Kerja Raya sentiasa membuat pemantauan ke atas prestasi syarikat konsesi dan juga telah membuat kajian semula ke atas syarikat-syarikat perjanjian Konsesi supaya pihak kerajaan mendapat perkhidmatan yang setimpal dengan bayaran yang dibuat. Pada masa ini pihak kementerian sedang menggubal petunjuk prestasi utama dengan izin, *Key Performance Indicator* untuk memantapkan lagi kualiti perkhidmatan kontrak penyelenggaraan jalan dan bangunan yang telah diswastakan.

Yang Berhormat Kinabatangan telah membangkitkan mengenai cadangan untuk memecah kecilkan anugerah Konsesi supaya lebih ramai kontraktor mendapat anugerah tersebut. Kementerian Kerja Raya bersetuju dengan cadangan tersebut dan berharap supaya Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dapat mengambil kira cadangan ini apabila menimbang cadangan Penswastaan Kontrak-kontrak Kerja di masa akan datang.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat Kinabatangan, seramai 43 kontraktor kelas 'F' terlibat dengan pelaksanaan kerja-kerja penswastaan bagi Konsesi Penyelenggaraan di Sabah. Manakala bagi negeri Sarawak, seramai 93 kontraktor kelas 'F' terlibat dan di Semenanjung Malaysia seramai 374 kontraktor telah terlibat. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kontraktor kelas 'F' yang diberi peluang kerja dalam bidang penyelenggaraan jalan adalah sebanyak 510 syarikat. Senarai kontraktor-kontraktor kelas 'F' ini berubah dari masa ke semasa mengikut prestasi kontraktor tersebut. Ini bermakna kontraktor kelas 'F' sentiasa diberi peluang untuk membuktikan prestasi kerja cemerlang dari semasa ke semasa.

Saya amat berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Padang Terap, Yang Berhormat Parit, dan Yang Berhormat Beluran yang amat prihatin dengan status kontraktor kelas 'F'. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya memang menyedari kemelut yang dihadapi oleh golongan kontraktor tersebut.

Oleh itu melalui CIDB, Kementerian Kerja Raya telah menjalankan satu program pengkelasan semula kontraktor kelas 'F' berdasarkan kepada keaktifan mereka. Program ini bertujuan untuk mengenal pasti kontraktor kelas 'F' yang benar-benar aktif dan berwibawa. Untuk kemudiannya, ditingkatkan kapasitinya sehingga September 2006 seramai 13,259 kontraktor atau 36.6% dari kontraktor kelas 'F' telah dikenal pasti sebagai aktif berbanding dengan jumlah bilangan yang berdaftar sebanyak 36,268 kontraktor. Langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan kapasiti kontraktor kelas 'F' adalah melalui Program Akreditasi Kontraktor yang meliputi pembangunan sumber manusia, teknologi dan persekitaran perniagaan. Melalui pengukuhan dan penguasaan dalam bidang-bidang seperti pengurusan kewangan, kemahiran teknikal, teknologi maklumat dan komunikasi diyakini kita akan dapat membentuk dan membangunkan kontraktor yang mampu bersaing di peringkat pasaran tempatan dan global pada bila-bila masa sahaja.

Di samping itu, menyedari perlunya satu hala tuju yang meliputi seluruh aspek berkaitan dengan industri pembinaan, CIDB dengan kerjasama semua pihak dalam industri pembinaan telah menyediakan satu pelan induk industri pembinaan untuk sepuluh tahun akan datang. Pelan induk ini menggariskan beberapa teras dan strategi ke arah mewujudkan satu industri yang dinamik, produktif serta mampu memberi sumbangan positif kepada ekonomi negara. Yang Berhormat dari Beluran, Bukit Emas....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya telah melihat secara dekat tentang pelaksanaan program-program terutamanya kerja-kerja yang telah diserahkan kepada kontraktor-kontraktor kelas 'F' dan saya dapati pelaksanaan pelan integriti itu berlaku secara teliti di peringkat akar umbi. Di mana pihak JKR daerah telah menghantar satu kumpulan bebas untuk menyemak kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor-kontraktor kelas 'F' dan saya dapati segala syarat telah dipatuhi dengan sempurna. Tahniah saya ucapkan kepada pihak kementerian.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Menteri, saya ingin Yang Berhormat supaya mengarahkan pegawai untuk melihat situasi di mana Pegawai-pegawai JKR di peringkat daerah dan pegawai pelaksana ini yang mempunyai kumpulan-kumpulan syarikat yang mereka jaga tanpa membenarkan syarikat-syarikat baru untuk menyertai projek-projek di peringkat daerah ini. Mungkin Yang Berhormat boleh melihat perkara ini dengan lebih mendalam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Itu akan di letup sedikit masa nanti. Tidak boleh ada geng-geng yang menyokong kawan-kawan beliau untuk mendapatkan kerja. Bulan ini, bulan akan datang, 12 bulan dia dapat kerja tetapi ada juga orang berdaftar tidak dapat kerja. Itu dihapuskan tidak lama lagi Yang Berhormat. Saya janji kepada Yang Berhormat, mengapa kita jalankan...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya minta juga tengok *Roadcare*.., betul *spelling*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Sebab saya dapati banyak kontrak yang masuk tidak dapat hanya itu yang dapat jadi saya hendak *sure* lah sebab saya tidak buat *research*. Minta tolong tengok *Roadcare* juga. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jelaskan tadi, kita sudah menggariskan 13,000 lebih kontraktor yang sebenarnya sedang menjalankan kerja daripada 36,268 banyak memegang surat pendaftaran sahaja, tidak menjalankan apa-apa kerja. Jadi kami mahu juga mendapat kontraktor yang sebenar-benarnya mempunyai kebolehan untuk melaksanakan projek akan diserahkan oleh kerajaan kepada mereka. Ini tindakan pertama. Tindakan pertama 13,000 sudah sahkan sekarang, jadi macam mana kita dapat kerja? Semua kontrak-kontrak besar, kita mengasingkan kontrak-kontrak akan dijalankan oleh kontraktor kelas 'F' itu akan diserahkan kontraktor terus daripada ibu pejabat JKR dan bayaran disediakan kepada mereka terus daripada pejabat JKR. Kami akan mengaturkan ini semua. Saya percaya dalam tempoh enam bulan akan datang, kita akan mengadakan lebih kurang RM200 atau RM250 juta kontrak akan diserahkan kepada kontraktor-kontraktor kelas 'F'.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Dato' Menteri. Dalam hal memutihkan senarai kontraktor-kontraktor ini, saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri supaya kontraktor-kontraktor yang ada prestasi dan ada mutu kerja mereka, *satisfactory* baru dipilih. Kerana saya memerhati di lebuhraya atau *federal road*, bila ada kerja-kerja penyelenggaraan atau kerja-kerja baru dijalankan, mutu kerja mereka tidak *satisfactory*, dengan izin. Sebab saya nampak kalau misal kata *road turfing*, *side table turfing*, tanah tinggi rendah pun boleh diterima. *Cow grass* yang ditanam sudah mati kerana kemarau, rumput-rumput yang lain tumbuh pun boleh diterima. Itu saya memerhatilah. Saya berharap Yang Berhormat boleh ambil perhatian berkenaan dengan kontraktor-kontraktor hanya yang bermutu sahaja boleh dipilih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Untuk makluman Yang Berhormat Bagan, betul kah?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bagan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Penjelasan daripada saya seperti apa yang saya kata tadi, kita sehingga September 2006 seramai 13,259 kontraktor telah dikenal pasti dengan kebolehan, boleh dipercayai, boleh diberi kerja dan mereka boleh melaksanakan kerja-kerja itu. Selain daripada itu yang tidak layak, kita tidak bagi kontrak. Oleh kerana mereka mempunyai surat akuan daripada PKK, itu bukan ertinya. Kita mesti *check* kita punya kontraktor sebelum kita bagi kerja. Langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan kapasiti kontraktor kelas 'F' adalah melalui Program Akreditasi Kontraktor meliputi pembangunan sumber manusia, teknologi, persekitaran perniagaan melalui pengukuhan dan penguasaan dalam bidang-bidang seperti pengurusan kewangan. Di samping itu, menyedari perlunya satu hala tuju yang meliputi seluruh aspek berkaitan dengan industri pembinaan, CIDB dengan kerjasama semua pihak dalam industri pembinaan telah menyediakan satu pelan induk seperti apa yang saya sudah jelaskan tadi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya pertamanya sedikit sahaja. Saya hendak ucapkan tahniah kepada JKR.

Sejak akhir-akhir ini telah banyak diberikan tanggungjawab oleh kerajaan termasuklah kajian cerun dan saya yakin kementerian ini telah menjadi penasihat utama kepada bidang kejuruteraan terhadap kerajaan. Cuma saya ingin bertanya satu perkara tentang kontraktor tadi. Sedikit sahaja iaitu sejauh mana pula JKR memanfaatkan segala pemindahan teknologi yang berlaku dalam bidang pembinaan - dari segi pembinaannya, dari segi pengurusan dan sebagainya. Sebagai contoh kita berjaya membina Menara Berkembar tertinggi di dunia dan banyak teknologi baru yang wujud di situ.

Soalan saya ialah, sejauh mana JKR memanfaatkan minda teknologi yang berlaku dan menyuburkan di kalangan pegawai juga di kalangan kontraktor terutamanya kontraktor yang berpotensi tinggi ini. Sekian terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua JKR bila-bila masa pun membantu kepada kontraktor jikalau kontraktor itu mempunyai kebolehan. Jikalau tidak mempunyai kebolehan pun kalau mereka berani untuk melaksanakan projek, kita akan membantu mereka, memberi nasihat mengenai masalah-masalah kejuruteraan, kita akan menyelesaikan semuanya. Jikalau kita nampak mereka teruskan dengan kerja tetapi sudah mengambil masa lebih sedikit, kalau dia benar-benar ada hati untuk menyelesaikan kerja, kita bagi dia sedikit lebih masa pun. Bukannya bila kita sudah lihat mereka, sudah ambil satu bulan dua bulan dengan serta-merta kita batalkan dia punya kontrak, itu tidak. Kami mempunyai pelan-pelan untuk mengatasi masalah seperti ini.

Yang Berhormat bagi Beluran, Bukit Mas dan Sri Aman telah membangkitkan mengenai Lebuhraya Trans Borneo yang menghubungkan Sabah dan Sarawak. Jajaran jalan tersebut yang sedia ada...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai bagaimana pula kita menjaga kualiti hasil kerja mereka. Baru-baru ini saya nampak hasil kerja kontraktor khususnya di jalan raya ada jalan dan lebuhraya adalah tidak begitu memuaskan. Sebagai contoh Yang Berhormat Menteri kalau kita hari ini kalau pergi ke jalan Lapangan Terbang Subang yang baru-baru ini telah dilebarkan, dinaiktarafkan sebagai satu lebuhraya tetapi jalan dia masih terumbang-ambing *up and down*. Pasir, batu bertaburan di merata-rata tempat, landskap dia macam orang kata apa *like worst then the Third World*, dengan izin.

So saya tanya keadaan macam ini siapakah yang memantau kualiti kerja khususnya satu kerja yang melibatkan berjuta-juta ringgit ini. Adakah ini pihak kontraktor ataupun pihak JKR ataupun agensi-agensi yang lain? Supaya wang ringgit yang kita laburkan itu dapat satu *return in investment* itu mestilah memenuhi hasrat dan juga standard rakyat kita ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat tiap-tiap kerja dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Kita ada juga satu pasukan pemantauan untuk menjaga kerja. Di tiap-tiap kerja kita ada juga *technician* kita ada juga jurutera untuk menjaga kerja dan juga kita sekali lagi ada juga pasukan pemantauan untuk menjaga kerja-kerja yang telah diselesaikan dan sedang dilaksanakan. Jadi seperti apa dikatakan oleh Yang Berhormat tadi lubang-lubang ya?

Tuan Yang di-Pertua: Berombak-ombak.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Jalan dia tidak rata.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tidak ratalah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tidak rata tetapi baru orang kata terumbang-ambinglah.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan terumbang-ambing berombak-ombak.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Berombaklah okey. Maksud saya bila kereta atau lori yang jalan itu terumbang-ambing okey. Nama jalannya ialah Jalan Lapangan Terbang Lama Subang itu, yang baru dinaik taraf. Saya fikir kerajaan telah labur berjuta-juta ringgit tetapi kualiti yang kita terima bagi sayalah saya selalu melalui jalan itu kerana saya pergi kelab saya. So maka ini bagi saya ini tidak boleh diterima dalam masa ini untuk makluman Yang Berhormat Menteri. Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh mengambil sedikit tindakan untuk menaikkan taraf atau memperbaiki segala kerosakan ataupun apa-apa yang sepatut diperbaiki. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua apabila kita membina jalan-jalan itu rata sahaja tetapi apabila sahaja kita melihat kenderaan-kenderaan yang mengambil muatan tiga kali ganda daripada apa diluluskan itu, itulah masalah kita. Semua lori kalau kita kira berapakah muatan yang diambil? Kadang kalanya walaupun mereka boleh mengambil 13 tan satu *excel* tetapi mereka ambil 20 tan atau 22 tan. Ini semuanya bukanlah kuasa Kementerian Kerja Raya untuk menjaga. Ini diletak dalam Kementerian Pengangkutan. Jadi dua kementerian menjaga dua kuasa. Kuasa pembinaan itu di dalam tangan JKR, kuasa untuk menjaga penggunaan jalan diletakkan dalam Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat pemimpin kedua dua buah negara Malaysia dan Brunei yang telah mengadakan rundingan baru, baru-baru ini pada dasarnya telah bersetuju untuk membina jambatan yang merentasi Sungai Pandaruan bagi menghubungkan negara Brunei Darussalam dan Sarawak. Bagi negeri Sabah kerja-kerja menaik taraf jalan Sepulut-Kalabakan dan Keningau-Kimanis yang juga merupakan sebahagian dari Lebuhraya Trans Borneo sedang dijalankan dan dijangka siap pada tahun 2008 dan tahun 2007.

Ahli Yang Berhormat Tangga Batu telah membangkitkan isu mengenai jalan dari Ayer Keroh ke Sungai Udang yang sebahagian dibina empat lorong dan sebahagian lagi dua lorong untuk dua lorong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan menaik taraf jalan dari Ayer Keroh ke Sungai Udang dari dua lorong ke empat lorong telah dipohon oleh kementerian ini semasa penyediaan Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi tidak diluluskan oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Bernard S. Marat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri. Imbas *go back little bit* on Kimanis-Keningau Road. Jalan Kimanis-Papar. Saya dapati Yang Berhormat Menteri, jalan raya Kimanis yang sedang dibina dan mungkin akan siap dalam tahun 2007 ini dan saya melalui jalan-jalan tersebut. Dan saya dapati jalan tersebut banyak tanah-tanah runtuh ini kuasa bukan Tuhan ini kuasa *consultant-consultant* ataupun *engineer-engineer* yang saya rasa tidak memberi keprihatinan terhadap kualiti-kualiti jalan raya yang mereka lengkapkan ini. Dan saya dapati beberapa tempat di Jalan Kimanis cerun-cerun semua sudah runtuh. Saya pasti ini adalah disebabkan mungkin *consultant* yang memberi kepakaran mereka tidak sampai ke tahap yang dapat kita banggakan dan saya pasti banyak duit yang telah kita buang khususnya JKR yang telah bertungkus-lumus mendapatkan wang-wang ini tetapi saya rasa kontraktor-kontraktor yang diberi tanggungjawab ini tidak bertanggungjawab.

Dan kalaulah itu termasuk dalam senarai-senarai yang telah disebutkan oleh Menteri tadi saya minta supaya dikaji semula dengan kontraktor-kontraktor yang sedia ada.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya juga lihat jalan-jalan raya yang dibina di antara Moyoq dengan Tambunan ini adalah satu-satu jalan raya yang saya rasa yang perlu dilihat secara terperinci lagi. Sama ada *engineer* jurutera-jurutera JKR ini betul-betul melihat kualiti-kualiti jalan raya ini ataupun *consultant-consultant* ini telah tidak memainkan peranan mereka dengan teliti. Jadi saya minta supaya jalan-jalan ini dapat dilihat secara terperinci lagi dan supaya pengguna-pengguna jalan raya dapat menggunakan jalan raya ini dengan baik. Dan berterima kasih kepada kerajaan kerana telah membuat satu jalan raya yang baik tetapi setakat ini jalan raya ini perlu dipantau oleh JKR dengan sebaik mungkin. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua apabila kita merancang satu-satu projek jalan kita mengambil kira, walaupun kita mengambil kira jalan yang pertama selain daripada itu menstabilkan tepi jalan tidak masuk dalam kontrak atau peruntukan yang telah disediakan oleh EPU atau Jabatan Perdana Menteri.

Jikalau kita mahu juga mengambil kira pada keseluruhannya menstabilkan jalan, membina menstabilkan jalan itu, saya percaya harga kos itu yang paling tinggi. Oleh sebab kita teruskan dengan jalan dulu dan kita menghadapi apa-apa masalah runtuh tanah kita ambil kira sebagai kerja yang kedualah. Walau bagaimanapun, saya mengambil perhatian, apa dikatakan oleh Yang Berhormat tadi berkenaan dengan jalan-jalan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat, saya bila sebut EPU ini saya hendak tanya penjelasan sedikit kepada Yang Berhormat lah sama ada soal ini di bawah jabatan, JKR, kementerian Yang Berhormat ataupun kementerian di bawah JPS, sebab kita tahu bahawa ini telah dikemukakan kepada EPU tentang masalah banjir di Selangor melibatkan Shah Alam. RM1 bilion telah pun diluluskan untuk mengatasi masalah banjir, kita tahu JKR pun terlibat juga dengan masalah banjir ini. Jadi persoalan di sini ialah kenapa begitu lama.

Adakah ia di bawah Jabatan Yang Berhormat, JKR, kementerian Yang Berhormat ataupun di kementerian yang melibatkan JPS kerana pengumuman telah dibuat RM1 bilion untuk mengatasi masalah banjir di Selangor khususnya di Shah Alam untuk dipercepatkan tetapi apabila Yang Berhormat sebut EPU tadi, apakah sebenarnya masalah di EPU ini? Adakah kerana kekurangan tenaga kepakaran menyebabkan, bukan saya soalkan yang tidak lulus tadi, projek yang sudah lulus tetapi masih lewat. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat sedikit. Saya hendak tahu penjelasan, apakah ini di bawah Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya ataupun kementerian yang melibatkan JPS. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, 55 tahun dahulu, apabila saya jadi penuntut, saya ikut dengan tepi itu longkang, hari ini dinamakan sebagai Sungai Damansara. Pada masa itu longkang sahaja enam kaki. Hari ini sudah jadi Sungai Damansara. Sungai itu pun tidak besar, tidak dalam tetapi pembangunan sedang berlaku tiap-tiap hari.

Beberapa ribu rumah baru tetapi sungai lama sahaja. Macam manakah mahu mengalirkan air? Oleh kerana itu, bila banjir berlaku di jalan NKVE, orang tidak marah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tetapi marah Kementerian Kerja Raya. Oleh sebab Kementerian Kerja Raya senang, boleh marahlah. Dia tidak ada balas. Jadi macam itulah untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini saya sudah minta kementerian saya sendiri untuk mengadakan satu laporan, laporan itu saya timbulkan kepada Jemaah Menteri inilah sebab-sebabnya banjir berlaku di kawasan itu, di bawah jambatan dan lain-lain di mana beberapa orang hilang, dia punya barang-barang semua ini.

Ini Jemaah Menteri telah menerima, mengarah kepada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk menghantar satu Kertas Kerja, Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar sudah menghantar Kertas Kerja kepada Jemaah Menteri, Jemaah Menteri saya percaya sudah lulus lebih kurang RM285 juta kah atau RM290 juta sebagai fasa pertama. Saya percaya sedikit hari nanti masalah ini boleh diatasi. Walaupun ini tidak ada kaitan dengan kementerian saya, oleh kerana saya kena marah oleh orang hari-hari, saya kena ambil sedikit tindakan atas ini.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan sedikit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri S. Samy Vellu: *Yes, sir.*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Agak mendukacitakan apabila Yang Berhormat Menteri menyebut tentang sokongan yang kuat dari pihak kementerian Yang Berhormat Menteri terhadap projek pembesaran dua lorong kepada empat lorong dari Sungai Udang ke Ayer Keroh yang tergendala separuh jalan. Saya telah meletakkan ini sebagai satu prioriti kerana terdapat dua buah kem tentera di Sungai Udang dan di kem di Terendak dan jalan ini adalah merupakan penghubung utama dengan Lebuhraya Utara-Selatan.

Jadi, berbalik kepada Yang Berhormat bagi Larut tentang kuasa EPU, adakah EPU berkuasa untuk menafikan sokongan kuat yang telah diberikan oleh pihak Yang Berhormat Menteri dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan kepada saya yang projek ini akan di *review* semula pada pertengahan penggal, ulang kaji pertama penggal nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri mempunyai kuasa sepenuhnya untuk *downsize* kita kata dengan izin, mana-mana projek yang disyorkan oleh mana-mana kementerian. Kadangkala mereka sendiri ada juga beberapa projek, untuk dilaksanakan oleh kementerian-kementerian berkenaan. Berkenaan dengan Ayer Keroh-Sungai Udang, saya sendiri telah melihat beberapa bulan yang lalu dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pun telah membangkit perkara ini apabila sahaja saya balik ke Kuala Lumpur, dengan sertamerta saya tulis surat kepada Jabatan Perdana Menteri iaitu jalan ini mesti dibesarkan oleh sebab bilangan kenderaan pun sudah tinggi sekarang, oleh sebab banyak di antara kenderaan-kenderaan yang pergi ke Bandaraya Melaka menggunakan jalan ini, oleh sebab jalan ini lebih sesuai daripada jalan lama iaitu Jalan Ayer Keroh.

Jadi ini saya percaya kita kena tunggu sampai kita ada juga *Mid Term Review* dengan izin, Rancangan Malaysia Kesembilan.

Yang Berhormat Sekijang telah membangkitkan isu mengenai Jalan Tangkak ke Segamat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek menaik taraf jalan dari Tangkak dan Segamat, FT23 sepanjang 51 kilometer telah dipohon oleh kementerian ini adalah salah satu projek dari lima projek berkeutamaan tinggi di negeri Johor untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Walau bagaimanapun, cadangan projek ini tidak termasuk dalam sebarang projek yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Anggaran awal kos projek ini adalah sebanyak RM250 juta. Kementerian akan mengemukakan cadangan pelaksanaan projek ini sekali lagi dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan.

Yang Berhormat Ledang ada menyentuh mengenai kelewatan mengemukakan senarai projek Rancangan Malaysia Kesembilan kepada Jabatan Kerja Raya yang dikhuatiri akan menjejaskan keupayaan JKR untuk mengeluarkan tender dan melaksanakan projek-projek tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan oleh JKR, akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut fasa dalam tempoh lima tahun Rancangan Malaysia Kesembilan.

Namun demikian, kerjasama dari semua kementerian dan agensi kerajaan yang terlibat amat diperlukan bagi membantu JKR melaksanakan projek-projek tersebut dengan lancar. Di antara kerjasama yang diperlukan ialah dalam aspek penentuan tapak projek, ringkasan projek dan pengambilan balik tanah yang perlu diselesaikan terlebih dahulu, sebelum JKR boleh mengeluarkan Notis Tender dan melaksanakan projek-projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua inilah satu masalah besar yang kita hadapi sekarang. Banyak projek sudah diluluskan, ratus-ratus projek, tapak belum ditetapkan. Macam mana mahu bina, tidak ada tapak. Kementerian-kementerian tidak mengenal pasti tapak di manakah bangunan-bangunan itu akan dibina.

Ada juga kementerian-kementerian meminta kita, janganlah buat tender sekarang, tunggulah sikit hari, tunggulah dua bulan, tunggulah lima bulan tetapi dia tidak kena marah, saya kena marah, oleh sebab pelaksanaan ini menjadi tanggungjawab Kementerian Kerja Raya. Orang lain tidak ada masalah, kami mempunyai banyak masalah oleh sebab banyak projek-projek yang telah diluluskan oleh Rancangan Malaysia Kesembilan tidak mempunyai tapak, tidak dikenal pasti tapak.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Minta penjelasan, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tebräu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: *Yes, sir.*

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya tentang projek-projek di Johor juga, di Lebu Raya Pasir Gudang, adakah kerajaan bercadang hendak menimbang semula untuk melebarkan jalan itu. Memang saya difahamkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan, ada rancangan hendak melebarkan Lebu Raya Pasir Gudang menjadi enam lorong tetapi nampaknya tidak ada apa-apa tindakan susulan. Jadi adakah memandangkan kesesakan lalu lintas yang begitu serius berlaku setiap hari di sepanjang Lebu Raya Pasir Gudang dan itu satu pelabuhan yang begitu penting. Sekurangnya kalau tidak ada rancangan untuk melebarkan lebu raya menjadi enam lorong, ada lorong motosikal boleh disediakan untuk mengurangkan kesesakan dan kesulitan pengguna-pengguna jalan sepanjang jalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menimbang untuk menswastakan Lebu Raya Senai-Desaru, saya mencadangkan kepada Jemaah Menteri, kita melebarkan jalan iaitu jalan lama dari enam lorong tetapi diswastakan... [*Gangguan pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh dengar!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Boleh dengar?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh. Boleh dengar, Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Apabila saya mencadangkan enam lorong dengan kemudahan-kemudahan yang lain tetapi Ahli Yang Berhormat Pasir Gudang kata tidak mahu. Dia kata tidak mahu bina tol. Kalau boleh kita bina jalan tanpa tol boleh tetapi kita mempunyai wang. Adakah Ahli Yang Berhormat Pasir Gudang, Menteri, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin?

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Akan tetapi saya rasa rakyat tempatan itu memang memerlukan projek itu, pelebaran Lebu Raya Pasir Gudang menjadi enam lorong dan telah ditunggu lama oleh rakyat di Johor, Johor Bahru khususnya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah itu kita sudah menyambung jalan Lebu Raya Senai-Desaru dengan satu sambungan kepada Pasir Gudang. Ada dua jalan sekarang, jalan lama dan juga jalan baru akan digunakan. Walau bagaimanapun, apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, saya tidak boleh kata saya timbang oleh kerana saya tidak mempunyai kuasa untuk menimbang perkara ini. Saya boleh juga membangkitkan perkara ini. Dahulu kerajaan sudah menerima untuk membina enam lorong dan juga lebih kurang enam persimpangan bertingkat. Pada akhirnya kita sudah mengurangkan kerja-kerja ini oleh kerana tidak mempunyai peruntukan.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Saya mintalah Yang Berhormat Menteri, seorang yang sangat prihatin tentang masalah rakyat. Saya minta Yang Berhormat Menteri bawa semula atau hidupkan semula cadangan itu, melebarkan Lebu Raya Pasir Gudang, membawa perkara itu kepada Jemaah Menteri sekali lagi bagi pihak rakyat Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu penyelenggaraan jalan di Labuan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Labuan. Secara pentadbiran, penswastan jalan di Labuan tidak digabungkan sebagai satu pakej bersama dengan negeri Sabah. Dua perjanjian penswastan persaingan di antara kerajaan dan syarikat konsesi telah ditandatangani di mana pemantauan di Labuan dibuat oleh JKR Wilayah Persekutuan Labuan, manakala di Sabah oleh JKR Sabah.

Syarikat Lintasan Resources Sdn. Bhd. telah diberikan konsesi penyelenggaraan jalan di Labuan dan mengambil loji-loji penyelenggaraan jalan yang bernilai RM500,000 dan penyerapan seramai 11 orang kakitangan JKR. Operasi penswastan oleh syarikat konsesi lain adalah tidak *viable*, dengan izin, kerana panjang jalan di Labuan hanyalah 140 kilometer sahaja. Syarikat konsesi ini telah melantik lapan kontraktor Kelas 'F' tempatan untuk melaksanakan penyelenggaraan jalan tersebut.

Yang Berhormat Kinabatangan membangkitkan isu mengenai kelulusan papan iklan di lebuhraya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, reka bentuk, struktur dan lokasi paparan iklan tersebut diluluskan oleh Kementerian Kerja Raya. Lokasi papan iklan ini hanya diberikan oleh lesen menduduki sementara oleh pejabat daerah tanah berkenaan. Syarikat konsesi diberikan hak untuk menerima hasil daripada iklan tersebut di mana ia terkandung dalam perjanjian konsesi. Hasil ini juga merupakan sebahagian daripada pendapatan syarikat konsesi.

Namun jumlahnya adalah kecil. Pada tahun 2000, sebanyak RM2.55 juta, pada tahun 2001 adalah sebanyak RM2.08 juta; tahun 2002 - RM3.73 juta; tahun 2003 sekali lagi RM3.47 juta; bagi tahun 2004 - RM3.7 juta; dan tahun 2005 ialah RM4.98 juta.

Yang Berhormat Bukit Mertajam membangkitkan isu penyelewengan peruntukan kerja pembaikan dua sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini sudah selesai selepas lawatan saya. Mana Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam? Sekolah itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah yang dimaksudkan adalah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Ai Hwa dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kung Yu di daerah Muar, Johor.

SJK(C) Ai Hwa telah diberi peruntukan sejumlah RM20,000 dan kerja pembaikan telah disiapkan dengan memuaskan. SJK(C) Kung Yu telah diberi peruntukan sejumlah RM30,000 dan kerja pembaikan yang telah dilaksanakan oleh kontraktor adalah tidak memuaskan. Kontraktor yang terlibat adalah diarah untuk melaksanakan semua kerja pembaikan mengikut skop kerja yang telah ditentukan oleh pihak sekolah dan Jabatan Kerja Raya dengan peruntukan RM30,000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah mengarahkan Jabatan Kerja Raya untuk menyiasat perkara ini secara mendalam untuk mendapat tahu siapa yang bersalah dan apakah tindakan akan diambil oleh pegawai-pegawai jikalau pegawai-pegawai tidak menjaga kerja itu mengikut arahan yang telah diberi oleh kementerian.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Bukankah masalah yang dibangkit mengenai Sekolah Kung Yu di mana RM30,000 diperuntukkan tetapi mengikut laporan lawatan semalam ada pengakuan bahawa nilai sebenarnya lebih daripada RM30,000 ialah ketirisan 90% tetapi masalahnya ialah ini bukan satu *isolated case*, ada banyak komplain bahawa bukan sahaja banyak sekolah yang dapat peruntukan untuk sama ada *repair* atau *capital expenditure* adalah berlaku penyelewengan tetapi juga projek-projek kontrak ada berlaku penyelewengan. Kenapa tidak ada satu sistem supaya boleh memantau dan mengelakkan penyelewengan semacam ini di mana setiap ringgit yang dibelanjakan daripada kerajaan dapat dinilai oleh rakyat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap daerah kita mempunyai jurutera daerah. Bersama dengan jurutera daerah kita juga mempunyai beberapa orang pakar *technician* yang memantau dan juga menjaga projek. Di sini juga mereka belum jawab kepada saya apakah masalah yang dihadapi oleh mereka. Saya pada pagi ini telah mengarahkan kepada Ketua Pengarah Kerja Raya untuk mengadakan satu siasatan, macam manakah bayaran ini telah diberi kepada kontraktor bila kerja-kerja iaitu lebih kurang RM3,000 sahaja telah dilaksanakan. Saya minta jurutera daerah dan juga *technician* (juruteknik) yang ada kaitan dengan projek ini mesti disiasat oleh jabatan dahulu sebelum apa-apa tindakan boleh diambil.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dengan lawatan dan siasatan Yang Berhormat Menteri di mana RM3,000 nilai kerja yang dilaksanakan sedangkan peruntukan ialah RM30,000 yang menunjukkan perkara yang dibangkit bersabit Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi itu benar dan bukan satu perkara yang direka. Adakah Mesyuarat Kabinet esok akan mengarahkan Menteri Pengajian Tinggi untuk tarik balik minta maaf yang beliau ada buat bagi pihak Timbalan Menteri beliau oleh kerana perkara ini tunjuk ada berasas.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada kaitan dengan itu. Saya tidak mahu jawab.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Menteri, saya ada soalan. Minta penjelasan. Yang Berhormat, memang semalam mengadakan lawatan disambut baik. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat, sekarang Kementerian Pelajaran ada Bahagian Teknikal dan kementerian sendiri pun ada jurutera.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)
mempengerusikan Mesyuarat]

Jadi apabila kita menyentuh tentang projek yang disalurkan kepada sekolah untuk membaik pulih dari iktibar ini, dari pengajaran ini apakah tindakan Yang Berhormat untuk memastikan peruntukan yang diberikan kepada sekolah itu dapat digunakan sepenuhnya, dan ianya dikawal selia dengan baik oleh mana-mana orang yang dipertanggungjawabkan dan saya rasa dalam kes ini ada kecuaiannya pegawai, ada sifat tamak kontraktor dan saya rasa ini adalah tindakan yang perlu diambil serius kerana kerajaan ini adalah satu kerajaan yang kolektif, dan apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jikalau saya tidak ambil serius perkara ini saya tidak akan melawat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bangun cakaplah, kenapa duduk cakap. Tidak ada hormat Tuan Yang di-Pertua.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Cakaplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Habiskan dahulu, habis dahulu apa Yang Berhormat Menteri mahu cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat teruskanlah tidak payah bagi jalan. Yang Berhormat pun kena gulung Yang Berhormat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai kuasa untuk menggantung orang yang membuat salah. Saya tidak mempunyai lesen untuk menembak orang yang buat salah. Semuanya mesti dibicara, mesti disiasat. Selepas siasatan itu kita mengikut dengan undang-undang apa tindakan yang akan diambil dan jabatan akan mengambil tindakan.

Jadi kerja-kerja seperti Yang Berhormat Ayer Hitam katakan tadi banyak sekolah - 477 buah sekolah, tapi kita tidak laksanakan sekolah itu kerana tidak ada tapak. Seperti apa yang saya katakan tadi kalau ada tapak bangunan baru mengikuti dengan semua piawaian yang kita ikuti kita akan siapkan projek itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara yang sama apa tindakan yang diambil supaya perkara seperti Kung Yu di mana 90% peruntukan ada berlaku penyelewengan tidak berlaku. Mungkin 90% tapi lebih rendah tapi inilah menunjukkan bahawa ini masalah yang maharajalela di negara kita.

Dato' Seri S. Samy Vellu: RM30,000 menjadi masalah negara tetapi banyak juga masalah-masalah yang lain. Kontrak bila kita beri kita kena jaga. Jikalau *technicians* tidak jaga ini akan menjadi masalah. Oleh kerana itulah saya minta siasat. Hari ini, pagi saya minta siasat sekarang Yang Berhormat minta saya apakah tindakan akan diambil. Saya tidak boleh kata apa tindakan kita boleh ambil.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Masalah sekolah-sekolah yang lain seperti ini akan siasatan yang sepenuhnya dijalankan untuk semua sekolah dan semua projek.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Mertajam membangkitkan isu.....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Apasal tadi tidak mahu cakap?

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Janganlah marah. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat tadi kata bahawa Yang Berhormat prihatin sebab itu turun pergi tengok keadaan sekolah itu dan telah membuat kenyataan bahawa memang benar kerja-kerja yang dilaksanakan adalah tidak memuaskan. Ini menunjukkan kegagalan kementerian Yang Berhormat untuk memantau peruntukan yang telah disalurkan dan telah menyebabkan kalau tidak ada perbalahan dan antara Menteri Pelajaran dengan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Batu Gajah cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Saya percaya perkara ini tidak akan dapat dibongkarkan dan menteri tidak akan turun.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Menteri sudah jawab Yang Berhormat, sudah siasat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Untuk memantau. Jadi dalam aspek ini apakah Yang Berhormat Menteri akan minta maaf kepada Timbalan Menteri Pengajian Tinggi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Kerana telah menyebabkan beliau telah ditegur oleh pihak Kabinet.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Apasal saya mahu minta maaf?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebab kementerian bawah jagaan Yang Berhormat telah gagal!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tidak ada. Saya kata dalam siasatan!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat telah...

Dato' Seri S. Samy Vellu: Dalam siasatan!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat telah menyatakan tidak.....

Dato' Seri S. Samy Vellu: *You* tahukah dalam siasatan!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat telah kata tadi memang benar.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Dalam siasatan saya kata! Dalam siasatan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Batu Gajah, cukuplah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya sudah bagi tahu dalam siasatan. *You* sebagai *lawyer* you tembak orang matikah sebelum bicara? Apa undang-undang *you* sendiri pun tidak ikut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat gulunglah Yang Berhormat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: *You* mahu saya minta maaf daripada Datuk Ong Tee Keat? Sekarang dia *you* punya partikah, sudah masuk *you* punya partikah?... [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini berterima kasih kepada dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau tidak ada pembongkaran sedemikian.....

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang Berhormat, *you* tidak tahu apa peraturan. Tiap-tiap kementerian ada juga peraturan. Menteri dari satu jabatan tidak boleh kacau jabatan lain. Tahukah? Cakap besar sahaja!... [*Dewan riuh*]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat tidak payah bertanggungjawablah!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Apa tanggungjawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Apa tanggungjawab? Erti tanggungjawab tahukah, apa tanggungjawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kalau ada tajuk lain, tajuk lainlah Yang Berhormat. Kalau tidak gulung sahajalah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tajuk lain kita tidak boleh pergi. Saya sampai pukul lima saya cakap.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Satu lagi, satu pertanyaan sini Rantau Panjang. Satu sahaja. Terima kasih. Ini menteri baik. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut berkenaan dengan kalau ada tanah boleh buat bangunan sekolah. Saya hendak tanya Yang Berhormat peluang yang ada di kawasan saya. Di kawasan Parlimen Rantau Panjang, dalam jajahan Pasir Mas sudah lima tahun lebih pihak jawatankuasa tanah Jajahan Pasir Mas telah meluluskan satu tanah untuk membuat sekolah komuniti tetapi hingga sekarang masih belum buat dan dalam peruntukan baru pun tidak ada lagi. Kenapa berlaku demikian? Boleh Yang Berhormat bagi tahu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bila ada duit, bila ada peruntukan ada tanah kita bina. Bila ada tanah tidak ada peruntukan, bila ada peruntukan tidak ada tanah. Bila nampak 'hunching' tidak nampak batu, bila nampak batu tidak nampak 'hunching'. Tahukah?... [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, itu ada udang di sebalik batu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: ...Perkara itu sudah selesai. Yang Berhormat Baram telah meminta supaya pembinaan Jalan Beluru, Long Teru dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya jalan yang disebutkan itu termasuk dalam projek pembinaan Jalan Beluru, Long Teru, Long Lama yang telah pun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebagai projek sambungan dengan siling peruntukan RM8.5 juta bagi tujuan menyiapkan pembinaan bahagian jalan dari Sungai Teru ke Long Lama sepanjang 14 km.

Bagi bahagian dari Beluru ke Long Teru pula, kementerian telah melantik sebuah syarikat juru perunding, Syarikat Konsortium Malaysia untuk menyediakan reka bentuk bagi bahagian jalan dari Beluru ke Batang Tinjar sepanjang 36 km. Reka bentuk jalan ini berserta dengan dokumen tender dijangka siap pada Jun 2007. Seterusnya kementerian akan memohon peruntukan tambahan semasa kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesembilan pada tahun 2008 kelak untuk melaksanakan bahagian jalan ini iaitu dari Beluru ke Batang Tinjar sebanyak 36km dan juga untuk menolak bahagian jalan *gravel* sedia ada dari Batang Tinjar ke Long Teru sepanjang 12km. Anggaran kos bagi pembinaan kedua-dua bahagian jalan ini adalah sebanyak RM80 juta.

Ahli Yang Berhormat Sri Aman telah membuat aduan bahawa sungguhpun Malaysia telah merdeka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat Baram bangun.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ya.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Menteri atas jawapan itu tadi. Jawapan itu sangat menggalakkan sekali bagi penduduk-penduduk kita di Baram kerana dalam hujung minggu ini tadi saya ada melawat ke kawasan tersebut. Sebahagian dari jalan tersebut pun banjir sampai ke lebih kurang dua kaki, lebih kurang satu kilometer di antara Sungai Selulit dan Sungai Bok. Jadi, banyak pengguna-pengguna yang menggunakan jalan tersebut ada yang balik ke kampung dan ada yang balik ke Miri. Jadi, ini menjadi satu masalah yang besar.

Jadi oleh sebab itulah saya selalu menyentuh betapa perlunya jalan ini boleh dinaiktarafkan dan juga diturap. Ada sebahagian daripada jalan tersebut memang sudah cukup baik, keras. Yang kita perlu ialah untuk menurap sahaja. Mungkin tak perlu banyak peruntukanlah. Jadi, saya ingin mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Menteri kerana mengambil pertimbangan untuk mencari jalan bagaimana kita dapat menambahkan lagi peruntukan untuk jalan ini. Sekian terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini seperti yang saya jelas tadi. Jikalau ada juga kerja-kerja yang lain, kita kena memohon baliklah kepada Jabatan Perdana Menteri untuk menimbang istimewanya kepada kawasan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman telah membuat aduan bahawa sungguhpun Malaysia telah merdeka hampir 50 tahun, tiada hubungan jalan raya dari Kapit ke bandar atau pekan lain. Dari Pekan Marudu ke Bandar Miri, dari Miri ke Limbang dan Lawas, dan dari Miri ke Tanah Tinggi Bario. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun meluluskan projek pembinaan Jalan Nanga Gaat, 'Meripai', Tunu, Endau, Putai dengan siling peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM15 juta dan projek pembinaan Jalan Marudu dan Miri juga dengan peruntukan sebanyak RM15 juta. Kedua-dua projek ini merupakan projek baru dan sedang dalam proses awal pelaksanaan.

Adalah dijangkakan kedua-dua projek ini dapat disiapkan dalam tempoh tiga tahun akan datang. Mengenai ketiadaan hubungan jalan raya dari Kapit ke bandar atau pekan lain dan dari Bario ke Miri, kerajaan mengambil maklum bahawa kedua-dua tempat tersebut terletak di kawasan yang jauh dan terpencil serta berbukit-bukau dan melalui kawasan hutan belantara. Kos pembinaan jalan-jalan tersebut adalah sangat mahal sebagai contoh kos pembinaan jalan dari Kapit ke pekan terdekat iaitu Pekan Song sepanjang 45km dianggarkan sebanyak RM180 juta. Namun, dari masa ke semasa kerajaan akan mengkaji kemungkinan atau *viability* membina jalan-jalan ini tertakluk kepada keupayaan kewangan negara. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Puchong telah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Kapit.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih. Dato' Menteri, kawasan Parlimen Kapit memanglah sampai masa ini belum ada jalan penghubung di antara kawasan bahagian Kapit kepada bahagian lain seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Malah di antara dalam kawasan Kapit ini, Pekan Song dengan Pekan Kapit 40km kalau ikut jarak dia. Dekat sana, kalau kita mengikut ada topografi, sana tidak berbukit sangat. Kalau kita hendak tunggu kawasan itu tak ada bukit lagi, sampai bila? Sebab kita tidak ada pilihan lain dan sekarang dengan kenaikan harga minyak, rakyat di sana menderita. Itulah sebab kita minta dan kita mohon daripada kerajaan.

Kita ini dah hampir 50 tahun sudah merdeka, tetapi belum lagi kawasan seperti itu diberi kemudahan ataupun pembangunan seperti jalan raya itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Boleh teruskan perkara yang sama Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Pertama, saya memberi jutaan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah menjawab pertanyaan dan rayuan saya. Sebenarnya dengan izin, *as thing goes*, jumlah yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri kalau saya tak silap RM180 juta itu tidaklah begitu banyak kalau kita mendengar pelebaran jalan raya dari dua *lane* ke tiga *lane* di Kuala Lumpur sini berharga RM300 juta, RM400 juta, satu bilion dan di sini kita ada kawasan yang lebih besar dari Negeri Sembilan dan Melaka. Kawasan Kapit kalau dicantumkan lebih besar.

Tidak ada hubungan jalan raya dengan Pekan Song, dengan Pekan Kanowit. Ini memang tidak masuk akal untuk rakyat yang berada di bahagian Kapit. Jadi bolehkah saya merayu sekali lagi kepada menteri yang baik hati supaya mengambil langkah dan bercakap dengan *Cabinet colleague* beliau supaya projek ini disegerakanlah. Sekian terima kasih.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri sendiri. Mungkin kalau ada masa, datang ke Kapit lah, supaya kita tengok.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Melawat ke kawasan-kawasan itu bukan masalah Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh melawat tetapi kena selesai kerja-kerja semua dululah. Seperti apa dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, mengapakah kita belanja RM100 juta, RM1 bilion, RM2 bilion di kawasan-kawasan bandar. Oleh kerana penduduk ini beberapa juta penduduk di kawasan-kawasan bandar tetapi kita bukan lupa kawasan-kawasan luar bandar, itu pun kerajaan mengambil tindakan. Jadi, saya minta kementerian saya dan juga Jabatan Kerja Raya Sarawak untuk melihat apakah yang boleh dilakukan di kawasan ini.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat nak bagi jalan? Yang Berhormat Baram.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri menyebut Jalan Miri ke Bario ini. Memang Yang Berhormat Menteri, Jalan Miri yang kita sebut Miri Beluru-Long Teru itu adalah sebahagian dari jalan yang digunakan untuk pergi ke Bario. Jadi dari Jambatan Lapuk ke Ulu Baram, kena dekat sampai Bario itu memang ada jalan kayu balak yang cukup baik lagi dari jalan JKR yang ada sekarang. Jadi banyak kompelin-kompelin yang diberi kepada kita, mengapa jalan kayu balak ini lebih baik dari jalan JKR?

Jadi kita terpaksa pandai jawab kepada mereka. Lebih-lebih lagi pengguna-pengguna yang menggunakan jalan tersebut. Jadi, cadangan saya ini adakah kerajaan mempertimbangkan, mungkin boleh bekerjasama dengan pihak kompeni kayu balak menyerapkan jalan kayu balak yang cukup baik ini dari Miri sampai ke Bario.

Ini satu peluang yang saya rasa yang mengurangkan peruntukan bagi kita semua dan juga bagi kebaikan bukan sahaja penduduk-penduduk di sana, tetapi juga syarikat-syarikat kayu balak, asalkan kita mencari jalan bagaimana kita dapat merasmikan jalan tersebut sebagai jalan rasmi kerajaan jugalah. Kerana setakat ini, jalan kayu balak ini memang sampai ke Long Banga. Long Banga ini tidak berapa jauh dari Bario, mungkin 10km sampai Bario. Jadi apabila kita dapat menyerapkan jalan kayu balak ini menjadi satu jalan rasmi kerajaan, mungkin jalan ke Bario pun boleh sampai dalam satu tahun sahaja. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya, saya telah jawab tadi apa yang kita boleh buat sekarang, seperti apa yang dirancangan oleh kerajaan. Apa-apa lebih daripada ini, saya minta Yang Berhormat bangkit perkara ini kepada pegawai kemajuan negeri dan pegawai kemajuan negeri akan menghantar kepada Unit Perancang Ekonomi untuk pertimbangan mereka. Baru sahajalah kita boleh menjalankan apa-apa kerja yang diluluskan oleh EPU, okey? Yang Berhormat tidak boleh dapat selesa hatilah, saya tahu tetapi saya tidak boleh katakan di sini, saya akan terus belanja wang untuk menjalankan apa-apa projek oleh sebab kami tidak mempunyai kuasa. Kami mempunyai kuasa untuk melaksanakan projek-projek yang ditetapkan dan diluluskan oleh EPU.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Puchong telah membangkitkan tentang kekurangan jumlah jalan susur keluar masuk di sepanjang Lebuhraya Kuala Lumpur-Pandan-Putrajaya. Beliau juga membangkitkan isu bayaran tol di Lebuhraya Damansara-Puchong dan ingin mengetahui tentang justifikasi untuk menaikkan bayaran tol.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya yang dibina oleh kerajaan adalah sebuah lebuh raya khusus bagi menghubungkan Kuala Lumpur ke Putrajaya dan seterusnya ke KLIA. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang permohonan jalan keluar-masuk, pihak kerajaan akan mengkaji terlebih dahulu akan kesesuaian cadangan tersebut. Perkara ini sudah ditimbulkan kepada saya dua minggu yang lalu. Jadi saya telah bincang dengan syarikat konsesi, minta mereka macam manakah ini boleh dapat diselesaikan? Syarikat konsesi minta kerajaan bayar duit itu, bayar RM55 juta.

Jadi ini sudah jadi satu lebuh raya konsesi. Kerajaan pada masa dahulu pun sudah bayar RM950 juta. RM950 juta sudah dibayar atas jalan ini. Lagi bayar, lagi RM55 juta, saya percaya itu tak boleh jadi punyalah.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Satu kemusykilan saya hendak bertanya. Ini adalah jajaran Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya. Saya faham Yang Berhormat Menteri adalah kerajaan terpaksa bayar kepada kontraktor ini tetapi sedarkah Yang Berhormat menteri, dalam jajaran di 13km di bahagian Kuala Lumpur atau KLFT ini, ada empat jalan keluar, susur keluar dan masuk? Okey? Sebagai contoh, *interchange number one*, Kampung Pandan. Dua, *Interchange Salak Selatan*, semua ada empat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: [Menyampuk]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ya, muda okey? *Interchange* yang kedua, Salak Selatan *Interchange* di bahagian Kuala Lumpur. *Interchange* yang ketiga, Kuchai Lama, dan yang keempat, *interchange* nombor empat ialah Bukit Jalil *Interchange*. Bila jalan ini masuk sahaja Selangor atau di kawasan Puchong, juga sepanjang 13km ini tidak ada satu *interchange*. Untuk makluman Yang Berhormat, kawasan saya kawasan pembangunan baru iaitu kawasan Bandar Putera Permai. Ada lebih daripada 50,000 keluarga. Kalau kita campur dengan Yang Berhormat Serdang, yang berdekatan dengan saya sekurang dan lebih daripada 150 keluarga. Sekarang persoalan saya ialah tanya, di manakah perancangan yang berkesan? Mengapa, mengapa *interchange* tidak ada satu pun di kawasan Selangor? Adakah Selangor ini seolah-olah dipinggirkan? So, saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri, saya merayu Yang Berhormat Menteri mesti atau pun kalau tolong orang-orang Selangor khususnya orang Puchong dengan orang Serdang ini, mesti membuat satu jalan susur keluar ini supaya mereka ini juga boleh menikmati segala pembangunan negara yang diterajui oleh Barisan Nasional. Apakah penjelasan Yang Berhormat? Ini satu.

Satu lagi Yang Berhormat, ini satu lagi. Mengenai tol ini. saya bangkitkan tol ini kerana saya ada asas, saya ada fakta, saya ada angka. Kalau kita mengikut satu artikel daripada *Star Business* ini pada 8 Julai 2006, Lebuhraya Damansara-Puchong, iaitu *Concessionaire* LITRAK ini, mereka telah membuat keuntungan lebih kurang RM80 juta daripada *turnover* RM243 juta. Ini bermakna mereka mempunyai keuntungan bersih lebih daripada 40%. Mengapa kerajaan masih memberi peluang mereka untuk menaikkan tol ini? Kerana mereka masih untung dan bukankah kerajaan terpaksa mengambil *volume traffic* itu sebagai satu kriteria lagi. Kalau mengikut jumlah 243 *turnover* setiap tahun, ini bermakna lebuh raya yang mempunyai empat tol ini sepanjang lebuh raya LDP ini, satu hari dia akan kutip lebih kurang RM665,000. Adakah ini termasuk dalam perjanjian konsesi ini?

So, saya hendak sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat menteri mengenai perkara ini? Kerana bagi saya, ini adalah perkara yang serius, perkara yang mesti kita tangani tetapi pada masa yang sama kita mesti memberi satu keadilan kepada para pengguna jalan raya. So, saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan daripada menteri mengenai kedua-dua isu ini. Yang pertama, ini mengenai jajaran lebuh raya Kuala Lumpur-Putrajaya, dan dua isu ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, lebuh raya Kuala Lumpur ke Putrajaya itu lebuh raya khusus. Mengapa kita mengadakan empat persimpangan bertingkat untuk mengambil lalu lintas daripada bandar raya Kuala Lumpur ke Putrajaya? Cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi diletak di Selangor. Kita bukan pinggir Selangor. Dalam negara ini, perbelanjaan dan pembangunan yang telah berlaku kita belanja di Selangor, beribu-ribu juta, bilion, bilion, bilion. Berapa *bilion* saya pun tidak tahu? Berapa bilion yang kita belanja untuk...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okey, okey. Saya ada satu jawapan Yang Berhormat Menteri, nak cakap. Bukankah ada satu cara yang baik sekali kalau kita boleh kumpulkan kenderaan trafik dari Selangor pergi ke Kuala Lumpur? Ini memberi satu jalan alternatif kepada mereka. Walaupun kalau ada tol pun saya ingat mereka sanggup bayar. Ini juga akan mengurangkan kesesakan jalan raya di kawasan persekitaran. Itulah pandangan saya Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat kata kita boleh dapat lebih kurang berapa ribu kenderaan?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Di keluarga yang berdekatan dengan kawasan susur keluar ini, lebih kurang 50,000 keluarga. Kalau kita campur dengan kawasan yang berdekatan dengan Yang Berhormat Menteri....

Dato' Seri S. Samy Vellu: 50,000 keluarga Yang Berhormat, barangkali lagi sepuluh tahun.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tidak. Maksud saya ini adalah kawasan yang persekitaran itu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Sekarang ya, jumlah trafik..

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Kalau kita campur dengan kawasan Serdang, Sri Kembangan yang lebih kurang 2 km, 3 km daripada kawasan ini, saya ingat sekurang-kurangnya 150 ke 200 keluarga. Itu saya nak boleh pastikan Yang Berhormat menteri. So, saya berharaplah Yang Berhormat menteri, berikan satu ketetapan bahawa...

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kita boleh...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: ...Kuasa menteri ini, bahawa ini adalah sangat penting dan *you talking about*, dengan izin, *your feasibility* mesti *feasible* bagi saya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kita menyiasat dululah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okey.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Sudah tetapi sekarang ada 3,000 kenderaan sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Serdang. Hendak bagi jalan bagi Yang Berhormat Serdang.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Yang Berhormat Menteri, masalah sama. Saya memberi sokongan kepada rakan saya Yang Berhormat bagi Puchong. Saya pernah bangkitkan perkara ini berkaitan dengan Lebuhraya Kuala Lumpur-KLIA, Putrajaya-KESAS, ada kaitan dengan Jalan Persekutuan. Lebuhraya melintas Jalan Persekutuan, 3215, di mana penuh sesak kini, tidak ada jalan lagi, satu jalan sahaja. Kalau ada jalan keluar masuk ke Lebuhraya KL-KLIA ini, ertinya bukan sahaja boleh mengatasi masalah kesesakan Kuala Lumpur masuk ke KLIA tetapi juga daripada kawasannya, di Puchong, Serdang, terus masuk ke Lebuhraya KL-KLIA ini ke Kuala Lumpur. Ini satu untuk, katakan satu tol boleh penuhkan, ia penuh. Ertinya itu sebab pentingnya, itu sebab saya minta Yang Berhormat Puchong mengemukakan permohonan, supaya boleh dibukakan, walaupun RM55 juta, tidak banyak, boleh kutipan tol. Jadi mintalah Yang Berhormat Menteri boleh timbangkan semula perkara ini.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, burung belum dilihat lagi, minta saya baling batu, mana boleh...*[Ketawa]* Mana ada burung? Okay lah kita timbanglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang lagi kah?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-Ahli...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Barat. Hendak bagi jalan? Penghabisan, Yang Berhormat Ipoh Barat bangun.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Datuk Menteri, saya ada bangkitkan perkara ini, iaitu mengenai cadangan *outer ring road* bagi Ipoh. Apakah yang terkini mengenai perkara tersebut. Dan kedua adalah, bila Yang Berhormat Puchong dan Yang Berhormat Serdang kata, jalan perlu ke satu jalan yang dicadangkan, kenapa hingga hari ini tidak ada satu dari *North-South Highway* ke Kampar? Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ahli Yang Berhormat, Bandar Kampar itu kecil punya bandar. Orang pergi bandar untuk makan petang sahaja tetapi di Ipoh, tiap-tiap hari kita ada juga. Masa dahulu, saya telah mencadangkan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kampar, iaitu untuk mengadakan satu jalan lebih lebar daripada apa yang dipunyai sekarang, tetapi keluar daripada Bandar Kampar, dia tidak mahu. Walau bagaimanapun, kami ada beberapa rancangan yang lain untuk melebarkan jalan-jalan sedia ada di Kampar.

Berkenaan dengan *ring road* yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, saya belum melihat apa-apa rancangan berkenaan dengan itu tetapi saya tidak tahulah, saya kena minta saya punya kementerian, adakah mereka mencadangkan untuk mengadakan satu *outer ring road* untuk Ipoh, bukan *inner ring road*, *inner ring road* sudah ada, tetapi separuh *inner ring* sudah ada, tetapi *outer ring road* akan ditimbang lagilah, saya beritahu butir-butir selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya semasa membahaskan Bajet 2007 di Peringkat Dasar. Jika ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan, tetapi tidak dijawab, sila maklumkan kepada saya, supaya penjelasan secara bertulis dapat diberikan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik Yang Berhormat. Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, saya jemput Timbalan Menteri.

4.04 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Arau, Kuala Terengganu, Muar, Kota Kinabalu, Sepanggar, Bera, Kinabatangan, Batu Sapi, Sandakan, Bandar Kuching dan Ipoh Timor yang telah berucap membangkitkan beberapa isu serta cadangan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi semasa perbahasan bagi menyokong Rang Undang-undang Pembekalan 2007 di Dewan yang mulia ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Point of order.* Tuan Yang di-Pertua, boleh Dewan ini diberitahu kenapa menteri tidak datang untuk menjawab. Walau semua menteri-menteri lain, termasuk Menteri dari Sungai Siput...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak payahlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Satu tanggungjawab yang mustahak. Bukankah arahan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa semua menteri, mungkin sekurang-kurangnya kita dapat tahu. Saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada kerja, tetapi boleh dapat tahu kenapa beliau tidak ada hari ini.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri dia bukan duduk rumah atau pun jalan-jalan. Yang Berhormat Menteri pada hari ini menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN berhubung dengan telekomunikasi. Jadi beliau menjalankan tugas rasmi, bukan dia seronok-seronok tak nak hadir. Jadi dia minta saya mewakili dia, dia memang berhasrat untuk hadir, untuk jawab sesi Bajet, kerana bagi beliau ini adalah sesi penting, tetapi kerana tugas rasmi, beliau terpaksa mengutamakan perwakilan negara ke Brunei pada hari ini. Terima kasih. Sesungguhnya kementerian ini amat menghargai pandangan, teguran, saranan, dan cadangan Ahli-Ahli Yang Berhormat itu. Saya akan bermula dengan sektor tenaga, gangguan bekalan elektrik di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat Kota Kinabalu, Sandakan, Ipoh Timor, Batu Sapi dan Sepanggar mengenai masalah bekalan elektrik di negeri Sabah. Kerajaan memang sedar akan masalah gangguan bekalan elektrik yang sedang dihadapi oleh penduduk negeri Sabah seperti yang telah dimaklumkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini, masalah ini memerlukan penyelesaian jangka masa panjang, dari tiga hingga lima tahun khususnya dalam aspek peningkatan kapasiti penjanaan yang memerlukan pembinaan stesen-stesen jana kuasa yang baru. Walau bagaimanapun, SESB dengan bantuan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan telah dan sedang mengambil langkah-langkah jangka pendek dan sederhana bagi mengurangkan gangguan tersebut. Langkah-langkah ini telah mula menunjukkan keberkesanannya di mana indeks gangguan bekalan elektrik yang diukur melalui *System Average Interruption Duration Index* atau SAIDI, telah menunjukkan pengurangan kepada 3,830 minit pada tahun 2006 daripada 4,109 minit pada Tahun Kewangan 2005 bagi negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

SAIDI ialah indeks yang mengukur tempoh gangguan bekalan elektrik dalam minit yang dialami oleh pelanggan dalam masa setahun. Dengan pelaksanaan projek-projek penghantaran dan pembahagian yang telah dirancang sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan serta pembinaan stesen-stesen jana kuasa yang baru untuk meningkatkan kapasiti penjanaan, SESB telah menyasarkan penurunan indeks SAIDI pada tahap 800 minit menjelang penghujung Rancangan Malaysia Kesembilan.

Saya juga ingin menjelaskan bahawa kerugian yang dialami oleh SESB, bukanlah merupakan punca utama yang menyebabkan mutu bekalan elektrik di Sabah terjejas, khususnya di kawasan Sandakan dan Pantai Timur Sabah. Tambahan pula, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM606 juta kepada SESB dalam bentuk pinjaman mudah di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk melaksanakan projek-projek penghantaran dan pembahagian di seluruh negeri Sabah yang akan dapat membantu memperbaiki aliran tunai SESB.

Saya ingin memaklumkan bahawa punca utama...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: ...Yang menyebabkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Menyentuh tentang gangguan elektrik di Sandakan ini, di Kinabatangan memang popularlah kalau satu hari tidak ada empat kali, itu bukan gangguan.

Jadi alasan daripada pihak pembekal iaitu bahawa *transmission* lain belum selesai. Sedangkan kita tahu bahawa kontrak yang diberikan kerajaan kepada MRCB melalui TTSB iaitu seharusnya *transmission line* ini selesai dalam tahun 2005 tetapi sehingga hari ini belum ada nampak penyelesaian dia. Jadi tidak kah ini merupakan satu kerugian kepada kerajaan dan apa langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menyelesaikan persoalan yang sebegini? Sebab ia telah membebankan masalah orang-orang perniagaan dan sebagainya. Jadi ini kalau tidak di ambil kira secara total, amat membimbangkan bagi penduduk terutama sekali di wilayah Pantai Timur Sabah. Minta Penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Apabila Yang Berhormat Kinabatangan bangun agak sukar bagi saya menjawab kerana pertamanya Yang Berhormat Kinabatangan ini dia tahu agak arif berhubung dengan SESB Sabah kerana kalau tidak silap saya Yang Berhormat ini merupakan Timbalan Pengerusi kepada SESB Sabah. Jadi untuk pengetahuan Dewan saya cuba menerangkan serba sedikit kerana makluman ini juga saya dapat dari SESB daripada Lembaga Pengarah SESB Sabah yang mengatakan biar saya jelaskan sedikit Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya jelaskan dahulu sekejap. Minta penjelasan Yang Berhormat. Saya sebetulnya memang Timbalan Pengerusi SESB tetapi dalam akta ini timbalan ini tidak ada apa-apa komitmen yang fungsi dia yang *along the shore*, iaitu dia punya Pengarah Urusan sedangkan saya sudah maklumkan yang dahulu bahawa rata-rata pekerja tetap SESB melalui organisasi persatuan sekerja mereka menghantarkan memorandum kepada saya iaitu tiga memorandum daripada organisasi pekerja. Dia meminta supaya Pengarah Urusan ditukar tetapi bukan pula Pengarah Urusan ditukar dia tukar dia pecat pula, dia berhentikan kerja Pengerusi-pengerusi Persatuan-persatuan itu.

Jadi apakah ini merupakan satu *transparent*? Saya tidak di *consult* pun, jadi saya minta Yang Berhormat selaku Timbalan Menteri yang ada kuasalah kalau tidak ada kuasa tidak tahulah supaya kalau boleh panggil yang lebih tinggi lagi daripada Pengarah Urusan selesaikan masalah ini sebab pekerja hilang kepercayaan kepada Pengarah Urusan. Apabila hilang kepercayaan maka gangguan berlakulah itulah mungkin antara faktor punca gangguan ini.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat saya tidak ingin memanjangkan dari segi masalah dalaman cuma sebagaimana yang kita ketahui yang mengurus mana-mana syarikat adalah Lembaga Pengarahnya. Dalam kes ini SESB adalah 80% milik Tenaga Nasional Berhad manakala 20% adalah kerajaan negeri dan Tenaga Nasional majoriti *shareholders* nya adalah Khazanah jadi selalunya dari segi pelantikan dia bergantung kepada yang dikehendaki oleh Khazanah. Dan tadi Yang Berhormat mengatakan dari segi sambung tara ataupun *Grid East-West* ataupun Timur-Barat yang telah dijanjikan pada tahun 2005. Yang ini saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat saya bersetuju dengan Yang Berhormat yang mana sepatutnya *Grid East-West* telah siap ataupun telah dijanjikan siap pada tahun 2005 tetapi telah pada hari ini masih belum lagi siap dan kita telah dimaklumkan oleh pihak SESB yang ia akan disiapkan pada penghujung tahun ini.

Amat mendukacitakan kerana difahamkan pihak kontraktor telah terlewat menjalankan projek ini dan bagi pihak kementerian, kementerian telah meminta supaya SESB memainkan peranan dengan serius untuk memastikan mereka dapat menyiapkan SESB terpaksa memainkan peranan itu sendiri untuk membolehkan syarikat ini menyiapkan Grid Pantai-Timur ini sebelum penghujung tahun 2006. Ini yang kementerian minta SESB

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebagai penjelasan boleh minta satu lagi Yang Berhormat mungkin tidak tahu dimaklum atau tidak iaitu apabila projek ini diberikan kepada SESB terdapat satu kepincangan di mana satu kawasan tanah gambut tanah rendah telah dipilih untuk menjadi sub stesen dan apabila dibina pembinaan di sana menelan belanja lebih kurang RM6 juta, tiba-tiba kawasan ini banjir dan semua struktur yang ada tidak boleh diguna pakai dan SESB, kerajaan kena *top up* lagi *another RM8 million*. RM8 juta lagi lebih kurang untuk meminda projek tersebut sedangkan di TTSB dan juga di SESB ini ada penyelia-penyelia pakar-pakar jadi tidak kah ini membuang duit rakyat dan tidakkah kementerian ini ingin menyiasat bagaimana punca perkara ini berlaku dan kenapa kerajaan diberi tanggungan?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih maklumat dari Timbalan Pengerusi SESB dan saya yakin pihak kementerian akan mengambil maklum berhubung...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya sekarang wakil rakyat Kinabatangan

Dato' Shaziman bin Abu Mansor:Yang juga merupakan wakil rakyat Kinabatangan yang mana kita akan ambil perkara ini dan kita melihat mengapakah sebab kelewatan tetapi bagi pihak kementerian apa yang kita lebih berminat pada hari ini adalah untuk memastikan Grid Sambung Tara Timur-Barat ini siap pada penghujung tahun 2006 ini supaya tidak menyusahkan masyarakat khususnya kawasan-kawasan di Sandakan di negeri Sabah. Saya ingin memaklumkan bahawa punca utama menyebabkan kejadian gangguan bekalan elektrik di Sabah ialah seperti berikut:

- (i) tahap simpanan elektrik atau *reserve margin*, dengan izin, yang rendah yang berpunca dari kapasiti penjanaan yang tidak mencukupi bagi menampung permintaan yang semakin meningkat; dan
- (ii) ketiadaan grid bersepadu yang membolehkan penyaluran bekalan elektrik dari sistem di Pantai Barat yang lebih cekap bagi menampung kekurangan kapasiti penjanaan di Pantai Timur

Oleh sebab itu sebagaimana yang saya katakan tadi kerana tidak ada Grid Timur-Barat ini maka kekurangan bekalan elektrik di Pantai Timur tidak dapat ditampung daripada pantai barat dan kesulitan yang dihadapi adalah kerana kelewatan pembinaan grid ini dan kita amat kesali sebab itu sebagaimana yang saya katakan tadi kementerian telah minta SESB supaya sendiri memainkan peranan untuk memastikan kontraktor dapat kontrak ini dapat menyiapkannya sebelum penghujung tahun 2006 dan kita mengharapkan kontraktor ini tidak akan beralih-dalih lagi dan SESB juga tidak akan beralih-dalih lagi untuk menyiapkan projek ini sebelum penghujung pada tahun ini. Bagi mengatasi masalah-masalah ini kerajaan telah meluluskan pelaksanaan projek-projek penambahan kapasiti melalui pembinaan stesen-stesen jana kuasa tambahan seperti berikut:

- (i) IPP Sepanggar Bay Power Corporation dengan kapasiti penjanaan sebanyak 100 megawatt di mana 66 megawatt akan disiapkan pada bulan ini dan bakinya pada pertengahan 2007;

- (ii) IPP Power Tron Sendirian Berhad dengan tambahan kapasiti 70 megawatt daripada 120 megawatt kepada 190 megawatt yang akan disediakan sebelum akhir tahun ini;
- (iii) IPP Round Hill Power Ranger dengan kapasiti penjanaan sebanyak 190 megawatt yang dijangka siap pada tahun 2008; dan
- (iv) sebuah jana kuasa baru yang berasaskan arang batu di Pantai Timur dengan kapasiti penjanaan sebanyak 300 megawatt di mana tender telah ditutup dan projek dijangka siap pada awal tahun 2010.

Selain daripada itu penyiapan projek Grid Sambung Tara Timur-Barat yang saya sebutkan tadi pada penghujung tahun 2006 akan melengkapkan sistem Grid Sabah dan akan membolehkan penyaluran bekalan elektrik dari Pantai Barat bagi membolehkan menampung kekurangan kapasiti penjanaan di Pantai Timur.

Tuan Yang di-Pertua sementara menunggu langkah jangka panjang dapat diselesaikan kerajaan telah mengarahkan SESB untuk mengambil usaha mengurangkan kekerapan gangguan bekalan elektrik khususnya di Sandakan. Susulan daripada itu SESB telah menghantar *batch* janakuasa gantian dengan kapasiti sebanyak 40 megawatt dan menyewa generator set, dengan izin berkapasiti 10 megawatt untuk menambahkan lagi kapasiti penjanaan bagi mengurangkan masalah gangguan bekalan elektrik di Pantai Timur Sabah. Jelas dapat dilihat di sini bahawa kerajaan komited untuk mengatasi masalah bekalan elektrik yang di hadapi oleh penduduk negeri Sabah.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Penjelasan, penjelasan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sandakan.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi iaitu *power barge* 40 megawatt bersama genset 10 megawatt yang di hantar ke Sandakan dalam bulan Jun tetapi di bulan Julai tahun ini gangguan bekalan elektrik berlaku dengan seriusnya walaupun adanya *power barge* yang disebutkan tadi dan genset yang 10 megawatt itu telah dipasang tetapi dalam beberapa hari yang kebelakangan ini gangguan bekalan elektrik serius. Ada gangguan seperti yang berlaku malam tadi saya sendiri masih dapat banyak panggilan, SMS mengadu bahawa SESB langsung tidak berupaya untuk memperbaiki bekalan elektrik di Sandakan.

Jadi kalau apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang ada penjana kuasa yang diselesaikan siap dibina di dalam tahun 2008 ataupun 2010 erti kata rakyat di Sandakan atau di Sabah mesti mengalami masalah ini dalam tahun-tahun yang akan datang sampai 2010. Ini amat tidak adil kepada mereka kerana kerugian dan ketidakselesaan yang dialami. Jadi minta penjelasan sama ada langkah jangka masa pendek yang lebih sesuai supaya masalah ini dapat diselesaikan walaupun bukan dengan semuanya pun dikurangkan kepada satu tahap yang dapat diterima oleh rakyat jelata di Sabah. Terima kasih

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Sebenarnya sebagaimana yang saya katakan, saya juga amat bersimpati dengan masyarakat di negeri Sabah, khasnya di Sandakan dengan juga di Kinabatangan kerana selalu mengalami gangguan elektrik.

Disebabkan itu, kita berusaha sedaya upaya untuk memastikan dapat memberi bantuan sebaik mungkin, sama ada dalam program jangka panjang dan jangka pendek. Program jangka pendek yang kita lakukan adalah dengan menyediakan bus-bus' ini. Namun begitu...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, boleh sedikit?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Silakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebetulnya apa yang berlaku bukan soal kerajaan tidak bertanggungjawab tetapi *misleading* oleh salah seorang pengarah urusan. Selagi ini tidak dapat diperbetulkan, selagi itu SESB tidak akan dapat berdaya saing sebab pekerja-pekerjanya tidak ada hati untuk bekerja, tidak ada komitmen. Mereka bekerja atas dasar terpaksa sebab tidak ada pekerjaan lain.

Jadi, faktor utama iaitu Pengarah Urusan dalaman SESB itu harus ditukar. Kalau tidak ditukar, CEO TNB kena mengambil perhatian bahawa anak buah yang dihantar ini tidak lagi boleh berfungsi di Sabah. Bukan sahaja pekerja SESB berpuluh ribu tidak suka, bahkan kebanyakan masyarakat di Sabah tidak lagi suka dengan pengarah urusan ini. Kalau tidak ditukar apa pun peruntukan yang kerajaan bagi akan berlaku begitu juga, sebab dia seorang *one man show*, tanpa mengambil kira hati pekerja, tanpa ada kebajikan dan sebagainya. Jadi, kementerian kena campur tangan untuk menyelamatkan syarikat, hak milik kerajaan ini. Kena campur tangan! Jangan biarkan perkara ini berlaku.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebagaimana yang saya katakan tadi, Syarikat SESB ini 80% milik TNB dan yang agak peliknya Yang Berhormat kata kita perlu tukar CEO. Dalam pada itu, saya juga ada menerima panggilan daripada beberapa Ahli Yang Berhormat, bagi *compliment*, di kata CEO ini bagus bekerja... [Ketawa] Jadi, yang ini saya kena siasat, sebab itu saya akan bincang dengan lebih teliti itu yang mana satu tetapi... [Disampuk]

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: [Bangun]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Biar saya teruskan dahulu sebelum itu...

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Boleh jawab sama sekali.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sekejap, sekejap. Saya cakap sikit. Relak, nanti saya bagi. Walau bagaimanapun, saya akan menyiasat perkara ini dengan lebih terperinci kerana ini adalah syarikat milik Tenaga dan Tenaga Nasional dipunyai oleh Khazanah. Suka saya nyatakan juga kepada Yang Berhormat bagi Sandakan bahawa sebagaimana yang saya katakan kepada Yang Berhormat, masalah tenaga elektrik di Sabah ini bukan masalah yang baru berlaku.

Ini masalah yang *in heritage*, masalah yang kita warisi daripada Lembaga Elektrik Sabah dahulu kerana kebanyakan penjana di Sabah ini menggunakan diesel. Kapasitinya adalah 2 megawatt, 5 megawatt, 3 megawatt dan sudah tidak ekonomi untuk dijalankan lagi. Bila kapasiti itu 2 atau 3 megawatt, ia sudah pasti tidak disambung kepada grid. Ini kerana tujuannya dulu-dulu, 20 tahun, 2 megawatt ini hanya untuk satu kawasan yang kecil, satu pekan kecil, kampung-kampung kecil. 2 megawatt, 3 megawatt, 1 megawatt, gunakan diesel dan sebagainya.

Tetapi bila pembangunan Sabah bertambah maju hari ini, dahulu di bawah Lembaga Elektrik Sabah, kini di bawah SESB, milik Tenaga, barulah hendak difikirkan bagaimana hendak disambungkan tetapi kalau hendak sambungkan grid antara 2 megawatt dengan 3 megawatt ini, ini adalah satu yang tidak berbaloi, kata orang Melayu, tidak ekonomik.

Jadi, dengan itu kerajaan menstrukturkan semula, kementerian ini menstrukturkan semula untuk memastikan bahawa jana kuasa-jana kuasa dua tiga megawatt yang tidak ekonomik ini, yang menggunakan diesel, yang mana bahan bakar ini telah begitu mahal pada hari ini, kalau boleh dihentikan - ditamatkan jana kuasa ini dan digantikan dengan jana kuasa yang lebih berdaya harap, *reliable*.

Ini yang dilakukan oleh kementerian. Sebab itu tadi saya nyatakan beberapa jana kuasa baru kita akan tambah kapasitinya dan kita juga akan wujudkan satu jana kuasa baru di Lahad Datu, lebih kurang 300 megawatt. Ini yang kita lakukan. Jadi, kena faham masalah itu masalah lama. Semenjak kita mengambil kementerian ini, semenjak SESB masuk ke Tenaga Nasional Bhd. barulah kita buat penstrukturan semula, bagaimana untuk membaik pulih masalah *electricity* di Sabah yang telah lama..., kalau penyakit itu telah menjadi kanser, saya rasa amat susah. Ini macam itulah, sudah jadi macam barah dan kita sekarang ini hendak baik pulih. Satu persatu kita baik pulih.

Pertama, janakuasa, *supply of electricity* itu mesti cukup, gridnya, *transmissionnya*, kemudian barulah penghantarannya perlu ada. Bila sistem ini telah teratur, sudah ada susunannya yang baik, maka barulah dapat dilakukan, barulah masyarakat di Sabah dapat bekalan elektrik yang baik. Malang sekali proses ini tidak boleh berlaku dalam masa tiga bulan, enam bulan.

Malang sekali, ia mengambil masa. Ini kerana hendak buat jana kuasa mengambil masa, hendak buat *transmission* kena ambil masa, hendak buat *way leave* untuk buat *transmission* pun ambil kuasa, hendak lalu Taman Rafflesia pun ambil masa. Ini perkara-perkara yang mengambil masa dan sebab itu kita kata, kita memperbaiki tetapi kita mempunyai satu *master plan*, satu *blue print* untuk memastikan bahawa di masa akan datang rakyat Sabah akan dapat menikmati bekalan elektrik yang baik. Itu hasrat naluri yang ada di kementerian ini supaya rakyat di Sabah dapat bekalan elektrik yang baik. Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Beluran bangun, Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih. Kita sedar bahawa masalah lampu di Sabah ini memang dalam keadaan kanser yang teruk. Kita cuba faham. Walau bagaimanapun, ramai masyarakat Sabah kesal mengapa perancangan ini, kesedaran itu lambat. Apa tidaknya kalau kesedaran itu diketahui tiga tahun yang lalu tentulah dalam jangka masa yang terdekat ini proses pembaikan itu sudah boleh di laksanakan.

Walaupun bagaimanapun, kita dalam keadaan sekarang ini terpaksa menunggu keseluruhan *master plan* yang dirancang oleh TNB/SESB itu dilaksanakan. Saya cuma ingin kepastian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada masalah lampu ini akan diselesaikan secara baik apabila semua *master plan* itu dilaksanakan. Saya ingin tahu juga kapasiti yang ada sekarang ini, kapasiti yang akan dilaksanakan kelak. Sama ada akan dapat menampung keperluan tenaga di Sabah untuk jangka masa yang panjang.

Jika tidak, SESB terpaksa, kerajaan terpaksa merancang lebih awal untuk memastikan jangka masa keperluan tenaga yang ada itu betul-betul boleh menampung dalam jangka masa yang panjang di negeri Sabah. Saya ingin membawa, Tuan Yang di-Pertua, tentang masalah kekurangan lampu yang ketara sekali di Sabah. KKLW banyak melaksanakan projek elektrik luar bandar. Tiang-tiang di pasang, *wire* dipasang tetapi apabila masyarakat kampung ingin memohon untuk menyambung lampu daripada tiang ke rumah masing-masing, lampu tidak dapat dibekalkan disebabkan oleh tidak mencukupi tenaga yang ada pada ketika ini.

Ini yang dikatakan perancangan yang tidak menepati keperluan yang ada. Banyaklah perkara begini berlaku, sebab itu kita perlu yakin agar SESB dapat merancang, dapat menggunakan pengalaman yang lalu, ketidakcekapan perancangan mereka untuk menentukan keperluan tenaga itu dapat dibekalkan kepada pengguna dan kita ingin melihat bahawa mulai dari sekarang ini ia dapat dilaksanakan mengikut keperluan yang ada di Sabah.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, setakat ini kita bukan sahaja ada *blue print* malah kita telah mula melaksanakan. Sebagaimana saya nyatakan tadi IPP Sepanggar Bay Coporation dengan kapasiti penjaanaan 100 megawatt, di mana 66 megawatt akan disiapkan pada tahun ini dan kemudian IPP Powertron, kita bagi tambah kapasiti. Ini kerana kerajaan hendak *speed up*, bukan sahaja kita ada *master plan*, kita sudah lakukan. Separuhnya sudah dilakukan kerana separuh itu kita sudah ada statusnya, sampai tahap mana projek ini.

Ini kerana pada hari ini, sebagaimana Yang Berhormat kata, agak malang kerana tidak ada *reserve margin* di negeri Sabah. Salah satu sebab kenapa tidak ada *reserve margin*, ingin saya nyatakan, sebenarnya kalau hendak ikut secara mata kasar kita tengok ada, ada *reserve margin* tetapi kerana tidak ada daya harap jana kuasa itu, kerana jana kuasa ini, jana kuasa lama, 3 megawatt, 5 megawatt. Kita kira dengan tangan ada, itu ada 3 megawatt, 'B' ada 5 megawatt, itu ada 2 megawatt, sini ada 5 megawatt.

Kita kira dengan tangan ada tetapi apabila berjalan, beroperasi, dia kata saya punya sudah tidak boleh jalan. Rosak! Ini kejam sudah rosak. Tidak ada berdaya harap. Janakuasa ini tidak *reliable* lagi, sebab itu kita cuba mainkan peranan kerana jana kuasa-jana kuasa yang kecil-kecil, 1 megawatt, 2 megawatt ini, kita tukar dan kita telah mula lakukan, kita *replace with a new one*, yang *reliable*. Jangan ada nombor sahaja. Oh! Kita ada banyak *reserve*. Ada 30% atau 20% punya *reserve margin* tetapi, sebenarnya hanya gambaran indah. Jadi, *reserve margin* ini tidak boleh digunakan lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat. Saya terpaksa memberitahu bahawa Timbalan Menteri kena rehat satu jam. Kita ada Usul Peraturan Mesyuarat 18(1). Yang Berhormat sambung jam 5.30 petang.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya hendak sambung terus lagi, tidak boleh kah?...[Ketawa]

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Kenyataan Pope Benedict Mencetuskan Kemarahan Umat Islam

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat. Sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah pun dibuat pada pagi tadi, satu usul di bawah peraturan mesyuarat 18(1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbahasan usul itu. Seperti yang telah pun diputuskan tadi, pihak pencadang akan diberi masa 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat Kubang Kerian sila kemukakan.

4.31 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *Bismillahir Rahmannir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita membincangkan tentang Usul yang saya kemukakan pada pagi tadi, saya mengucapkan terima kasih di atas Tuan Yang di-Pertua, yang telah pun memberikan keizinan untuk usul ini dibahas, dan saya mengharapkan hasil daripada perbahasan usul ini akan menatijahkan sesuatu implikasi yang sihat dan subur di dalam kita memberikan sumbangan ke arah keharmonian kehidupan beragama, khususnya dalam negara kita.

Izinkan saya membaca satu firman Allah SWT... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Telah dilaknat Bani Israel yang kafir di kalangan Bani Israel melalui lisan Nabi Daud dan juga Isa anak Mariam".*

Tuan Yang di-Pertua, Islam sangat menghormati segala pandangan-pandangan dan segala ajaran-ajaran yang mengajar manusia keseluruhannya kepada satu kebaikan sejagat. Nilai universal yang ada pada semua agama adalah merupakan inti pati daripada ajaran yang mahu umatnya dan penganutnya menghormati setiap agama, budaya dan ajaran yang diajar oleh agama masing-masing. Maka oleh itu kita melihat, penghormatan Islam kepada Jesus ataupun Nabi Isa as. ini, adalah satu yang diberikan pengiktirafan. Dalam ajaran Islam, bukan sekadar diajar untuk menghormati Nabi Isa as., tetapi Islam mewajibkan diimani. Berdasarkan kepada ajaran inilah, pada penganut Islam sendiri yang tidak menghormati dan beriman, apatah lagi mencela Nabi Isa as. boleh menjadi murtad..., *nauzubillah*. Beginilah ajaran Islam kepada nabi-nabi *alaihi wassalam*, yang diperutuskan oleh Allah S.W.T.

Maka dengan itu, Islam juga menghormati kepada mana-mana kumpulan dan kepada mana-mana individu. Sebagai contoh, Ghautama Buddha yang mengajar penganut-penganut agama Buddha kepada satu kebaikan dalam kehidupan. Islam menghormati Kung Fu Tze ataupun Lo Tze, yang menjadi anutan sebahagian daripada penduduk dunia ini. Maka dengan sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita kesalkan di atas pernyataan terbuka Pope Benedict baru-baru ini, tentang mengatakan Islam, Nabi Muhammad s.a.w mengajar apa yang dikatakan, *evil and inhuman*, jahat dan zalim, adalah merupakan suatu ucapan yang sangat menyentuh dan sangat berbahaya terhadap hubungan keharmonian antara penganut agama Islam dan agama Kristian yang sepatutnya Pope Benedict ini mengambil contoh kepada apa yang telah dibuat.

Satu *track record*, yang boleh kita berikan satu tabik hormat kepada Pope John Paul, yang telah terbukti 25 tahun membina jambatan, membina satu hubungan yang baik, menggalakkan dan menyahut cabaran dialog antara tamadun, antara agama yang sepatutnya diteruskan oleh Pope Benedict ini, yang bukannya mengambil satu buku yang tidak boleh dipertanggungjawabkan akan nilai akademiknya dan nilai intelektualnya, dan menjadikan ianya satu khutbah umum yang diucapkan dalam suatu ucapan yang terbuka. Dan ini sudah tentu akan menjadikan suasana keharmonian ini dalam keadaan yang sangat tergugat.

Tuan Yang di-Pertua, Mursyidul Am Pas, Dato' Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat dalam ucapannya dua hari yang lalu, apabila mengulas tentang ucapan Pope Benedict ini memperingatkan bahawa, orang-orang Kristian khususnya, tidak seharusnya menganggap orang-orang Islam sebagai musuh utama mereka. Orang-orang Kristian yang memakai lambang salib pada hari ini, *cross* di dada-dada mereka sebagai lambang mereka beragama Kristian, perlu melihat dari segi sejarahnya, kenapa mereka mengenakan lambang salib itu?

Lambang salib itu adalah merupakan suatu perlambangan di mana Jesus ataupun Nabi Isa, disalib dan dibunuh, diseksa. Persoalannya, siapakah yang membunuh Jesus mengikut ajaran Kristian. Yang membunuh, yang menyalib Jesus itu adalah orang Yahudi. Orang Yahudi yang membunuh, yang menyeksa Jesus di palang salib itu dan menjadikan satu memori, satu kenangan yang diagungkan oleh penganut Kristian, menjadi lambang di gereja-gereja mereka dan mereka pakai di dada-dada mereka. Orang Yahudilah yang menyeksa Nabi Isa as., bukan orang Islam. Nabi Muhammad SAW. lahir beratus tahun kemudian pada kelahiran Jesus. Bukan orang Islam yang menyakiti penganut Kristian. Bukan orang Islam yang menyakiti Nabi Isa as., orang Yahudi, yang sepatutnya pada hari ini orang Islam dan Kristian mesti bersatu melawan Yahudi laknatullah.

Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya bila kita membahaskan usul ini adalah, tiba-tiba sahaja Bush menjadi jurucakap kepada Pope Benedict. Dalam kenyataannya baru-baru ini, yang kita minta supaya dengan segala hormatnya, bahawa Pope tidak terjebak di dalam suatu yang mungkin menjadi konspirasi, yang ditaja oleh Bush untuk menghalalkan tindakannya terhadap kezaliman kepada umat Islam. *He must not parroted the message of the current American President.*

Dalam hujah saya yang berdasarkan kepada fakta sejarah, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menyaksikan bagaimana dalam era apa yang dikatakan *dark ages*, dalam era *renaissance* sebagai contoh, apabila berlakunya pertelingkahan di antara *Caesar and God* yang dikatakan, yang menjadi asas kepada amalan sekularisme. Terjadinya pertentangan di Eropah di antara pemerintah dan gereja-gereja. Maka, sejarah telah menulis dalam banyak buku, di *library-library* yang menyaksikan bagaimana, siapakah yang membunuh para paderi? Siapakah yang membakar para-para paderi? Siapakah yang meruntuhkan gereja-gereja di zaman *renaissance* di Eropah? Bukan umat Islam.

Tidak ada hujah, tidak ada satu buku yang boleh saya baca dalam zaman *dark ages* dan zaman *renaissance*, yang menyaksikan ini perbuatan orang Islam. Ini perbuatan *terrorist* yang tidak ada nama Islam pada ketika itu. Jadi di atas hujah itu, bagaimana Pope Benedict ini boleh menyamakan Islam sebagai *evil and inhuman*. Saya minta satu pertanggungjawaban.

Saya boleh terima kalau ada hujah akademik. Saya boleh terima, kalau ada buku-buku intelektual yang dirujuk oleh para-para sekular, para-para *scholar*, dan para-para penulis tesis dalam tesis akademik mereka.

Saya boleh terima dengan dada terbuka, kalau ada hujah yang begini, yang menyatakan ianya boleh menyifatkan bahawa ajaran Islam ini boleh dan Nabi Muhammad SAW sebagai *evil and inhuman*.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, siapa Bush yang ingin bercakap bagi pihak Pope? Siapa dia yang tiba-tiba menjadi jurucakap Bush, yang menjadi jurucakap Pope? Saya bimbang, adakah ini suatu....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Syaitan yang besar.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: ...Suatu perancangan Amerika untuk melibatkan suatu pertembungan antara tamadun? Adakah benar ini perancangan daripada CIA selepas jatuhnya Tembok Berlin? Setelah tamatnya penguasaan Amerika terhadap Soviet Union? Bila tidak ada lagi *dwi power* pada *unipolar*, maka diupah penulis seperti Samuel P. Huntington untuk menulis buku, *The Article* yang bertajuk "*The Clash of Civilizations and The Remaking of World Order*". Adakah ini perancangan Amerika Syarikat? Perancangan CIA yang ingin melagakan orang Islam dan orang Kristian?

Setakat ini adakah ini perkara yang sedang berlaku? Adakah Amerika sudah mengheret *Vatican City* untuk bermusuh dengan Islam? Adakah Bush bertanggungjawab untuk mengheret kita ke kancah peperangan dan dia menjadi kuasa yang akan membekalkan senjata untuk kita berperang?

Penting bagi Parlimen Malaysia yang mengamalkan suatu kehidupan harmoni antara agama Islam dan Kristian dalam negara kita dan saya rasa saya banyak kawan dan jiran-jiran yang beragama Kristian yang bermazhab Katolik, mereka tidak berkata begitu. Saya mengharapkan penganut-penganut mazhab Kristian Katolik, *this associate* dengan apa yang dinyatakan oleh Pope Benedict yang mengatakan, Nabi Muhammad SAW dan juga Islam itu sebagai *evil and inhuman*.

Untuk memberikan peluang kepada rakan-rakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah Yang Berhormat hendak berikan kepada rakan-rakan Yang Berhormat?

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Ya. Jadi saya minta supaya saya berhenti dan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, baik. Yang Berhormat Permatang Pauh. Dalam setengah jam saya harap ini dapat selesai ucapan, ya? Dan pihak kerajaan, sesiapa yang hendak berucap atau jawab saya akan beri peluang. Silakan.

4.42 ptg.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian membahaskan usul tergepar ini. *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. KeADILan sangat menyesali ucapan Pope Benedict XVI di mana beliau memetik gambaran yang diberikan oleh seorang Maharaja Byzantine pada zaman dahulu yang ternyata tidak tepat dan buta sejarah lantas telah menghina Islam. Di kala situasi global yang tegang dengan tindakan keterlaluan oleh pengaruh unsur pelampau moden dan prasangka terhadap Islam, kenyataan Pope ini hanya mengeruhkan keadaan di antara penganut Islam dan Kristian.

Kekeruhan tersebut harus ditangani serta-merta. Pihak gereja harus lebih peka terhadap sensitiviti umat Islam dan hendaklah menghentikan sebarang bentuk tindakan mahupun kenyataan yang boleh mewujudkan salah faham di antara kalangan masyarakat dunia dan di kalangan mereka sendiri. Petikan yang diambil Pope Benedict XVI ini adalah dari teks perbualan antara Emperer Byzantine, Manuel II dan seorang Parsi menegaskan bahawa Nabi Muhammad s.a.w tidak membawa pembaharuan dalam agama malah bersifat jahat dan disebarkan melalui pedang.

Kami menekankan bahawa penganut Islam terdiri dari pelbagai bangsa diterima tanpa paksaan dan diamalkan secara aman. Harus ditegaskan bahawa Islam tidak tersebar melalui pedang tetapi menerusi komitmennya terhadap kebebasan, toleransi dan nilai-nilai akhlak yang tinggi seperti yang disebarkan oleh saudagar-saudagar Arab ke kepulauan Melayu hingga ke Xin Jiang China (China) dan ke Volga Burga di Rusia. Malah apa yang terjadi di Volga Burga, satu daerah di timur Moscow yang ditawan oleh askar Monggol pada kurun ke-13 boleh diambil sebagai contoh yang cukup konkrit. Rakyat tempatan ketika itu yang merupakan orang Eropah Utara memeluk agama Islam pada kurun ke-7 melalui saudagar Arab dan mengamalkan Islam secara aman tetapi keamanan tidak berkekalan dan negara itu ditawan oleh askar-askar Monggol yang zalim, yang tidak berkepercayaan. Melalui sebaran nilai-nilai murni dan perilaku yang baik, orang Eropah Volga Burga pula yang mempengaruhi askar-askar Monggol memeluk agama Islam dan bukan di sebaliknya.

Jika difikirkan secara rasional sebagai bukti susulan, di mana letaknya kebenaran teks ucapan tersebut jika sebahagian dari penduduk di Timur Tengah berketurunan Arab masih bebas berpegang dengan ajaran Kristian. Jika diimbau dengan teliti fakta sejarah, jelas kenyataan yang diucapkan oleh Emperer Byzantine ketika itu tidak tepat dan tidak bersandarkan anggapan objektif. Agak tidak wajar jika autoriti tertinggi Katolik yang disanjung oleh pengikut-pengikutnya mengangkat martabat petikan ucapan tersebut. Ucapan Pope Benedict XVI hanya menimbulkan kekeliruan yang serius dan tidak konsisten dengan realiti dahulu atau sekarang.

Meskipun kami menerima baik bahawa penghinaan tersebut tidak mewakili pandangan beliau dan ucapan tersebut merupakan satu kesilapan. Disebabkan ucapan ini boleh digunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk memecahbelahkan hubungan antara Islam dan Kristian, kami dengan penuh harapan mendesak agar Pope Benedict XVI mengeluarkan kenyataan yang benar dan jelas serta menarik balik ucapan yang di luar fakta tersebut. Umat Islam menghormati kepercayaan orang-orang Kristian, sama ada yang Katolik ataupun Protestan dan kami amat menggalakkan usaha mendiang Pope John Paul II untuk berdialog dan bermuafakat antara agama. Kami mengharapkan usaha-usaha ini diteruskan agar dapat mewujudkan kefahaman antara satu sama lain. Dialog hendaklah dijalankan secara profesional, berhemah dan bertanggungjawab dan mengambil kira sensitiviti agama.

Pada masa yang sama kami meminta umat Islam di Malaysia dan seluruh dunia untuk berlapang dada dengan kepercayaan-kepercayaan yang lain sebagaimana yang dituntut oleh Al-Quran dan sunah Rasulullah SAW. Kami merayu agar seluruh rakyat Malaysia mengutamakan keamanan dengan mengelak dari melakukan sebarang bentuk hasutan yang akan mengakibatkan pertelingkahan antara agama dan kaum di negara kita.

Sifat masyarakat majmuk kita dengan pelbagai bangsa dan agama sepatutnya dilihat sebagai satu kekuatan bagi mewujudkan kerjasama dan persefahaman dalam dunia yang semakin berpecah belah hari ini. Marilah kita membina negara kita, Malaysia yang adil, aman, makmur dan sejahtera. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh.

4.48 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya menyertai perbahasan usul tergepar yang dibawa oleh Yang Berhormat Kubang Kerian ini dengan hati yang berat dan kesal. Saya merasa kesal kerana kita membahs satu isu yang tidak merupakan tujuan sebenar Pope Benedict XVI. Selain itu kita juga membahs satu isu yang telah dipohon maaf oleh Vatican dan Pope Benedict XVI sebanyak dua kali selepas petikannya dalam ucapan teks itu disalahfahamkan oleh media dan pihak-pihak tertentu. Sebelum kita membahaskan ucapan Pope Benedict XVI, kita mesti baca teks ucapannya yang sebenar dan juga kita mesti faham ucapan Pope Benedict XVI itu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Seputeh tidak payah cakaplah, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Yang menimbulkan kontroversi ini sebenarnya disampaikan dalam satu forum di Universiti Regensburg, Jerman. Pope Benedict XVI merupakan seorang pensyarah teologi ataupun *theologian*. Beliau sebenarnya dijemput untuk memberi kuliah akademik yang bertema, "*Faith, Reason and the University Memories and Reflections*" ataupun dalam bahasa Malaysia, "Iman, Akal dan Universiti" di universiti lama yang beliau pernah berkhidmat. Tesis kuliah akademik ini ialah akal mempunyai peranan yang penting dalam iman dengan itu teologi mempunyai peranan yang penting dalam universiti.

Dalam bahasa Inggeris ia berbunyi, "*Reason has an important role in faith theology has an important role in the university*". Dalam kuliah Pope Benedict XVI beliau memetik satu dialog di antara Byzantine Emperor, Manuel II dan seorang sarjana Parsi atas subjek agama Kristian dan Islam. Pope Benedict XVI hanya memetik apa yang muncul dalam dialog tersebut yang berkisar pada isu akidah. Sekiranya kita baca ucapan kuliah tersebut secara teliti, beliau sebenarnya tidak menyokong pandangan Emperor Manuel II atas Islam, tetapi beliau hanya menggunakan dialog ini sebagai asas atau pun contoh untuk hujah-hujah berkenaan peranan akal dalam agama dan iman. Dengan kata lain, tesis kuliah Pope Benedict XVI tersebut langsung tidak bertujuan untuk merendahkan ajaran Islam dan juga jihad. Ucapannya sebenarnya telah disalah tafsirkan oleh media dan pihak-pihak tertentu.

Setelah kuliah akademik Pope Benedict XVI disalahfahamkan, pada 16 September 2006, *the Secretary of State of His Holiness* di Vatican telah mengeluarkan kenyataan yang menerangkan ucapan kuliah Pope Benedict XVI dan memohon maaf bagi pihak Pope. Kenyataan Vatican tersebut juga mengatakan penghormatan Gereja Katolik terhadap agama Islam. Kenyataan itu berbunyi dengan izin "*The position of the Pope concerning Islam is unequivocally that expressed by the conciliar document Nostra Aetate*" iaitu "*The church regards with esteem also the Muslims. They adore the one God, living and subsisting in Himself; merciful and all-powerful, the Creator of heaven and earth...*" dan sebagainya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kenyataan Vatican itu juga menyebut bahawa Pope Benedict XVI amat komited pada dialog di antara agama dan antara budaya. Dalam pertemuan di antara Pope Benedict XVI...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat... Yang Berhormat...,Tangga Batu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Dengan komuniti Muslim... Saya akan gulung. Di Cologne di Negeri Jerman pada 20 Ogos 2005...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan boleh, Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak ada masa, biar saya habiskan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya satu saja. Mungkin...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Biar saya habiskan ini...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Mungkin...mungkin Seputeh boleh jelaskan. Kalau...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: 20 Ogos 2005, dialog di antara...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Pope tidak kata begitu, macam mana, apa pasal Pope minta maaf pulak?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Beliau menyifatkan dialog...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Cuba jawab itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Di antara Kristian dan Muslim...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kalau dia tidak kata begitu, kenapa dia minta maaf dua kali, Pope Benedict XVI ni.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Tidak boleh dielakkan. Beliau berkata, *"The lessons of the past must help us to avoid repeating the same mistake."*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Seputeh boleh?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *We must seek paths of reconciliation and learn to live with respect for each other's identity.* Sehari kemudian, pada 17 September....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Seputeh, Seputeh! Beri penjelasan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Biar saya habiskan ini, nanti saya layan ya...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *You* layan ya, jangan tak layan, okey.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Biar saya gulung kan ini. Sehari kemudian pada 17 September 2006, Pope Benedict XVI mengeluarkan satu kenyataan lagi dan meminta maaf sekali lagi.

Kenyataannya berbunyi, dengan izin, *“At this time, I wish also to add that I am deeply sorry for the reactions in some countries to a few passages of my address at the University of Regensburg, which were considered offensive to the sensibility of Muslims. These in fact were a quotation from a medieval text, which do not in any way express my personal thought.”* Ini adalah kali pertama dalam sejarah Gereja Katolik di mana seorang Pope meminta maaf atas kenyataannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kesalah fahaman yang wujud di antara penganut Kristian dan Islam akan berakhir dengan dua kenyataan memohon maaf daripada pihak Vatican dan Pope Benedict XVI. Saya juga berharap kedua-dua komuniti agama ini akan mengadakan lebih dialog pada masa yang akan datang, untuk mengelakkan kesalah fahaman seperti ini berulang lagi. Dengan itu saya juga berharap seruan pelbagai pihak kepada kerajaan untuk menubuhkan *“Inter-faith Council”* yang bertujuan untuk memupuk persefahaman di antara agama yang berlainan juga akan disahut dan dilaksanakan oleh kerajaan. Sekian, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pasir Mas, satu minit saja Yang Berhormat ya.

4.56 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *Assalamualaikum wbt.* Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya baca ayat Al-Quran... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ini asas dalam Islam iaitu Al-Quran dan Nabi Muhammad SAW. mengajak kepada suatu permuafakatan iaitu satu kalimah yang sama di antara agama-agama Samawi iaitu beriman kepada Allah SWT. Daripada itu bahawa Islam saya membuat kenyataan pada petang ini menyokong sahabat saya daripada Kubang Kerian bahawa dalam Islam ini ada Al-Quran.

Di dalam Al-Quran mengajar supaya kita menghormati Nabi-nabi, Nabi Isa, Nabi Musa dan seluruh Nabi. Wirid di dalam Al-Quran dalam sembahyang, selepas daripada kita sembahyang diajar, Nabi Muhammad SAW. mengajar kita membaca wirid selepas daripada sembahyang... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ayat yang terakhir [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] *“...kami beriman.”*, kata Nabi Muhammad SAW. *“Kami beriman dengan Nabi-nabi sebelum daripada kami, dengan kitab-kitab sebelum daripada kami...”*, dengan Nabi-nabinya termasuk Nabi Musa, Nabi Isa dan termasuk seluruh Nabi-nabi, diajar kepada orang Islam supaya beriman, dan bukan sahaja beriman, sayang pada seluruh Nabi. Kami orang Islam tidak pernah, dilarang, jangan sekali-kali kami benci Nabi-nabi, malah disuruh kami sayang, walaupun apa sahaja Nabi, Nabi Musa, Nabisa dan kesemua Nabi, diajar begitu kepada orang Islam.

Yang kedua pula, bagaimana ucapan Baba Shanudah. Baba Shanudah ini iaitu Pope, Pope Kristian di Mesir dalam bahasanya disebut... [*Membaca petikan dalam bahasa Arab*] disebut dalam bahasa yang mudah iaitu *“Kami penduduk-penduduk Mesir semuanya, Islam dan Kristian merasa nikmat dan bahagia di waktu Kerajaan Mesir memerintah kami dengan Islam, tetapi bila mana Kerajaan Mesir mengimport hukum-hukum lain, selain daripada hukum Islam, maka di waktu itu kami merasa keluh kesah dan kami merasa tidak senang.”* Berbeza di antara pope di Mesir dengan pope yang berada di sana, di Vatican.

Oleh hal yang demikian, saya merasakan bahawa adalah terlalu silap dan tidak wajar bagi pemegang amanah agama di atas muka bumi ini dengan menuduh Nabi Muhammad SAW. sedangkan di dalam Islam mengajar kita supaya kita kasih kepada Nabi Isa as. mengaku dengan Kitabnya, mengaku dengan dakwahnya, mengaku dengan seruannya, dan tidak pernah Nabi Muhammad SAW. mengajar umatnya termasuk kita pada hari ini supaya kita tidak menyayangi Nabi-nabi lain.

Salahuddin al-Ayubi di waktu berlaku peperangan abad yang ke 11, 12, 13 di Palestin sewaktu beliau menawan Richard di waktu itu, dan di waktu Richard sedang sakit bagaimana beliau menghantar seorang doktor daripada kalangan orang Kristian mengubati tawanan beliau di waktu itu, pada hal kalau beliau tidak menghantar doktor pun tidak jadi masalah, kerana tawanan perang tetapi Islam mengajar umatnya supaya berbuat baik selain daripada orang Islam. Khalifah Omar bin Ibnu Aziz di waktu berlakunya peperangan di antara orang-orang Kristian di Utara dan di Selatan, di waktu Khalifah Omar bin Ibnu Aziz, khalifah Islam yang ke-5, menghantar askar-askar Islam sebagai askar pengaman kepada umat Kristian yang berada di Selatan di waktu itu, sehingga setelah beberapa tahun mereka berada di Selatan, setelah keamanan benar-benar wujud di Selatan, tentera Khalifah Omar bin Ibnu Aziz hendak kembali ke negara asal mereka, di waktu itu tentera Kristian memohon kepada Khalifah Islam supaya diperpanjang lagi tentera-tentera pengaman yang di hantar oleh Khalifah Omar bin Ibnu Aziz.

Ini menampakkan kepada kita bahawa bagaimana Islam ini sebagai agama untuk seluruh manusia, bukannya untuk orang Islam, untuk orang Arab, tapi seluruh manusia maka keputusan ataupun suatu *result* yang kita sebutkan pada pagi ini adalah ucapan atau kenyataan yang disebut oleh Benedict tadi, merupakan 'menyimbah besen di tengah-tengah minyak yang sedang menggelegak'.

Kita tengok kepada peperangan yang berlaku baru-baru ini di Lebanon, bagaimana orang Kristian menyokong tentera-tentera daripada Hizbullah, orang-orang Kristian menyokong tentera daripada Hizbullah dan Hizbullah juga waktu itu menyambut apa yang disebut ataupun apa yang dibantu oleh tentera Kristian. Jadi adalah tidak munasabah kepada pemegang agama sedangkan mereka sepatutnya menjadi pengaman dunia. Oleh yang demikian, kita di Dewan yang mulia ini, telah mengambil satu sikap dan satu maqam atau kedudukan yang jelas bahawa kenyataan-kenyataan yang boleh memporak-perandakan umat seluruh dunia ini mesti kita tentang, mesti kita lawan habis-habisan. Sekian, itulah ucapan saya, saya ucapkan. *Assalamualaikum*.

5.01 ptg.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih, *Assalamualaikum wbt*. Saya juga ingin turut sedikit memberikan pandangan dan berucap mengenai tajuk ini. Pope mengikut kepercayaan orang Kristian, adalah merupakan wakil Tuhan, wakil Tuhannya kepada dunia sebab itulah pope adalah tempat yang tertinggi untuk memohon ampun bagi orang Kristian.

Apakah wajar bagi seorang wakil Tuhan untuk membuat *quotation*. Kalaulah kata Yang Berhormat Seputeh itu benar, *quotation* yang kemudiannya menghiris perasaan agama yang lain. Itu persoalannya, sama ia berupa *quotation*, sama ada dia bersetuju ataupun tidak dengan *quotation* itu tetapi beliau telah memetik daripada puluhan ribu petikan, ucapan maharaja dan agama-agama lain, kenapa diambil petikan yang menghiris perasaan orang Islam oleh seorang wakil Tuhan.

Kalau tidak, dengan tujuan untuk mencurahkan minyak ke atas api yang sedang membakar. Itu persoalan yang kita bahaskan di sini dan orang Islam sangat sensitif dengan perkara ini. Saya tidak percaya Yang Berhormat Seputeh adalah wakil kepada Pope untuk berucap di sini hari ini. Saya juga tidak percaya bahawa Yang Berhormat Seputeh hari ini adalah merupakan wakil orang Kristian untuk mengatakan kita tidak harus marah. Kita mesti marah tetapi soalnya marah bagaimana?

Kenyataan-kenyataan sebegini sebenarnya kita juga boleh berbuat perkara yang sama. Dalam sebuah buku yang ditulis oleh *John A. Taylor*, seorang pensyarah di sebuah universiti terkenal di Britain. Dia adalah seorang pensyarah agama Islam tetapi beliau bukan beragama Islam. Bukunya berjudul, "*The Great Religion of the World*". Beliau mengatakan bahawa seluruh agama di dunia ini Kristian, Yahudi dan agama-agama Tuhan selain daripada Islam adalah merupakan *mitos*.

Tidaklah ini menghiris perasaan orang Kristian dan Yahudi? Mengatakan bahawa agama selain daripada Islam adalah *mitos*. Lalu orang bertanya kepadanya kenapa kamu tidak beragama Islam sedangkan kamu tahu bahawa Islam adalah agama yang benar kerana katanya, jawabnya adalah kerana, *I follow my ancestors believe...*, saya ikut keturunan bapa saya.

Ertinya seorang pensyarah yang bukan Islam yang mengajar agama Islam di universiti terkenal di dunia mengatakan bahawa agama Kristian dan agama-agama Yahudi adalah merupakan mitos. Kenapa dia berkata demikian? Kerana katanya Kitab Taurat, Kitab Injil sebenarnya tidak ada yang *original*. Ianya *gospel* sama sahaja dengan hadis yang diceritakan oleh orang-orang tidak bukunya yang sebenar sedangkan Al-Quran adalah bukunya yang sebenar, ayatnya yang sebenar yang dipelihara daripada dahulu sampai sekarang.

Saya tidak hendak membahaskan soal John A. Taylor tetapi apa yang saya hendak katakan di sini ialah kita Ahli Parlimen memandang berat kepada perkataan yang sedemikian. Orang Islam tidak boleh membiarkan agamanya dihina. Dalam Islam... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Maksudnya Islam itu agamanya adakah kedudukannya dalam tinggi dan tidak ada yang lain selain daripada yang tinggi. Ketinggian inilah yang kita pertahankan tetapi dalam waktu yang sama, kita tidak menghina agama yang lain. Dalam pemerintah Islam semenjak daripada dahulu tidak pernah ada *prosecution*, dengan izin, kepada orang bukan Islam malah semasa kerajaan Spain, kerajaan Islam Spain kalah kemudiannya diperintah oleh kerajaan Kristian, orang Yahudi yang berada di Spain lari ke Maghribi, lari ke Tunisia sehingga hari ini pun orang-orang Yahudi itu masih ada di sana kerana ingin berlindung di bawah kerajaan Islam, lari daripada kezaliman kerajaan Kristian, itu Yahudi.

Yahudi lari daripada kerajaan Kristian ke sebuah negara Islam di utara Afrika. Itu sejarah yang menyaksikan demikian. Begitulah juga dengan pemerintah-pemerintah di Constantinople, di Istanbul dan di *Middle East* (Timur Tengah) semasa Salahuddin Al-Ayubi yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas tadi. Bagaimana Salahuddin Al-Ayubi telah menunjukkan kepada *King Richard the Lionheart*, bagaimana orang Islam boleh membantu seorang musuhnya yang telah kalah berperang untuk menghantar doktor peribadinya kepada musuhnya yang telah membunuh rakyatnya sendiri. Ini menunjukkan budi pekerti daripada Islam...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tambahan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sedikit, Yang Berhormat boleh berucap. Saya memohon kepada Vatican City yang merupakan institusi yang paling tinggi dalam hierarki Kristian, janganlah ikut telunjuk orang lain. Buatlah keputusan sebagaimana yang dikehendaki oleh agamanya dan pada kita, pada Parlimen ini, *nothing less than full apology. Nothing less than full apology.* Walau pun ia merupakan *quotation* sebab *apologise* sahaja pada saya tidak cukup. Yang *apologise* juga orang lain. Sebenarnya bukan Pope, kemudiannya barulah dia sendiri selepas dia menyedari bahawa dia telah tersilap. Ini adalah sebagai ingatan kepada kita.

Akhirnya saya hendak menyebutkan bahawa janganlah lepas kata sesuatu, kemudian minta maaf, kata sesuatu minta maaf. Ingatlah orang Islam hidupnya di dunia ini tidaklah kerana lain kecuali kerana agamanya. Seluruh Islam di dunia ini hidupnya bukan untuk dunia, hidupnya adalah untuk akhirat hanya melalui jalan dunia. Ertinya mati tidak pernah menjadi satu ketakutan kepada umat Islam di dunia pada hari ini baik apa parti, baik apa negara yang dianuti. Saya menyokong terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Beluran. Saya harap kalau hendak beri peluang untuk saya memberi peluang kepada semua, ringkaskan kerana Setiausaha Parlimen perlukan 15 minit untuk menggulung. Silakan Beluran.

5.05 ptg.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau masyarakat Islam terguris dengan kenyataan Pope, ramai juga masyarakat Kristian yang terasa sama. Kalau ramai masyarakat Islam atau penganut agama Islam berasa marah terhadap kenyataan Pope, ramai juga yang beragama Kristian marah terhadap kenyataan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan ini pertama-tamanya tidak harus keluar daripada seorang pendakwah Kristian yang agung yang memperjuangkan tentang kedamaian dunia, tentang kehormatan terhadap agama lain dan ia tidak harus apa juga alasan yang dikemukakan oleh Pope yang mengatakan bahawa kenyataannya disalah tafsir ia harus bertanggungjawab terhadap penyalahtafsirannya disebabkan *quotationnya* yang salah terhadap agama lain...
[Tepuk]

Saya tidak bersetuju bahawa pendakwah Kristian yang agung yang mempunyai perasaan begini terhadap agama lain dalam ketika dunia berbincang tentang kedamaian dalam ketika dunia berbincang terhadap *interfaith dialog*, perbincangan antara agama tetapi dalam perbincangan dalam menentukan kejayaan kita terhadap perkara-perkara perdamaian ini kita tidak harus ada rasa sangsi terhadap agama yang lain. Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, bahawa Pope tidak harus mengeluarkan kenyataan walau pun ia berkata ia telah salah tafsirkan oleh media...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Betul.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Dalam keadaan itu Pope harus menarik balik kenyataan ini, bertanggungjawab terhadap kenyataan ini apatah lagi masyarakat Islam dunia marah kepada kenyataannya, harus menarik balik kenyataan ini dan bertanggungjawab agar masyarakat dunia ini akan terus aman damai seperti yang ada sekarang ini. Terima kasih.

5.07 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pope Benedict ini bukan seorang yang bodoh. Dia seorang yang berpelajaran. Yang anehnya dia berlakon seolah-olah dia bodoh. Seolah-olah dia cuma membaca teks petikan dan dia tidak ada perasaan langsung menyinggung hati orang lain. Vatican City harus sedar kenyataan Pope Benedict ini mencetuskan huru-hara antara agama Islam dan Kristian di merata-rata. Gereja dibakar, masjid dimusnah, hubungan antara Islam dan Kristian menjadi tegang. Ini kenyataan seorang yang gila pada saya.

Sebagai seorang yang ada deklarasi, mewakili Tuhan bagi agama Kristian, dia harus sedar bahawa dunia kita seperti *time bomb*, meletup apabila keadaan dia tiba dan dia cuba memetik *time bomb* tersebut. Dia sedar bahawa umat Islam hari ini sentiasa diintai kononnya *terrorist*, kononnya pengganas. Ditambah dengan kenyataan yang sebegini oleh seorang ketua agama yang tidak tahu agama orang lain yang terlalu cetek pandangan dia terhadap agama orang lain dan tiba-tiba dia kata dia menyesal.

Kita tidak mahu mendengar kata-kata sesalan. Kita mahu dia memohon maaf secara terbuka. Jangan ada *proxy*. Yang Berhormat Seputeh pun bukan *proxy* dia. Jangan cuba menidakkan kenyataan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Betul.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Hati orang Islam marah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sudahlah Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Duduk Seputeh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Hati orang Islam selalu sakit apabila diberi kenyataan oleh seorang ketua agama yang tidak bertamadun ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hendak tanya Yang Berhormat

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jangan bagi, jangan bagi tak ada masa.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya ingin bertanya Yang Berhormat ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak bagi jalan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia tak bagi orang, hendak suruh orang bagi dia, apa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Menyampuk]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak bagi jalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Duduk. Duduk. Duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kalau kita hendak berucap tahu, baca dahulu baru berucap...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak payah. Tak payah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan kacau. Duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia tidak bagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Awak sudah cakaplah Seputeh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduklah, duduk, duduk.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jangan bagi, orang hendak dia tak bagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya sehati dengan rakan-rakan yang telah menyatakan bantahan bahawa kita mengutuk, kita meminta Pope Benedict ini memohon maaf secara terbuka, barulah keadaan itu mungkin boleh menghilangkan kemarahan masyarakat umat Islam di seluruh dunia. Kita duduk dalam parabola yang bulat. Pope ini harus menyedari bahawa dia bukan duduk dalam satu bumbung yang milik dia sendiri. Dia dikelilingi oleh masyarakat-masyarakat yang lain. Dia harus sedar bahawa perbuatan dia mengundang kehancuran dan pertembungan tamadun masa kini. Oleh yang demikian, saya menyokong usul ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pasir Puteh. Lepas itu terpulang, kalau ada masa baru Yang Berhormat Kuala Terengganu.

5.10 ptg.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat sejahtera masyarakat Hadhari. Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyatakan bahawa saya menentang sekeras-kerasnya dan mengutuk sekeras-kerasnya atas apa yang telah dilakukan oleh Pope Benedict XVI. Walaupun beliau telah memohon maaf, kita tidak boleh terima sehinggalah maafan itu boleh dibuktikan bahawa tidak berlaku di kalangan beliau walaupun selepas beliau sampai ke hari kiamat. Tuan Yang di-Pertua, tidak asing lagi dengan kita bahawa Richard the Lionheart dan juga George Bernard Shaw dan Alex Morris Francis, Gotty dan sebagainya ini adalah saya hendak menyatakan bahawa golongan bukan Islam, mengiktiraf our Prophet Muhammad SAW. dan Al-Quran yang dibawa, saya *quote*, dengan izin, Alex menyatakan dalam bahasa Malaysia, "Muhammad s.a.w. telah meninggalkan kepada dunia sebuah kitab yang menjadi lambang keutuhan bahasanya dan sasteranya dan juga akhlaknya."

Saya menyatakan bahawa Pope Benedict XVI tidaklah ucapan untuk mencari keamanan, untuk menempah celaka kerana cakap untuk merais dan mempunyai agenda yang besar untuk memecahkan antara agama. Maka, dengan sebab itulah, kalau merais dengan ucapan begini, menempah celaka namanya kerana krisis dalam agama Tuan Yang di-Pertua, tidak ada ubat. Krisis dalam politik, ada sedikit-sedikit ubat. Dalam agama tidak ada ubat, tidak ada sesiapa boleh mengubati. Maka, dengan sebab itulah saya hendak *quote* satu lagi bahawa...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ahli-ahli, laluan. Bagi seminit. Pasal baru naik angin.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi dia bincang dengan saya sedikit. Yang Berhormat Pasir Puteh kata hendak sebut tentang Ulul Albab, konsep Ulul Albab yang sepatutnya ada pada pemimpin-pemimpin ini. Cuba Yang Berhormat cerita sedikit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau hendak terjemah Ulul Albab, dok panjang cerita, tidak sempat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih. Sebenarnya Ulul Albab ini orang yang mempunyai akal fikiran yang jauh, mempunyai *vision*, mempunyai jangka panjang kerana kita tahu Pope ada ilmu tetapi, dari segi emosi, dari segi sikapnya tidak dapat *control*. Dia berlandaskan kepada kemahuan dan kehendak agenda yang tertentu. Kalau dia berfikir dengan cara kedamaian, dia tidak akan menyebut sedemikian.

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya *quote* satu lagi dari Alex Morris Francis. Morris Francis menyatakan bahawa, "Sesungguhnya Al-Quran adalah yang dibawa oleh *Prophet* Muhammad SAW. sebaik-baik kitab untuk keamanan dan kesejahteraan sejagat dunia seluruhnya". Maka dengan sebab itulah saya menyatakan bahawa kalau dia mengatakan Muhammad SAW., itu keras, Muhammad SAW. itu kasar, Muhammad SAW itu zalim, kenapa Nabi Harun dan Musa di utus oleh Allah kepada Firaun?... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Pasal Firaun sudah mengaku Tuhan, ada syurga neraka sendiri, tetapi Tuhan kata Harun dan Musa pergi kepada Firaun, dakwah dia, pujuk dia... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Cakap lemah-lembut, jangan kasar.

Ini macam mana Pope Benedict XVI ini boleh bercakap kasar? Inilah *sign* tidak layak untuk mewakili Tuhan dia. Maka dengan sebab itulah bagi saya, saya hendak menyatakan bahawa hari ini kita hendak parti-parti pembangkang, biar samalah dengan parti pembangkang yang sekongsi dengannya. Ini tidak sama. Yang Berhormat Kubang Kerian sudah bawa satu isu, Yang Berhormat Seputeh tidak sama dengan Yang Berhormat Pasir Puteh pula... [*Ketawa*]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Menyampuk*]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *I'll failed that*, dengan izin. *I'll failed that your idea, your proof*. Saya minta supaya Yang Berhormat Seputeh juga, kita tidak kira parti pembangkang dalam Dewan ini...

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Menyampuk*]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [*Bertanya kepada Yang Berhormat Cameron Highlands*] Yang Berhormat Cameron Highlands pun angguk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Lari tajuk...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Jadi, sebab itulah bagi saya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Lari tajuk... [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan Yang Berhormat Pasir Puteh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya tidak bagi *floor* ini. Dengan ini, saya menyokong dan dengan ini saya mengutuk sekeras-kerasnya apa yang diperkatakan oleh Pope Benedict XVI. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hendak *appeal* kepada Yang Berhormat Pasir Puteh supaya sama-sama baca teks ucapan....

Seorang Ahli: Sudah, sudah, habislah. Sudahlah, sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sila.

5.15 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian serta tujuh orang lagi Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain yang telah mengambil bahagian dalam usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian di bawah Peraturan 18(1) supaya Dewan yang mulia ini membincangkan isu kenyataan kontroversi Paderi Besar Vatican Pope Benedict XVI mengenai ajaran Islam adan Nabi Muhammad SAW yang telah dan sedang mencetuskan kemarahan umat Islam seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengambil perhatian Dewan yang mulia ini tentang reaksi umat Islam dan juga masyarakat dunia terhadap isu ini. Misalnya di Syria, jawatankuasa yang dinamakan *Christian-Muslim Joint Committee* turut mengutuk kenyataan Pope tersebut. Di Morocco, kerajaannya memanggil pulang Duta besarnya di Vatican. Di Britain, Muslim Council of Britain telah menerima pernyataan kesal Pope. Di Egypt ataupun di Mesir, Gereja Ortodoks Koptik ataupun *Egypt's Coptic Orthodox Church*, dengan izin, telah membuat komen yang menyatakan bahawa kenyataan Pope itu adalah bertentangan dengan ajaran Kristian ataupun ajaran *Jesus Christ*.

Kedua, di Mesir juga ada satu golongan pembangkang di Egypt iaitu Muslim Brotherhood atau Ikhwan al-Muslim mengalu-alukan kenyataan Pope yang meminta maaf tetapi memberi amaran bahawa ia memerlukan satu permintaan maaf yang lebih tegas dan lebih menyeluruh lagi bagi memenuhi perasaan ataupun mengambil hati umat Islam seluruh dunia. Grand Sheikh of al-Azhar iaitu Sheikh Besar Al-Azhar menyatakan bahawa kenyataan Pope itu menunjukkan beliau adalah seorang yang tidak tahu tentang Islam.

Di Indonesia terdapat satu protes awam secara besar dan di Iran terdapat protes awam. Saya bacakan satu persatu dan saya rasakan bahawa terdapat beberapa kenyataan lain yang cukup penting, misalnya di Turki State Minister ataupun Menteri negaranya, Mehmet Aydin menyatakan Pope hanya meminta maaf terhadap reaksi yang timbul dari kenyataannya, tetapi tidak mengenai kenyataannya sendiri. Qatar seorang ulama besar Islam Yusof al-Qardhawi memanggil supaya hari Jumaat diadakan satu hari untuk menyatakan bantahan umat Islam dan menyatakan bahawa Pope perlu membuat kenyataan meminta maaf secara sepenuhnya. Malang sekali di Somalia, seorang *Catholic nun* atau *nun* Katolik telah ditembak dan dikatakan bahawa ada hubung kait dengan kenyataan tersebut. Di Palestin, empat gereja di Nablus telah dibakar dan adanya tembak menembak yang berhampiran dengan Gereja Ortodoks di sana.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kandungan kenyataan Pope Benedict XVI berhubung Islam dan junjungan Nabi besar, Nabi Muhammad SAW yang dibuat, semasa beliau menyampaikan ucapannya di Universiti Regensburg, Jerman pada 12 September 2006, jelas memberikan gambaran tidak benar dan negatif terhadap Islam dan junjungan Nabi Muhammad s.a.w.

Ucapan beliau itu antaranya menyunting kenyataan Emperor Manuel II Paleologos dari empayar Byzantine di Abad ke-14 yang mendakwa kononnya Nabi Muhammad SAW tidak membawa sesuatu perkara yang baru kecuali kejahatan dan kekejaman serta dakwaan bahawa Islam disebarkan secara kekejaman dan kekerasan melalui paksaan dan mata pedang. Tindakan tersebut seolah-olah disengajakan untuk mempersendakan perjuangan Nabi Muhammad SAW dan umat Islam. Yang Berhormat Seputeh sebentar tadi ada menyebutkan bahawa reaksi umat Islam di seluruh dunia adalah berasaskan kepada salah faham dan mereka tidak membaca ucapan sebenar atau teks-teks sepenuhnya ucapan Pope tersebut.

Perlu saya jelaskan di sini bahawa sekiranya Pope menyedari bahawa kedudukannya sebagai pemimpin besar umat Kristian bermazhab Katolik. Kita merasakan bahawa adalah wajar bagi beliau untuk berhati-hati dalam kenyataannya bagi menjaga perasaan seluruh umat Islam dan menjaga ketenteraman antara agama dalam dunia. Misalnya saya boleh berkata, saya memetik kata-kata orang lain mengenai DAP sebagai contoh kalau saya katakan bahawa ada orang berkata "DAP ialah sebuah parti *chauvinist* perkauman dan menjadi pencetus kepada peristiwa 13 Mei". Saya boleh mengatakan bahawa itu bukan kenyataan saya, tetapi kenyataan orang lain, apakah perasaan orang DAP dalam soal ini? Kalau ia datang daripada seorang pemimpin Melayu, pemimpin UMNO, pemimpin orang Islam dengan mengatakan bahawa "Ini bukan kata saya, tetapi kata orang lain". Sudah tentu ia juga akan menyentuh perasaan Yang Berhormat sekiranya ia datang kepada orang lain mengulangi perkara yang boleh mencetuskan kemarahan dan memarakkan api perkauman dalam konteks Negara kita.

Malaysia selaku pengerusi Sidang Kemuncak Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) ke-10 amat kesal dengan ucapan Pope Benedict XVI tersebut kerana ianya nyata dan dengan sengaja ingin menjejaskan maruah dan imej Islam, serta kemuliaan junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Kita amat bimbang isu kenyataan pemimpin agung agama Katolik ini boleh menyebabkan berlakunya pergeseran di antara penganut Islam dan Katolik. Ini kerana sesetengah penganut Katolik mungkin mengambil pandangan beliau tersebut walaupun dalam bentuk petikan sebagai pandangan rasmi gereja Katolik. Kenyataan Pope Benedict XVI ini juga tidak menyumbang kepada usaha-usaha untuk meningkatkan kefahaman dan keharmonian di antara agama yang kini menjadi satu perkara yang amat kritikal bagi membendung kemarahan yang boleh mencetuskan perkara-perkara yang tidak baik seperti isu keganasan antarabangsa yang bukan hanya perlu dilihat dari aspek penganut itu sendiri tetapi punca-punca keganasan yang berlaku di seluruh dunia.

Ucapan beliau tersebut telah menimbulkan kemarahan masyarakat, pertubuhan-pertubuhan dan pemimpin-pemimpin Islam di seluruh dunia. Contohnya ialah sebagai mana yang disebutkan tadi berlakunya tunjuk perasaan di Pakistan, India, Iran, Palestin dan Indonesia.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pada 16 September 2006 telah mengeluarkan kenyataan meminta Pope Benedict memohon maaf dan menarik balik kenyataannya. Beliau turut menyatakan bahawa kenyataan Pope Benedict tersebut tidak dapat diterima langsung oleh umat Islam serta menampakkan betapa ceteknya pengetahuan Pope Benedict mengenai Islam dan sejarahnya.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita pula, meminta supaya Pope lebih berhati-hati dan cermat dalam membuat kenyataannya untuk tidak menyinggung lagi umat Islam. Kenyataan turut dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri pada 17 September 2006 di Havannah yang mengulangi gesaan Malaysia agar Pope Benedict menarik balik kenyataan yang mengaitkan Islam sebagai agama yang disebarkan melalui mata pedang dan memohon maaf kepada umat Islam. Kenyataan-kenyataan yang hampir serupa, misalnya kelmarin pihak penyokong kerajaan BN BBC Parlimen Malaysia turut mengeluarkan kenyataan yang sama menunjukkan betapa seragam dan sepakatnya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dalam soal yang berkaitan dengan kenyataan ini... [Tepuk]

Sejak timbulnya kontroversi tersebut pihak Vatican telah mengeluarkan dua kenyataan awal yang bertujuan melahirkan rasa kekesalan mereka berhubung kontroversi yang timbul lanjutan ucapan Pope Benedict itu iaitu pada 15 dan 16 September oleh Vatican Information Service dengan izin dan oleh Setiausaha Negara Vatican, 'Kardinal Tarcisio Bertone'. Pope Benedict sendiri menyatakan kekesalan beliau berhubung isu yang sama pada 17 September 2006. Beliau menyatakan rasa kesalnya bahawa ucapan beliau itu telah menimbulkan reaksi negatif di kalangan umat Islam. Ini kerana beliau hanya menyunting kata-kata Emperor Manuel II Paleologos dari empayar Byzantine di Abad ke-14 dengan izin; *"These in fact were a quotation from a Medieval text which do not in any way express my personal thought"*. Beliau berharap kenyataan kesalnya itu boleh menenangkan keadaan dan menamatkan kontroversi tersebut, beliau juga menjelaskan bahawa ucapannya adalah merupakan satu jemputan ke arah dialog yang ikhlas dan terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Pope Benedict telah mengeluarkan kenyataan maaf seperti di atas, namun tindakan beliau masih dianggap tidak memenuhi tuntutan masyarakat Islam seluruh dunia. Sehubungan dengan itu saya ingin sekali lagi menegaskan supaya Dewan yang mulia ini mengikut peruntukan sebagaimana dalam peraturan mesyuarat kita pada hari ini agar mengambil ketetapan-ketetapan berikut:

- (i) mengambil maklum berhubung isu ucapan Pope Benedict ke-XVI yang mengandungi pernyataan yang tidak benar, kontroversi serta menjejaskan Islam di samping menjatuhkan kemuliaan dan imej Nabi Muhammad SAW;
- (ii) Malaysia membantah sekeras-kerasnya kandungan petikan ucapan Pope Benedict di antaranya yang menyunting kenyataan Emperor Manuel II Paleologos dari empayar Byzantine di Abad ke-14.

- (iii) Kenyataan ini jelas bercanggah dengan ajaran sebenar Islam yang dituntut oleh Allah SWT dan disebarkan melalui junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang menekankan toleransi menentang keganasan serta menekankan amalan dan nilai-nilai murni dalam amalan harian penganutnya;
- (iv) pernyataan pemimpin agung Katolik ini juga mungkin boleh menyebabkan berlakunya pergeseran di antara penganut Islam dan Kristian khususnya Katolik dan tidak menyumbang langsung kepada sebarang usaha untuk meningkatkan kefahaman dan keharmonian di antara agama;
- (v) menuntut agar Pope Benedict ke-XVI mengambil langkah-langkah perlu bagi memupuk kefahaman antara agama dan budaya; dan
- (vi) menuntut agar Pope Benedict ke-XVI selaku Ketua Gereja Katolik menghormati agama Islam dan sensitif dan menjaga sensitiviti umatnya dengan memastikan agar perkara ini tidak berulang lagi di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya jelaskan, tolonglah dan pastikan bahawa keganasan tidak boleh dikaitkan dengan agama, khususnya agama Islam semata-mata. Berlaku keganasan di kalangan orang-orang Kristian, apa yang berlaku di Ireland Utara satu ketika dahulu bertentangan antara Katolik dengan Protestan juga telah mencetuskan isu-isu dan mencetuskan peristiwa-peristiwa malang dan hitam dalam keganasan dan ianya tidak ada kaitan dengan Islam. Keganasan yang dilakukan oleh golongan pemisah Bath di Spain, di Sepanyol, ianya tidak ada kena-mengena dengan Islam tetapi ada punca-punca lain yang berlaku. Sebab itulah dunia terutama dasar luar negara-negara kuasa besar mesti melihat bahawa antara punca keganasan ialah berlakunya ketidakadilan, berlakunya penindasan, berlakunya sikap tuat talam dua masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Kuasa-kuasa besar terhadap umat Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Dan inilah punca keganasan yang perlu kita ambil tahu dan kita perhatikan untuk memastikan dunia terus aman dan sejahtera, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini perbahasan ditutup. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga Air dan Komunikasi menyambung semula jawapannya.

5.30 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan penggulungan bagi pihak kementerian. Tuan Yang di-Pertua, Pengurusan Tenaga Nasional Berhad dan tanggungjawab sosial. Kenyataan ahli Yang Berhormat Bera mengenai pengurusan TNB tidak menjaga tidak menjaga kepentingan pekerja-pekerja TNB adalah tidak benar sama sekali.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, TNB telah menyediakan salah satu pakej yang terbaik dari segi terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan di Negara ini untuk pekerja-pekerjanya sama ada di kalangan syarikat-syarikat *Government Link Companies* mahupun di kalangan syarikat-syarikat swasta yang lain. Sebagai pengiktirafan, TNB telah diberikan anugerah majikan prihatin beberapa kali oleh Kementerian Sumber Manusia. Di samping itu, TNB juga merupakan satu-satunya *Government Link Companies* yang secara konsisten telah disenaraikan dalam sepuluh syarikat teratas di dalam senarai *best employer* dengan izin, sejak lima tahun yang lalu. Ini jelas menunjukkan keprihatinan TNB terhadap warga kerjanya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timor telah menyatakan bahawa kerajaan harus mengumumkan perjanjian yang ditandatangani oleh pihak berkenaan dengan penjana-penjana elektrik bebas atau IPP untuk meningkatkan ketelusan dan mengurangkan kuasa monopoli entiti-entiti swasta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah negara yang berdaulat kerajaan perlu menghormati perjanjian pembelian Tenaga PPA atau *Respect The Sensitivity of The Agreement* yang telah dimeterai di antara pihak penjana bebas dengan Tenaga Nasional Berhad. Tambahan pula terma-terma yang terkandung dalam PPA telah memperuntukkan obligasi kepada kedua-dua pihak untuk memelihara kerahsiaan terma dan syarat perjanjian tersebut, *confidentiality clause*. Oleh itu kerajaan tidak bercadang untuk mendedahkan terma-terma perjanjian tersebut secara terperinci kerana ia boleh menjejaskan keyakinan pelabur terhadap syarikat-syarikat yang terlibat. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi bersama dengan Suruhanjaya Tenaga telah pun menggunakan rundingan...

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Silakan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Walaupun kerajaan mengatakan bahawa terma-terma ini ditakluki bawah *clause confidentiality*, namun apakah tidak menjadi wajar bagi kita menjaga kepentingan *tax payer*, pembayar-pembayar cukai. Kerana didapati bahawa terma-terma ini berat sebelah dan hanya satu sahaja daripada IPP itu telah diberikan terma istimewa ini. Satu soalan saya, hari itu apabila Timbalan Menteri menjawab, saya nak tanya bilakah jangka masa perundingan semula dijalankan dengan IPP ini dan boleh atau tidak kita mengetahui secara umum tidak akan berlaku terma-terma yang berat sebelah yang tidak memberi manfaat kepada rakyat. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Sebagaimana yang saya jawab tempoh hari kerana pada masa ini, kita masih lagi dalam peringkat perundingan maka kita rasa tidak mahu *rock the boat* dengan izin, memang tujuan kita untuk melihat perkara-perkara ini adalah untuk memastikan bahawa Tenaga Nasional tidak dibebani oleh '*capacity caj*' dan dalam masa yang sama sebagai sebuah kerajaan yang berdaulat kita memenuhi segala yang kita telah letakkan dalam *agreement* dan sebab itu yang saya katakan *win-win situation* dan dalam masa yang sama kita juga memastikan bahawa rakyat orang ramai, umumnya mendapat pulangan daripada *supplementary agreement* yang hendak kita wujudkan ini.

Dari segi masa insya-Allah jika diizinkan tuhan kita akan lihat hasilnya pada penghujung tahun ini ataupun selewat-lewatnya awal tahun depan kerana kita dalam masih dalam rancak mengadakan perundingan dan nampak kesan-kesan positif, tanda-tanda positif di mana pihak IPP juga memberikan komitmen untuk bersama-sama dengan kerajaan untuk membantu mengatasi masalah dalam Tenaga Nasional. Terima kasih.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi bersama dengan Suruhanjaya Tenaga telah pun memulakan rundingan dengan IPP untuk mencari penyelesaian yang terbaik terhadap isu PPA ini dan pihak IPP telah memberi maklum balas positif terhadap cadangan-cadangan yang dikemukakan. Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk memaklumkan secara terperinci mengenai perkara ini sehinggalah modul penyelesaian bagi isu ini dapat dimuktamadkan kerana dikhuatiri akan menjejaskan rundingan yang sedang diadakan sebagaimana yang saya nyatakan tadi.

Masalah gangguan dan liputan perkhidmatan bekalan air di Sabah. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Ipoh Timor dan Batu Sapi juga membangkitkan mengenai masalah gangguan dan liputan perkhidmatan bekalan air di negeri Sabah. Sebagaimana penjelasan terdahulu di dewan yang mulia ini, kerajaan memang menyedari masalah gangguan dan liputan perkhidmatan bekalan air yang dihadapi oleh penduduk di negeri Sabah. Oleh kerana masalah bekalan air di negeri tersebut memerlukan penyelesaian jangka panjang untuk memastikan keberkesanannya. Kerajaan telah membuat perancangan yang rapi dan menyeluruh bagi meningkatkan kecekapan operasi serta memperluaskan kawasan liputan perkhidmatan bekalan air di negeri tersebut.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Selari dengan matlamat tersebut, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM1, 313.35 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk pelbagai projek bekalan air. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1,070.35 juta adalah untuk membiayai empat projek utama iaitu:

- (i) projek pembinaan kolam takungan dan paip utama Talibong dan Teliput bagi menampung permintaan air di kawasan Kota Kinabalu sehingga tahun 2015. Projek ini dijangka siap pada bulan November 2007, status fizikal kemajuan projek setakat ini adalah 50 %;
- (ii) projek bekalan air Kudat bagi menampung permintaan air di kawasan Kudat sehingga tahun 2020 dan projek ini dijangka siap pada 31 Januari 2008 dengan status terkini kemajuan projek sebanyak 37%;
- (iii) projek bekalan air Papar bagi menampung permintaan air di kawasan Papar sehingga tahun 2015 dan projek ini dijangka siap pada bulan September 2008; dan
- (iv) projek bekalan air Sandakan Fasa 2 yang akan berupaya memenuhi permintaan air di kawasan Sandakan sehingga tahun 2020 dijangka siap pada September 2008.

Sementara menunggu siapnya pelan penyelesaian jangka panjang, berapa langkah jangka pendek juga sedang dan telah dilaksanakan seperti program pengurangan air tidak berhasil NRW secara berperingkat-peringkat di seluruh Sabah dan skim bekalan air kecemasan di bawah beberapa kawasan kritikal di seluruh negeri termasuk bekalan serta-merta di Sandakan, Papar, Kudat dan Gam Gam. Kedua-dua projek tersebut akan dapat menambah kapasiti bekalan air di kawasan-kawasan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan bahawa langkah-langkah yang diambil belum lagi menampakkan kesan sepenuhnya memandangkan projek-projek utama yang menyatakan belum siap lagi. Masalah perkhidmatan bekalan air di negeri tersebut dijangka akan berkurangan dan akan dapat dipertingkatkan secara berperingkat-peringkat dengan siapnya projek-projek tersebut di penghujung Rancangan Malaysia Kesembilan. Dengan jumlah peruntukan yang terbesar untuk bekalan air berbanding dengan negeri-negeri lain, kerajaan juga komited untuk memastikan liputan perkhidmatan bekalan air bagi negeri Sabah ditingkatkan dari kadar 75.5% ke tahap 81% menjelang akhir Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu 92 % bagi kawasan bandar dan 70% bagi kawasan luar bandar.

Merapatkan jurang digital dan *digital divide* dan teknologi ICT di kawasan luar bandar. Yang Berhormat dari Arau menyarankan agar teknologi ICT dapat dikembangkan di kawasan perkampungan dan bukan hanya tertumpu pada kawasan perbandaran sahaja. Manakala Yang Berhormat Muar, telah menyarankan empat perkara yang perlu diambil tindakan bagi mengurangkan jurang digital iaitu penyediaan telefon, talian tetap, telefon mudah alih, komputer peribadi dan akses internet serta isu dana USB di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia SKMM jumlah RM1 bilion bagi mengurangkan jurang digital. Untuk Makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian ini telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam menyediakan infrastruktur komunikasi seperti talian telefon, komputer, talian *internet* terutamanya di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman bagi memastikan pembangunan infrastruktur yang seimbang di samping merapatkan jurang digital antara kawasan bandar, luar bandar serta pedalaman. Melalui inisiatif yang dilaksanakan kementerian ini berharap agar peluang-peluang teknologi maklumat dan komunikasi ICT dapat dimanfaatkan oleh setiap penduduk di negara ini terutamanya di luar bandar atau di perkampungan.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan di bawah projek pemberian perkhidmatan sejagat, kementerian telah membekalkan infrastruktur komunikasi kepada 869 lokasi pusat-pusat ICT komuniti di seluruh negara di mana 510 lokasi merupakan perpustakaan desa manakala 359 lokasi adalah klinik kesihatan dan klinik desa. Di bawah Program Internet Desa (PID) pula, kementerian ini dengan kerjasama Pos Malaysia Berhad telah melaksanakan 42 lokasi pusat-pusat internet desa PID menggunakan bangunan tambahan di setiap pejabat pos di pilih di setiap negeri di seluruh negara.

Selain itu projek rangkaian *school net* pula kementerian ini dengan kerjasama Kementerian Pelajaran telah menyediakan rangkaian *internet* kepada sepuluh ribu lokasi yang meliputi sekolah-sekolah bantuan kerajaan dan juga institusi pendidikan seperti maktab perguruan, pusat kegiatan guru dan sebagainya. Setiap inisiatif yang dilaksanakan tersebut sememangnya menyediakan peluang-peluang ICT untuk dimanfaatkan oleh masyarakat luar bandar.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kementerian ini akan terus menambah 300 lokasi baru pusat-pusat ICT komuniti yang melibatkan perpustakaan desa dan awam melalui program PPSK. Selain itu beberapa pusat ICT, komuniti yang sedia ada akan juga di naik taraf agar menjadi pusat sehenti atau *one-stop centre*, dengan izin, bagi membolehkan komuniti luar bandar dan di kampung-kampung mendapat manfaat ICT melalui kemudahan yang telah disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab isu Yang Berhormat Kuala Terengganu yang menyentuh tentang *accessibility*, *equity* dan *connectivity* dengan izin, kementerian amat peka mengenai kadar pemilikan komputer dan penembusan jalur lebar yang masih rendah dan akan terus melaksanakan pelbagai langkah yang perlu untuk menyediakan serta mempertingkatkan kadar pemilikan komputer dan penembusan jalur lebar di Malaysia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kadar pemilikan komputer sehingga akhir Jun 2006 adalah sebanyak 23.6%. Beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan dalam usaha untuk mempertingkatkan kadar pemilikan komputer yang rendah yang menjadi penghalang kepada kadar penembusan perkhidmatan jalur lebar. Dalam hal ini antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak industri yang telah mendapat sokongan kementerian ialah *Initiative Easy to Own Broadband PC*, dengan izin, oleh penyedia perkhidmatan *internet* yang menawarkan pakej komputer serta langganan kepada perkhidmatan jalur lebar *Streamyx* 512 KBPS dengan harga serendah RM99 sebulan.

Strategi MYSMS 886 juga turut menumpukan kepada usaha untuk mempertingkatkan kadar pemilikan komputer dan langganan jalur lebar melalui kempen *one home one internet access* dengan sasaran sebanyak 90% isi rumah akan mempunyai *access* kepada *internet* pada tahun 2010. Selain itu dalam Bajet 2007 yang telah dibentangkan baru-baru ini kerajaan juga telah mengumumkan tempoh layak menuntut galakan cukai bagi pembelian komputer yang kini diberi untuk setiap lima tahun dipendekkan kepada setiap tiga tahun...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Minta penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Baik.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengikuti jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kadar penembusan *broadband*. Memang saya setuju dan saya menyokong apa yang dibangkitkan kerana dalam usaha untuk kita menembusi kadar penembusan jalur lebar ini kita mesti mempunyai tiga 'K'. 'K' yang pertama mengenai komputer, kita sudah cakap komputer dan juga komunikasi. Kementerian telah mengambil perhatian yang serius mengenai komunikasi alat-alat peralatan dan sebagainya.

Akan tetapi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah usaha-usaha kementerian untuk mengembang atau memperluas lagi 'K' yang ketiga iaitu kandungan atau *contents*. Kalau kita ada komputer, kita ada komunikasi, alat-alat yang canggih tetapi kita tidak ada *contents* juga tidak boleh kita mencapai sasaran kita. So saya hendak tanya apakah strategi ataupun tindakan-tindakan daripada pihak kementerian bagaimana kita boleh memperkembangkan lagi *contents* atau kandungan dalam komputer ini supaya hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan lagi kadar penembusan jalur lebar ini dapat dicapai khasnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya minta penjelasan sedikit.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Puchong, pertamanya saya ingin menyatakan bahawa saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Puchong bahawa sekiranya *content* nya tidak ada maka tidak ada sebab mengapa orang hendak menggunakan perkhidmatan jalur lebar. Umpamanya kalau kita ada 3G telefon, kalau setakat digunakan untuk lihat gambar Yang Berhormat, Yang Berhormat lihat gambar muka saya Yang Berhormat pun tidak beli 3G ini sebab telefonnya harganya mahal. Jadi umpama kita menyediakan *highway* tidak ada kenderaan.

Maka dari segi ini kementerian (kerajaan) bekerjasama dengan pihak swasta untuk memastikan bahawa banyak pihak sanggup memainkan peranan kerana bagi pihak kerajaan, kerajaan lebih berminat untuk menyediakan prasarana, infrastruktur bagi kemudahan-kemudahan *broadband* ini dan manakala kita mengharapkan penyertaan pihak swasta untuk melahirkan banyak *content* yang bermutu supaya bukan sahaja boleh digunakan di negara ini malah boleh dijadikan bahan untuk dieksport ke negara luar. Mungkin *content-content* yang berunsur ilmu pengetahuan yang mungkin dikeluarkan oleh mana-man syarikat swasta ini yang kita sedang ketengahkan kerana kalau tidak kita mungkin ada infrastruktur telekomunikasi yang hebat tetapi tidak diguna pakai. Jadi *defeat the purpose*, dengan izin, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, bagi penembusan jalur lebar pula kementerian turut peka mengenai keperluan menyediakan rangkaian jalur lebar ke telekomunikasi secara menyeluruh ke seluruh negara dan meningkatkan kadar penembusan jalur lebar negara. Berdasarkan keperluan tersebut, Pelan Jalur Lebar Negara telah diperkenalkan pada akhir tahun 2004 yang merupakan satu strategi untuk meningkatkan penyediaan infrastruktur *internet* berkapasiti tinggi atau jalur lebar di negara ini. Tumpuan utama pelan tersebut adalah untuk mewujudkan paras kritikal, *critical mass* dengan kadar berliterasi isi rumah bagi jalur lebar sebanyak 50% pada tahun 2008. Di bawah pelan tersebut usaha akan ditumpukan kepada dua inisiatif utama iaitu:

- (i) penglibatan kerajaan bagi menghubungkan komuniti terpilih untuk menggalakkan permintaan. Antara komuniti tersebut yang disediakan kemudahan *internet* ialah jabatan-jabatan kerajaan, sekolah-sekolah, universiti dan institusi penyelidikan, hospital dan klinik, perpustakaan dan pusat *internet* komuniti; dan
- (ii) penglibatan sektor swasta bagi menawarkan perkhidmatan *internet*. Antara strateginya ialah memperkenalkan rangka kerja *regulatory* yang bersesuaian untuk menyediakan insentif-insentif kewangan sebagai rancangan untuk menggalakkan penyediaan infrastruktur jalur lebar oleh pihak swasta.

Dalam hubungan ini antara tindakan yang sedang diambil oleh kementerian ialah meminda peraturan-peraturan komunikasi dan multimedia, pemberian perkhidmatan sejagat 2002 bagi membolehkan penyediaan infrastruktur jalur lebar dibiayai melalui dana USP atau pemberian perkhidmatan sejagat. Dengan pindaan peraturan tersebut penyediaan infrastruktur jalur lebar di kawasan luar bandar akan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat. Kementerian juga mengambil pendekatan bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi merancang dan melaksanakan projek infrastruktur jalur lebar meliputi kawasan-kawasan pembangunan utama dan kawasan-kawasan luar bandar yang pesat membangun.

Selain dari itu di bawah projek Rancangan Malaysia Kesembilan bagi promosi jalur lebar kementerian akan melaksanakan beberapa program promosi bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan jalur lebar terutamanya kalangan sektor awam termasuk negeri, industri, akademik dan masyarakat umum. Untuk tujuan itu pihak kementerian telah merancang untuk mengadakan Forum Jalur Lebar Kebangsaan atau *National Broadband Forum 2006* pada Disember 2006 yang bermatlamat untuk mempertingkatkan kesedaran semua *stakeholders*, dengan izin, tentang kepentingan perkhidmatan jalur lebar dalam mencapai sasaran yang telah ditetapkan di bawah Pelan Jalur Lebar Negara. Kementerian turut bercadang untuk mengadakan *road show* jalur lebar ke seluruh negara bermula tahun 2007 bagi meningkatkan kesedaran masyarakat umum kepada kepentingan faedah perkhidmatan jalur lebar di dalam kehidupan seharian.

Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching mengenai *Smart Partnership Plan* antara pemaju perumahan dengan Telekom Malaysia (TM), untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak kementerian dan syarikat pemberi perkhidmatan telekomunikasi sedang mengadakan perbincangan dengan *Real Estate and Housing Developers' Association* (REHDA) mengenai cara-cara untuk memastikan setiap kawasan yang dibangunkan dilengkapi dengan infrastruktur telekomunikasi.

Ini adalah kerana pada masa ini kemudahan komunikasi adalah perkhidmatan perlu untuk pembangunan masyarakat berasaskan ilmu atau *K-Society*. Walaupun komunikasi tidak disenaraikan sebagai perkhidmatan perlu di bawah *Uniform Building By-Laws* (UBBL) seperti air dan tenaga, kementerian ini berharap pemaju-pemaju akan turut menyediakan kemudahan-kemudahan komunikasi di kawasan-kawasan pembangunan mereka. *Smart Partnership Plan* (TM) dengan izin, merupakan satu inisiatif yang diambil untuk memastikan kawasan pembangunan baru dilengkapi dengan kemudahan komunikasi di mana sebahagian kos ditanggung bersama oleh pemaju sama seperti kemudahan lain iaitu tenaga dan air. Mekanisme perkongsian kos sedang dibincangkan dengan pihak REHDA. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat setakat ini sahaja penerangan yang dapat saya berikan untuk sesi kali ini...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu di bawah *Smart Partnership Plan* infrastruktur apakah bezanya infrastruktur yang dibekalkan oleh Telekom di bawah *Smart Partnership Plan* dengan infrastruktur yang dibekalkan oleh Telekom yang tidak di bawah *Smart Partnership Plan* kerana aduan yang saya terima ini adalah mereka, pemaju ini hanya memohon supaya dibekalkan *telephone line*, disambungkan *telephone service* yang biasa tetapi mereka dipaksa oleh Telekom supaya mesti ambil *Smart Partnership Plan* ini sedangkan kabel-kabel yang diinstall oleh pemaju itu adalah sama seperti kabel lain untuk normal, *telephone line* biasa.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, yang amat memeranjatkan adalah kos yang dikenakan untuk 20 unit, RM92 ibu dikenakan caj *under Smart Partnership Plan*. Kita tidak mahu GLC-GLC yang mempunyai kuasa monopoli dalam *telecommunication* ini supaya mengenakan caj sesuka hati sahaja atas nama *Smart Partnership Plan* atau atas apa-apa alasan...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya meneliti perkara ini supaya pengguna-pengguna tidak dieksploitasi oleh GLC-GLC itu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Sebagaimana yang saya katakan tadi, *Smart Partnership Plan* ini adalah satu persetujuan di antara pihak Telekom Malaysia (TM) dan juga pihak pemaju, yang mana pihak pemaju kata dia bersetuju untuk menanggung sebahagian daripada kos infrastruktur, manakala pihak Telekom akan memberikan *connectivity* kepada kawasan-kawasan ini.

Selalunya mereka bersetuju dahulu dan ada perjanjian. Sekiranya mereka, pihak pemaju dan pihak Telekom telah sama-sama setuju, maka akhirnya pihak Telekom akan memberi *connectivity* kepada kawasan-kawasan yang telah dibangunkan ini. Sekiranya di kawasan Yang Berhormat sebagaimana yang Yang Berhormat katakan, sekiranya pihak pemaju telah pun *fulfill* ataupun menyempurnakan tanggungjawab mereka menyediakan infrastruktur-infrastruktur itu dan menjadi tanggungjawab pihak Telekom pula untuk menyediakan atau mengadakan *connectivity* ini.

Sekiranya berlaku kesilapan atau kesulitan, saya sedia untuk bekerjasama dengan Yang Berhormat untuk menyelesaikan masalah ini. Sekiranya kedua-dua pihak telah memainkan peranan kerana yang penting mereka telah bersetuju, pihak pemaju telah bersetuju dan mereka perlu memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Telekom supaya Telekom dapat memberikan *connectivity* bagi kawasan-kawasan yang telah dimajukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penerangan yang dapat saya berikan untuk sesi kali ini. Mana-mana soalan yang tidak sempat saya jawab, saya pohon maaf. Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi akan sentiasa mengambil maklum tentang segala isu dan cadangan yang telah dibangkitkan dan seterusnya akan mengambil tindakan yang sewajarnya menangani masalah yang berkaitan untuk faedah rakyat dan kepentingan negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk memulakan jawapan.

5.53 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ng Lip Yong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan yang membina mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang kuasa MITI dalam perbahasan Bajet 2007 di peringkat dasar. Izinkan saya memberi penjelasan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timor telah menyentuh mengenai kredibiliti perangkaan mengenai pelaburan asing atau FDI yang dilaporkan di dalam laporan ekonomi. Beliau kata data tersebut tidak menggambarkan aliran sebenar kemasukan FDI tersebut. Mengenai kredibiliti data FDI, perangkaan yang diperolehi daripada MITI dan MIDA adalah berdasarkan jumlah pelaburan yang telah diluluskan oleh MIDA dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan.

MITI dan MIDA secara aktif menjalankan pemantauan ke atas semua projek pelaburan yang telah diluluskan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan bagi memastikan projek-projek tersebut dilaksanakan.

Pelabur-pelabur dikehendaki menyediakan laporan prestasi selepas 6 sehingga 12 bulan projek diluluskan. Berdasarkan laporan prestasi perkilangan dan perkhidmatan 2005 terbitan MIDA, daripada 4,257 projek yang telah diluluskan bagi tempoh tahun 2000 sehingga 2005, hanya 408 projek atau 7.3% sahaja yang tidak dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga menyentuh tentang insentif pelaburan bagi menarik pelabur asing dan mencadangkan supaya diwujudkan satu mekanisme khusus untuk menyelaras insentif sedia ada serta mengadakan satu perundingan yang menyeluruh dan komprehensif. Beliau juga mencadangkan supaya keutamaan pemberian insentif diberi kepada pelaburan yang melibatkan teknologi canggih, sektor perkhidmatan, harta intelek dan inovasi.

Bagi menggalakkan pelaburan asing dan tempatan, perundangan seperti Akta Penggalakan Pelaburan 1986, dengan izin, *Promotion of Investment Act* dan Akta Cukai Pendapatan 1967 telah pun diwujudkan bagi memperuntukkan insentif-insentif sedia ada serta insentif-insentif baru. Usaha sedang diambil untuk mengkaji semula Akta Penggalakan Pelaburan dan mengemaskinikan perundangan yang sedia ada untuk mengambil kira perkembangan semasa.

Mekanisme bagi menyelaras insentif-insentif sedia ada juga telah diwujudkan. Agensi-agensi MITI seperti MIDA, MATRADE, SMIDEC dan MIDF bertindak sebagai organisasi yang melaksanakan insentif-insentif tersebut. Melalui agensi-agensi ini, pelabur boleh mendapatkan maklumat mengenai kriteria sesuatu insentif, proses permohonan dan kelulusan insentif tersebut. Kerajaan terus memberi keutamaan dalam pemberian insentif bagi projek-projek berteknologi tinggi dan projek-projek yang melibatkan sektor perkhidmatan. Bajet 2007 menggariskan kemudahan insentif-insentif untuk menggalakkan pelaburan dalam sektor tersebut. Sebagai contoh, bagi sektor bioteknologi dan kewangan Islam, pelbagai insentif baru serta menambahbaikkan kepada insentif yang sedia ada telah diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh membangkitkan...

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Mohon penjelasan. Di antara insentif yang pernah saya timbulkan dalam perbahasan tempoh hari ialah tentang pengurangan cukai korporat yang juga dikatakan dapat menarik FDI. Saya hendak tanya, setakat ini apakah kesan-kesan, apakah dengan kadar yang diberi di antara pengurangan yang telah diberi daripada 28% kepada 26% tetapi berbanding dengan negara lain seperti Taiwan khususnya, dengan kadar *corporate taxnya at 7.5%*, apakah ia memberi satu daya tarikan kepada kita dan apakah kemungkinan-kemungkinan bahawa ia tidak akan membawa sebarang kesan positif kepada tarikan FDI ini?

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Buat masa ini, oleh sebab baru-baru ini bajet diumumkan, kita tidak dapat banyak *feedback* lagi. Kita belum dapat *feedback*. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Baru-baru ini satu Jawatankuasa Kabinet mengenai *high impact project* yang telah diluluskan oleh Kabinet dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Ini merupakan satu... Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai, apakah kesan ataupun apakah implikasi terhadap khususnya kepada Kementerian MITI mengenai kelulusan projek-projek di masa depan.

Adakah ini orang kata *overrule* dengan izin segala projek ataupun segala kelulusan yang akan diluluskan oleh kementerian, itu nombor satu. Nombor dua ini saya hendak tahu apakah yang dimaksudkan dengan *high impact project* di bawah kementerian ini mengikut perspektif daripada kementerian Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Saya tidak berapa faham soalan pertama ini sama ada jawatankuasa ini akan *override* keputusan kementerian?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Bagaimana ia boleh memberikan kesan dan juga mempengaruhi proses kelulusan FDI di masa depan khususnya dari perspektif Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih. Yang saya tahu jawatankuasa itu akan memberi satu hala tuju kepada perkembangan industri di negara kita ini. Seperti apa yang dicatat dalam IMP3 kita sudah bincang banyak tentang apa sektor-sektor pembuatan yang kita akan menggalakkan dan juga sektor-sektor perkhidmatan berkaitan pembuatan. Ada 12 sektor pembuatan dan lapan sektor perkhidmatan yang kita akan galakkan dan saya difahamkan semua perundingan akan di atas sektor-sektor yang ada di sini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh membangkitkan soal hala tuju yang jelas kepada pelabur asing tentang bidang pelaburan yang menjadi fokus utama negara. Dimaklumkan bahawa melalui Bajet 2007 kerajaan telah menetapkan hala tuju yang jelas bagi merangsang pelaburan dalam sektor-sektor yang berpotensi tinggi seperti ICT, bioteknologi, pertanian moden, industri halal, produk pelancongan dan kewangan Islam. Di samping itu Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) yang telah dilancarkan juga menyediakan hala tuju yang komprehensif...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat Kepong.

Tuan Ng Lip Yong: Bolehkah saya habiskan dahulu. Di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) usaha-usaha ke arah menggalakkan pelaburan akan terus dipergiatkan lagi melalui strategi-strategi khusus seperti mempertingkatkan lagi tahap daya saing dan produktiviti sektor perkilangan dan perkhidmatan serta mengadakan pendekatan dan rancangan yang lebih fokus untuk menggalakkan semua jenis pelaburan. Sila.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang tertarik kepada pelan induk industri yang ketiga dan bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita semua terutamanya mengenai FDI. Syarikat-syarikat seperti Motorola sebab saya nampak di PJ tidak nampak Motorola. Kilang itu sudah dijual kepada syarikat yang lain, sama ada kilang-kilang Motorola itu yang masih ada di Malaysia dan bilangan syarikat yang besar ini yang pergi ke negara lain seperti China dan bilangan syarikat yang melabur di sini.

Jadi kita hendak tahu yang lari dan yang masuk ke Malaysia ini untuk FDI kerana walaupun kita berharap dengan Pelan Industri Ketiga ini kita dapat menarik lebih ramai syarikat raksasa yang melabur di Malaysia tapi walau bagaimanapun tanda-tanda yang kita nampak itu ada yang lari. Mungkin yang masuk lebih daripada yang lari saya tidak tahu.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat telah *still my thunder* sebab dalam *next paragraph* dengan izin. Ingin dimaklumkan bahawa jumlah kemasukan pelabur asing ke Malaysia adalah menggalakkan di mana bagi tempoh IMP2 tahun 1996 ke 2005 jumlah pelaburan keseluruhan adalah sebanyak RM269.7 bilion lebih daripada sasaran yang ditetapkan iaitu RM250 bilion. Sebanyak 56% daripada jumlah pelaburan ini adalah sumbangan daripada pelaburan asing.

Untuk maklumat, jumlah pelaburan asing yang diluluskan bagi sektor perkilangan bagi lima tahun yang lepas juga adalah menggalakkan iaitu tahun 2001 - RM18.9 bilion; tahun 2002 - RM11.6 bilion; tahun 2003 - RM15.6 bilion; tahun 2004 - RM13.2 bilion; tahun 2005 - RM17.9 bilion; dan untuk tahun ini Januari sehingga Julai RM7.6 bilion. Ini kalau kita tengok mungkin ada orang kata tahun ini kurang sedikit tapi biasanya *second half*, Julai sehingga Disember kita dapat lebih banyak pelaburan atau permohonan.

Kualiti pelaburan asing ke Malaysia juga didapati telah meningkat di mana syarikat-syarikat asing yang berteknologi tinggi serta yang menjalankan aktiviti nilai tambah yang tinggi lebih cenderung untuk melabur di Malaysia. Saya boleh bagi satu contoh syarikat-syarikat asing biasanya mereka akan menjalankan pembuatan yang lebih bernilai tinggi. Kalau kita tengok baru-baru ini minggu lepas Infinite yang dirasmikan oleh Menteri MITI di Kulim High Tech Park ini adalah satu syarikat yang melabur USD1 bilion dan permohonan diluluskan dalam tahun 2004 tetapi baru-baru ini kilang sudah siap.

Bagi tujuan menggalakkan pelaburan terus masuk ke Malaysia kerajaan menyediakan pelbagai jenis galakan cukai seperti galakan taraf perintis, elaun cukai pelaburan dan elaun pelaburan semula. Pengurangan cukai korporat secara berperingkat kepada 27% pada tahun 2007 dan 26% pada tahun 2008. Pengecualian duit import ke atas bahan mentah, jentera dan kelengkapan. Galakan istimewa atau *customize incentive*, dengan izin, kepada bakal-bakal pelabur bagi projek-projek pelaburan yang strategik dan berkualiti, insentif kali kedua bagi syarikat-syarikat sedia ada yang menjalankan pelaburan semula untuk projek-projek pembesaran dan pelbagai dan insentif khas untuk projek-projek bagi kawasan yang digalakkan dan untuk penempatan semula ke kawasan yang digalakkan.

Di samping itu, kerajaan sejak tahun 1998 telah meliberalisasikan Dasar Ekuiti Sektor Perkilangan bagi semua pelaburan baru termasuk pelaburan dalam projek-projek pembesaran atau pelbagaian oleh syarikat sedia ada dan pegangan ekuiti sehingga 100% oleh pelabur asing dan dasar pengambilan pegawai ekspatriat untuk sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan.

Kerajaan sentiasa menggalakkan pertumbuhan pelaburan asing ke Malaysia melalui perancangan yang teliti dan sistematik. Pemantauan juga dilakukan bagi memastikan strategi dan langkah-langkah yang diambil selari dengan arah perkembangan terkini perdagangan dan pelaburan global.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puchong bertanya sama ada syarikat multinasional yang berkongsi keuntungan dengan Malaysia telah melakukan pelaburan semula. Memang benar bahawa syarikat multinasional yang berkongsi keuntungan dengan Malaysia melakukan pelaburan semula.

Bagi tempoh tahun 1996 ke 2005, pelaburan dalam projek elektronik dan elektrik adalah berjumlah RM84.3 bilion di mana RM65.5 bilion atau 77.7% adalah daripada sumber asing. Sebanyak 68.1% daripada segmen komponen elektronik merupakan pelaburan semula, khususnya dalam pengeluaran semi konduktor bermutu tinggi. Dalam tahun 2005, syarikat-syarikat elektronik dan elektrik yang sedia ada termasuk MMC telah mempelbagaikan operasi mereka dengan pelaburan semula sebanyak RM11.1 bilion dalam 141 projek. Bagi tempoh Januari hingga Julai tahun ini, sebanyak RM3.3 bilion pelaburan asing telah diluluskan bagi 55 projek pembesaran atau tambahan di sektor E&E di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Ipoh Timur dan Yang Berhormat Puchong telah membangkitkan isu kos menjalankan perniagaan yang tinggi berkaitan dengan urusan pelesenan, penguatkuasaan kontrak, meluluskan perniagaan dan pendaftaran...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Penjelasan.

Tuan Ng Lip Yong: ...Hartanah di Malaysia.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Lebih jelaslah daripada jawapan Yang Berhormat tadi mengatakan pelaburan semula oleh sektor E&E ini tetapi pada masa yang sama, kita selalu dengar kita selalu tahu bahawa banyak syarikat-syarikat MMC ini telah memindah operasi mereka ke negara-negara lain khususnya ke negara China. Saya bagi contoh Yang Berhormat Timbalan Menteri, tahun 2005 jumlah pelabur FTI di negara China berjumlah lebih daripada USD55 bilion tetapi dalam negara kita ini telah hanya menarik lebih kurang RM13 bilion sahaja daripada pelabur tadi dengan 2005. Saya nak tahu mengapa, mengapa syarikat-syarikat ini yang telah bertapak di sini sebagai contoh Intel, HP, sebahagian operasi Motorola telah berpindah ke negara lain Vietnam atau pun negara China.

Adakah kerana sektor atau pun negara ini ada insentif-insentif yang telah diumumkan tadi atau pun galakan-galakan yang telah ada kepada kita ini tidak lagi menarik perhatian atau pun tidak menarik kepada pelabur-pelabur asing ini sehingga mereka terpaksa keluar daripada negara ini dan melabur di negara-negara yang sedang membangun seperti China, India atau pun Vietnam atau pun negara jiran kita Thailand. So, apakah sebenarnya berlaku mengenai suasana pelaburan di negara kita ini?

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Sebenarnya dalam industri atau perkilangan biasanya macam ini. Bila sesuatu syarikat menubuhkan satu kilang, mungkin dia buat pengeluaran yang memerlukan banyak tenaga manusia. Dan ini bermakna biasanya teknologi yang rendah tetapi bila selepas mereka telah melabur di negara kita ini, dia akan meningkatkan teknologi kepada yang tahap yang lebih tinggi yang memerlukan mungkin memerlukan tenaga manusia yang kurang tetapi yang lebih mahir. Biasanya mereka ada satu transformasi di mana teknologi yang rendah yang memerlukan tenaga manusia yang banyak, mereka pindah ke negara yang kurang membangun. *Less develop countries*, dengan izin.

Dan ini adalah macam dulu kita pun dapat syarikat-syarikat yang pindah dari Singapura ke Malaysia dan sekarang kita sudah sampai satu tahap yang sangat teknologi tinggi di mana kita punya produktiviti yang lebih tinggi, kita boleh membawa lebih keuntungan kepada syarikat-syarikat ini.

Tadi Yang Berhormat Kepong pun membangkitkan perkara tentang syarikat Motorola. Sebenarnya sekarang ini syarikat yang telah menggantikan Motorola di Sungai Way ada namanya adalah *Freescale*. Ini adalah satu syarikat anak syarikat kepada Motorola. Tuan Yang di-Pertua, di senario atau *environment* perniagaan, banyak M&A atau *mergers and acquisitions*. Tadi saya bagi satu contoh Infineon. Infineon dulu sebahagian dari Siemens dan selepas itu syarikat itu dipecahkan ke yang semi konduktor itu dikeluarkan dari syarikat Siemens dan jadi Infineon.

Tuan Yang di-Pertua, MITI telah pun mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan kecekapan sistem perkhidmatan serta mengurangkan kos menjalankan perniagaan termasuk memberhentikan pemberian lesen dan permit yang tidak lagi sesuai. Melanjutkan tempoh sah laku lesen dan permit, menubuhkan unit penyelarasan pelaksanaan projek atau PICU di MIDA bagi menyelaraskan, memantau dan menyejajarkan kelulusan pelan bangunan dan sijil layak menduduki yang di keluarkan oleh PBT kepada pelabur.

Mewujudkan mekanisme membimbing dengan izin, *hand holding* untuk membantu pelabur mendapatkan kelulusan yang diperlukan sehingga projek-projek beroperasi. Memperkenalkan mekanisme dengan izin, *fast track* untuk mempercepatkan proses kelulusan lesen pengilang daripada 30 hari kepada 27 hari bekerja dan menubuhkan unit penyelarasan dan pelaksanaan projek peringkat daerah untuk menyelaraskan dan memudahkan pelaksanaan projek pelaburan di negeri-negeri dan wilayah. Di samping itu, satu Jawatankuasa Kabinet khas yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah ditubuhkan untuk menimbang dan meluluskan dengan segera projek-projek pelaburan asing yang mempunyai impak tinggi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Puchong. Ahli jawatankuasa terdiri daripada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Kewangan Kedua dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Ipoh Timur mencadangkan pemansuhan sistem AP untuk kenderaan bermotor dan komoditi-komoditi lain sebagai salah satu langkah memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan awam, meningkatkan daya saing dan mengurangkan kos pengendalian perniagaan. Kerajaan sentiasa mengkaji keperluan pemansuhan AP sebagai salah satu langkah memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan awam, meningkatkan daya saing dan mengurangkan kos pengendalian perniagaan. Seperti yang diumumkan di bawah Dasar Automotif Nasional pada 22 Mac 2006, sistem AP bagi kereta akan dimansuhkan mulai 1 Januari 2011 dan kereta terpakai tidak dibenarkan diimport mulai 1 Januari 2010. Kerajaan juga mengkaji pemansuhan AP untuk produk-produk lain dari masa ke semasa di peringkat Jawatankuasa Penasihat Khas Mengenai Tarif atau SACT yang dianggotai oleh MITI, MIDA dan Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Jasin pula telah membangkitkan isu tujuan asal pemberian AP untuk membantu bumiputera. Sebaliknya, AP banyak diberikan kepada syarikat kawalan kerajaan (GLC) yang telah melantik syarikat bukan bumiputera sebagai wakil jualan. AP kereta dikeluarkan dengan matlamat untuk menggalakkan dan memberi peluang kepada usahawan bumiputera bergiat dalam sektor automotif tempatan.

Sebagai usaha meningkatkan daya saing sektor ini, kerajaan di bawah Dasar Automotif Nasional membenarkan GLC untuk mengimport kenderaan secara terus tanpa perlu menggunakan pengimport pengantaraan.

Untuk maklumat, daripada 1,338 pengedar kereta, sebanyak 459 syarikat atau 34.3% merupakan pengedar bumiputera manakala 674 syarikat atau 50.3% merupakan pengedar bukan bumiputera. Yang Berhormat Jasin juga membangkitkan isu GLC mengimport kereta yang sama kelas dengan Proton seperti *Kia*, *Chevy* dan lain-lain sehingga menjejaskan pasaran Proton. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, jenama kenderaan keluaran Korea dan China yang diimport tidak bersaing dengan Proton dari segi harga jualan walaupun berada di dalam kelas yang sama dengan Proton.

Yang Berhormat Jasin meminta kerajaan mengkaji semula dasar automotif negara yang telah menyebabkan Proton mengalami kerugian di dalam pelaksanaan dasar tersebut. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Dasar Automotif Negara telah diumumkan antara lain bertujuan untuk meningkatkan daya saing industri tempatan dan bagi menghadapi persaingan perniagaan di peringkat global. Oleh itu, kerugian yang dialami oleh syarikat Proton bukanlah berkaitan dengan kelemahan Dasar Automotif Negara tetapi syarikat berkenaan memerlukan masa penyesuaian bagi menghadapi liberalisasi pasaran untuk sektor automotif. Kerajaan akan sentiasa mengambil kira perubahan-perubahan dan perkembangan terbaru peringkat antarabangsa dan serantau dalam industri automotif bagi memastikan tindakan diambil agar pelaksanaan dasar tersebut dapat mencapai objektif sebenar dan menepati kumpulan sasaran.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan menyentuh mengenai pemberian lesen mengimport gula kepada individu dan juga masalah bekalan gula yang masih tidak mencukupi pada hari ini. Ingin dimaklumkan bahawa lesen mengimport gula mentah bukan dikeluarkan kepada individu tetapi kepada empat buah syarikat iaitu Malayan Sugar Manufacturing Berhad, Central Sugars Refinery Sendirian Berhad, Gula Padang Terap Berhad dan Kilang Gula Felde Perlis Sendirian Berhad. Robert Kuok adalah salah seorang daripada pemegang-pemegang saham dalam keempat-empat syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia-US FTA atau Perjanjian Perdagangan Bebas yang dilancarkan pada 8 Mac tahun ini masih dalam peringkat rundingan. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kepada perunding Malaysia untuk memastikan hasil perundingan FTA ini adil dan tidak berat sebelah. Yang Berhormat Ipoh Timur...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Masih kepada persoalan lesen gula Tuan Yang di-Pertua. Mungkin kementerian tidak mengetahui berapa seriusnya kekurangan gula sekarang? Saya tidak makan gula Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh kata kalau nak berhenti gula pun tidak apa kepada saya tetapi tiap-tiap kali kita pergi kawasan, saya pergi kawasan tidak ada cerita lain, marah orang. Ada yang kuat kata dia, yang ada banyak duit boleh *bribe the way around*, dapat gula tetapi kedai-kedai kampung, kedai-kedai di rumah panjang, kedai-kedai di kawasan terpencil memang tidak dapat *supply sugar*. Ini hari raya akan datang, bulan puasa akan datang, oleh sebab hendak *protect* Robert Kuok ini, bagi lesen empat syarikat, semua Robert Kuok punya. Orang lain tidak dapat lesen. Orang Sarawak pernah minta lesen, kenapa tidak beri lesen, kenapa dibuka? Kenapa bagi monopoli kepada Robert Kuok ini? Ini persoalan yang belum dijawab Yang Berhormat. Kenapa *protect* lesen empat syarikat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh sekali, sekali..., sekali ya?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Maafkan saya Tuan Yang di-Pertua. Saya baru terima maklumat daripada tempat saya sendiri berkenaan gula. Jadi contohnya yang berlaku di bawah ini supaya pihak kementerian walaupun di luar bidang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, harga borong RM1.57, harga jual RM1.85. Maknanya dari segi borong ada masalah. Jadi adakah kementerian bersedia untuk memberi AP yang luas kepada pengimport gula selain daripada yang disebut oleh Yang Berhormat Santubong? Maknanya bukan Robert Kuok dan sebagainya.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih kedua-dua Yang Berhormat. Semua syarikat yang memenuhi syarat-syarat boleh memohon lesen import atau AP.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, tetapi di tempat saya, tempat saya duduk di kampung, di kedai ini, tiga minggu tak ada gula, tiga minggu tak ada gula... [*Bercakap tanpa pembesar suara*] Nak selamat siapa, selamat Robert Kuok kah, selamat orang Malaysia ini? Lesen bagilah...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Tuan Ng Lip Yong: Yang Berhormat Santubong, tadi saya telah kata kalau syarikat-syarikat yang memenuhi syarat-syarat boleh memohon AP tetapi kita mesti ada peraturan dan Kementerian MITI, kita bagi lesen mengimport dan edaran ini adalah di luar kuasa kementerian saya. Saya ingin beritahulah kalau kita tengok macam Malayan Sugar Manufacturing Berhad ini dan ada syarikat-syarikat yang berhad, ada yang kita boleh membeli saham-saham dari Bursa Saham Kuala Lumpur. Kalau sesiapa hendak membeli saham, boleh. So, ini bukan kita tidak mengeluarkan AP oleh sebab Robert Kuok tetapi oleh sebab syarikat-syarikat itu yang memenuhi syarat-syarat, ya?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Fasal gula ini Tuan Yang di-Pertua, fasal bulan yang hendak sampai ini, yang kedua. Yang ketiga, saya tahu sendiri ini ada orang Sarawak beberapa sudah minta lesen untuk proses gula daripada *raw sugar* kepada *process sugar* bukan untuk dijual di seluruh Malaysia. Hanya apa yang dikatakan, saya diberi maklumat ini supaya diadakan kilang di Sarawak untuk *supply* Sarawak dan Sabah.

Selepas itu 80% mungkin dieksporth ke Indonesia, Kalimantan. Kerana orang Indonesia, khususnya orang Kalimantan makan empat kali ganda lebih tinggi gula daripada orang Malaysia mengikut *census* yang kita dapati. Penyeludupan gula menerusi perbatasan 97 jalan tikus di Sarawak termasuk jalan-jalan halal bukan jalan tikus. Jalan kuda, jalan kereta ini berlaku setiap masa. Kalau kita serius hendak menunjukkan bahawa monopoli kepada gula ini ditamatkan, benarlah orang daripada Sarawak, orang Sabah itu dapat lesen. Kalau tidak, mungkin orang Kelantan pun bagi lesen suruh proses *sugar*, kalau dia berkemampuan. Jangan suruh beli *share* Yang Berhormat. Beli *share* itu lain, mungkin kita bertelagah dengan Robert Kuok pula.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah.

Tuan Ng Lip Yong: Saya diberitahu ada lesen tambahan yang dikeluarkan kepada Sarawak tetapi syarikat ini belum beroperasi. Kalau hendak, saya boleh minta pegawai kementerian bagi nama syarikat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Okey Yang Berhormat, duduk. Saya bagi penjelasan. Kadang-kadang kementerian bagi lesen...

Tuan Ng Lip Yong: *Please, please, my floor first.*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Okey, okey.

Tuan Ng Lip Yong: Saya belum bagi *floor*, okey? Maaf. Saya cuma hendak menerangkan apa yang telah berlaku. Kita telah mengeluarkan satu lagi lesen kepada Sarawak tetapi belum dalam operasi.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya soalan lesen ini, kadang-kadang saya tak faham juga. Ini cerita lesen, bukan soalan gula, saya hendak ulas soalan lesen. Pada tahun 2005, 2004, enam lesen untuk *refurbished* lori dan bas dan kereta diberi kepada orang Sarawak. Nampaknya kementerian yang bagi lesen ini, mengetahui yang enam lesen *holders* ini memang tidak mampu menjalankan kerja, tetapi ada orang mampu, tidak di bagi lesen, orang yang tidak mampu, beri lesen dengan alasan orang ini tidak mampu buat. Beri dengan orang tidak mampu, dia tidak boleh jadi alasan, sudah dibagi dahulu tidak mampu pun. Memang sengaja bagi orang tidak mampu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat cukup.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasihlah, itu lesen saya tidak tahu dikeluarkan oleh kementerian mana.

Tuan Yang di-Pertua: Baik berubahlah, tajuk lain.

Tuan Ng Lip Yong: Yang Berhormat Ipoh Timor telah membangkitkan mengenai nilai pengecualian duti import yang berjumlah RM714.6 juta yang akan menguntungkan Malaysia dengan adanya FTA di antara Malaysia dan Amerika Syarikat. Ingin dimaklumkan bahawa pihak Amerika Syarikat di dalam dua pusingan rundingan yang lepas telah menegaskan pendiriannya untuk mengadakan liputan yang komprehensif, bukan sahaja bagi sektor perdagangan barangan pembuatan, tetapi juga bagi sektor barangan pertanian.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Penghapusan semua duti import akan dilaksanakan secara progresif dalam tempoh sepuluh tahun. Malaysia akan menentukan bahawa semua sektor di mana Malaysia mempunyai kepentingan perdagangan dirundingkan. Sektor-sektor yang akan mendapat keuntungan daripada penghapusan duti import termasuklah tekstil dan pakaian, barangan getah, kayu-kayan, perabot dan papan lapis, kimia, plastik, peralatan optik dan saintifik, seramik, elektrik dan elektronik dan pertanian. Di bawah *Trade Promotion Authority Act* atau TPA, Amerika Syarikat mempunyai mandat untuk berunding mengenai penghapusan duti import ke atas semua produk. Ini telah pun dilakukan oleh Amerika Syarikat di dalam kebanyakan FTA yang telah dilaksanakan seperti dengan Singapura dan Australia. Jumlah RM714.6 juta yang telah dinyatakan dibuat berdasarkan kepada jumlah eksport barangan Malaysia ke Amerika Syarikat yang dikenakan duti import pada tahun 2004.

Data berkenaan menunjukkan penjimatan yang akan diperolehi oleh pengeksport Malaysia setiap tahun selepas penghapusan semua duti import direalisasikan jika jumlah eksport barangan berkaitan dikekalkan setiap tahun. Ini bermakna peningkatan pada jumlah ini adalah bergantung kepada peningkatan eksport Malaysia ke Amerika Syarikat. Perlu ditegaskan di sini bahawa Amerika Syarikat merupakan rakan dagang yang terbesar bagi Malaysia dan jumlah perdagangan Malaysia dengan Amerika Syarikat adalah jauh lebih besar daripada jumlah RM714.6 juta ini.

Amerika Syarikat juga merupakan pasaran eksport Malaysia yang terbesar dan dengan termeterainya FTA ini, Malaysia bukan sahaja mengekalkan kedudukannya sebagai pembekal yang berdaya saing tinggi di pasaran eksport Amerika Syarikat, malah juga dapat menikmati syer yang lebih besar dalam pasaran tersebut. Walau pun Amerika Syarikat mungkin mempunyai perancangan untuk mengurangkan importnya bagi masa-masa yang akan datang. Pengecualian duti import tidak semestinya akan berkurangan. Jika produk Malaysia boleh meningkatkan daya saing hasil daripada penghapusan duti import di bawah FTA ini, ianya akan sekali gus meningkatkan syer pasaran mereka di Amerika Syarikat. Perlu juga dijelaskan bahawa pengurangan import oleh Amerika Syarikat ini akan mempunyai impak ke atas semua negara yang mempunyai hubungan perdagangan dengan Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, pengeksport Malaysia perlu mengambil peluang secara lebih agresif bagi mendapat manfaat penuh daripada Malaysia-US FTA. FTA ini akan memberi kelebihan kepada para pengeksport Malaysia, berbanding dengan mereka dari negara-negara lain yang tidak mempunyai FTA dengan Amerika Syarikat. Ingin saya tekankan sekali lagi, bahawa semua pendirian Malaysia di dalam rundingan FTA dengan Amerika Syarikat akan ditentukan oleh Kabinet. Jemaah Menteri mengambil kira kepentingan semua pihak di setiap peringkat rundingan. Yang Berhormat Permatang Pauh pula telah...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kenapa *third round* perbincangan FTA ada ditangguhkan, sepatutnya diadakan bulan ini, ditangguhkan ke bulan depan. Adakah oleh sebab pertukaran KSU MITI, kalau itu, satu sebab yang sangat lemah. Dan kedua, kenapa tidak dalam proses perundingan Malaysia-US FTA. Sungguhpun kementerian berkenaan kata bahawa akan melibatkan *stakeholders* dalam pelbagai aspek perbincangan, tetapi ini satu proses yang sangat selektif oleh sebab mereka adalah mereka yang terlibat dalam pelbagai sektor diketepikan. Bolehkan satu jaminan diberi bahawa semua *stakeholders* yang ada minat dalam US FTA perbincangan itu, akan dijemput untuk dilibatkan.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timor. Tanggahan perundingan ketiga, sebenarnya semalam kita bermula *round three* tetapi ini adalah satu kita boleh kata satu bukti bahawa kita boleh menangguhkan perundingan kalau kita hendak. Ada yang banyak kata, kita terpaksa buat ini, buat itu tetapi ini menunjukkan kita ada kuasa yang kalau kita tidak berminat berunding sekarang, kita boleh tangguh ke satu masa hadapan. Kita perlu banyak lagi pusingan untuk berunding FTA, dalaman juga, kita perlu lebih sedikit masa, oleh sebab itu kita tangguhkan buat masa ini. Bukan sebab KSU kita sudah naik pangkat menjadi KSM. Dalam kementerian MITI, saya rasa kita ada ramai pegawai-pegawai yang berpengalaman dan berkaliber tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat panjang lagi kah?

Tuan Ng Lip Yong: Tidak banyak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Stakeholder?*

Tuan Ng Lip Yong: *Stakeholder*, ya. Sebenarnya kita ada 18 *working group* atau kumpulan bekerja, di mana tiap-tiap *working group* ini kita ada *stakeholder* dari swasta dan dari badan-badan profesional dan sebagainya tetapi bila kita masuk ke perundingan, ini adalah 'G' to 'G' dan *stakeholders* yang lain hanya boleh bagi nasihat atau maklumat kepada pegawai-pegawai kita. Yang Berhormat bagi Permatang Pauh pula telah mencadangkan agar pihak-pihak berkepentingan seperti pihak industri...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan yang terakhir.

Tuan Ng Lip Yong: Bolehkan saya habiskan yang ini dulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kali terakhir, oleh sebab ini...

Tuan Ng Lip Yong: Saya *paragraph* ini berkenaan dengan *stakeholder*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey.

Tuan Ng Lip Yong: Seperti pihak industri dan kesatuan sekerja hendaklah dirunding sebelum sesuatu ketetapan dipersetujui oleh kerajaan. Dalam hubungan ini, saya ingin memaklumkan bahawa, sebelum memulakan rundingan bagi mengadakan perjanjian FTA dengan mana-mana negara, kerajaan akan mengadakan kajian faedah dan kos yang komprehensif terlebih dahulu. Kajian ini diadakan secara konsultasi bersama dengan kementerian, jabatan dan Persatuan Perniagaan dan Industri, badan-badan profesional, dewan-dewan perniagaan dan syarikat-syarikat individu, serta lain-lain pertubuhan bukan kerajaan NGO yang relevan. Hasil kajian ini dibentangkan ke Mesyuarat Jemaah Menteri yang akan memutuskan sama ada rundingan FTA patut dimulakan atau sebaliknya.

Sekiranya Jemaah Menteri memutuskan supaya diadakan rundingan FTA, konsultasi dengan kementerian atau jabatan dan sektor swasta diadakan secara berterusan. Ini adalah untuk memastikan bahawa pihak-pihak yang berkepentingan dimaklumkan mengenai perkembangan terkini rundingan serta untuk mendapatkan maklum balas terhadap isu-isu yang berbangkit hasil daripada rundingan. Jemaah Menteri juga sentiasa dimaklumkan mengenai perkembangan terkini secara berterusan sebelum sesuatu rundingan dimuktamadkan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dalam ucapan saya ada sebut mengenai perkara di mana wakil-wakil daripada *Malaysia Palm Oil Board* dan *Malaysian Rubber Board* ada diarahkan oleh pihak Amerika untuk keluar daripada taklimat-taklimat. Kenapa ini dibenarkan untuk berlaku dalam perbincangan-perbincangan Malaysia-US FTA?

Tuan Ng Lip Yong: Saya mohon maafkah Yang Berhormat Ipoh Timor saya tidak tahu perkara ini telah berlaku. Saya akan siasat dan saya akan beri maklumat tetapi biasanya dalam pusingan perundingan ini cuma 'G' to 'G' pegawai kerajaan sahaja tetapi kita boleh ambil pihak swasta sebagai pakar rujuk kepada kita. Permulaan satu-satu rundingan FTA tidak bermaksud Malaysia adalah terikat untuk menandatangani perjanjian FTA tersebut. Keputusan untuk menandatangani sesuatu perjanjian adalah bergantung kepada hasil rundingan. Jemaah Menteri akan membuat keputusan muktamad untuk menentukan sama ada sesuatu perjanjian FTA akan ditandatangani.

Malaysia tidak akan menerima mana-mana permintaan rakan dagangan yang akan menjejaskan kepentingan negara atau yang menyentuh kewibawaan kerajaan dalam melaksanakan mana-mana dasar untuk tujuan pembangunan sosio-ekonomi negara.

Sekian sahaja penjelasan saya mengenai beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya ucap ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat atas pandangan dan cadangan yang telah dibentangkan. Sudah semestinya teguran dan cadangan tersebut akan diambil kira dalam usaha MITI untuk terus memajukan lagi sektor-sektor perdagangan dan perindustrian negara. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat saya ada pemberitahuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya telah menerima dan membenarkan permohonan daripada Kementerian Sumber Manusia untuk mendahulukan giliran menjawab perbincangan bagi 2007 di Peringkat Dasar dari nombor 27, ke nombor 10 menggantikan Kementerian Pelancongan dalam jadual susunan kementerian-kementerian yang telah diedarkan iaitu senarai yang berwarna merah jambu. Sekarang saya jempit Kementerian Luar Negeri. Yang Berhormat Timbalan Menteri .

6.45 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya memaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sedang berada di luar negeri atas urusan rasmi. Beliau meminta maaf atas ketidakhadirannya di Dewan yang mulia ini dan meminta izin supaya saya menyampaikan penggulungan untuk Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan Bajet 2007 di peringkat dasar dari 4 hingga 14 September tahun 2006. Izinkan saya memberi penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbincangan.

Seramai lapan orang Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan dan menyentuh persoalan-persoalan yang berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri. Antara Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbincangan ini ialah Yang Berhormat Beluran; Yang Berhormat Gombak; Yang Berhormat Ayer Hitam; Yang Berhormat Tangga Batu; Yang Berhormat Santubong; Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa; Yang Berhormat Kudat; dan Yang Berhormat Gua Musang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Beluran telah menyentuh mengenai isu dasar *non interference* yang diamalkan oleh ASEAN yang mungkin menjejaskan keberkesanan ASEAN dalam menangani isu-isu di kawasan *hot spot* di rantau ini seperti di Selatan Filipina, di Selatan Thailand, serta isu pendemokrasian di Myanmar. Beliau bertanya apakah pendirian ASEAN tentang dasar ini? Dan tidak kah ia telah menjejaskan imej ASEAN, dan adakah ASEAN akan mengkaji semula dasar *non interference* tersebut yang masih terus diamalkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seyogianya dimaklumkan bahawa dasar *non interference* yang diamalkan oleh ASEAN tidak menjejaskan keberkesanan ASEAN dalam menyelesaikan konflik di rantau ini.

Sejak penubuhannya pada tahun 1967, ASEAN telah memainkan peranan yang penting dalam memastikan konflik atau pertelingkahan di rantau ini dapat diselesaikan secara aman. Negara-negara ASEAN sentiasa mendukung prinsip-prinsip utama ASEAN iaitu saling menghormati kemerdekaan, kedaulatan, keutuhan wilayah serta identiti nasional semua negara dan sentiasa menekankan bahawa setiap negara berhak untuk wujud tanpa campur tangan dalam urusan dalaman masing-masing.

Prinsip-prinsip berkenaan adalah terkandung dalam beberapa deklaras, perjanjian dan *treaty* seperti *treaty* persahabatan dan kerjasama atau *Treaty of Amenity and Corporation In South East Asia*, atau TAC. Ianya merupakan instrumen diplomatik yang mengawal hubungan antara negara-negara di rantau ini bagi mengelakkan sebarang konflik. ASEAN berpendirian bahawa isu-isu di Selatan Thailand, Selatan Filipina dan pendemokrasian di Myanmar merupakan isu dalaman negara-negara berkenaan dan percaya ianya dapat dibendung dan diatasi oleh negara-negara berkenaan. ASEAN juga percaya bahawa isu-isu ini tidak akan menggugat kestabilan rantau ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setujulah bahawa isu-isu Selatan Filipina, Selatan Thailand ini merupakan isu dalaman negara berkenaan tetapi kalau kita melihat hakikatnya isu ini telah melimpah masalahnya kepada Malaysia, terutamanya. Isu Selatan Filipina telah membawa penghijrahan secara haram sebahagian besar masyarakat Selatan Filipina itu ke sebahagian daripada negeri di Malaysia, di Sabah *in particular*.

Kalau kita lihat, itu hendak diselesaikan kerana ianya mendatangkan masalah kepada Malaysia, negara jiran. Dalam konteks *non-interference* ini nampak tadi bahawa Malaysia tidak dapat memainkan peranan yang sebaiknya untuk menyelesaikan isu-isu tempatan yang membawa kesan kepada negara Malaysia ini disebabkan oleh prinsip *non-interference* ini. Apa pendekatan yang difikirkan oleh Kementerian Luar Negeri dalam membendung masalah yang sebegini?

Kalau *non-interference*, *treaty of immunity* dan *interference* itu merupakan prinsip kuat yang dipegang oleh ASEAN, *then* apa penyelesaian yang boleh dibuat oleh ASEAN dalam menentukan masalah *hotspot* ini, terutama masalah Selatan Filipina, Selatan Thai dapat dibendung secara baik dan ianya tidak melimpah kepada negara jiran, terutama Malaysia.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Beluran. Oleh kerana ada hubungan dua hala yang rapat di antara Filipina dan Malaysia, dan di antara Thailand dan Malaysia, maka *hotspot* yang dikatakan di Selatan Thailand dan Selatan Filipina adalah sedang terkawal. Malaysia sebagai jiran yang rapat dengan kedua-dua buah negara tersebut memang sentiasa menyuarakan perasaan bimbang Malaysia melalui *channels* tertentu dan tidak mendedahkan perasaan tidak puas hati ataupun perasaan seolah-olah campur tangan di dalam urusan dalaman negara-negara tersebut dengan secara terbuka. Bila tidak terdengar suara Malaysia tentang perkara-perkara ini bukan bermakna Malaysia memang tidak menyentuh atau tidak berbuat apa-apa tetapi ada saluran diplomatik yang kita pakai. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, ASEAN masih dapat memainkan peranan dalam penyelesaian kompleks di rantau ini. Sebagai contoh, Malaysia telah mengetuai *International Monitoring Team (IMT)* di Mindanao, Selatan Filipina sejak dari 12 Oktober 2004, dalam memantau gencatan senjata di antara Kerajaan Negara Filipina dan *Moro Islamic Liberation Front*. Sehingga kini, kawasan Selatan Filipina adalah aman dan terkawal. Inisiatif ini adalah hasil perhubungan dan persetujuan Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Filipina.

Baru-baru ini, Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo telah sendiri menghubungi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, menyatakan penghargaan di atas penempatan IMT di Mindanao dan memohon ianya dilanjutkan hingga Oktober tahun ini. ASEAN berazam untuk menuju ke arah penubuhan satu komuniti ASEAN pada tahun 2020. Dengan peredaran serantau dan cabaran-cabaran di peringkat global, ASEAN perlu bersedia membuat perubahan yang sesuai bagi menjadikan ASEAN terus relevan

ASEAN kini sedang dalam proses untuk mewujudkan piagam ASEAN. Piagam yang bakal digubal merupakan medan sesuai bagi mengemas kini dan menghalusi konsep dan prinsip-prinsip yang terkandung dalam deklarasi-deklarasi dan perjanjian serta *treaty* ASEAN. Piagam ini juga diharap akan dapat bertindak balas kepada keperluan perubahan-perubahan dalam ASEAN bagi menghadapi cabaran-cabaran pada tahun 2020 dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Ayer Hitam; Yang Berhormat Tangga Batu; Yang Berhormat Santubong; dan Yang Berhormat Pengkalan Chepa mengenai isu *permit free first graduate training status* bagi doktor dan doktor gigi di United Kingdom.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pada 7 Mac 2006, Kerajaan UK telah mengumumkan bahawa ia akan memperkenalkan peraturan-peraturan imigrasi baru yang berdasarkan *point base system* bagi menguruskan hal ehwal imigrasi. Pelaksanaan peraturan-peraturan ini akan dilaksanakan secara berperingkat. Dalam hal ini, peraturan imigrasi baru bagi doktor dan doktor gigi lepasan ijazah dari luar negara, UK telah pun bermula pada 3 April 2006. Mengikut peraturan baru ini, doktor dan doktor gigi lepasan ijazah dari luar negara dikategorikan kepada dua kumpulan, iaitu:

- (i) doktor atau doktor gigi yang menjalani kursus asas atau *foundation course*; dan
- (ii) doktor atau doktor gigi yang menjalani program latihan kepakaran, *specialist training program*.

Kursus asas adalah kursus yang dijalani oleh graduan-graduan perubatan selama dua tahun dan kursus ini merupakan kursus wajib bagi graduan-graduan perubatan sebelum mereka berkhidmat sebagai seorang doktor. Graduan-graduan perubatan negara-negara bukan kawasan ekonomi Eropah iaitu *European Economic Area* atau EEA termasuklah Malaysia dari universiti-universiti UK, layak mengikuti kursus asas dua tahun tersebut tanpa memerlukan permit kerja.

Namun bagi doktor dan doktor gigi yang ingin mengikuti program latihan kepakaran tidak lagi diberi pengecualian permit kerja. Mengikut peraturan baru ini, hospital-hospital perlu mendapatkan permit kerja bagi doktor atau doktor gigi ini. Pihak hospital juga perlu membuktikan bahawa kekosongan jawatan tersebut tidak dapat dipenuhi oleh doktor-doktor dari UK atau EEA sebelum mengambil mereka mengikuti program latihan kepakaran.

Tuan Yang di-Pertua, bagi doktor-doktor yang sedang menjalani program latihan kepakaran boleh meneruskan program latihan mereka sehingga status tanpa permit mereka berakhir. Sekiranya mereka perlu meneruskan latihan selepas berakhirnya tempoh permit, doktor-doktor tersebut boleh mendapatkan permit kerja sebelum 31 Disember 2006. Ini termasuk bagi doktor-doktor yang telah mendapat tawaran kepada jawatan tersebut sebelum tarikh pengumuman peraturan baru pada 7 Mac 2006.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ayer Hitam bangun.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri. Saya rasa dari segi fakta yang disampaikan mungkin ada maklumat yang tidak tepat yang diperolehi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini kerana sebelum ini yang menjadi isu adalah mereka yang dalam sistem itu telah menjalani latihan kepakaran, mereka datang balik ke Malaysia untuk memohon permit kerja.

Saya pernah berjumpa dengan orang-orang ini. Oleh kerana mereka pakar, kalau mereka tahu boleh melanjutkan latihan itu saya rasa mereka tidak balik. Oleh kerana peraturan itu berkuat kuasa serta-merta, maka kesannya kepada mereka yang telah berada dalam sistem itu, merekalah golongan yang sengsara.

Soalannya sekarang, Yang Berhormat, kami cuma meminta Wisma Putra yang sentiasa melindungi kepentingan rakyat Malaysia yang saya anggarkan ada seribu orang terdiri dari pelbagai kaum: kaum Melayu, India dan Cina, mereka telah membelanjakan hampir RM1 juta. Sebelum itu tidak ada pengumuman ini tetapi setelah diumumkan dan peraturan imigrasi itu kononnya oleh kerana mereka menganggap mereka ini bekerja dan memerlukan permit tidak seperti yang dulu mereka tidak perlu minta permit kerja, cuma bagi visa percuma dan oleh kerana itulah nampaknya satu diskriminasi terhadap negara Komanwel tidak ada semangat Komanwel. Saya rasa Wisma Putra kena melakukan sesuatu kerana maklumat yang diperolehi itu tidak tepat sekali kerana saya banyak menerima e-mel daripada mereka dalam sistem itu masih lagi sengsara.

Begitu juga bagi orang yang hendak melanjutkan pelajaran. Saya rasa untuk pelajar baru kita beritahu mereka dan mereka sudah bersiap sedia tetapi bagi mereka yang telah menjalani latihan kepakaran empat hingga enam tahun, mereka serta-merta kena memohon satu permit kerja. Itu yang menjadi isunya dan kenapa pihak British sudah lupa obligasi sosialnya dan mereka menindas ke atas negara-negara Komanwel sedangkan rakyatnya hanya membayar 1,000 pound setahun untuk kursus perubatan dan kita rakyat Malaysia membayar dua puluh kali ganda iaitu 20,000 pound setahun. Minta penjelasan Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Sekiranya ada kekeliruan di antara apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat tadi dan apa yang telah saya katakan dalam penggulungan ini, saya harap pegawai-pegawai Wisma Putra yang ada di Dewan ini akan mencatat dan akan mengambil tindakan sewajarnya dan saya percaya apa yang telah saya sebut di sini adalah betul dari segi apa yang dapat Wisma Putra dapatkan daripada Kerajaan UK.

Saya percaya juga apa yang berlaku yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam memang ada berlaku dan berkemungkinan besar ada kekeliruan di kalangan penuntut-penuntut kita di UK, lebih lagi yang belum habis dalam kursus asas (*basic course*) mereka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ayer Hitam bangun lagi, Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat minta jasa baik Wisma Putra supaya mengaturkan satu temu janji. Biarlah saya membawa ibu bapa kepada mangsa ini berjumpa dengan *British High Commissioner* kerana selama ini kita sudah meminta tetapi tidak ada satu tarikh, tidak ada satu jawapan secara rasmi daripada Kerajaan British. Apa yang ada cuma rakyat Malaysia yang kononnya menjadi jurucakap di London, keluar dalam surat khabar *The Star*. Itu tidak ada *local standardize* mewakili kerajaan British, yang kita hendak jawapan adalah jawapan secara rasmi daripada Kerajaan British. Tidak mahu rakyat Malaysia yang kononnya jadi jurucakap mereka. Itulah dari segi fakta sudah silap dan ada ibu bapa yang menghantar surat mengatakan itu semua dia tidak *check* fakta dengan betul dan memberi yang bukan-bukan. Minta jasa baik kementerian di Wisma Putra untuk menjalankan kerja bagi mengaturkan satu temu janji. Saya rasa itu paling cepat dan kita boleh menyampaikan rasa ketidakpuasan mereka yang terlibat. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih, Yang Berhormat Ayer Hitam dan saya berharap Wisma Putra akan dapat mengaturkan temu janji walaupun saya tidak berkeyakinan bahawa ia akan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penuntut-penuntut kita di United Kingdom dan biarlah saya menghabiskan dulu penggulangan berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan berkenaan dengan penuntut-penuntut kita di UK.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut pihak JPA dan MARA, peraturan imigrasi baru tersebut tidak menjejaskan doktor-doktor lepasan ijazah tajaan kerajaan kerana mereka perlu kembali ke Malaysia selepas selesai menjalani pengajian atau kursus asas dua tahun. Namun bagi pelajar-pelajar tajaan sendiri atau yang mendapat pinjaman dari MARA atau JPA yang ingin mengikuti program latihan kepakaran akan terjejas kerana mereka perlu mendapatkan permit kerja.

Pihak Kerajaan UK telah memberi penjelasan bahawa antara sebab-sebab peraturan baru ini dilaksanakan adalah untuk melindungi graduan-graduan perubatan rakyat UK dan yang sukar mendapat jawatan sebagai doktor di hospital tempatan kerana bekalan melebihi permintaan. Ini bukan bermaksud Kerajaan UK mengamalkan dasar *double standard* terhadap pelajar-pelajar perubatan Malaysia kerana ia turut menjejaskan doktor-doktor yang pada amnya bukan dari negara Eropah. Tinjauan yang dilakukan oleh *British Medical Association* mendapati seramai sepertiga graduan perubatan rakyat UK yang tamat menjalani kursus asas tidak mendapat kerja sebagai doktor kerana jawatan tersebut telah pun dipenuhi oleh doktor-doktor luar. Setakat ini doktor-doktor dari negara India yang merangkumi 70% daripada jumlah doktor kerajaan di sesetengah kawasan di UK adalah yang paling terjejas dengan pelaksanaan sistem permit bagi latihan doktor pakar.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memberi maklum kepada Dewan yang mulia ini bahawa permit *pre-postgraduate training starters* yang dahulunya diberikan kepada pelajar-pelajar Malaysia merupakan peluang dan kelonggaran yang diberikan oleh Kerajaan UK bagi pelajar-pelajar bukan dari EEA termasuklah Malaysia, menimba ilmu dan mencari pengalaman bekerja di hospital-hospital UK.

Akan tetapi ia bukanlah merupakan hak pelajar-pelajar Malaysia seperti yang didakwakan oleh Yang Berhormat Tangga Batu kerana penentuan dasar imigrasi sesebuah negara merupakan hak negara berkenaan sebagai sebuah negara berdaulat.

Walaupun perkara ini telah menyusahkan segelintir para pelajar Malaysia untuk menjalani program latihan kepakaran, ia tidak seharusnya dijadikan sebagai alasan untuk menimbang semula penyertaan Malaysia dalam Komanwel seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam. Seharusnya Malaysia melihat secara menyeluruh semua manfaat dan faedah yang diperolehi sebagai ahli Komanwel. Ada pepatah Melayu mengatakan, "Janganlah kerana marahkan nyamuk seekor, habis kelambu dibakar".

Bilangan pelajar di UK terus menurun dan bilangannya adalah seramai 11,500 orang pada tahun 2005. Namun daripada 11,500 jumlah pelajar ini, bilangan pelajar tajaan JPA dan MARA hanyalah seramai 475 orang atau 4% daripada jumlah pelajar Malaysia di UK.

Selebihnya merupakan pelajar-pelajar yang dibiayai sendiri dan sebahagiannya mengikuti *twinning program* yang ditawarkan oleh kolej-kolej swasta di negara ini. Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa dan seperti yang kita semua sedia maklum, Kerajaan Malaysia bukan sahaja menghantar para pelajarnya mengikuti pengajian dalam bidang perubatan di United Kingdom sahaja tetapi juga telah lama menghantar pelajar-pelajar Malaysia menuntut di negara lain seperti India, Australia, New Zealand, Ireland, Rusia dan Ukraine.

Tuan Yang di-Pertua, United Kingdom merupakan rakan perdagangan dan pelaburan penting Malaysia. Pada tahun 2005, jumlah perdagangan Malaysia-United Kingdom adalah sebanyak RM16 bilion menjadikan United Kingdom rakan perdagangan ketiga terbesar di kalangan negara-negara Kesatuan Eropah. Manakala sejak tahun 2000 hingga 2005, syarikat-syarikat United Kingdom telah melabur sebanyak RM5.1 bilion dalam projek-projek pembuatan sekali gus menjadikan United Kingdom pelabur kedua terbesar di Malaysia, di kalangan negara-negara Kesatuan Eropah selepas Jerman.

Memandangkan hubungan Malaysia dan United Kingdom adalah baik dan bagi menjaga kepentingan negara keseluruhannya, adalah kurang arif sekiranya kerajaan mengambil tindakan untuk memberi *shock treatment* kepada United Kingdom seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong. Tambahan pula United Kingdom adalah merupakan ahli tetap *United Nations Security Council* dan ahli Kesatuan Eropah yang berpengaruh dari segi politik dan ekonomi dunia. Oleh yang demikian, Malaysia perlulah membuat pertimbangan yang bijak sebelum mengambil tindakan terburu-buru dan drastik dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya isu permit kerja bagi menjalani latihan doktor pakar di United Kingdom adalah merupakan dasar dalam negara berkenaan, yang bukan sahaja memberi kesan kepada Malaysia tetapi juga kepada negara-negara lain dan tidak mendiskriminasikan Malaysia dalam hal ini. Peraturan baru ini hanya memberi kesan kepada pelajar bidang kepakaran perubatan dan yang melanjutkan pengajian secara pembiayaan persendirian. Malahan para pelajar yang mendapat biasiswa Kerajaan Malaysia tidak terjejas kerana mereka dikehendaki pulang ke tanah air sebaik sahaja tamat pengajian. Ia harus juga dilihat secara positif di mana kepulungan bakal-bakal doktor dan doktor gigi akan dapat mengurangkan masalah kekurangan doktor di Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagi Yang Berhormat.

Dato' Joseph Salang Gandum: Hampir separuh sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan.

Dato' Joseph Salang Gandum: Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak, yang mendakwa terdapat dua rakyat Malaysia di tahan di Penjara Guantanamo Bay. Beliau bertanya adakah Wisma Putra mengetahui lebih awal atau tidak dan apakah tindakan susulan Wisma?

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, pihak media pada minggu lepas mengenai pemindahan 14 orang yang disyaki pengganas dan terlibat dengan Al-Qaeda dan Jemaah Islamiah ke Pusat Tahanan Teluk Guantanamo oleh Kerajaan Amerika Syarikat. Pihak media juga melaporkan juga bahawa dua daripada yang disyaki tersebut adalah rakyat Malaysia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pemindahan mereka yang terlibat termasuk dua orang yang didakwa rakyat Malaysia ke Teluk Guantanamo telah dimaklumkan secara rasmi oleh Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Kuala Lumpur kepada Wisma Putra pada 7 September 2006. Di masa yang sama, Jabatan Negara Amerika Syarikat juga telah memaklumkan perkara kepada Duta Besar Malaysia di Washington DC. Sehingga kini, kerajaan masih belum dapat memastikan kerakyatan kedua-dua mereka yang didakwa rakyat Malaysia itu. Pengesahan mengenai kedua-dua rakyat Malaysia yang ditahan di Teluk Guantanamo tersebut hanya boleh dibuat setelah wakil Kerajaan Malaysia dibenarkan berjumpa dengan mereka oleh Pihak Berkuasa Amerika Syarikat.

Wisma Putra telah mengarahkan Kedutaan Besar Malaysia di Washington DC menghubungi Pihak Berkuasa Amerika Syarikat untuk bertemu dengan kedua-dua yang disyaki tersebut untuk mengesahkan kerakyatan mereka sebaik-baik sahaja dimaklumkan mengenai perkara ini. Setelah pengesahan dibuat dan jika didapati dan mereka adalah warganegara Malaysia, langkah-langkah sewajarnya akan diambil bagi memastikan kebajikan mereka dan sekiranya mereka dibicarakan di bawah Suruhanjaya Tentera yang bakal ditubuhkan oleh Amerika Syarikat, kerajaan akan memastikan agar mereka menerima perbicaraan yang adil.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kudat pada hujahnya mencadangkan agar kerajaan perlu memberikan bantuan kepada mangsa peperangan di Lubnan dan rakyat Palestin yang menderita akibat kekejaman Israel serta memainkan peranan sebagai Pengerusi OIC yang lebih berkesan dalam isu tersebut seperti membawa resolusi mencela Israel atas kekejamannya kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli Yang Berhormat yang sedia maklum, selaras dengan tanggungjawab sebagai Pengerusi OIC sejak Oktober 2003, Malaysia sentiasa memainkan peranan aktif dengan menggunakan berbagai forum dan persidangan di peringkat serantau dan antarabangsa seperti NAM, OIC, ASEAN dan PBB dalam membangkitkan isu-isu berhubung dengan penderitaan rakyat Palestin yang ditindas oleh Regim Israel termasuk penderitaan rakyat Lubnan akibat serangan Israel ke atas negara tersebut yang hanya tamat apabila Tel Aviv akhirnya dipaksa bersetuju menerima gencatan senjata berkuat kuasa 14 Ogos tahun ini oleh Majlis Keselamatan PBB.

Kesungguhan Malaysia ini terbukti contohnya, apabila Majlis Hak Asasi Manusia (*Human Right Council*) dengan izin, yang berpusat di Geneva buat kali pertamanya pada 11 Ogos 2006 telah mengeluarkan resolusi menyelar Israel di atas pelanggaran hak asasi manusia oleh rejim tersebut semasa menyerang Lubnan dan mengarahkan agar satu pasukan penyiasat dihantar ke Beirut untuk menjalankan siasatan. Di samping bantuan dan sokongan moral, Malaysia turut memberi sumbangan material kepada Palestin dan Lebanon. Dalam kes Palestin dari tahun 2002 hingga 2005 sahaja Malaysia telah menyumbangkan lebih daripada USD1.372 juta bagi pembangunan fizikal dan ekonomi Palestin. Ini termasuk sumbangan sebanyak USD530,000 bagi menampung pembinaan sebuah sekolah di Jenin yang terletak di Wilayah Tebing Barat pada bulan Julai 2002 dan peruntukan tambahan bernilai USD286,065 pada bulan Mac 2005 bagi menyempurnakan pembinaan sekolah tersebut berikutan kos pembinaan yang meningkat.

Pada tahun 2003, Malaysia telah turut menghulurkan bantuan bernilai USD556,000 bagi menyediakan kemudahan infrastruktur kepada penduduk Jenin. Sumbangan-sumbangan di atas tidak termasuk bantuan kemanusiaan yang berjumlah USD16 juta kepada Palestin seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Mei 2006.

Dalam kes Lubnan pula, kita telah pun membuat persediaan perlu untuk menghantar satu batalion tentera terdiri 850 hingga 1,000 anggota-anggota bagi menyertai pengaman UNIFIL, PBB dan menunggu lampu hijau daripada PBB untuk berbuat demikian. Malaysia turut menyumbangkan bantuan kemanusiaan berjumlah USD1 juta kepada Lubnan di mana penghantaran bantuan ubat-ubatan tersebut telah mula dilakukan pada 18 dan 30 Ogos tahun ini. Di samping bantuan dan sumbangan yang disalurkan oleh Kerajaan Malaysia, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Aman Malaysia dan MERCY turut melakukan usaha-usaha yang serupa di Lubnan dan Palestin dari semasa ke semasa.

Tidak dinafikan pertubuhan bukan kerajaan dari kalangan pembangkang juga ada terlibat dalam menyalurkan bantuan kemanusiaan ke Lubnan. Usaha-usaha murni ini turut kita hargai. Kerajaan akan terus membangkitkan isu berkaitan kepentingan Palestin dan Lubnan dalam setiap forum dan persidangan berkaitan yang kita sertai di masa akan datang termasuk Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York yang bermula pada bulan ini serta semasa berlangsungnya mesyuarat serantau Asia dan Pasifik berhubung isu Palestin dengan izin "*UN Regional Meeting for Asia and Pasific on the question of Palestin*" yang akan dianjurkan oleh PBB di Kuala Lumpur pada bulan Disember tahun ini. Kerajaan prihatin akan penderitaan rakyat Palestin dan Lubnan dan akan sentiasa membangkitkan isu tersebut di setiap peluang terbuka di arena antarabangsa sehingga tercapai penyelesaian konflik dan kedamaian berpanjangan di Asia Barat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gua Musang ada menyentuh mengenai hubungan baik Malaysia-Chad dan negara-negara lain. Baru-baru ini insiden di Chad ialah isu Petronas dihalau dari negara berkenaan perlukan penjelasan dan sejauh mana pula pelaburan selamat di negara-negara yang dilanda krisis politik seperti Iran dan Myanmar.

Sekiranya menerima tekanan antarabangsa atas faktor-faktor politik, beliau percaya keselamatan dan kesejahteraan jangka panjang Malaysia banyak bergantung kepada keupayaan kita bekerjasama dengan negara-negara lain bukan sahaja di rantau ini tetapi juga dengan negara-negara yang jauh daripada kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon untuk memberi penjelasan terhadap isu kita dihalau keluar dari Chad yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gua Musang. Pada tahun 2000, Petronas menyertai konsortium bersama Exxon Mobil dan Chevron-Exaco dari Amerika Syarikat dan menandatangani perjanjian dengan kerajaan Chad untuk membangunkan projek pembangunan minyak bersepadu Chad-Cameroon. Petronas mempunyai kepentingan sebanyak 35% di dalam konsortium tersebut manakala Exxon Mobil 40% dan Chevron sebanyak 25%. Projek tersebut mula mengeluarkan minyak pada tahun 2003 dan kini mampu mengeluarkan minyak secara purata 158,000 tong minyak sehari.

Isu kita dihalau keluar dari Chad adalah berpunca dari dakwaan Kerajaan Chad bahawa perjanjian yang ditandatangani oleh Petronas dan Chevron pada tahun 2000 yang melibatkan isu pelepasan cukai sebagai tidak sah. Petronas dan Chevron sedang dalam perundingan dengan kerajaan Chad untuk menyelesaikan masalah tersebut apabila kerajaan Chad mengarahkan kedua-dua syarikat menghentikan operasi dan meninggalkan negara tersebut. Kini Petronas dan Chevron sedang berunding dengan kerajaan Chad untuk menyelesaikan isu berkenaan dengan segera.

Hubungan dua hala di antara Malaysia dengan Chad dan berlandaskan kepada kerjasama yang rapat di antara kedua-dua negara di dalam pelbagai bidang, terutama dalam bidang pelaburan dan perdagangan. Malaysia turut menjalinkan kerjasama yang erat dengan Chad di forum antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC), Kumpulan 77 dan Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali (NAM). Chad turut melihat Malaysia sebagai salah sebuah negara yang boleh dicontohi dalam pembangunan ekonomi. Sehubungan dengan hubungan yang baik ini, adalah menjadi harapan Malaysia agar perbincangan yang diadakan oleh Petronas dengan kerajaan Chad akan membuahkan hasil yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada bentuk ancaman yang jelas yang bakal dikenakan ke atas Iran. Ancaman hanya dari kuasa-kuasa besar tertentu yang mahu program nuklear Iran diberhentikan. Tambahan pula agensi tenaga atom antarabangsa (IAEA) belum memberi kata putus mengenai status nuklear Iran. Selain itu, rundingan di antara kedua-dua ketua perunding program nuklear Iran dengan Kesatuan Eropah (EU) masih lagi berjalan. Dalam situasi ini, tiada lagi petunjuk dari mana-mana negara yang mempunyai pelaburan besar di Iran menarik balik pelaburan mereka di sana. Dua negara pelabur besar di Iran yang juga merupakan ahli tetap Majlis Keselamatan PBB, China dan Russia pada masa ini dilihat menentang sebarang tindakan yang akan dikenakan ke atas Iran.

Memandangkan Iran adalah antara pengeluar dan pengeksport utama petroleum dan gas dunia. Pihak-pihak berkaitan khususnya kuasa-kuasa besar yang berhasrat untuk menekankan Iran harus berfikir panjang sebelum membuat tindakan ke atas Iran termasuk sekatan ekonomi ataupun ketenteraan. Ini kerana sekatan ekonomi atau tindakan ketenteraan akan memburukkan lagi keadaan kestabilan politik dan ekonomi dunia keseluruhannya, ekoran dari kenaikan harga bahan api tersebut.

Berdasarkan faktor-faktor tersebut, pada hemat saya keadaan pelaburan kita di Iran buat masa ini masih lagi selamat. Walau bagaimanapun perkembangan di Iran ini harus dipantau dari semasa ke semasa sebelum tindakan seterusnya diambil bagi mengelakkan pelaburan kita di Iran mengalami kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, hubungan dua hala antara Malaysia dan Myanmar adalah di tahap yang baik termasuk dalam bidang pelaburan. Pada 13 hingga Mac 2005, Misi Perdagangan dan Pelaburan Malaysia yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah mengadakan lawatan ke Myanmar bertujuan untuk menggalakkan kerjasama perdagangan dan pelaburan di kedua-dua negara. Kehadiran misi dari Malaysia itu disambut baik oleh pihak Myanmar. Pihak Myanmar sentiasa menggalakkan pelabur asing melabur di negara tersebut. Setakat ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Joseph Salang Gandum: *Two minute.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan mengenai Myanmar.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan mesyuarat*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Dato' Joseph Salang Gandum: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dengan perkembangan yang terkini, di mana Myanmar menjadikan agenda dalam Majlis Keselamatan UN dan *UNC Security Council* menjadi antara agenda supaya masalah pendemokrasian pencabulan hak-hak asasi dan ancaman terhadap rantau ini akan menjadi perbincangan agenda di *UNC Security Council*. Apa kedudukan pendirian Malaysia dalam perkara ini khasnya oleh kerana Malaysia sudah gagal untuk usaha untuk cuba memujuk kerajaan atau *Junta Military* Myanmar supaya berkesan dalam melaksanakan semua janji untuk pendemokrasian dan menghormati hak asasi

Dato' Joseph Salang Gandum: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ipoh Timor, saya ucapkan terima kasih kepada pertanyaan Yang Berhormat tadi dan pada masa ini keadaan di Myanmar tidaklah seteruknya yang kita fahami. Oleh kerana pada Persidangan ASEM minggu lepas yang berlangsung di Helsinki, wakil Myanmar sendiri menjawab pertanyaan dan teguran dari ahli-ahli EU yang mewakili negara-negara Eropah dan diharapkan juga di persidangan PBB nanti mereka menjawab sendiri apa pertanyaan dan teguran yang dilemparkan kepada Rejim Myanmar dan setakat ini biarlah kita menunggu apa yang mereka sendiri buat dan kita pun pada bulan Disember akan menyerahkan kepimpinan ASEAN kepada Filipina. Oleh yang demikian biarlah kita berkongsi dengan rakan-rakan kita di Asia Tenggara untuk mencari penyelesaian perkara-perkara yang tertangguh di Myanmar. Tuan Yang di-Pertua, pihak Myanmar sentiasa menggalakkan pelaburan asing di negara tersebut. Setakat ini pelaburan Malaysia tidak menghadapi masalah yang serius di Myanmar. Jaminan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Santubong.

Datuk Dr.Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ini susulan juga Tuan Yang di-Pertua. Soalan politik di Myanmar yang Yang Berhormat bagi tahu Dewan itu ialah soalan perniagaan. Saya banyak berinteraksi dengan Ahli-ahli Parlimen di ASEAN, banyak-banyak Ahli Parlimen ini menunjukkan bahawa mereka sudah begitu kesal dan perasaan sudah tidak ada lagi, *fatalistic attitude* ataupun tidak mengambil kira lagi.

Dia kata biarlah Myanmar itu sendiri. Kita tegur pun dia tidak apa, apa sahaja yang *democratization* ataupun *move* yang kita cadangkan itu semua akan tidak diambil kira oleh pihak Myanmar. Jadi soalnya, apakah pendirian Malaysia sekarang soalan *democratization of Myanmar* itu?

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Bagaimana yang telah saya katakan tadi, bahawa biarlah Myanmar menjawab teguran-teguran dan soalan-soalan yang dikemukakan oleh negara-negara tertentu termasuk Malaysia dan pada sekarang, kita pun melihat bahawa masalah di Myanmar adalah dikongsi sama dengan negara-negara jiran kita yang lain. Biarlah Malaysia jangan menjadi '*the fall guy*' dengan izin, kepada masalah di Myanmar dan pendirian Malaysia pada sekarang kita masih berada di peringkat *look and see*, dengan izin, oleh kerana....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timor.

Dato' Joseph Salang Gandum: Sekejap lagi. Oleh kerana pada masa ini ternampak ada kelunturan ataupun sedikit pengurangan, tekanan dari negara-negara Eropah dan berkemungkinan juga tekanan dari negara-negara Barat yang lain pada isu pendemokrasian di Myanmar akan juga berkurangan dan biarlah mereka yang menekankan Myanmar lebih lagi dari kita jiran yang tidak berapa jauh dari Myanmar, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa janganlah kita Malaysia menjadi '*fall guy*', kita *look and see*. Adakah ini bererti bahawa Malaysia sudah dengan izin, *give up* mengenai Myanmar usaha supaya Myanmar patutlah mengotakan janji-janji apabila masuk menjadi anggota ASEAN tahun 1997, bahawa akan da positif *result* mengenai pendemokrasian. Selain daripada itu, bukankah masa sudah tiba di mana kerajaan Malaysia lebih tunjuk bahawa menyokong usaha-usaha *democratization* di Myanmar, lagi lapan hari 27 September ialah ulang tahun ke-18 untuk *National Lead for Democracy* dan *National Lead for Democracy* akan mengadakan satu *event* yang besar untuk meraikan ulang tahun ke-18 di Yangon dan semua wakil kedutaan akan dijemput. Adakah Malaysia rela untuk menunjuk bahawa kita sokong proses pendemokrasian di mana duta kita atau wakil kedutaan kita akan menghadiri menerima perjumpaan itu dan menghadiri *celebration* itu?

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timor dan saya percaya duta kita akan hadir bersama duta-duta yang lain dan usaha untuk meminta Myanmar mempercepatkan lagi proses pendemokrasian negara itu adalah usaha kolektif yang dikongsi kita dengan negara-negara ASEAN yang lain dan negara-negara ASEAN+3. Saya percaya pada masa kini Myanmar sedang menunjukkan kepercayaannya kepada rundingan dengan wakil PBB dan wakil PBB yang telah datang ke Myanmar adalah dijemput datang ke 'Mali' dan berunding dengan Myanmar atas masalah-masalah yang selalu ditegur oleh pemimpin-pemimpin negara-negara berkuasa besar dan negara *European Union*.

Dan ini bukanlah kita *surrender* ataupun melepas tangan, kita ada caranya dan biarlah proses pendemokrasian di Myanmar berjalan dengan caranya sendiri dan kita percaya semua ahli-ahli ASEAN sedang mencari jalan kolektif untuk menyelesaikan masalah ataupun tanggapan dari negara-negara di rantau ini dan di rantau lain atas masalah di Myanmar dan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ...

Dato' Joseph Salang Gandum: Ya, satu minit sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi sudah dua minit, ini sudah.....

Dato' Joseph Salang Gandum: Ini kerana celahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, baiklah.

Dato' Joseph Salang Gandum: Dan Tuan Yang di-Pertua, jaminan juga telah diberikan oleh pihak Kerajaan Myanmar kepada pelabur-pelabur asing dan ini telah membolehkan pelabur dari Malaysia di Myanmar menjalankan aktiviti mereka dengan selamat.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Saya berharap daripada penjelasan tersebut ianya dapat menjawab semua soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lagi kah?

Dato' Joseph Salang Gandum: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lagi? Sedikit sahaja...

Dato' Joseph Salang Gandum: Saya juga menyatakan di sini bahawa Kementerian Luar akan mengambil perhatian ke atas pandangan dan cadangan yang bernas, yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini semasa kementerian menggubal dan melaksanakan dasar luar negara dari masa ke semasa. Sekiranya ada yang tertinggal, pegawai-pegawai Wisma Putra akan mencatatkannya serta akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Dengan ini, sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. Yang Berhormat silakan.

7.43 mlm.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada sebegitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai 21 orang yang telah pun membangkitkan untuk menyentuh isu-isu berkaitan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2007 peringkat dasar baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan memberikan suntikan baru kepada sektor pertanian dengan peruntukan dan strategi untuk meningkatkan pengeluaran pertanian, mengembangkan aktiviti pemprosesan meningkatkan pendapatan di antara hidup masyarakat bagi membasmi kemiskinan tegar serta memperkukuhkan dan memperluaskan pemasaran tempatan dan antarabangsa. Bagi tujuan mencapai hasrat dan sasaran di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan sebanyak RM1.8 bilion telah pun dicadangkan bagi tahun 2007.

Strategi perbelanjaan Bajet 2007 akan memperlengkap dan menambah baik asas-asas khidmat sokongan dan sistem penyampaian yang kukuh dan berkesan bagi menerajui pembangunan sektor agro makanan yang berdaya maju, dinamik dan berdaya saing. Strategi perbelanjaan akan:

- (i) membina infrastruktur dan kemudahan logistik bagi menyokong produktiviti yang tinggi dan meningkatkan pendapatan petani;
- (ii) meningkatkan amalan cara pertanian yang baik, *good agricultural practice*, dengan izin, bagi menjamin kualiti dan keselamatan makanan bagi pasaran tempatan dan luar negara;
- (iii) meningkatkan pendidikan dan pembangunan dalam usaha meningkatkan produktiviti melalui teknologi baru, mekanisasi dan agro bioteknologi;
- (iv) mengukuhkan aktiviti pemasaran dan perolehan laluan pemasaran dan pasaran global;
- (v) meningkatkan pengeluaran dan kecekapan kumpulan sasaran melalui latihan, aktiviti pengembangan dan pemilihan teknologi; dan
- (vi) melahirkan agro usahawan dan menjalankan industri asas tani dan pemprosesan hiliran.

Daripada RM1.8 bilion yang dicadangkan untuk pembangunan sektor agro makanan sebanyak 50% ataupun RM990 juta akan digunakan untuk memantapkan lagi sistem penyampaian khidmat sokongan yang meliputi penyediaan pinjaman sebanyak RM290 juta, pembinaan infrastruktur pengairan dan saluran RM259 juta, peningkatan sistem penyampaian RM104 juta, peningkatan kecekapan pemasaran RM84 juta, pemantapan Pertubuhan Peladang RM95 juta dan keupayaan penyelidikan RM78 juta. Peruntukan yang lebih besar ini adalah selaras dengan peranan kementerian saya sebagai fasilitator pembangunan sektor agro makanan negara.

Bagi merealisasikan tanggungjawab kementerian dalam menyediakan persekitaran yang kondusif kepada perniagaan ataupun *pro-business environment* dengan izin, kepada golongan yang berhasrat menceburi bidang ini. Peruntukan yang selebihnya akan kita gunakan untuk membangunkan sektor perikanan sebanyak RM338 juta, pembangunan sektor tanaman sebanyak RM361 juta dan sektor ternakan sebanyak RM191 juta. Hasil yang dijangka daripada pelaksanaan projek-projek ini akan meningkatkan produktiviti, pengeluaran, tahap sara diri dan pada masa yang sama menurunkan defisit dalam bil perdagangan makanan negara.

Antara projek-projek utama yang akan dilaksanakan pada tahun 2007 termasuklah Pembangunan Pelabuhan Laut Dalam Tanjung Manis di Sarawak sebanyak RM123 juta, Pusat Feed-lot Negara sebanyak RM40 juta. Selain itu kementerian saya juga akan melaksanakan projek-projek *high impact* lain yang merangkumi projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Zon Industri Akuakultur, Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani. Projek-projek ini telah pun diletakkan di bawah pemantauan *National Implementation Directorate* dengan izin, yang di bawah sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Alor Star, Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Kinabatangan telah pun membangkitkan mengenai isu padi, beras yang masih diimport, kedudukan stok fail negara, serta monopoli BERNAS dalam mengimport beras. Pengeluaran beras dalam negara pada masa ini mencukupi untuk menampung 72 peratus daripada keperluan negara. Justeru negara perlu mengimport kira-kira 30 peratus bagi menampung kekurangan tersebut.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan merancang untuk meningkatkan pengeluaran beras hingga 90 peratus daripada keperluan dan sekali gus mengurangkan import beras. Mulai 2011 AFTA akan dilaksanakan sepenuhnya di mana kerajaan tidak lagi boleh mengenakan sekatan mengenai stok beras. Kerajaan akan sentiasa mengawasinya supaya beras dalam negara sentiasa mencukupi, mudah diperolehi dan dijual pada harga yang stabil pada setiap masa.

Pada amnya stok beras dalam negara pada setiap masa adalah melebihi tiga bulan keperluan. Sebagai balasan kepada obligasi yang dilaksanakan oleh BERNAS dengan kos sendiri kerajaan telah pun mengikat perjanjian untuk memberi hak mengimport beras kepada BERNAS selama 15 tahun bermula 1996 hingga tahun 2011. Sebelum tarikh ini tamat iaitu tahun 2011, kerajaan akan meneliti bagaimanakah kedudukan BERNAS selepas ini sama ada ia diteruskan ataupun pasaran BERNAS akan dibuka pada pihak-pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Larut ingin mengetahui berapakah jumlah eksport Malaysia bagi bahan makanan dalam sektor pertanian dan kebergantungan kepada import serta berapa lama lagi Malaysia terpaksa bergantung kepada bahan yang diimport. Nilai eksport bahan makanan Malaysia pada tahun 2005 berjumlah RM10.7 bilion berbanding RM9.9 bilion pada tahun 2004.

Walaupun nilai eksport kita menunjukkan peningkatan, nilai import bahan makanan Malaysia juga terus mencatatkan peningkatan iaitu daripada RM16.6 bilion pada tahun 2004 kepada RM17.8 bilion pada tahun 2005. Keadaan ini menyebabkan imbalan dagangan bahan makanan telah pun mencatatkan defisit, di mana jumlah defisit imbalan dagangan bahan makanan pada tahun 2005 adalah berjumlah RM7.1 bilion. Kebergantungan Malaysia pada bahan makanan diimport daripada luar negara tidak dapat dielakkan. Untuk produk makanan yang tidak dapat dihasilkan dalam negara kerana faktor ketidaksesuaian tanah dan cuaca serta kos pengeluaran yang tinggi. Sebagai tindakan proaktif kementerian telah pun mengambil langkah untuk mengurangkan import dan meningkatkan eksport bahan makanan negara dengan melaksanakan pelan imbalan perdagangan ataupun *balance of trade plan*, dengan izin. Pelan ini bertujuan untuk mengurangkan defisit perdagangan...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Santubong bangun.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: ...iaitu makanan negara melalui peningkatan pengeluaran komoditi yang boleh dihasilkan di Malaysia untuk penggantian dan pengurangan import serta peningkatan eksport. Langkah-langkah Tuan Yang di-Pertua, *intervention* menerusi peraturan-peraturan *sanitary* dan *phytosanitary*, dengan izin, serta kedudukan kehendak keselamatan

makanan ataupun *food safety* dan juga kuarantin akan mampu menangani isu-isu yang berkaitan dengan import yang saya sebutkan tadi.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Tan Sri Menteri. Tertarik dengan apa yang Tan Sri sebut berhubung dengan perimbangan *trade* defisit yang kita alami.

Persoalan saya kecil sahaja Tan Sri, berapa peratuskah daripada makanan yang kita import itu daripada fakta belian beras daripada luar negara. Adakah satu strategi yang khusus supaya memperbanyakkan lagi pengeluaran beras negara? Oleh kerana kita lihat kalau Tan Sri sendiri pergi naik kereta di sepanjang jalan di Sarawak, kita lihat masyarakat di Sarawak masih menanam padi menggunakan cara tahun 40-an dahulu, cara tradisional, cara lama. Tidak ada satu pun benda-benda canggih yang dipakai bahkan perkara ini tidak lagi berlaku di Semenanjung walaupun di kampung-kampung Melayu di Kedah, Perlis dan sebagainya. Jadi apakah tindakan kementerian supaya boleh membantu masyarakat Sarawak untuk memperbaharui cara dia dan mempertingkatkan produktiviti dia daripada segi pengeluaran beras khususnya di negeri-negeri yang belum lagi *embrace*, dengan izin cara-cara baru, teknologi baru. Dan adakah cara mengeluarkan *machinery* yang lebih kecil yang boleh dibeli dengan harga murah ataupun kerajaan yang boleh mengeluarkan sumber kewangan dan mesin ini untuk diguna pakai di kampung-kampung Tan Sri.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Daripada komponen import yang saya sebutkan tadi sebenarnya jumlah nilai import beras itu hanya 30% daripada yang kekurangan. Kalau tidak silap saya pengimportan mungkin tidak sampai 200,000 ataupun 300,00 metrik tan. Jadi kalau nilainya mungkin dikalikan dengan RM1,000 tidaklah banyak sangat mungkin ya.

Keduanya memanglah langkah yang sedang kita ambil sekarang ini ialah untuk menambah pengeluaran beras dalam negara dan ini telah pun kita tetapkan dalam sasaran baru di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan peningkatan daripada 72 peratus sekarang kepada 90 peratus. Dan ini mengambil kira tentang kawasan-kawasan yang sudah sedia ada iaitu, langkah pertama ialah untuk meningkatkan produktiviti kawasan-kawasan sedia ada. Seperti contoh mengangkat daripada tahap empat, kelima metrik tan purata nasional kepada lima sehingga sepuluh metrik tan. Dan langkah ini sudah pun kita mulakan sebahagian kecil daripada petani, penanam padi di negara kita sudah mencapai tahap sepuluh tan metrik.

Akan tetapi keduanya kawasan-kawasan baru seperti di Sabah dan juga di Sarawak sudah pun kita ambil kira kerana kawasan-kawasan ini di negeri Sabah dan Sarawak masih terdapat banyak kawasan tanah yang boleh diusahakan untuk tanaman padi. Bukan sahaja padi huma ataupun padi bukit bagaimana yang sudah dilakukan sekian lama tetapi kawasan-kawasan tanaman mengikut sistem jelapang. Dan kita sudah pun bersetuju pada dasarnya di Sabah dan Sarawak ada dua jelapang padi yang mana kawasan-kawasan itu akan diberikan sokongan daripada penyediaan infrastruktur, kemudahan asas di samping membantu supaya pengusaha-pengusaha, penanam-penanam padi ini dapat mengeluarkan beras tambahan.

Yang pertama untuk digunakan di Sabah dan Sarawak dan kalau ada lebihan untuk digunakan di Semenanjung dan sebagainya. Memang langkah ini akan melibatkan banyak urusan bagaimana yang disebutkan tadi seperti

infrastruktur yang mana perlukan kawasan-kawasan untuk bekalan air ataupun kawasan-kawasan yang tenggelam untuk dikeringkan sesuai untuk ditanam padi.

Keduanya, mekanisasi menggunakan alat-alat jentera. Masalah kita sekarang ini masih terdapat sebahagian besar daripada masyarakat penanam padi kita tidak memiliki alat-alat jentera sendiri. Mereka terpaksa menyewa dan kos sewaan sekarang ini sudah pun meningkat agaknya lebih tinggi daripada tiga empat tahun dahulu. Jadi apa yang kita hendak rancang sekarang ini ialah, selain daripada menyediakan seperti menerusi Pertubuhan Peladang pembekalan traktor dan alat-alat jentera ialah untuk menggalakkan petani-petani sendiri memiliki alat-alat jentera kecil dengan kos yang tidak terlalu tinggi. Saya telah pun mengarahkan dua agensi di bawah kementerian saya satu di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang. Ini meliputi juga Sabah dan Sarawak supaya RM4 juta disediakan wang ini boleh diberikan dalam bentuk pinjaman mudah menerusi Lembaga Pertubuhan Peladang di peringkat negeri ataupun kawasan-kawasan.

Satu lagi ialah lebih RM10 juta yang saya telah minta supaya Bank Pertanian menyediakan untuk tujuan pinjaman bagi membeli alat-alat jentera pertanian yang kosnya murah. Dan kalau ada pihak yang sanggup untuk memasang siap alat-alat jentera seperti ini sama ada dibawa daripada China ataupun daripada India mungkin ada kalangan Ahli Yang Berhormat ini rakan-rakan perniagaan mereka sanggup berbuat demikian. Maka ini boleh membantu kita menyediakan lebih banyak jentera di kawasan ladang dengan kos yang tidaklah terlalu tinggi. Jadi kalau saya hendak sebutkan sini memang langkah yang kita sedang buat ialah untuk menggalakkan penanam padi yang sedia ada meningkatkan hasil kawasan-kawasan baru iaitu seperti di Sabah dan Sarawak ini akan kita berikan tumpuan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan...

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Selangor, Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan sedikit. Mengenai mesin-mesin yang dikatakan yang akan diberi kepada *agriculturist* – sorry, *I have to use a bit of english*, dengan izin. Tan Sri saya rasa ini satu perkara yang kita semua ketahui. Satu di antara masalahnya adalah macam penternak-penternak, macam mana kerajaan boleh mengarahkan Bank Pertanian memberi kemudahan-kemudahan. Bila mereka pergi ke Bank Pertanian mereka kata tolong bawa geran, tolong bawa *collateral*. *They don't have collateral* ini semua diketahui. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri mengatakan kita perlu adakan seluas satu juta hektar tanah untuk penternak-penternak dan pertanian dalam negara ini. *All these are for newspaper consumption*, tetapi dalam realitinya ini tidak boleh dapat dicapai walaupun saya rasa kementerian tahu tetapi apakah usaha yang tertentu untuk menolong pihak-pihak yang terlibat dalam perkara ini. Saya sendiri saya anak penternak, *so I know, zero help from the government*. *Thank you very much for that*, kalau tidak saya tidakkan jadi peguam.

Akan tetapi yang mustahak adalah macam mana kita menolong mereka? Semalam Tuan Yang di-Pertua saya terima satu panggilan SOS dari Ipoh, di Kelabang di mana mereka telah mengusahakan lebih kurang 50 tahun dalam satu tanah untuk penternakan. Sekarang telah diberi notis oleh PKNP (Perbadanan Kemajuan Negeri) katakan, "*You get out*, kita hendak buat rumah di sana. *You are hindrance*"; macam mana kementerian boleh tolong? Kementerian membuat dasar-dasar yang tidak ada kena-mengena dengan masyarakat kalau ada pun *it*

doesn't touch, macam mana? Tolong beritahu kepada saya supaya saya dapat memberitahu kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Kalau tidak, kalau mahu kementerian atau Menteri saya bawa ratus-ratus orang berjumpa dengan Menteri terus. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya apa Yang Berhormat bangkitkan itu telah pun dibangkitkan oleh MIC, jadi *you are a bit late* tetapi keduanya saya hendak sebutkan sini...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...*No need.*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Keduanya ialah kita hendak, memang menyedari...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: ...Masalah industri ternakan negara ini memang banyak saya kena akui. Dan saya hendak sebutkan sini kita sekarang ini...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *I don't think this is a matter of race or whatever it is.* Saya rasa itu adalah berkaitan, berkaitan dengan soal *race*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sedang jawab biar dia jawab.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tidak, ini bukan soal *race*.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, *I don't think it should narrow down to MIC and all that.*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: *No, no, no!* ini bukan soal *race*.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *No, no, no! I think do we fair...* masyarakat India, kawasan Hulu Langat....

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tidak ada kena-mengena dengan ras, soal lembu kambing ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Lembu kambing ini bukan soal ras, saya tidak ada sebut soal ras saya cuba beritahu apa sudah sebutkan tadi MIC sudah bawa balik daripada awal kepada saya. Soal yang penting sekarang ini Yang Berhormat ialah bagaimana kita hendak cuba mengatasi masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat bukan kawasan Yang Berhormat sahaja ataupun keluarga Yang Berhormat sahaja kita sudah mengenal pasti banyak kawasan-kawasan lain di mana mereka menghadapi masalah yang sama.

Jadi ini bukan masalah hanya Kementerian Pertanian dan Asas Tani sahaja tetapi masalah kerajaan negeri dan kita sedar bahawa kalau pihak penternak ini tidak memiliki tanah mereka sendiri, dia menumpang dan selepas itu mereka hendak membuat permohonan kepada institusi kewangan seperti Bank Pertanian, tentu Bank Pertanian akan melihat sama ada mereka memiliki tanah itu sendiri ataupun tidak. Biasanya kalau tidak dimiliki tanah bank tidak akan

membiaiyai ini saya faham tetapi soal penting sekarang ini hendak selesaikan satu persatu.

Sebab itu dalam rancangan *national livestock in plan* yang kita sudah mula laksanakan sekarang ini kita sudah mengambil kira data-data yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi di manakah berlaku penternak-penternak apa masalah mereka sebab itu saya sudah taja penubuhan sebagai contoh mulai tahun ini satu program besar yang kita panggil *National Feedlot Program, Feedlot National* yang kita mulakan di Gemas tetapi di samping itu kita hendak majukan hampir 310 orang penternak yang sudah terdapat di seluruh negara. Mungkin sebahagian pun terdiri daripada masyarakat bukan Melayu kita tidak ambil kira itu kerana kita pentingkan mereka ini...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jangan kata bangsa *I don't think* bangsa yang terlibat...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: *No, no, no, no!*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *We are wrong, we are wrong. The argument* tidak kena-mengena, *don't* kata bangsa....

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Walau apa pun...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penternakan semua bangsa terlibat...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Betul, betul.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat *I think its very important*, menteri dan kerajaan selalu katakan soal bangsa *why* bangsa?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Saya tidak sebutkan soal bangsa saya hendak sebutkan semua kaum.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penternakan...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Saya hendak bagi contoh bahawa kita bagi sokongan kepada semua pihak supaya jangan ada pihak DAP salah faham, tidak ada diskriminasi. Hendak sebut soal ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ipoh Barat ini salah fahamlah, *you* salah fahamlah Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jangan kita salah faham, Yang Berhormat Menteri...*[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak ada sebut bangsalah Ipoh Barat, *you* kurang fahamlah.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Untuk selesaikan masalah kita akan cari jalan untuk menyelesaikan masalah itu. Jadi yang penting sekarang ini masalah tanah. Sebab itu saya telah beri kepada semua pihak yang berkenaan supaya kita pergi merekodkan berapa kawasan ternakan yang sudah ada sama ada status tanah itu milik mereka atau mereka pajak ataupun mereka tumpang ataupun mereka menjadi *squatters*. Ini status-status ini kita kenal pasti dahulu kemudiannya kita kena mengenal pasti siapa pemilik. Kalau pemilik itu ialah kerajaan negeri mampu tidak kerajaan negeri memberikan tanah. Ini dalam

perancangan kita, kalau tanah itu tidak boleh digunakan ada tidak kawasan-kawasan lain seperti kawasan padang ragut.

Apa yang saya hendak maklumkan dalam mesyuarat kita dengan EXCO kerajaan negeri baru-baru ini mengatakan semua kerajaan negeri telah pun bersetuju dengan keputusan Kerajaan Pusat supaya padang-padang ragut diubah sebagai padang kawasan ternakan kekal. Bermakna siapa yang berminat untuk memernak boleh memohon kepada pihak kerajaan negeri upaya tanah itu dapat disediakan kepada pihak penternak-penternak yang berkenaan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dengan cara ini boleh janggan menteri cakap, Yang Berhormat bercakap.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bila dia kata bangsa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak minta kebenaran.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya ingat bukan penternakan kena-mengena. Yang Berhormat Tan Sri, Yang Berhormat Sri Gading mana ada kambing lembu di tempat Yang Berhormat Sri Gading tidak ada. Tan Sri, yang mustahak mengenai pembangunan penternakan. Saya setuju bahawa ada beberapa galakan-galakan yang tertentu tetapi yang mustahil untuk mengatasi adalah masalah kekurangan tanah atau tidak ada tanah untuk mereka menjalankan penternakan. Baru hari ini berkata *feed lot*, saya setuju *feed lot*. Kalau *feed lot* apa yang *the basic required* dalam *feed lot*? Yang Berhormat tahu saya pun tahu saya penternak. *You need Napier grass* you perlukan bahan-bahan makanan untuk penternak, mana ada? Tidak ada, itu menjadi - *okay* Sri Gading banyak pandai dia tidak tahu tetapi tahu.

Dalam padang ragut, baru-baru ini Menteri Besar Perak mengatakan bahawa 8,000 hektar di negeri Perak di mana dikhaskan untuk padang ragut akan di *convert* kan kepada pembangunan dan kelapa sawit. Apa pendirian kerajaan, *silent*? Apa pendirian Pejabat Pertanian Negeri Perak *silent* mengatakan, oh ini tempat-tempat ragut. Ini nampaknya tidak digunakan oleh orang kampung. Jadi ia akan diberi untuk pembangunan di antaranya adalah kelapa sawit. Apakah pendirian kerajaan? *At one situation* kita hendak melebihi penternakan lembu, daging dan sebagainya apa pendirian Kerajaan Persekutuan mengatakan ini adalah kuasa kerajaan negeri kita akan memberi berbincang, kita ada cakap mereka.

UMNO sama UMNO apa hendak bincang bagi arahanlah ikut, Menteri Besar Perak cakap 8,000 hektar tanah akan diubahsuai *in one statement*. Macam mana pendirian Kerajaan Persekutuan mengatakan bahawa tanah-tanah ragut ini akan diguna pakai untuk penternakan itu bukan tidak benarlah. Dalam Parlimen Yang Berhormat *I respect you* tetapi saya rasa ini adalah tidak benar masyarakat diselewengkan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Cukuplah Yang Berhormat tetapi saya sudah sebutkan awal-awal masalah kita *acknowledge* masalah tanah sebagai satu isu besar sebab itu berkali-kali saya sebutkan ini adalah hak kuasa negeri. Itu Yang Berhormat tahu sebagai *lawyer*, peguam memang tahu. Soal sekarang ini bagaimana pihak kerajaan negeri sanggup bekerjasama dengan Kerajaan Pusat pasal dalam Perlembagaan negara, soal

pertanian adalah hak bersama, *concurrent* antara persekutuan dengan negeri. Sebab itu dalam soal ini saya hendak jelaskan Yang Berhormat, biar saya jelaskan. Perancangannya ialah supaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau dia DAP saya boleh faham.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Ya, ya, ya saya tahu. Kita sudah...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri jangan cuba menyeleweng jangan kita lari *no, no, no...*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Yang Berhormat tadi telah sebutkan, isu tanah sudah ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bukan dengan cara ini, Yang Berhormat...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Ini kita telah jelaskan kita kata masalah tanah kita *acknowledge*, hendak menyelesaikan masalah tanah kita tidak boleh jadikan *political* isu, kita kena bincang cari jalan menyelesaikan satu-persatu baru kita boleh mengatasi masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Barat...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Kalau setakat untuk kita bercakap dalam Dewan Yang Berhormat tidak ada tindakan apa-apa bagaimana hendak selesaikan masalah. Sebab itu kita sudah ada pelan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Kerana lembu-lembu dijaga di sana. Macam mana kerajaan boleh menolong mereka? *You please tell me* Yang Berhormat Menteri sendiri mengatakan satu juta hektar tanah akan disediakan oleh mereka. Bila saya tanya soalan khusus mengenai perkara itu, itu adalah dasar.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Dasar Malaysia diperlukan, kalau diperlukan kita kena dapat kerjasama daripada pihak kerajaan negeri mahu tidak mahu. Itu satu bukan kerajaan negeri sahaja. Pihak-pihak seperti FELDA dan juga ladang-ladang swasta yang mana kita boleh gunakan kawasan-kawasan tanah mereka dalam sistem integrasi ternakan, ini juga kita perlukan. Jadi dalam pelan nasional Tuan Yang di-Pertua kita tidak melihat dalam satu-satu kes sahaja, sebab itu saya sudah buat satu pelan ini dan pelan ini tidak boleh selesai dalam hari ini. *To be frank* kita tidak boleh buat besok lusa, kita kena cari langkah satu perancangan tempoh yang agak lebih panjang.

Akan tetapi saya sudah sebutkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita ada perancangan untuk meningkatkan hasil ternakan negara daripada 23 peratus kepada 37 peratus dalam tempoh lima tahun. Penternak yang sudah sedia ada akan kita bangunkan lagi. Kalau umpama Yang Berhormat sebutkan bapa Yang Berhormat ada kawasan untuk menternak mungkin tanah itu dipinjam tidak ada kawasan yang luas, skim ini yang kita sedang mulakan sekarang ini hendak mengenal pasti tapak-tapak tanah baru. Yang Berhormat sebutkan soal Menteri Besar Perak itu hak kuasa kerajaan negeri, Kerajaan Pusat tidak ada kuasa tetapi kita sudah beritahu kepada pihak kerajaan negeri dan Perak pun libat dalamnya bahawa kita perlukan kawasan-kawasan tanah untuk ternakan.

Mungkin kalau sudah terlalu banyak kawasan itu tidak diguna dia boleh guna untuk tujuan lain tetapi sebahagian untuk ternakan perlu disediakan supaya tanah itu dapat kita peruntukkan antara lain kepada pengusaha-pengusaha penternak yang sudah sedia ada, yang baru pun hendak masuk kita hendak galakkan. Jadi ini yang kita sudah jelaskan dan kita akan laksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat Kuala Selangor.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak balik kepada soal padi tadi. Berbagai usaha telah dijalankan oleh kementerian dari segi menambahkan pengeluaran juga dari segi kemudahan kredit dan juga mekanisme. Persoalannya adakah kerajaan atau Kementerian Pertanian bercadang untuk menaikkan harga padi agar petani-petani padi atau penanam padi ini mendapat pendapatan yang lebih tinggi. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang penting sebenarnya dan saya hendak maklumkan esok ada satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri selepas pihak kementerian membuat kajian ini atas beberapa usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat dan juga beberapa memorandum yang telah dikemukakan oleh pihak persatuan peladang di Kedah dan sebagainya minta supaya kerajaan menimbang supaya harga padi itu dapat dikaji balik kerana mereka mengatakan kos yang mereka sudah tanggung dalam tempoh dua, tiga tahun ini sudah meningkat. Kos membajak sudah meningkat, kos baja meningkat, kos minyak diesel sudah meningkat dan sebagainya.

Jadi pada dasarnya kita bersimpati dengan masalah mereka dan saya fikir Yang Berhormat hanya perlu menunggu sehari sahaja kalau esok ada satu berita baik, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan mengumumkan tetapi kita sudah mengambil kira beberapa perkara. Satunya ialah *guaranteed minimum price*, harga padi minimum yang ditetapkan oleh kerajaan, RM550 ini kita fikir tidak berapa sesuai sekarang ini kerana ini sudah dilaksanakan sepuluh tahun yang lepas, kita dapati perlu kita kaji semula dan mungkin kita cadang supaya dinaikkan ke satu kadar yang lebih tinggi untuk membantu supaya petani terjamin. Sekarang pun dengan harga RM550, kita telah pun mendapati banyak pembeli padi membayar atas kadar seperti contoh RM650, RM670 atau RM720 setan. Bermakna kadar yang lebih tinggi daripada paras minimum yang ditetapkan oleh kerajaan.

Yang keduanya ialah untuk membantu dari segi mereka mengatasi masalah kos seperti kos membajak dan kos baja yang saya sebutkan tadi, kerajaan berpendapat ada asas untuk kita mengkaji tetapi kita tidak akan mencadangkan bentuk subsidi. Kita hendak mencadangkan apa yang kita katakan sebagai bentuk insentif. Bermakna kalau mereka boleh mengatasi masalah-masalah kos ini, maka kita akan memberikan mereka satu kadar insentif supaya dengan cara begitu mereka dapat meningkatkan hasil kepada tahap 90 peratus yang kita cadangkan.

Yang ketiga, satu lagi ialah untuk kita benar-benar memberikan galakan supaya kalau mereka hari ini dapat 5 tan satu hektar, dia boleh naik ke 6 tan. Ada peningkatan 1 tan daripada kadar yang sedia ada, maka itu juga kita hendak

cadangkan supaya mereka ini diberikan skim galakan penambahan, mungkin pendapatan 1 tan, RM600 ke RM700.

Terpulang kepada jawatankuasa yang telah pun kita sebutkan tadi dan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat khas dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada besok pagi, insya-Allah. Tunggulah, agaknya ada berita baiklah kepada rakan-rakan di mana kawasan padi Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Barat lagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sedikit, sedikit mengenai subsidi diesel. Adakah subsidi diesel ini diberi kepada semua yang terlibat dalam pertanian termasuk penternak-penternak dan pekebun-pekebun kecil dan sebagainya? Kalau ada, apa kriterianya?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah Yang Berhormat Menteri akan jawab perkara itu nanti.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Biar saya jelaskan, tidak apa, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: *It's okay.* Ini soal subsidi ini satu isu yang memang sudah dibangkit dahulu tetapi yang saya sebutkan tadi soal padi itu langkah pertama tetapi kita sedari juga bukan masalah penanam padi juga menghadapi masalah tetapi penanam-penanam yang lain, penanam sayur, buah-buahan, sekarang Yang Berhormat kata penternak pun menghadapi masalah. Kita sedari masalah itu.

Jadi sekarang ini apa yang kita akan buat, kita ambil langkah pertama dahulu. Dalam keadaan yang sama kita sedang meneliti pelbagai perkara seperti contoh tadi, penanam sayur, buah-buahan dan penternak sebagai contoh, bagaimana kita hendak memberi subsidi kepada mereka kerana umpama dalam contoh perladangan. Umpama yang membekalkan mesin, bukanlah petani itu sendiri. Jadi kalau kita membagikan subsidi kepada mereka, subsidi diesel tidak dapat dinikmati oleh petani kerana yang mendapat itu ialah pembekal mesin-mesin dan jentera. Jadi ini mekanismenya, prinsip kerajaan bersetuju tetapi bagaimana hendak melaksanakan, berapa *quantum* yang perlu kita sediakan ini perlu diteliti dengan lebih lanjut.

Akan tetapi sudah pun kita ambil kira, kita pergi dari satu peringkat ke satu peringkat tetapi insya-Allah kita akan bawa balik kepada pihak kerajaan apabila kita sudah dapat satu, orang kata gambaran yang lebih jelas bagaimana cara hendak membantu petani-petani yang lain. Pada prinsip, saya fikir memang ada asas untuk kita bantu mereka. Kalau nelayan sudah dapat subsidi, mungkin juga yang kata tadi penanam padi juga akan kita timbangkan insentif, apakah tidak wajar penanam-penanam dan penternak yang lain dibagikan bantuan yang sama. Insya-Allah kita akan bawa perkara ini kepada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung lagi. Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Larut agar petani juga diberikan peluang untuk membuat lawatan

ke luar negara ini mungkin kerana tengok ramai pegawai pun makan angin. Sebenarnya bukan makan angin termasuk menteri juga.

Jadi ada Yang Berhormat dalam Parlimen kata menteri selalu keluar tetapi saya hendak jelaskan ada asas dalam tempoh yang terdekat ini kerana kita ada *specific programme*. Sebagai contoh hendak mewujudkan *National Feedlot Center*, hendak mendapatkan bekalan stok lembu hampir 60 ribu setahun, Yang Berhormat. Ini perkara bukan boleh pergi sekali. Kita tentukan siapa pihak yang berkenaan yang wajar kita temui untuk membantu program, bukan lawatan melihat dan selepas itu balik tidak ada keputusan.

Sebab itu saya hendak sebutkan, dalam tempoh terdekat memang banyak pegawai pergi tetapi melapor balik apa langkah yang kita hendak buat untuk hendak menyelesaikan masalah, baik dari segi bekalan daging, bekalan kambing, bekalan buah-buahan dan sebagainya. Ini adalah *specific mission* yang kita buat tetapi suka saya jelaskan di sini bahawa dari segi lawatan ini ialah untuk pendedahan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Barat sekarang sudah minat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Nanti dahulu

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sedikit.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Saya belum jelas lagi, belum habis lagi. Nanti dahulu.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Saya sukalah menjelaskan bahawa cadangan ini telah pun dilaksanakan oleh jabatan dan agensi di bawah kementerian saya seperti Program Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian, Projek Satu Daerah Satu Industri, Misi Pertanian Dalam dan Luar Negara di mana petani-petani dibawa bersama untuk mendapatkan pendedahan pelaksanaan program yang telah pun dilaksanakan oleh negara-negara yang lain. Oleh kerana bilangan yang mungkin mendapat pergi ini adalah terhad, kita mungkin terpaksa memilih pemimpin-pemimpin pertubuhan peladang yang berjaya untuk pergi membuat lawatan dan selepas itu mereka menjadi fasilitator untuk menjelaskan apakah yang mereka telah saksikan dan bagaimana mereka dapat melaksanakan sebahagian daripada perkara-perkara yang baik yang telah dilihat di negara-negara yang tersebut.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sedikit sahaja. Mengenai misi-misi ke luar negara. Satu di antaranya adalah saya rasa oleh kerana kita menjadi Ahli Parlimen termasuk Yang Berhormat Sri Gading, saya rasa perlu membawa beliau dan orang-orang lain termasuk pembangkang ke misi-misi ini supaya mereka dapat memberi pandangan, *feedback* dan sebagainya. Macam Yang Berhormat Arau, *he is one of the expert on organic farming* di negara ini. Saya rasa perlu membawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Arau selalu pergilah, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak ada. Ada pernah pergi ke Yang Berhormat Arau?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia selalu pergi. Yang Berhormat tidak payah susah hati.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia pergi tanpa dengan kerajaanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia baru baliklah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya rasa macam Yang Berhormat biasa pergi ke Hawaii.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Barat, dua hari yang lepas dia baru balik dari *Philippine...* [Disampuk]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Oh, tidak beritahu kita pun. Minta maafalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya minta maaflah tetapi okey, saya minta maaf tetapi boleh ke bawa pembangkang macam saya sebenarnya... [Ketawa] Bukan saya, *okay*. Lain-lain Ahli Parlimen yang terlibat dalam hal ini, penternakan..., *they are very involved. So please give us an opportunity to be involved* kerana rakyat. Itu yang mustahak, *the bottom line*.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Ya, Yang Berhormat Arau saya tahu memang ada satu tugas besar dia kerana di bawah Yayasan Tuanku Agong, ada misi khas untuk cari jalan bagaimana hendak meningkatkan hasil padi. Jadi ada tugas berat dan saya tahu. Kami bekerja rapat dengan MARDI, sebagai contoh. *So apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi tidak susahlah, memang kita sudah buat. Kita akan bawa pembangkang ini bila semua Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional sudah selesai ke luar negara...* [Ketawa]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bila mahu pendapat dengan cepat, jangan kira siapa.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Barisan Nasional boleh cepat tetapi bila sudah selesai semua sekali, baru Yang Berhormat kita bawalah.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: *It's fair because* ini penyokong kerajaan. Kita kena bagi dia dahulu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kita menyokong dasarnya. *We got no objection.*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Bukan dasar sahaja!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *We got no objection on organic farming.*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: *Priority, keutamaan. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua....*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *No, Tuan Yang di-Pertua, we can agree to disagree, we can agree to agree certain things. I can agree with you....*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri sudah jawablah. Kalau hendak pergi, Timbalan Speaker pun harap ada diberi peluang jugalah... [Ketawa]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Ya, saya bagi peluang kepada Timbalan Speaker sebagai Ahli Parlimen. Dia boleh pergi dahulu *next trip around...* [Disampuk] Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Labuan bertanya apakah usaha-usaha kerajaan dalam membantu pengusaha-pengusaha industri akuakultur dan polisi yang tidak begitu jelas katanya menyebabkan mereka ini sukar untuk mendapat pinjaman daripada bank komersial.

Sebenarnya dasar dan pelan induk bagi memajukan industri akuakultur telah pun kita bukukan. Melalui perancangan ini, kementerian saya telah pun menetapkan sasaran pengeluaran ikan daripada aktiviti akuakultur sebanyak 662,000 metrik tan setahun menjelang tahun 2010. Sasaran ini akan kita capai melalui pelaksanaan program-program latihan termasuk program inkubator dan juga seminar-seminar pelaburan kepada golongan sasar akan diteruskan. Bagi melengkapkan mereka dengan maklumat dan kemahiran yang diperlukan untuk menceburi dan seterusnya berjaya dalam bidang ini.

Selain itu, bagi membangunkan sektor akuakultur yang berdaya saing dan komersial, pembangunan zon industri akuakultur akan kita teruskan melalui kerjasama pintar antara kementerian saya dan kerajaan-kerajaan negeri. Sebanyak 11,000 hektar kawasan tanah dan perairan di Semenanjung telah pun kita kenal pasti untuk dikemukakan kepada pihak kerajaan negeri. Kawasan zon industri akuakultur ini akan memusatkan segala perkhidmatan sokongan dan infrastruktur bagi pengeluaran secara komersial.

Pendekatan pembangunan secara *cluster* juga akan ditekankan dan *cluster* yang akan dibangunkan adalah *cluster* udang laut, ikan laut, ikan air tawar dan juga ikan hiasan. Isu ketidakupayaan untuk mendapatkan pinjaman sepatutnya tidak berlaku kerana Bank Pertanian Malaysia ada menyediakan kemudahan pinjaman untuk pengusaha akuakultur melalui skim-skim seperti Dana 3F, Skim Kredit Pengeluaran Makanan, Skim Kredit Mikro, Skim Usahawan Komersial Siswazah dengan kadar faedah pinjaman di antara 3% hingga 4% setahun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Alor Setar, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Tenom dan Yang Berhormat Setiu telah pun membangkitkan isu mengenai usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk menggalakkan golongan belia dan para siswazah menyertai bidang pertanian. Kementerian saya sentiasa berusaha untuk mengubah persepsi lama golongan muda mengenai pertanian yang bermain dengan lumpur dan tidak glamor kepada satu bidang yang menguntungkan dan bergaya. Usaha untuk mengajak persepsi yang lapuk ini akan dimulakan dengan menyedarkan para belia dan siswazah tentang potensi bidang ini dan ekonomi negara dan juga dunia. Maklumat-maklumat lengkap dan terkini mengenai peluang-peluang yang ada dalam sektor ini juga akan disampaikan menerusi majlis-majlis forum, seminar dan media massa.

Bagi mereka yang bersedia untuk melibatkan diri dalam bidang ini, kementerian saya akan memberikan sokongan yang padu kepada mereka dalam bentuk latihan kemahiran dan motivasi serta menyediakan khidmat sokongan di sepanjang rantai bekalan. Saya dimaklumkan bahawa rakan sejawat saya Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan juga telah pun sekarang ini hendak

memulakan semula Skim Belia Tani yang dahulu telah wujud tetapi ditawakufkan dan saya bekerjasama dengan pihak kementerian ini supaya belia-belia yang berminat untuk mengambil bahagian dalam kegiatan industri asas tani akan diberikan sokongan yang sepatutnya.

Antara khidmat sokongan yang ditawarkan ialah dalam bentuk latihan kemahiran *hands-on, technical* dan juga *soft skill* dengan izin, khidmat nasihat dan pengembangan, khidmat pemasaran dan juga khidmat kredit dalam bentuk pinjaman di bawah Skim Usahawan Tani Komersial Siswazah dan juga pelbagai insentif di bawah jabatan dan agensi di kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Bukit Mas dan Yang Berhormat Sri Gading memohon penjelasan mengenai program yang dijalankan oleh kerajaan untuk menambah pendapatan petani, penternak dan nelayan supaya masalah kemiskinan di kalangan mereka ini dapat kita atasi. Fokus kementerian dalam hendak menangani isu-isu kemiskinan petani, penternak dan nelayan adalah dengan memperbagaikan aktiviti teras serta aktiviti pemprosesan hiran. Program-program dan projek khusus bagi membantu dan membangunkan golongan ini adalah melalui pemindahan teknologi, latihan dan bimbingan, pembangunan industri kecil dan sederhana, penyediaan kemudahan kredit dan pemasaran.

Dalam usaha untuk meningkatkan sosioekonomi golongan ini, sebuah jawatankuasa meningkatkan dan mempelbagaikan pendapatan petani, penternak dan nelayan telah pun ditubuhkan. Jawatankuasa yang saya pengerusikan ini ditubuhkan untuk meningkatkan pendapatan peserta melalui penglibatan dan aktiviti-aktiviti pemprosesan, akuakultur, ternakan dan pembangunan projek pertanian dan asas tani secara bersepadu.

Yang Berhormat Putatan juga membangkitkan isu berkaitan dengan jenis bantuan yang telah diberi oleh kementerian untuk membantu para petani di Sabah khususnya dalam memasarkan hasil pertanian dengan lebih berkesan dan cekap. Kementerian juga telah dan sedang meningkatkan infrastruktur pemasaran di Sabah dengan melaksanakan amalan pengeluaran dan pemasaran yang baik menerusi pusat-pusat pengumpulan (CC) dan pusat-pusat pemasaran dan pengedaran (*distribution centre*) FAMA. Dalam hal ini, kementerian berharap Kerajaan Negeri Sabah dapat membantu FAMA mengenal pasti tapak yang sesuai untuk kita melaksanakan projek-projek tersebut.

Melalui FAMA dengan kerjasama Jabatan Pertanian dan LPP melaksanakan Skim Ladang Kontrak dan Kontrak Pemasaran sama ada menerusi projek ladang individu mahupun projek tanaman berkelompok seperti TKPM. Seramai 100 pengeluar telah mendapat manfaat daripada kerjasama ini yang membabitkan pengeluar tanaman halia - 123 petani; kubis - 4 petani; cili - 20 petani; pisang - 30 petani; tembikai - 5 petani; limau manis - 3 petani; dan tanaman yang lain lima petani. Skim ini akan kita perluaskan untuk subsektor ternakan dan ikan air tawar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Jasin secara khusus ingin mengetahui sejauh mana teknologi baru MARDI dapat dimanfaatkan oleh para petani di negara ini dan sejauh mana teknologi tersebut dapat dikomersialkan. Bioteknologi pertanian adalah *emerging and cutting-edge technology* dan akan menerajui usaha kita untuk menambah nilai ataupun mempertingkatkan pengeluaran tanaman, ternakan ikan dan industri berasaskan pertanian. Teknologi-teknologi seperti baka tanaman baru, produk bioteknologi tanaman termasuk *biofertilizer, biopesticide, growth*

promoter dan sebagainya ini mula dihasilkan melalui pendidikan yang seterusnya dikomersialkan melalui proses pemilihan teknologi berkesan kepada petani.

Antara bioteknologi yang telah memberikan manfaat secara langsung kepada petani adalah teknologi kultur tisu tanaman yang menghasilkan bahan tanaman yang bernilai tinggi dan bebas penyakit. Petani-petani boleh memperoleh bahan tanaman berkualiti daripada syarikat dan agensi kerajaan ini, namun demikian terdapat petani-petani muda yang bersemangat usahawan (*entrepreneur spirit*) menunjukkan minat membuka syarikat kultur tisu sendiri. Pemindahan teknologi menerusi program latihan dan usaha ke arah sistem inkubator sedang pun dipertingkatkan oleh pemilik teknologi kultur tisu ini seperti MARDI.

Hasil R&D MARDI yang boleh dikomersialkan sehingga kini adalah sebanyak 39. *Variety* baru ini dilihat dapat membantu para petani meningkatkan kualiti hidup. Bagi tanaman padi, MARDI telah pun mengisytiharkan *variety* baru padi yang berhasil tinggi seperti MR219, MR220 dan padi berkualiti tinggi MRQ50 dan MRQ74. Bagi meningkatkan produktiviti pendidikan bioteknologi dan industri hiliran pemrosesan makanan dan nilai ditambah (*value added*) juga diberikan perhatian yang khusus. Sebagai contoh, MARDI telah pun mengisytiharkan produk baru berasaskan beras seperti produk-produk *extruded rice*, dengan izin...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [*Bangun*]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Mengenai kajian ke atas buah jarak yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Jasin, pihak MARDI sebenarnya sedang menjalankan kajian yang terperinci terhadap tanaman pokok jarak ini dari segi pertumbuhan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Santubong. Yang Berhormat...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: ...Dan persekitarannya serta nilai komersialnya kepada petani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...Boleh rehat minum air sedikit Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Kajian juga ditumpukan terhadap kesesuaian agronomi serta masalah-masalah perosak dan penyakit tanaman tersebut dan oleh itu cadangan supaya buah jarak diproses menjadi minyak biodiesel tidak dapat diperkenalkan dan dipergiatkan lagi sehingga penyelidikan terperinci selesai dijalankan dan mendapat keputusan yang positif.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila minum air sedikit.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih. Pemikiran saya dengan Tuan Yang di-Pertua pun samalah. Hendak bagi peluang Yang Berhormat Menteri hendak minum air sedikit. Cakap panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *Timing*. Yang Berhormat, *timing* memang tepat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *Timing* itu betul-betul. Saya berdiri pun....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta air dihantar masuk, Yang Berhormat bangun.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Mengikuti peraturan, bila Tuan Yang di-Pertua bercakap saya kena duduk. Okey, terima kasih. Saya hendak tanya sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri, berhubung dengan dasar penanam padi ini.

Dahulu pihak BERNAS datang ke Sarawak menanam padi dan telah pun menanam padi di Sarawak tapi ramai orang Sarawak ghairah memohon tanah daripada kerajaan negeri dan banyak tanah-tanah ini telah diluluskan tetapi kebelakangan ini, dasar BERNAS pula berubah mengatakan BERNAS tidak lagi akan menanam padi kerjasama dengan orang tempatan atau pun tidak di Sarawak. Saya nak tanya, apakah menyebabkan perubahan dasar penanam padi di Sarawak ini boleh berubah sebegini rupa. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Menteri, jawab sekali boleh? Tuan Yang di-Pertua, bagi Yang Berhormat Menteri minum air lebih sikit lagi lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Menteri, saya sebenarnya tertarik dengan hasil kajian buah jarak ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkongsi pengalaman dengan saya sama ada pihak pengkaji atau pihak MARDI bergerak secara reaktif, tidak proaktif. Maknanya setelah mendengar cadangan-cadangan saranan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, baru mereka melihat potensi buah jarak ini, atau pun ini satu lah contoh. Mungkin *tips of the iceberg*, buah jarak. Mungkin ada perkara-perkara lagi yang mereka secara proaktif mencari, mengkaji supaya ia tidak menunggu saranan-saranan daripada berbagai-bagai pihak. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, itu sahaja.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dapat air. Kalau tidak tak habis jawapan nanti. Sebenarnya yang pertama, soal dasar padi itu tak banyak berubah Yang Berhormat. Sebenar kalau saya sebut, saya kurang jelas sama ada yang dimaksudkan tadi BERNAS galak sekarang ini BERNAS tak terlibat ya. Sebenarnya yang penting ialah bukan BERNAS, ialah Jabatan Pertanian kita dan Jabatan Pertanian di Sarawak sendiri.

Saya fikir dari segi polisi, kedua-dua tidak ada perubahan. Saya akan semak balik sama ada apa yang disebutkan tadi berlaku yang menyebabkan petani tak dapat sokongan untuk menanam padi. Bagi saya ini tidak berbangkit tetapi apa pun saya akan semak dengan pihak mungkin Yang Berhormat sendiri dan pihak Jabatan Pertanian di sana. Sebenarnya kalau mereka berminat, kita sudah beritahu mereka boleh, kerana walaupun di peringkat awal dulu kerajaan tidak nak menggalakkan kawasan-kawasan tanaman baru diteroka untuk tanaman padi, kerana kita percaya cukup yang sudah sedia ada. Yang penting ialah meningkatkan hasil daripada kawasan yang lapan jelapang sudah kita luluskan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Akan tetapi kerana kes ini timbulnya di Sabah dan Sarawak, dan Sabah dan Sarawak pun tidak mempunyai bekalan beras dalam negeri yang mencukupi. Kita kata boleh kita benarkan di Sabah dan Sarawak untuk tujuan itu.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ini amat menggalakkan Tan Sri kerana saya Ketua Bahagian N27 Semanggang. Jadi, ahli daripada kawasan saya ini telah memohon dengan kerajaan negeri dan tanah itu telah dilulus tetapi apabila memohon kepada pihak BERNAS, jawapan secara

rasmi diberi oleh BERNAS mengatakan mereka tidak lagi digalakkan terlibat terus menanam padi di Sarawak. Jadi akhirnya tanah ini terbiar begitu sahaja, tak kurang daripada enam ribu ekar telah di lulus sekarang. Jadi tergendala begitu sahaja dan tanah ini terbiar.

Kerajaan pun tak tahu, kerajaan negeri tak boleh tarik balik oleh kerana dah diberi dengan individu dan individu ini pula tidak mempunyai sumber kewangan mencukupi oleh kerana berharap BERNAS akan masuk sebagaimana yang dibuat di Gedung yang baru dilaksanakan. Jadi, ini amat menggalakkan kalau ada perubahan daripada segi pelaksanaan kepada beras ini. Lagipun di Sarawak perlukan 120 ribu tan beras tiap-tiap tahun. Terima kasih Tan Sri.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Untuk memendekkan perbincangan Yang Berhormat, kalau ini kita akan siasat kes tertentu ya dan saya sendiri akan ambil perhatian perkara itu dan kita akan dapatkan laporan daripada pihak Jabatan Pertanian di sana dan sebenarnya sebagaimana yang saya istilahkan tadi bolehlah kita ambil kira tentang apa yang disebutkan tadi untuk memberi peluang kepada negeri Sarawak menghasilkan juga pengeluaran.

Yang Berhormat, kalau dapat saya jawab Yang Berhormat Tangga Batu tadi, yang ini berkenaan dengan buah jarak. Ia bukan padang jarak padang tekukur, buah jarak. Saya telah pun diberitahu oleh pihak MARDI bahawa bagaimana yang saya sebutkan oleh jawapan tadi, ini kita sedang buat kajian. Walaupun sebenarnya di negara seperti di India sudah pun digunakan buah jarak ini sebagai produk untuk mengeluarkan biodiesel atau pun metal ester. Yang penting di sini ialah kerana di sana di India tentu berbeza daripada di Malaysia.

Di Malaysia sudah ada kelapa sawit dan kita lihat daripada apa kajian yang dibuat oleh MPOB, kelapa sawit boleh mengeluarkan metal ester dan dia adalah produk yang dikatakan paling kompetitif berbanding dengan produk-produk mentah, bahan mentah seperti *grape seed*, *sunflower seed*, *soya bean seed* atau pun mungkin *jatropha*. Jadi dengan sebab itu di peringkat ini kita tidak meneroka banyak kajian kerana yang penting ialah kalau ada kawasan tanah, kenapa tidak ditanam dengan kelapa sawit dan kelapa sawit adalah produk yang *versatile*. Boleh diguna untuk makan dan sekarang ini untuk bio diesel tetapi walaupun begitu, sudah ada usul. Jadi saya telah minta pihak MARDI mengkaji dan dalam tempoh yang tidak lah terlalu lama, mungkin dua tahun secepat-cepatnya tiga empat kali musim, sudah ada pun projek perintis di kawasan Selatan di mana kawasan pokok jarak ini ditanam. Yang penting bukan boleh tanam tak boleh tanam, sama ada pertama dia boleh memberikan pulangan hasil yang setimpal dengan kos untuk menanam tadi. Yang keduanya dia mengeluarkan kualiti bio diesel yang kita perlukan tadi.

Yang ketiganya kalau dibandingkan dengan kelapa sawit, dia adakah lebih kompetitif atau pun kurang kompetitif. Kita penting nak buat suatu keputusan dasar kerana tak boleh kata tanamlah buah *jatropha* atau pun jarak ini, tetapi akhirnya bila sudah tanam berbanding dengan kelapa sawit yang boleh proses jadi minyak diesel, dia tidak kompetitif. Jadi ini akan merugikan kepada pihak petani.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [Bangun].

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Jadi sebab itu kita perlu buat kajian yang terperinci dan ini sudah pun kita mulakan di pihak MARDI sekarang.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri ya. Saya mendengar dengan teliti apa Yang Berhormat Tan Sri sebut tadi berkaitan dengan dasar, perubahan dasar.

Saya nak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kerana sebelum ini saya tak tahu itu dasar ke atau pendirian kerajaan, bahawa untuk kawasan yang di luar jelapang padi, kerajaan tidak berhasrat untuk menambahkan peruntukkan bagi memperbaiki sistem saliran dan sebagainya tetapi, oleh kerana hasrat kerajaan untuk meningkatkan keperluan padi beras negara, dan juga tadi Yang Berhormat ada sebut di Sabah dan Sarawak diberi pengecualian. Jadi di semenanjung ini banyak kawasan di luar yang diiktiraf bukan jelapang padi, terutama di kawasan saya pun ada tempat lain pun ada. Jadi adakah sebahagian daripada peruntukan Yang Berhormat sebut tadi RM259 juta kalau tak silap saya untuk pembaikan sistem pengairan. Boleh tak sebahagian daripada peruntukkan ini juga diberi kepada kawasan bukan jelapang padi tetapi mereka yang aktif, petani-petani yang aktif. Minta pandangan atau pun pendirian kerajaan yang terbaru. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan itu. Saya fikir ini soal dasar yang penting. Macam yang saya sebutkan tadi Semenanjung, kita sudah memiliki kawasan lebih daripada 600 ribu hektar dan sekarang in dengan usaha kita yang berlipat kali ganda, hasil sudah meningkat. Jadi sebab itu kita tidak berminat hendak melihat kawasan-kawasan baru dibuka. Biasa juga orang sebut kawasan-kawasan padi ini kawasan-kawasan orang miskin tetapi sekarang ini pengusahaan sudah dibuat secara mungkin komersial. Jadi apa yang kita dah buat sekarang ini, keputusan yang kita buat ialah kerana rayuan juga daripada Yang Berhormat dan banyak pihak penanam padi di luar jelapang minta kerajaan bantu, kita dah bawa kepada Kabinet dan sekarang ini mereka berhak mendapat subsidi.

Itu satu bentuk bantuan yang dulu tidak kita bahagikan. Sekarang Yang Berhormat cadangkan nak bagi bantuan untuk sistem infrastruktur. Yang ini saya fikir susah sedikit kerana dalam kawasan tanaman padi yang sedia ada pun infrastruktur pun tak lengkap lagi. Saya fikir saya yang dimaklumkan mungkin tak sampai 40 meter satu hektar kalau tak silap saya. Ini masih rendah berbanding 70 meter yang disarankan sebagai tahap yang dikatakan diperlukan untuk menjadi lebih efisien. Jadi kalau pun ada peruntukkan RM200 juta, saya fikir ini pun tidak mencukupi Yang Berhormat untuk bekalkan kawasan-kawasan jelapang yang sedia ada. Jadi kita kena utamakan itu dahulu. Minta maaf lah tetapi walaupun begitu, sedikit bantuan ada diberikan dalam bentuk bantuan subsidi harga padi yang telah pun kita laksanakan selama ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Arau, sila.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Menteri. Saya balik kepada pokok jarak lah. Jadi, dengan pokok jarak sahabat-sahabat saya termasuk saya mencadangkan bukan hanya kita buat penyelidikan, dan jarak ini memang kita tahu minyaknya 30 peratus daripada berat biji jarak itu, dan maksud kami ialah bukan kita nak ubah daripada sistem kelapa sawit ke pokok jarak, tetapi dengan pokok jarak ini kita boleh tanam di mana-mana.

Maksud saya, tanah yang subur, tanah yang elok kita terus tanam dengan kelapa sawit. Tanah yang kurang elok, tidak boleh ditanam dengan kelapa sawit

kita tanam dengan pokok jarak ini supaya kita dapat hasil oleh sebab minyak daripada pokok jarak ini, permintaan daripada luar negara sudah memang ada. Pokok jarak pula tidak perlu kita membaja dia dengan cara pokok kelapa sawit. Pokok kelapa sawit kita mesti jaga. Air mesti ada, mesti cukup. Baja mesti cukup.

Akan tetapi pokok jarak ini orang biar dan dia tumbuh dan mungkin ada satu cadangan kita boleh komersialkan tanah-tanah di tepi highway sepanjang jalan. Kita kontrakkan, tanam pokok jarak di bawah *high tension*..., dengan izin. Tanam, fasal tak ada orang hendak jaga di situ. Sikap kita selalu pun memang macam itu. Tanam, tinggal, tuai. Memang sesuai untuk kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Ya, kalau itu kehendak Yang Berhormat, saya setuju tetapi penting juga kita tentukan juga hala tuju kita itu. Kerana kalau esok sudah merebak seluruh negara tanam pokok jarak, tetapi akhirnya esok ada masalah berbangkit dari segi soal hasil, kos dan sebagainya itu saya fikir beban esok berbalik kepada kerajaan. Menteri Pertanian juga yang perlu menjawab di Parlimen. Jadi yang saya fikir penting sekarang ini, ialah saya setuju pada dasar itu. Kalau tanah itu tidak digunakan, banyak terbiar, eloklah ditanam dengan pokok jarak. Saya bersetuju. Setidak-tidaknya adalah hasil tetapi esok kalau sudah jadi satu dasar, selepas itu digunakan seluruh negara, selepas itu balik beban tidak ada pasaran dan apa pun Yang Berhormat juga bawa ke Parlimen. Kenapa kerajaan galakkan pokok jarak, kenapa tidak tanam pokok kelapa sawit kalau tidak ada perparitan, kita elok gali dan buatkan parit supaya hasil daripada kelapa sawit itu lebih terjamin. Ini soal-soal pokok dari segi polisi dan saya fikir elok kita berhati-hati.

Walaupun pada dasar atau prinsip sekali pandang tadi, mungkin baik juga kita buat tetapi elok kita teliti dan saya fikir penting sekarang ini supaya pihak MARDI bukan sahaja dari segi kualiti hasil minyak yang hendak dihasilkan, tetapi kita buat kajian dari segi *feasibility dan viability*nya. Kalaupun hendak digunakan seperti yang disebut Yang Berhormat tadi, yang kategori 'C' ataupun tiga yang tidak boleh digunakan untuk lain. Apakah pokok jarak yang baik ataupun tanam lain yang baik? Fasal negara kita ini berbagai-bagai bentuk tanaman boleh kita gunakan untuk gunakan kawasan-kawasan tanah yang tidak dikatakan berkualiti baik. Jadi saya fikir, saya ambil perhatian apa Yang Berhormat sebutkan tadi dan *Insyah-Allah* kita akan beritahulah kemajuan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Yang Berhormat Arau tadi secara khusus hendak mengetahui status *attache* pertanian di luar negara dan kos keseluruhan yang terlibat bagi mewujudkan pejabat-pejabat atase tersebut. Kerajaan telah pun bersetuju untuk mewujudkan pejabat perwakilan pertanian di tujuh buah negara terpilih di luar negara iaitu Netherland, China, Jepun, Australia, Amerika Syarikat, Thailand dan Emiriah Arab Bersatu. Setakat ini pejabat yang beroperasi ialah di Netherland. Ini yang pertama sekali dan ini telah pun ditubuhkan pada awal tahun ini diketuai oleh seorang Kaunselor Pertanian dan beberapa orang pegawai untuk membantu.

Tindakan kita sedang ambil untuk menubuhkan sebuah lagi pejabat perwakilan pertanian di Beijing, China dan pejabat ini akan dibuka *insyah-Allah* sebelum akhir tahun 2006 ini. Kita terpaksa mencari orang yang tahu berbahasa Mandarin di kalangan pegawai yang ada dan *alhamdulillah* sudah pun ada, sudah dilatih. Saya fikir akan kita tempatkan di China dalam tempoh tidak berapa lama lagi. Kaunselor pertanian kita di Netherland yang kini beroperasi dianggarkan melibatkan kos perbelanjaan sebanyak RM721,000. Manakala kos operasi bagi pejabat-pejabat kaunselor yang lain ini belum lagi dapat kita tentukan. Saya jangka

pada tahun hadapan hampir sebahagian besar daripada pejabat ini akan kita tubuhkan di negeri-negeri yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat Arau juga supaya diperbanyakkan pegawai dan pembantu pertanian di peringkat daerah bagi memberikan khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada petani, kementerian saya telah pun mengambil beberapa usaha dan tindakan bagi menambah bilangan pegawai dan pembantu pertanian di peringkat daerah supaya usaha-usaha untuk membangunkan sektor pertanian ini lebih berdaya maju.

Langkah-langkah tersebut mengisi segera kekosongan jawatan, mengkaji keperluan tambahan anggota dan keperluan perjawatan, memberi latihan bimbingan motivasi serta kemahiran kepada pegawai dan pembantu pertanian supaya meningkatkan keupayaan untuk membimbing petani secara lebih efektif. Secara keseluruhannya kementerian mempunyai seramai 3,400 orang pegawai yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam program perkhidmatan pengembangan kepada golongan sasaran yang terdiri daripada 680 orang pegawai yang berkelulusan ijazah. Seramai 660 orang yang berkelulusan diploma dan 2,120 berkelulusan sijil pertanian. Ingin saya sebutkan di sini bahawa tanggung jawab untuk mengisi jawatan Yang Berhormat juga terletak di bawah bidang kerajaan negeri. Malangnya, mereka tidak dapat menampung jumlah pegawai yang diperlukan.

Saya memikirkan apakah perlu sekarang ini Kerajaan Persekutuan melihat semula keupayaan di peringkat negeri? Kalau kita hendak bergantung negeri, negeri tidak mengisi jawatan kerana tidak ada kewangan dan sebagainya. Maka ini akan membantutkan perancangan kita. Ini akan saya bawa dalam mesyuarat bersama antara menteri besar dengan pihak Kerajaan Persekutuan nanti tidak berapa lama lagi. Keduanya sebagai langkah jangka pendek, kita pun telah bincang di peringkat kementerian untuk mengatasi kekurangan pegawai.

Sebagaimana Yang Berhormat Arau cadangkan tadi, hendak lebih ramai pegawai di bawah. Ini saya sudah setuju awal-awal lagi. Setakat yang hari ini memang tidak mencukupi, saya kena beri tetapi bagaimana hendak mengatasi masalah jangka pendek ini? Saya telah berbincang di peringkat kementerian mungkinkah kita boleh menggunakan peruntukan mengambil pegawai-pegawai secara kontrak. Yang ini ada kelonggaran yang telah diberikan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam supaya mereka ini dapat diletakkan, diisi kekosongan di tempat-tempat yang biasa Yang Berhormat di sini pun sebutkan ada pegawai di peringkat kawasan mereka. Ini kita boleh lakukan dengan pengambilan secara kontrak. Ini kita akan bincangkan tentang bagaimana kita mengisi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sabak Bernam bangun.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: ...Kita mengisi kekosongan yang telah saya sebutkan tadi.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat menteri. Pegawai pertanian ini yang tidak cukup, harus dicukupkan. Tidak memadai Yang Berhormat menteri meramaikan sahaja kalau mereka itu tidak ada kemahiran. So, kita berharap pegawai-pegawai pertanian yang ada di peringkat daerah khususnya di peringkat akar umbi harus diberi kemahiran turun padang, bukan sahaja untuk mencari salah menegur, tetapi memberi motivasi kepada petani-petani ini. Apa pandangan

Yang Berhormat, saya pernah mencadangkan supaya prestasi pegawai pertanian dikaitkan dengan kejayaan ataupun kegagalan projek pertanian yang ada di kawasan-kawasan mereka.

Biasanya dahulu, petani ataupun pekebun ini disalahkan ataupun dipersalahkan. Bagi saya, ia harus dua pihak. Pegawai dahulu patut jelas mengenai tugas dan tanggung jawab. Oleh sebab itu saya telah mencadangkan supaya pegawai-pegawai pertanian ini dibenarkan untuk mengendalikan projek contoh sama ada menganak angkatkan petani ataupun dia sendiri melaksanakan projek pertanian dengan diberikan kawasan-kawasan tertentu. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini kerana ini akan memberikan keyakinanlah kepada pekebun dan petani, *insya-Allah*. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya memanglah bersetuju dengan pandangan itu. Sepatutnya pegawai pertanian itu menjadi contohlah tentang keupayaan mereka untuk membangunkan pertanian di kawasan masing-masing dan ini memang sudah pun kita ambil kira tetapi soal kepakaran ini memang satu isulah. Saya sedari bahawa ada perlu meningkatkan keupayaan mereka. Sebab itu mesti ada *retraining* dengan teknologi baru, pemindahan teknologi ini, proses-proses yang perlu dibuat oleh pihak pegawai di peringkat bawah. Atas mungkin buat polisi, tetapi kalau di bawah tidak dapat melaksana dan menterjemahkan dalam bentuk yang boleh di laksana dan difahamkan oleh masyarakat petani ini tidak memberi keuntungan kepada mereka...

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:
[Bangun]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Biar saya habiskan dahulu Yang Berhormat. Jadi dalam soal itu saya bersetujulah kalau bagaimana cara kita hendak memperbaiki. Tadi Yang Berhormat telah pun mencadangkan Sabak Bernam supaya adakan projek-projek contoh. Saya fikir banyak kawasan kita ada stesen-stesen pertanian. Yang ini kita fikir boleh dijadikan kawasan-kawasan contoh. Tempat-tempat itu di mana ada kawasan-kawasan tanah sepatutnya kita bangunkan. Jadikan ladang-ladang contoh di mana petani di situ boleh pergi ke situ untuk mendapatkan khidmat kepakaran. Benih kah, baja kah, cara hendak menguruskan ladang dan sebagainya. Ini satu idea yang baik dan saya akan ambil kira pandangan itu.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Tan Sri, berkenaan dengan pegawai pengembangan, saya rasa dan memang saya buat satu cadangan di mana kementerian boleh berunding dengan Kementerian Pengajian Tinggi misalnya, supaya graduan-graduan ini apabila jadi pegawai sudah bersedia. Sekarang ini nampak gaya, ini bukan kesalahan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kadang-kadang graduan ini bila dia pergi kerja itu, dia terpaksa ambil kerja, bukan minat tetapi masa dulu, tiap-tiap graduan dipaksa buat dia punya *extension education*. Di universiti sebelum dia keluar, dipaksakan, dan di paksa tidur di kampung, hendak menanam dan tahu cara mana hendak menuai padi dan segala-galanya. Buat *artificial examination* sendiri, tidak ada sarung tangan pun, letak juga kita punya tangan dalam itu tetapi apa hendak buat, itu terpaksa kita buat.

Jadi saya mintalah kalau boleh, ada satu rundingan supaya kemahuan daripada kementerian Yang Berhormat Menteri bersama dengan apa produk yang hendak dikeluarkan daripada universiti-universiti ini, supaya baru kita dapat

pegawai yang betul-betul minat dan boleh bekerja, bukan hanya hendak cari makan, dia terpaksa, lepas itu duduk di dalam bilik *air condition* sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri kita ada lagi 10 minit. Saya ingin tahu panjang lagi?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Kalau 10 minit cukup Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak ada celahan, saya boleh selesai dalam lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya boleh tambah lima minit pun tidak apalah.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perkara itu, memang saya bersetuju sangat, saya fikir kita ambil pandangan itu. Di mana perbincangan antara kementerian saya dan Kementerian Pengajian Tinggi seperti beberapa buah universiti yang ada kursus atau pun ada disediakan ijazah dalam bidang pertanian sepatutnya dalam dia punya program itu, sebahagiannya mesti ada *hand's on* ada latihan *extension* dia turun ke bawah bersama dengan peladang dan sebagainya. Atau pun di universiti sendiri ada praktikal, praktikal yang perlu mereka laksanakan.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Kerana mereka ini adalah orang-orang yang akan melaksanakan program-program pertanian, tidak boleh secara teori, sepatutnya mesti dibuat secara praktikal, saya setuju sangat dan saya akan bincang dengan pihak Menteri Pengajian Tinggi dan pihak universiti untuk mengambil kira pandangan Yang Berhormat tadi. Ini sudah tentu ambil satu minit Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pasir Puteh, apa hendak tanya?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Menteri, saya hendak tanya satu sahaja. Saya tengok Universiti Pertanian dulu, jadi Universiti Putra, apabila Universiti Putra, pertanian saya tengok tidak berapa jalan. Patutnya kita kembali roh dan *spirit of* hendak membangunkan pertanian mesti balikkan *the spirit of agriculture*, susah sikit.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Saya setuju 110 peratus tentang cadangan Yang Berhormat, tetapi kita sudah bawa kepada pihak kerajaan dan sudah dijadikan dasar, bahawa salah satu daripada pusat kecemerlangan pertanian ialah Universiti Putra Malaysia. Sekarang ini saya sudah dimaklumkan oleh pihak vice chancelor universiti bahawa banyak lagi bidang-bidang pertanian sudah ditambah. Dia tidak boleh sekali gus ditukar, fasal dia sudah berpuluh tahun beralih ke tempat lain, hendak tukar secara satu hari semalam, itu tidak mungkin dapat dilaksanakan tetapi sudah mula diperkenalkan berbagai-bagai lagi program-program kursus yang berkaitan dengan pertanian di Universiti Putera Malaysia. Demikian juga beberapa universiti yang lain, yang ada bidang ini juga kita galakan untuk ditambah dalam bidang pertanian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Krau, memohon agar peruntukan RM300 juta di bawah skim...

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Penjelasan sikit. Sedikit sahaja, mengenai Universiti Putera ini, adakah kemungkinan menukar balik namanya kepada Universiti Pertanian, supaya tidak memberi mana-mana pihak

kemungkinan hendak ambil tanah itu, sebab apa tanah itu sudah nampak bernilai sangat sekarang ini.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Mungkin nama penting, tetapi yang lebih penting *content* itu saya fikir.

Jadi saya tidak fikirlah ada cadangan hendak menukar nama itu balik semula, fasal ini sudah diputuskan oleh kerajaan waktu zaman Tun Dr. Mahathir dulu. Jadi kalau tukar balik, jadi cerita baru pula timbul. Yang mustahaknya, saya fikir yang penting bukan soal namalah, yang penting ialah *content* tadi. Jadi kalau *content* itu, pihak universiti dan Kementerian Pengajian Tinggi bersetuju saya fikir apa nama pun tidak berapa mustahak yang mustahak isi....

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Tanah itu yang mustahak.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tanah itu masih tanah mereka. Tanah di bawah Universiti Putera Malaysia adalah tanah yang dimiliki oleh Universiti Pertanian Malaysia itu tidak berubah dari statusnya, jadi masih ada di situ.

Saya haraplah tidak ada *intervention* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Krau tadi telah memohon peruntukkan RM300 juta di bawah skim 3F Bank Pertanian ini, sampai ke golongan sasaran. Semenjak skim 3F dilaksanakan pada tahun 1995 sehingga 30 Jun 2006, nilai pinjaman yang diluluskan ialah sebanyak RM1.4 bilion dan seramai 9,273 peminjam terdiri daripada petani, penternak, dan nelayan telah mendapat faedah.

Mengenai cadangan agar IADP Pahang Barat diwujudkan kembali, sukacita dimaklumkan bahawa keperluan pembangunan di kawasan tersebut masih diteruskan melalui agensi di bawah kementerian ini, seperti projek TKPM, dusun komersial, projek sayuran komersial, penanaman pemuliharaan kawasan kelapa serta projek komoditi berpotensi seperti rozel, rebah, cendawan dan madu lebah. Di samping itu kerja-kerja untuk menaik taraf jalan ladang dan sistem perparitan juga dilaksanakan daripada semasa ke semasa dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara dan seterusnya taraf hidup dan sosial ekonomi penduduk.

Yang Berhormat bagi Permatang Pauh membangkitkan isu FTA dan kesannya kepada sektor pertanian negara. Semasa perundingan Perjanjian Perdagangan Bebas, kementerian sentiasa mengutamakan kepentingan sektor pertanian negara, khususnya sektor-sektor yang melibatkan petani kecil, yang memerlukan perlindungan daripada kerajaan. Sektor-sektor sensitif ini tidak akan di liberalisasi sepenuhnya sungguh pun konsesi dari segi pengurangan cukai import akan dipertimbangkan. Kementerian juga sedang mempergiatkan pelbagai program seperti khidmat nasihat teknikal dan pemindahan teknologi untuk meningkatkan daya saing sektor pertanian negara, agar petani-petani bukan sahaja dapat bersaing dengan rakan pedagang negara di bawah FTA, tetapi juga di pasaran global.

Di samping mempertahankan kepentingan para petani, kementerian akan berusaha mendapatkan laluan pasaran bagi produk-produk pertanian di bawah FTA demi membantu petani, meningkatkan eksport mereka. Di bawah FTA kita memperoleh kerjasama daripada rakan FTA bagi menjalankan aktiviti dengan meningkatkan kapasiti dalam bidang-bidang yang dapat meningkatkan daya saing produk pertanian yang boleh dimanfaatkan oleh petani kita.

Saya telah pun menjelaskan hampir sebahagian besar daripada isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat, tetapi sekiranya ada perkara-perkara yang tidak disentuh atau pun diperjelaskan, saya telah mengambil perhatian dan Insya-Allah kita akan memberikan maklum balas daripada semasa ke semasa. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik terima kasih. Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia.

9.00 mlm.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu mengenai Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timor telah membangkitkan isu mengenai kekurangan kemahiran dalam sektor utama yang sedang dibangunkan yang amat memerlukan tenaga kerja yang terlatih. Sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan sentiasa membuat perancangan untuk mendapat kaedah yang bersesuaian dan lebih sistematik bagi menangani masalah kekurangan bekalan tenaga kerja terlatih dalam sektor-sektor utama. Kementerian ini melalui pelaksanaan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia, atau KWPSM menggalakkan majikan sektor swasta supaya terus berusaha dalam melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja mereka, ini bertujuan untuk memenuhi keperluan strategi perniagaan mereka selaras dengan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1993 sehingga 31 Ogos 2006, sebanyak 5,300,000 tempat latihan telah diluluskan bagi menjalani latihan semula di bawah pelbagai kursus kemahiran dengan bantuan kewangan yang diluluskan sebanyak RM1.96 bilion. Di samping itu bagi mengatasi masalah *mismatch*, di antara kemahiran yang diperlukan oleh pasaran buruh, dan kemahiran yang dimiliki oleh pekerja, kerajaan melalui PSMB telah memperkenalkan Skim Perantisan untuk membantu belia lepasan PMR, SPM untuk melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh industri tertentu.

Sebanyak sepuluh program latihan telah ditawarkan di bawah skim ini, yang melibatkan bidang industri-industri yang amat memerlukan tenaga kerja mahir. Bagi memastikan kejayaan skim ini, ianya telah dibangunkan dengan kerjasama Persatuan Majikan-majikan dan Penyedia Latihan berteraskan kepada sistem dwi-latihan atau dua sistem yang mana kurikulum yang dilaksanakan adalah berpandukan kepada *National Occupational Skill Standard*. Semenjak dari tahun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, saya beri tempoh masa 15 minit cukupkah?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Selama 15 minit? Saya ingat esoklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Esok boleh. Jadi kita boleh, Yang Berhormat boleh sambung esok.

Ahli Yang Berhormat, saya dengan ini tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 10 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.01 malam.